INTERNATIONAL COLLEGE of YAYASAN MELAKA

ICYM

LMPU 2312
Isu-Isu Kekeluargaan Islam

SITI SAMIHAH BINTI MOHD SHAMSHIR

MASITA BINTI SULAIMI

Penulis Modul : Siti Samihah binti Mohd Shamshir

: Masita Binti Sulaimi

Moderator : Siti Samihah binti Mohd Shamshir

: Masita Binti Sulaimi

Dibangunkan oleh : International College of Yayasan Melaka

SENARAI ISI KANDUNGAN

Topik 1 Pengenalan konsep kekeluargaan

1.1	Konsep keluarga.	1
1.2	Bentuk keluarga.	3
1.3	Fungsi keluarga.	4
1.4	Falsafah pembentukan keluarga.	7
1.5	Asas pembentukan keluarga Islam.	8
1.6	Tujuan pembinaan keluarga Islam.	16
1.7	Keluarga dan perkembangan sahsiah/ pembentukan personaliti.	17
1.8	Keluarga dan pendidikan.	23
1.9	Konsep keluarga bahagia.	23
Latihan.		24
Kata Kunci.		25
Rujukan.		25

Topik 2 Konsep perkahwinan dalam Islam

2.1	Definisi perkahwinan.	26
2.2	Dalil disyariatkan perkahwinan.	27
2.3	Rukun dan syarat nikah.	27
2.4	Hukum nikah.	39
2.5	Mahram.	41
2.6	Matlamat/hikmah perkahwinan.	50
2.7	Persediaan sebelum berumahtangga.	53
2.8	Memilih jodoh.	56
2.9	Meminang dan pertunangan (al-Khitbah).	58
2.10	Kafaah (sekufu).	63
2.11	Mas kahwin/ mahar.	65
2.12	Walimatul Urus (Majlis Kahwin).	70
Latihan.		74
Kata Kunci.		74
Rujukan.		75

Topik 3 **Tanggungjawab suami isteri dan ibu bapa**

3.1 Tanggungjawab suami. 76
3.2 Tanggungjawab isteri. 80
3.3 Tanggungjawab bersama (suami isteri). 85
3.4 Tanggungjawab ibu bapa. 87
3.5 Tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa (semasa hidup dan selepas kematian). 93
Latihan. 100
Kata Kunci. 101
Rujukan. 101

Topik 4 **Penceraian**

4.1 Definisi talak. 102
4.2 Pensyariatan talak. 102
4.3 Hukum talak. 103
4.4 Rukun dan syarat sah talak. 104
4.5 Pembahagian talak. 106
4.6 Cara berlaku talak tiga. 109
4.7 Khuluk (tebus talak). 111
4.8 Fasakh (pembubaran perkahwinan melalui kuasa qadhi). 114
4.9 Ta'lik. 118
4.10 Iddah. 120
4.11 Rujuk. 129
4.12 Ihdad (berkabung). 133
4.13 Zihar. 135
4.14 Ila'. 139
4.15 Li'an. 141
4.16 Hadhanah (penjagaan anak). 146
Latihan. 155
Kata Kunci. 156
Rujukan. 156

Topik 5 **Keretakan rumahtangga**

5.1 Definisi nusyuz. 157
5.2 Nas-nas al-Qur'an dan as-Sunnah mengenai nusyuz. 158
5.3 Perbuatan isteri yang dianggap nusyuz. 159
5.4 Langkah dan cara mengatasi masalah nusyuz. 160

5.5 Cara suami bertindak terhadap isteri yang nusyuz. 161
5.6 Pembahagian nusyuz dan kaedah penyelesaiannya. 163
5.7 Kesan yang akan timbul daripada nusyuz. 165
5.8 Definisi Syiqaq (pertengkaran). 176
5.9 Nas-nas mengenai syiqaq. 177
5.10 Kaedah penyelesaian syiqaq. 177
5.11 Perbezaan antara nusyuz dan syiqaq. 176
Latihan. 177
Kata Kunci. 178
Rujukan. 179

Topik 6 Tanggungjawab keluarga
6.1 Definisi nafkah. 179
6.2 Dalil mewajibkan suami memberi nafkah kepada isteri. 179
6.3 Jenis-jenis nafkah. 180
6.4 Syarat-syarat yang mewajibkan suami memberi nafkah kepada isteri. 189
6.5 Kadar nafkah. 194
Latihan. 197
Kata Kunci. 197
Rujukan. 198

Topik 7 Harta Sepencarian Dan Harta Pusaka Islam (Hibah,Wasiat,Faraid)
7.1 Harta Sepencarian. 199
7.2 Hibah. 209
7.3 Wasiat. 217
7.4 Faraid. 228
Latihan. 236
Kata Kunci. 236
Rujukan. 237

Topik 8 Radha' (susuan), anak angkat dan anak tak sah taraf

8.1 Definisi Radha’ 238
8.2 Isu-isu yang berkaitan susuan. 246
8.3 Definisi anak angkat. 250
8.4 Status agama anak angkat. 251
8.5 Nasab anak angkat. 252
8.6 Isu-isu yang berkaitan anak angkat. 253
8.7 Definisi Anak Tak Sah Taraf. 258
8.8 Implikasi anak tak sah taraf. 259
8.9 Isu Anak Tak Sah Taraf. 263
Latihan. 264
Kata Kunci. 264
Rujukan. 265

Topik 9 Isu-isu dan cabaran semasa dalam institusi kekeluargaan Islam
9.1 Gejala keruntuhan akhlak. 266
9.2 Faktor-faktor keruntuhan akhlak. 395
9.3 Kaedah mengatasi masalah keruntuhan akhlak. 300
9.4 Implikasi keruntuhan akhlak. 303
Latihan. 305
Kata Kunci. 305
Rujukan. 306

DESKRIPSI PANDUAN KURSUS

Sila baca dan fahami panduan kursus ini dengan teliti. Panduan ini menerangkan mengenai perjalanan kursus dan cara untuk pelajar menggunakan bahan kursus. Panduan ini juga membantu pelajar dalam menyelesaikan kursus ini dengan sempurna. Pelajar dicadangkan untuk sentiasa merujuk panduan kursus bagi membantu pelajar dalam memahami komponen-komponen pembelajaran yang mungkin pelajar terlepas pandang.

MENGENAI KURSUS

LMPU 2312 Isu-isu Kekeluargaan Islam adalah merupakan kursus mata pelajaran umum yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar program diploma Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka. Kursus ini adalah 2 kredit dan perlu dipelajar dalam tempoh 14 minggu.

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas mengenai konsep kekeluargaan bermula dari mengenali hakikat manusia dan keperluan hidup berpasangan/berumahtangga, pemilihan pasangan hidup, pertunangan, perkahwinan, tanggungjawab suami isteri dan memberi penekanan dari segi melahirkan rumahtangga yang bahagia. Kursus ini juga membincangkan beberapa isu bagi menangani masalah di kalangan suami isteri sehinggalah kepada isu-isu semasa yang sering dibincangkan di dalam masyarakat seperti penceraian, pembahagian harta pusaka, anak susuan, anak angkat, Anak Tak Sah Taraf dan gejala sosial.

PERUNTUKAN MASA PEMBELAJARAN

Berdasarkan piawaian ICYM, seorang pelajar itu perlu memperuntukkan 40 jam pembelajaran bagi setiap jam kredit. Selaras dengan piawaian ini, kursus yang bernilai dua jam kredit memerlukan masa selama 120 jam pembelajaran. Anggaran masa pembelajaran ialah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Anggaran Masa Pembelajaran Pelajar

Taburan Masa Pembelajaran Pelajar mengikut Topik	CLO	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran								Keseluruhan SLT
		Bersemuka							Pembelajaran Kendiri	
		Fizikal				Atas Talian				
		L	T	P	O	L	T	P	O	
Topik 1:Pengenalan Konsep Kekeluargaan	1	2	1						2	
Topik 2: Konsep Perkahwinan dalam Islam	1					6	3		3	
Topik 3: Tanggungjawab suami isteri dan ibu bapa	1					2	1		1	
Topik 4: Perceraian	3	6	3						4	
Topik 5: Keretakan Rumah Tangga	3					2	1		2	
Topik 6: Tanggungjawab Keluarga	2					2	1		2	
Topik 7: Harta Pusaka Islam	1					2	1		2	
Topik 8: Radha'(susuan), anak angkat dan anak tak sah taraf	3					4	2		3	
Topik 9: Isu-Isu dan Cabaran Semasa dalam Institusi Kekeluargaan Islam	2					2	1		2	
									Sub-Total SLT	**63**

	Tugasan	%	Bersemuka		Pembelajaran Kendiri untuk Tugasan	
			Fizikal	Atas Talian		
1	Ujian	20	2		2	
2	Kuiz	10	1		0.5	
3	Tugasan 1	10		1	1	
4	Tugasan 2	20		2	1	
5	Penglibatan	10			1	
				Sub-Total SLT		**10.5**
Final Assessment		%	Face to Face		Pembelajaran Kendiri	

			Non-Face to Face (Independent Learning)			
			Physical	Online		
1	Final Examination	30	2.5		3	
					Sub-Total SLT	**5.5**
					SLT (Penilaian)	**17**
					JUMLAH KESELURUHAN SLT	**80**

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar dapat:

1. Menerangkan konsep kekeluargaan dalam pembentukan keluarga bahagia dan masyarakat sejahtera. (C1)

2. Membincangkan peranan institusi kekeluargaan dan permasalahan sosial yang wujud dalam masyarakat Islam kini. (C2)

3. Menganalisis isu-isu kekeluargaan dan kaedah-kaedah menanganinya. (C2)

SINOPSIS KURSUS

Kursus ini dibahagikan kepada 9 tajuk. Sinopsis bagi setiap tajuk adalah seperti yang berikut:

Tajuk 1 Pelajar akan diperkenalkan mengenai konsep, fungsi dan bentuk-bentuk keluarga serta asas dalam pembentukan keluarga menurut Islam.

Tajuk 2 Pelajar akan diperkenalkan mengenai konsep perkahwinan dalam Islam, hukum nikah, mahram, matlamat perkahwinan, persediaan sebelum berumahtangga, pemilihan jodoh, pertunangan, kafaah, mahar dan walimatul urus.

Tajuk 3 Pelajar akan diperkenalkan mengenai tanggungjawab suami terhadap isteri, tanggungjawab isteri terhadap suami, tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak dan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa semasa hidup dan selepas kematian mereka.

Tajuk 4 Pelajar akan diperkenalkan mengenai kaedah perceraian dalam Islam seperti talak dan hukum-hukumnya, Khuluk, Fasakh, Ta'lik, Iddah, Rujuk, Ihdad, Zihar, Qazaf, Ila', Lia'n dan hadhanah.

Tajuk 5 Pelajar akan diperkenalkan mengenai nusyuz, perbuatan suami dan isteri yang dianggap nusyuz, pembahagian dan kaedah mengatasi nusyuz, kesan yang timbul dari nusyuz, definisi syiqaq dan kaedah penyelesaian syiqaq.

Tajuk 6 Pelajar akan diperkenalkan mengenai nafkah, jenis-jenis nafkah, kadar nafkah dan hikmah pemberian nafkah.

Tajuk 7 Pelajar akan diperkenalkan mengenai konsep harta sepencarian, hibah, wasiat dan faraid.

Tajuk 8 Pelajar akan diperkenalkan mengenai Anak Susuan, Anak Angkat dan Anak Tak Sah Taraf.

Tajuk 9 Pelajar akan diperkenalkan mengenai isu-isu dan cabaran semasa dalam institusi kekeluargaan Islam.

PANDUAN SUSUR ATUR TEKS

Sebelum pelajar membaca modul ini, adalah penting sekiranya pelajar ambil tahu akan susun atur teks modul. Memahami susun atur teks akan membantu pelajar untuk merencanakan pembelajaran kursus supaya lebih objektif dan berkesan. Amnya, susun atur teks bagi setiap topik adalah seperti berikut:

Hasil Pembelajaran: ia merupakan apa yang pelajar harus lakukan atau capai setelah selesai membaca sesuatu topik. Setelah selesai membaca setiap topik, pelajar digalakkan merujuk kepada senarai hasil pembelajaran berkenaan untuk memastikan sama ada pelajar dapat atau tidak mencapainya. Amalan seperti ini akan dapat mengukur dan mempertingkatkan penguasaan kandungan sesuatu topik.

Semak Kendiri: Soalan-soalan diselit pada bahagian-bahagian tertentu. Soalan-soalan ini menguji kefahaman tentang maklumat yang pelajar telah baca. Jawapan untuk soalan-soalan ini biasanya terdapat dalam perenggan-perenggan yang sebelumnya. Pelajar digalakkan menjawab soalan-soalan semak kendiri untuk menguji dan memastikan sama ada pelajar telah memahami kandungan bagi sesuatu topik atau tidak dan seterusnya menyediakan pelajar menghadapi ujian dan peperiksaan kelak. Kebanyakan jawapan kepada soalan-soalan yang ditanya terdapat di dalam modul itu sendiri.

Aktiviti: Aktiviti-aktiviti juga diselit pada bahagian-bahagian tertentu dalam sesuatu topik dengan tujuan menggalakkan pelajar mengaplikasikan konsep dan prinsip yang pelajar telah pelajari kepada situasi sebenar. Aktiviti-aktiviti ini juga memperluaskan kefahaman kandungan yang dipelajari dengan menggalakkan pelajar melakukan sesuatu seperti berfikir secara mendalam, memberikan pendapat, berbincang bersama rakan dalam kelas, merujuk kepada laman web, membaca artikel jurnal dan seumpamanya.

Rumusan: Pada akhir sesuatu topik, isi-isi penting topik tersebut disenaraikan. Komponen ini membantu pelajar untuk mengingat dan

mengimbas kembali keseluruhan topik. Pelajar haruslah memastikan bahawa pelajar memahami setiap pernyataan yang disenaraikan. Jika tidak, sila kembali membaca topik berkenaan.

Kata Kunci: Pada akhir, disenaraikan beberapa perkataan dan frasa penting yang digunakan di dalam topik berkenaan. Pelajar mesti dapat menjelaskan setiap perkataan dan frasa. Jika tidak, sila kembali membaca topik berkenaan.

Rujukan: Rujukan adalah bahagian di mana senarai buku teks, jurnal, artikel, kandungan elektronik atau sumber-sumber yang boleh ditemui yang berkaitan dan berguna dalam melalui modul atau kursus. Senarai ini boleh dilihat di dalam beberapa bahagian seperti di dalam Panduan Kursus (di bahagian Rujukan), di akhir setiap topik atau di akhir modul. Pelajar digalakkan membaca bahagian-bahagian yang berkaitan dalam senarai rujukan tersebut untuk mendapatkan maklumat lanjut dan memperkukuhkan kefahaman pelajar.

TOPIK 1

PENGENALAN KONSEP KEKELUARGAAN

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar akan dapat:

1) mempelajari definisi, bentuk dan fungsi keluarga.
2) mempelajari asas pembentukan Islam.
3) mengenal pasti tujuan pembinaan keluarga Islam.
4) mengetahui konsep keluarga bahagia.

1.1 Konsep Keluarga

Berdasarkan definisi yang telah dikemukakan untuk perkahwinan, keluarga boleh digariskan sebagai hasil dari hubungan perkahwinan yang dijalin antara dua individu iaitu lelaki dan perempuan. Seperti perkahwinan, keluarga boleh didefinisikan melalui pelbagai cara dan konteks. Definisi keluarga lazimnya merangkumi struktur, dinamik dan fungsi keluarga. Secara umumnya, keluarga boleh didefinisikan sebagai dua atau lebih individu yang komited antara satu sama lain dan berkongsi kemesraan, sumber, nilai dan tanggungjawab untuk membuat keputusan. Definisi untuk keluarga boleh juga dilihat dari segi umum, perspektif agama, agensi dan Barat seperti senarai berikut:-

(i) Definisi Umum.

Secara umumnya, keluarga didefinisikan seperti berikut:-

- Keluarga adalah kumpulan sosial yang asas, merangkumi lelaki dan perempuan dan juga zuriat mereka.
- Sekumpulan individu yang mempunyai moyang yang sama.
- Sekumpulan isi rumah yang tinggal dibawah satu bumbung yang sama.

(ii) Perspektif Agama.

Menurut perspektif Islam, keluarga adalah struktur istimewa di mana ahli mempunyai hubungan darah atau hubungan perkahwinan; hubungan ini merangkumi elemen saling mengharap seperti yang digariskan dalam agama, undang-undang dan hayati oleh setiap ahlinya.

(iii) Agensi: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

LPPKN yang berkecimpung dalam pelbagai program dan penyelidikan berkaitan pembangunan keluarga di Malaysia mendefinisikan keluarga sebagai satu unit yang terdiri daripada sepasang suami isteri yang dihubungakan dengan ikatan perkahwinan yang sah dari segi agama, adat resam dan undang-undang; keluarga juga termasuk ahli yang mempunyai hubungan darah atau diangkat menjadi ahli.

(iv) Perspektif Barat.

Burgess dan *Locke* (1953) mendefinisikan keluarga sebagai sekumpulan orang yang mempunyai hubungan darah atau diangkat, mendiami satu isirumah, berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain menerusi peranan masing-masing sebagai suami-isteri, ibu-anak, anak lelaki-anak perempuan, adik-beradik mereka cipta dan mengekalkan budaya yang sama.

Beberapa definisi keluarga yang dikemukakan di atas mungkin berbeza antara satu sama lain, tetapi secara asasnya definisi tersebut menekankan kepada perhubungan emosi, komitmen dan perkongsian sumber. Kepelbagaian yang wujud dalam definisi keluarga boleh disebabkan oleh pelbagai faktor seperti adat resam, geografi, budaya dalam sesebuah masyarakat, nilai, agama dan arus perubahan masa. Sungguhpun keluarga tradisional yang merangkumi suami, isteri dan anak masih dominan dalam masyarakat, definisi mengenai keluarga induk tunggal, pasangan tanpa anak, keluarga angkat dan perkongsian rumah antara adik-beradik. Selain itu, inovasi teknologi juga telah mempelbagaikan definisi untuk keluarga.

1.2 Bentuk Keluarga

Keluarga boleh wujud dalam pelbagai bentuk tanpa mengira budaya, bangsa dan agama. bentuk keluarga dapat dikategorikan berdasarkan kepada struktur dan saling hubungan antara ahli keluarga. Antara bentuk keluarga ialah:

(i) **Keluarga Orientasi:** atau dikenali sebagai keluarga asal merupakan keluarga di mana individu dilahirkan dan dibesarkan.

(ii) **Keluarga Prokreasi** merujuk kepada keluarga yang dibina oleh seseorang menerusi perkahwinan atau melalui pengambilan anak angkat. Melalui bentuk keluarga orientasi dan prokreasi dapat dilihat keluarga merupakan satu jaringan hubungan antara individu yang dikaitkan dengan hubungan darah, perkahwinan ataupun anak angkat.

(iii) **Keluarga Nuklear/Konjugal:** Keluarga nuklear merupakan unit perhubungan yang kecil dan asas. Keluarga Nuklear terdiri daripada seorang suami, seorang isteri dan anak mereka. Keluarga nuklear lazimnya bersaiz kecil sebagai penyambung tradisi dan budaya bagi generasi akan datang. Sesetengah saintis sosial juga merujuk bentuk keluarga ini sebagai keluarga konjugal, sungguhpun ia sebenarnya memberi penekanan kepada hubungan perkahwinan dan melibatkan anak hasil daripada perkahwinan tersebut.

(iv) **Keluarga Luas** merujuk kepada keluarga nuklear dan ahli keluarga luas yang lain seperti ibu bapa dan saudara mara yang tinggal dalam sebuah rumah yang sama. Di samping itu, keluarga luas sering terdiri daripada dua atau lebih generasi yang tinggal bersama, seperti keluarga orientasi dan prokreasi. Keluarga luas juga merupakan bentuk keluarga yang paling biasa terutamanya di kalangan masyarakat praindustri.

(v) **Konsanguin:** Keluarga konsanguin pula memberi penekanan kepada perhubungan darah berbanding hubungan perkahwinan. Keluarga Konsanguin terdiri daripada ibu bapa dan anak yang tinggal bersama dua atau tiga generasi yang mempunyai hubungan darah.

1.3 Fungsi Keluarga

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa bentuk keluarga yang tidak mampu untuk memenuhi kesemua fungsi asas tersebut, misalnya keluarga yang tidak mempunyai anak ataupun keluarga yang pernah mengalami penderaan dan keganasan.

(i) **Mengesahkan Hubungan Seksual:** Setiap masyarakat mempunyai norma dan peraturan yang membenarkan individu menjalin hubungan seksual. Dalam kebanyakkan masyarakat, hubungan seksual hanya dibenarkan melalui ikatan perkahwinan yang sah. Umumnya, perkahwinan berlangsung secara endogami dan eksogami.

Perkahwinan Endogami mewajibkan seseorang berkahwin dan menjalin hubungan seksual dengan pasangannya yang berasal dari kumpulan yang sama. Sebagai contohnya, seseorang yang berbangsa Melayu berkahwin dengan pasangan yang berbangsa Melayu juga ataupun seseorang yang berbangsa Cina berkahwin dengan pasangan yang sama bangsa. Dalam **Perkahwinan Eksogami**, perkahwinan berlaku antara dua individu yang berasal dari kumpulan berlainan. Contohnya ialah perkahwinan antara individu berbangsa Melayu dengan individu yang berbangsa Cina. Walaupun dalam zaman serba moden ini, seseorang mempunyai kebebasan untuk memilih pasangan hidup namun tidak dapat dinafikan hubungan perkahwinan tetap terkawal oleh peraturan masyarakat, keagamaan, subbudaya, dan keluarga secara umumnya.

(ii) **Reproduksi dan sosialisasi:** Keluarga berfungsi sebagai sumber pengeluar generasi penerus yang sah taraf iaitu diperakui oleh agama, budaya dan undang-undang. Sungguhpun sesetengah pasangan memilih untuk tidak menyambung zuriat, kebanyakkan keluarga lebih suka mengembangkan keluarga malah cuba sedaya-upaya untuk mendapatkan anak. Kemajuan dari segi inovasi teknologi juga menjadi proses reproduksi sebagai satu opsyen. Contohnya, terdapat pasangan *lesbian* yang menggunakan kaedah permanian berhadas atau persenyawaan *in vitro* untuk mendapatkan anak.

Setelah pasangan berkahwin mendapat anak, keluarga akan menghadapi satu lagi cabaran iaitu mensosialisasikan generasi yang baru. Semasa **proses sosialisasi**, anak akan mempelajari bahasa,

pengetahuan, nilai, kepercayaan dan budaya yang dipegang dan diterima norma masyarakat. Selain itu, anak juga terdedah kepada kemahiran sosial dan interpersonal yang diperlukan oleh seseorang individu untuk berfungsi dengan berkesan dalam masyarakat.

Secara tradisionalnya, fungsi reproduksi dan sosialisasi dijalankan oleh keluarga lengkap yang terdiri daripada suami dan isteri sahaja. Kini, pasangan yang mengambil anak angkat, keluarga induk tunggal serta mereka yang hidup bujang juga menjalankan fungsi sosialisasi dan pendidikan anak. Ini bermakna fungsi keluarga sebagai agen reproduksi dan sosialisasi berlaku dalam setiap bentuk keluarga yang wujud dalam masyarakat.

Namun kini, dikatakan peranan sosialisasi yang sepatutnya dimainkan oleh institusi keluarga semakin berkurangan. Ini berlaku disebabkan berlaku perubahan nilai dan amalan masyarakat masa kini. Peranan sosialisasi telah dikongsi dengan pusat penjagaan anak dan pusat permainan kanak-kanak terutamanya di kalangan ibu yang aktif dalam kerja atau keluarga dwikerjaya. Di samping itu, anak juga menghabiskan masa yang lebih banyak di sekolah berbanding dengan di rumah. Masa yang terluang juga sering digunakan oleh anak-anak untuk menonton televisyen ataupun menggunakan peralatan elektronik yang lain berbanding dengan berinteraksi dengan keluarga dan kawan. Keluarga dalam zaman moden ini seharusnya memikul peranan dan fungsi penting untuk mengkoordinasi agen lain seperti sekolah, media dan komunikasi yang mampu mempengaruhi dan mengawal perkembangan sosialisasi anak.

(iii) **Sokongan Sosial:** satu fungsi asas dan penting yang dimainkan oleh keluarga sehingga hari ini ialah sebagai tempat untuk mendapatkan kasih sayang, perlindungan, rasa selamat, penerimaan dan sebagai teman untuk setiap ahli dalam sistem keluarga. Fungsi ini boleh dilakukan dengan wujudnya satu hubungan yang mesra, rapat,

berjangka panjang dan berinteraksi secara bersemuka. Selain itu, keluarga juga menjadi tunggak untuk ahli mendapatkan perlindungan dan sokongan psikologi dan emosi terutamanya semasa wujudnya krisis dan tekanan.

Fungsi keluarga sebagai sumber sokongan emosi dan sosial kepada semua ahli keluarga juga dapat dilihat dari perspektif agama Islam. ini adalah seperti yang telah dijelaskan dalam Al-Quran yang bermaksud:

> *"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan Allah ialah Dia menciptakan isteri-isteri bagi kamu dari jenis kamu sendiri agar kamu dapat hidup tenang bersama mereka. Kemudian Dia menciptakan kasih sayang di antara kamu (suami-isteri). Sesungguhnya dalam hal yang demikian itu terdapat bukti-bukti bagi orang yang mahu berfikir". (Ar-Rum: 21)*

Melalui ikatan perkahwinan dan kekeluargaan, seseorang individu akan rasa paling selamat dan selesa untuk meluahkan perasaan, berkongsi impian dan harapan untuk membesarkan anak-anak dan hidup bahagia hingga ke akhir hayat. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan kepentingan sokongan emosi daripada kumpulan primer iaitu keluarga bagi memastikan perkembangan yang sihat dan sejahtera dalam kalangan ahli keluarga.

1.4 Falsafah Pembentukan Keluarga

Keluarga dan perkahwinan merupakan institusi yang paling asas dalam masyarakat. Dari zaman dahulu hingga kini, manusia hidup berkelompok dalam unit keluarga untuk mencari sokongan emosi dan fizikal di samping bertujuan membantu dalam proses perkembangan dan sosialisasi.

Perkembangan kedua-dua institusi ini adalah saling mempengaruhi dan merupakan sumber sokongan yang amat penting terutamanya pada saat krisis.

Institusi perkahwinan dan keluarga telah mengalami perubahan ekoran evolusi sosiobudaya. Sebelum abad ke-19, perkahwinan dan keluarga dianggap sebagai institusi yang mulia dan dipandang tinggi. Pada awal abad ke-19, pandangan terhadap perkahwinan dan keluarga telah berubah kepada anggapan bahawa ia adalah institusi sivil. Pandangan ini berubah lagi pada abad ke-20, di mana perkahwinan dan keluarga dilihat sebagai cara memperolehi kepuasan peribadi. Perubahan ini jelas mencerminkan perubahan dari segi tumpuan dan matlamat; fungsi asasnya seperti dari aspek psikologi, kemasyarakatan dan ekonomi adalah masih kekal.

Asas perkahwinan dan keluarga yang kukuh haruslah disemai dan dikekalkan sebagai garis panduan ke arah perkembangan individu yang sihat dan sejahtera. Pengalaman perkahwinan dan keluarga yang pelbagai dan membina, boleh menjadi sumber motivasi kepada individu dan keluarga yang sihat. Sebaliknya, pengalaman yang negatif akan merumitkan lagi usaha untuk membina dan mengekalkan sesebuah perkahwinan dan seterusnya sebuah keluarga yang kukuh.

1.5 Asas Pembentukan Keluarga Islam

Keluarga Islam ialah asas kepada pembentukan masyarakat Islam. Terbentuknya masyarakat Islam melalui keluarga ini akan memudahkan lahirnya sebuah negara Islam. Ini bermakna asas pembentukan dan pembinaan keluarga Muslim hendaklah jelas kukuh dan pembinaan keluarga Islam dapat dilahirkan.

(i) **Niat Yang Betul**: Oleh kerana perkahwinan ini merupakan ibadah dan matlamat terakhir ialah untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT dan kebahagian di dunia dan akhirat, ianya hendaklah diasaskan di atas niat yang benar dan dilakukan kerana Allah SWT. Jika seseorang itu berkahwin hanya untuk memenuhi kehendak nafsu semata-mata dan telah pun memenuhi syarat dan rukun yang dikehendaki oleh Islam. Perkahwinan tersebut tetap sah, tetapi ianya tidak ditujukan untuk mencapai matlamat ibadah dan tidak diasaskan di atas asas yang kukuh dan mantap.

Sebenarnya, niat ini penting dan ianya dituntut oleh Islam kerana niatlah yang membezakan di antara ibadat dengan adat dan membezakan satu ibadat dengan ibadat yang lain. Berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah SWT dengan mengikhlaskan ibadah kepada-Nya lagi teguh di atas tauhid". (Surah Al-Bayyinah: 5)*

Ayat ini menegaskan bahawa Allah SWT memerintahkan agar menyembah dan beribadat dengan niat yang betul semata-mata kerana-Nya. Niat yang ikhlas inilah yang menjadi ukuran penerimaan Allah SWT terhadap sesuatu ibadah. Ini termasuklah soal-soal perkahwinan. Rasulullah SAW pernah menegaskan bahawa:

> *"Sesuatu amal itu bergantung kepada niat, sesungguhnya setiap orang akan mendapat sesuatu yang diusahakannya berdasarkan niat. Sesiapa yang berhijrah dengan niat kerana Allah SWT dan rasul-Nya, maka hijrahnya itu diterima oleh Allah SWT rasul-Nya. Sesiapa yang berhijrah kerana dunia yang dicarinya atau kerana wanita yang akan dikawhininya, maka hijrahnya itu akan menghasilkan sesuatu selaras dengan niat hijrah itu".*

Daripada hadith tersebut boleh dikatakan bahawa sesiapa yang mengahwini perempuan hanya kerana kecantikannya, hartanya, pangkat dan kedudukannya dan untuk memuaskan nafsunya, maka semuanya akan terhasil berdasarkan niat dan azam tersebut. Tetapi akibatnya ialah tidak akan lahir kesetiaan dan kemurnian hubungan suami isteri.

Rumahtangga akan runtuh jika isterinya telah tidak cantik dan pada masa itu mata suaminya akan liar kerana mencari perempuan cantik untuk dijadikan isteri baharu kerana suami mendirikan rumahtangga didorong oleh kecantikan semata-mata, demikian seterusnya. Inilah yang berlaku dalam masyarakat kita, rumahtangga banyak yang runtuh kerana isteri telah tidak cantik, suami telah jatuh miskin, suami merasa terhina kerana kesombongan isteri yang berasal daripada golongan bangsawan atau berada, tidak kurang pula yang bercerai kerana suami atau isteri telah tidak berdaya untuk melayan tuntutan seks pasanganya.

(ii) **Taqwa Kepada Allah SWT:** Perkahwinan hendaklah diasaskan di atas rasa taqwa kepada Allah SWT kerana perkahwinan ialah ibadah, isteri dan keluarga ialah amanah daripada Allah SWT. Ibadah dilakukan serta amanah dijaga dan ditunaikan kerana taqwa kepada Allah SWT. Asas taqwa ialah takut dan kasih kepada Allah SWT. Tanda taqwa ialah berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan keredhaan Allah SWT dengan menegakkan makruf dan meninggalkan mungkar.

Dalam hubungan mendirikan rumahtangga pula, taqwa ialah asas yang kukuh untuk memastikan ianya menepati tujuan dan matlamatnya yang sebenar menurut Islam. Tanpa taqwa ditakuti perkahwinan itu tidak akan menurut landasan yang sebenar dan mendapat berkat daripada Allah SWT. Rasulullah SAW menegaskan yang nikah atau berkahwin ialah sunnah Baginda SAW, dan sesiapa

yang menentang sunnah Baginda maka ianya bukan daripada golongan Baginda SAW.

Persoalan yang timbul, sejauh manakah kita telah menjadikan taqwa ini sebagai salah satu asas perkahwinan. Adakah niat kita semasa hendak berkahwin, betul kerana Allah SWT. Jika tidak, hendaklah kita menjadikan taqwa sebagai dasar berumahtangga kerana masanya belum terlambat untuk kita hidup berkeluarga cara Islam yang menjadikan taqwa sebagai asasnya. Ini penting kerana berkahwin ialah ibadah dan sunnah Rasulullah SAW.

(iii) ***Al-Mawaddah:*** Perkahwinan hendaklah diasaskan di atas **rasa kasih sayang dan cinta-mencintai, ingin memberi dan menerima**. Tanpa ada rasa kasih sayang, cinta dan tolak ansur pasti perkahwinan akan gagal dan rumahtangga yang didirikan itu akan hancur berkecai. Persoalan yang mungkin ditimbulkan ialah adakah semestinya hubungan cinta dijalin terlebih dahulu, atau hubungan asmara dan kasih sayang diikat dan dipupuk sebelum kahwin, perlukah melalui masa cuba-cuba sebelum bersungguh-sungguh mendirikan rumahtangga. Sebenarnya, perbuatan seperti ini akan membuahkan kerosakan dan menghasilkan sesalan. Perbuatan seperti ini bukan tuntutan syarak, malahan maksiat dan dosa wajib dielakkan dan dijauhi.

Apa yang penting ialah sebelum mendirikan rumahtangga, bakal pengantin hendaklah mempunyai persediaan dari segi psikologi, mental, fizikal, dan kerohanian dan hendaklah bersedia untuk memberi dan menerima cinta dan kasih sayang iaitu *al-mawaddah*. Cinta dan kasih sayang sebahagian daripada cinta dan kasih sayang yang murni, kudus dan agung kepada Allah SWT. Tanpa cinta dan kasih sayang perkahwinan sebenar dan kemanisan sejati di alam perkahwinan tidak akan terhasil tanpa menghayati *al-mawaddah*.

(iv) ***Al-Rahmah:*** Perkahwinan hendaklah diasaskan di atas *al-rahmah*, iaitu **bertimbang rasa, bertolak ansur, saling faham memahami antara satu dengan yang lain, tolong-menolong ke arah kebajikan dan keredhaan Allah SWT.** Tanpa *al-rahmah* perkahwinan tidak akan bahagia dan kekal abadi, kerukunan rumahtangga tidak akan wujud.

Perkahwinan ialah persetujuan melalui akad yang suci lagi mulia di antara lelaki dan perempuan untuk hidup bersama sebagai suami isteri, iaitu di antara dua manusia yang mempunyai peribadi, sifat dan ego masing-masing. Untuk hidup bersama sebagai suami isteri, akad ini ialah menjadi tuntutan syarak. Dengan sahnya akad nikah ini, maka halallah perhubungan. Lahirlah beberapa kesan, hak dan tanggungjawab. Berdasarkan kenyataan ini adalah jelas, berjaya atau gagalnya sesuatu perkahwinan bergantung sejauh mana prinsip *mawaddah* dan *rahmah* ini didukung oleh kedua-dua pihak, kerana perkahwinan hendaklah atas dasar saling mengerti, kasih sayang, bekerjasama dan bertimbang rasa. Tanpa ini semua, rumahtangga akan kucar-kacir, ianya akan bertukar daripada hidup bahagia menjadi hidup menderita. Seolah-olah hidup di dalam neraka rumahtangga.

Demi untuk mencapai tujuan dan mendapatkan faedah dan manfaat berumahtangga seperti yang dikehendaki Islam, konsep *al-rahmah* ini hendaklah dihayati dan dijadikan sebagai asas hidup berkeluarga. Berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Di antara tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah SWT, Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri daripada jenis kamu supaya kamu bersenang-senang dengannya (dengan menikmati ketenangan dan kerukunan) dan kurniakan pula kepada kamu berkasih sayang dan kasihan mengasihani (rahmah) sesama kamu. Yang demikian itu menjadi kenyataan dan bukti untuk orang-orang yang berfikir". (Surah Ar-Ruum: 21)*

Ayat ini jelas membuktikan bahawa *mawaddah* dan *rahmah* ialah penting dalam kehidupan rumahtangga. Lebih jauh daripada itu perasaan bertimbang rasa juga perlu ada walaupun jika berlaku perceraian, Al-Qur'an menyarankan jika hendak bercerai, bercerailah dengan cara yang baik dan jika ingin hidup kekal sebagai suami isteri hendaklah dengan baik.

(v) ***Al-Mua'syarah Bil Ma'ruf:*** Keluarga Islam tidak dapat dibentuk dan diwujudkan jika ianya tidak diasaskan di atas dasar *Al-Mua'syarah Bil Ma'ruf.* Yang dimaksudkan dengannya ialah **pergaulan dan hidup bersama secara baik dan berkebajikan ke arah keredhaan Allah SWT.** Sesuatu itu tidak dikatakan sebagai makruf melainkan ianya baik dan berkebajikan menurut pandangan Islam, jauh daripada kemungkaran dan maksiat, penganiayaan dan kezaliman. Berdasarkan firman Allah SWT maksudnya:

> *"Wahai orang-orang yang beriman! Tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan jangalah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian daripada apa yang kamu telah berikan kepadan ya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaulah kamu dengan emreka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkahlakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang anyak (untuk kamu)". (Surah An-Nisa': 19)*

Ayat ini menghendaki agar suami bergaul dan melayan isterinya dengan baik, kalaupun ianya tidak menyukai isterinya maka hendaklah isteri tadi bersabar dan memperbaiki keadaan dan suasana, semoga sesuatu yang tidak disukai oleh seseorang itu ada hikmah dan

kebaikan di sebaliknya. Jika keadaan mendesak dan suami terpaksa menceraikan isterinya, maka hendaklah juga menceraikannya dengan baik, tidak perlu adanya tindakan-tindakan yang boleh menyusahkan.

Perlu diingat adalah menjadi tuntutan syarak supaya kita berlemah lembut terhadap ahli rumah, tetapi ini tidaklah bermakna Islam membenarkan agar isteri dan ahli rumah dibiarkan melakukan maksiat dan kemungkaran dan bergelumang dengan dosa. Kalau ini yang berlaku bererti bacul dan tidak bertanggungjawab dan bukannya lemah lembut.

Termasuklah dalam dasar *al-mua'syarah bil ma'ruf* ini ialah kemampuan suami untuk menjadi suami hakiki, tidak mendatangkan mudarat kepada isteri dalam semua bentuk seperti penyeksaan zahir dan batin, mental dan psikologi, rohani dan agama serta berupaya menyediakan pakaian, nafkah, tempat tinggal dan memberikan didikan dan pimpinan seperti yang dikehendaki oleh Islam.

(vi) **Amanah Dan Tanggungjawab:** Perkahwinan hendaklah diasaskan di atas dasar amanah dan tanggungjawab. Amanah dan tanggungjawab ini hendaklah dihayati dan dilaksanakan dengan penuh jujur dan ikhlas. Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

> *"Kamu telah mengambil mereka sebagai isteri dengan amanah Allah SWT dan dihalalkan kepada kamu menikmati mereka dengan kalimah Allah SWT".*

Demikianlah isteri ialah amanah yang telah diletakkan kepada suami untuk dijaga dan dipimpin. Ia merupakan tanggungjawab yang wajib dipikul dan amanah yang wajib disempurnakan. Allah SWT telah memberikan penghormatan kepada suami dengan menjadikannya ketua keluarga tetapi di atas mereka tanggungjawab pimpian dan nafkah.

Pimpinan yang betul dan bimbingan yang tepat seperti yang dituntut oleh Islam hendaklah dipikul oleh suami. Berdasarkan firman Allah SWT maksudnya:

> *"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ada di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu yang menjadi musuh bagi kamu, oleh itu awasilah serta berjaga-jagalah kamu terhadap mereka. Dan kalau kamu memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani". (Surah At-Taghaabun: 14)*

Demikianlah anak isteri ada kalanya akan menjadi musuh kepada ibu bapanya jika mereka tidak dipimpin dan dididik seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT. Cuai melaksanakan tugas ini bererti akan dihisab dan seksa. Pada masa itu ibu bapa akan rugi dan mereka akan menjadi bermusuhan, sedangkan yang sewajarnya anak pinak dan isteri menjadi kebanggaan, kegembiraan dan harapan kita untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT tetapi apa yang berlaku ialah sebaliknya. Berdasarkan firman Allah SWT maksudnya:

> *"Wahai orang-orang yang beriman!Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang perintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan". (Surah At-Tahriim: 6)*

Ayat ini jelas menyuruh kita agar mengelakkan diri kita dan keluarga daripada api neraka yang bahan pembakarnya manusia dan batu. Cara berkesan untuk mengelak diri daripada api neraka adalah dengan menghayati Islam, melakukan amal soleh dan menjadikan amanah dan tanggungjawab kepada Allah SWT sebagai asas pembentukan keluarga.

Rasulullah SAW telah menegaskan bahawa setiap kita ialah penjaga dan setiap kita bertanggungjawab di atas jagaannya. Suami ialah penjaga anggota keluarga rumahnya dan dia bertanggungjawab di atas jagaannya. Isteri bertanggungjawab terhadap rumah suaminya dan jagaannya.

1.6 Tujuan Pembinaan Keluarga Islam

Secara umumnya kebahagian manusia boleh dilihat dan diukur dengan melihat kebahagian mereka dalam kehidupan berkeluarga dan berumahtangga. Atas dasar ini, Islam telah meletakkan suatu asas yang kukuh dan teratur dalam pembentukan sesebuah institusi keluarga sama ada sebelum atau selepas perkahwinan.

Pembentukan keluarga yang berasaskan aqidah, syariah dan akhlak serta mengambil kira aspek-aspek spiritual dan material bertujuan melahirkan umat Islam yang terbaik, cemerlang dan unggul. **Matlamat utama** pembentukan keluarga dalam Islam adalah untuk melahirkan para pemimpin yang mampu mengendalikan urusan kehidupan di dunia dengan cemerlang dan memperolehi kedudukan yang tinggi di akhirat.

1.7 Keluarga dan Perkembangan Sahsiah (Pembentukan Personaliti)

Keibubapaan merupakan proses berterusan yang timbal balik. Proses ini memerlukan ibu bapa peka kepada sebarang perubahan yang berlaku ke atas diri anak dan juga diri mereka sendiri. Ini disebabkan sebarang perubahan yang berlaku pada ibu bapa atau anak akan mempengaruhi antara satu sama lain. Penekanan terhadap praktis keibubapaan berterusan kebiasaannya memberi kesan langsung kepada tingkah laku anak.

i) Model sehala (*unindirectional model*).



Praktis keibubapaan dapat dilihat seperti yang digambarkan dalam model sehala (*unindirectional model*).

ii) Model dua hala (*biindirectional model*).



Dalam perhubungan ibu bapa-anak, pengiktirafan apa yang dibawa oleh anak adalah amat penting. Dengan erti kata lain, dalam hubungan tersebut ibu bapa dan anak saling bertindak balas. Ini dinamakan sebagai hubungan dua hala.

Walaupun model hubungan dua hala seperti yang telah dijelaskan adalah lebih lengkap dan kompleks berbanding model sehala. Namun, ia gagal menjawab persoalan, "Bagaimanakah tingkahlaku keibubapaan berupaya mencerminkan tingkah laku anak?" Penjelasan tentang penglibatan ibu bapa dan anak dalam proses transaksi diterangkan dalam model dinamik transaksional seperti yang dibentangkan di bawah.

iii) Dinamik transaksional (transactional dynamics).



Model dinamik transaksional di atas mengandaikan bahawa tingkah laku ibu bapa dipengaruhi kognisi iaitu proses mental untuk ibu bapa mentafsir, mempelajari dan memahami sesuatu. Proses tersebut juga dipengaruhi oleh pengaruh lain seperti budaya, orientasi keluarga asal, persekitaran dan matlamat asuhan keibubapaan. Model dinamik transaksional tersebut menjelaskan perkaitan tidak langsung di antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku anak yang dihubungkan oleh kognisi ibu bapa dan anak itu sendiri.

1.8 Keluarga dan Pendidikan

Perkahwinan membolehkan pasangan suami isteri membina keluarga, memberi didikan kepada anak-anak dan memikul tanggungjawab kekeluargaan bersama. Isteri bertanggungjawab dalam urusan rumahtangga dan pendidikan anak-anak sesuai dengan fitrah kewanitaannya. Manakala, suami bertanggungjawab mencari nafkah dan melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab lain yang sesuai dengan sifat kelelakiannya.

Kesepaduan antara tanggungjawab suami dan isteri ini akan melahirkan semangat kerjasama dan kemesraan serta mampu membentuk suasana harmoni dalam keluarga. Keharmonian hubungan kekeluargaan ini amat penting dalam proses bimbingan dan pendidikan yang sempurna.

1.9 Konsep Keluarga Bahagia

(i) **Iman:** Dalam membincangkan mengenai keluarga bahagia, Allah SWT telah menekankan kepentingan memelihara keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW sebagai inspirasi utama dalam

menjaga perhubungan antara manusia termasuklah keluarga. Firman Allah SWT, maksudnya:

> *"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa) dan juga yang membiakkan dari keduanya -zuriat keturunan- lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat". (Surah al-Nisa' : 1)*

(ii) **Akidah:** Selanjutnya, kekuatan iman bergantung kepada keutuhan akidah dalam diri setiap Muslim termasuklah suami dan isteri iaitu dengan mendalami bab akidah yang berasaskan kepercayaan dan keyakinan yang kukuh tentang kewujudan Allah SWT berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah di samping menjauhkan diri daripada mensyirikkan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaanNya. Berdasarkan dalil naqli yang menggunakan Al-Quran dan hadis serta dalil 'aqli yang bersandarkan kepada akal. Firman Allah SWT, maksudnya:

> *"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya". (Surah al-A'raf : 59)*

(iii) **Ilmu:** Selain akidah, ilmu pengetahuan yang mendalam juga menjadi jaminan utama bagi pembangunan bangsa yang kuat dan dihormati kerana melaluinya manusia akan mendapatkan kemuliaan, kehormatan, ketenangan dan kebahagiaan di dunia dan ganjaran di akhirat. Ilmu pengetahuan merupakan prasyarat terpenting dalam mendapatkan nilai kebahagiaan kerana setiap perkara di dunia ini

mestilah disandarkan kepada ilmu seperti iman dan perkara keagamaan, ekonomi, politik, sosial dan perpaduan. Justeru orang Islam yang berilmu haruslah bertindak sesuai dengan ilmunya dalam proses bertaqwa kepada Allah SWT sebagaimana disifatkan dalam Al-Qur'an, maksudnya:

> *"Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang yang melata serta binatang-binatang ternak, ada yang berlainan jenis dan warnanya? Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun". (Surah al-Fatir : 28)*

(iv) **Amal:** Prasyarat kesejahteraan semestinya digandingkan dengan penyepaduan iman dan amal. Orang Islam mestilah mengamalkan segala aktiviti menjurus kepada pelaksanaaan tugas sebagai khalifah Allah SWT. Segala cabang amal termasuklah niat, akhlak, sosial, amanah dan keselamatan fizikal. Firman Allah SWT, maksudnya:

> *"Sesiapa yang beramal soleh daripada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan". (Surah al-Nahl: 97)*

(v) **Niat:** Menurut al-Qaradawi, niat membawa maksud kemahuan yang tertuju terhadap perbuatan demi mengharapkan keredaan Allah SWT dan mematuhi peraturanNya. Ianya merupakan perbuatan hati semata namun sebagai seorang Muslim, niat adalah dilihat sebagai perkara yang wajib dan menjadi rukun dalam ibadah-ibadah tertentu seperti di dalam solat, wuduk, puasa, nikah dan perceraian. Dalam pembinaan sebuah keluarga yang cemerlang, asas utama pembentukan keluarga Muslim adalah berdasarkan kepada objektif

dan matlamat yang penting seperti memenuhi tuntutan naluri manusia yang asasi, mewujudkan ketenteraman dan ketenangan jiwa dan roh, menegakkan rumahtangga yang bahagia, melahirkan zuriat dan keturunan yang soleh dan solehah. Firman Allah SWT , maksudnya:

> *"Wahai orang-orang yang beriman, sahut dan sambutlah seruan Allah dan seruan RasulNya apabila ia menyeru kamu kepada perkara-perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna. Dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) hatinya, dan sesungguhnya kepadaNyalah kamu akan dihimpunkan." (Surah al-Anfal : 24)*

(vi) **Akhlak:** Pendidikan akhlak dalam keluarga sangat penting dilaksanakan agar tercipta generasi muda yang berakhlak mulia (al-akhlaq al-karimah). Dalam mendapatkan sebuah keluarga yang harmoni, al-Farabi menjelaskan bahawa ia mestilah seiring dengan akhlak yang mulia dan amalan yang baik maka lahirlah sifat keutamaan dan terpuji iaitu (al-fada'il al-khuluqiyyah) seperti kesederhanaan (wasatiah), keadilan ('adalah), kebenaran (al-haq), budi bahasa (al-akhlaq), penghormatan diri (tahrim nafs) dan kebaikan (al-khayr). Kesemua akhlak mulia ini akan menjadi faktor penentu kejayaan dan kebahagiaan hidup manusia. Firman Allah SWT, maksudnya:

> *"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)". (Surah al-Ahzab: 21)*

(vii) **Sosial:** Perkahwinan menjadikan hubungan kemanusiaan lebih meluas dan tidak terbatas pada kelompok yang kecil sahaja. Islam menganjurkan perkahwinan dengan individu yang tidak mempunyai tali persaudaraan bagi membolehkan manusia saling berkenal-kenalan antara satu sama lain. Pembentukan keluarga juga diasaskan atas dasar *husn al-mu'asharah* ataupun *al-mu'asharah bi al-ma'ruf* iaitu pergaulan yang baik sesama suami dan isteri serta ahli keluarga yang lain. Maksud baik di sini ialah pergaulan dan hidup bersama dengan baik dan diredhai Allah SWT. Sesuatu itu tidak dikatakan baik (ma'ruf) melainkan ianya baik dan diredhai Allah SWT serta jauh dari kemungkaran, kemaksiatan dan penganiyaan. Hubungan jaringan sosial yang kuat diperlukan sebagai pemangkin kepada keluarga bahagia termasuklah komuniti masyarakat, ahli keluarga, anak-anak yang berasaskan kepada hubungan baik sesama manusia. Firman Allah SWT, maksudnya:

> *"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan". (Surah al-Ahqaf : 15)*

(viii) **Amanah:** Islam menekankan tentang pentingnya amanah dalam menunaikan kewajipan dan tanggungjawab rumahtangga. Islam mengadakan pembahagian tugas antara suami isteri agar segala keperluan rumahtangga terlaksana dengan baik, teratur dan sempurna tanpa melebihkan mana-mana pihak terhadap yang lain. Islam telah membahagikan tanggungjawab tersebut kepada tiga bahagian antaranya tugas suami terhadap isteri, tugas isteri terhadap suami dan tugas ibu bapa terhadap anak-anak seperti pemberian nafkah, bimbingan agama, taat dan menjaga harta, kehormatan

suami, mengasuh dan memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak. Allah menyebut dalam firmanNya, maksudnya:

> *"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya) dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya". (Surah al-Nisa' : 38)*

(ix) **Keselamatan Fizikal dan Ekonomi:** Dalam Islam, soal kesihatan adalah penting. Bagi mencapai kesejahteraan individu, keselamatan fizikal, kesihatan mental dan keelokan spiritual adalah sesuatu elemen yang menjadi sumber kekuatan. Islam meletakkan kesemua aspek tersebut pada kedudukan tertinggi kerana dengan memelihara kesihatan fizikal dan spritual dapat membentuk keluarga yang mempunyai nilai kesihatan moral, fizikal, mental, psikologi, rohani dan material yang menyeluruh. Kesihatan ditakrifkan sebagai tidak menghadapi sebarang penyakit sama ada daripada aspek moral atau fizikal, mendatangkan kebaikan sama ada kepada setiap individu yang berada di dalamnya, berjalan lancar dan diterima oleh semua pihak. Firman Allah SWT yang menyuruh manusia ke arah menjaga kesihatan tubuh, maksudnya:

> *"Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya". (Surah al-Baqarah: 195)*

Aspek keselamatan ekonomi dan kebebasan hak pada diri adalah berkait rapat dengan kecukupan pendapatan dan kekukuhan sistem ekonomi. Perkara ini sekaligus turut mempengaruhi kelangsungan harta dan berpengaruh besar kepada ketenangan dan kebahagiaan hidup. Selain itu, pengurusan dan pembahagian kekayaan, pendapatan dan pengurusan hutang adalah penting dan perlu dititikberatkan hingga terlepas daripada ketidakcukupan yang boleh menganggu kesejahteraan keluarga.

Justeru perkara yang menggalakkan kesejahteraan dan kebahagiaan keluarga adalah memenuhi asas-asas penting kehidupan berkeluarga seperti pendapatan yang stabil, ekonomi yang kukuh, tempat penginapan yang sejahtera, pendidikan dan sokongan keluarga.

Soalan pendek

1. Berikan definisi umum bagi keluarga.
2. Berikan definisi keluarga mengikut perspektif agama Islam.
3. Jelaskan LIMA (5) bentuk keluarga.
4. Berikan DUA (2) fungsi keluarga.
5. Berikan definisi al-Mawaddah.

Aktiviti

Matlamat utama dalam pembentukan keluarga adalah untuk melahirkan manusia yang mengendalikan urusan dunia dengan cemerlang dan memperoleh kedudukan yang tinggi di Akhirat.

Jelaskan tujuan pembinaan keluarga Islam.

KATA KUNCI

Endogami	**Al-Rahmah**
Eksogami	**Al-Mua'syarah bil Ma'ruf**
Al-Mawaddah	**Amanah**

KESIMPULAN

Keluarga merupakan satu institusi yang penting dalam mendidik masyarakat ke arah kehidupan yang terbaik. Keluarga boleh wujud dalam lima kategoria iaitu orientasi, prokreasi, konjuga, luas dan konsanguin. Seseorang individu akan berasa selamat, sihat, bahagia, dikasihi dan selesa sekiranya berada di dala keluarga yang dapat memenuhi emosi dan spritualnya.

RUJUKAN

Rozumah Baharudin, *et. al* (2002), *Pengantar Perkahwinan dan Keluarga*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia

TOPIK 2

Konsep Perkahwinan Dalam Islam

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar akan dapat :

1) mempelajari tentang definisi, dalil, rukun dan syarat sah nikah.
2) mempelajari tentang hukum-hukum nikah.
3) mempelajari tentang mahra, perempuan yang haram dikahwini dan jenis-jenis pengharaman.

2.1 Definisi Perkahwinan

Dari sudut bahasa perkataan "nikah" berasal dari Bahasa Arab yang bermakna **"kumpul, himpun, dan cantum".** Mengikut kehendak ahli-ahli ilmu fekah ialah:

"**satu akad yang dilakukan untuk mengharuskan lelaki dan perempuan melakukan persetubuhan dengan menggunakan lafaz nikah, *tazwij* atau terjemahannya."**

Agama Islam menggalakkan umatnya berkahwin apabila cukup syarat-syarat yang ditentukan, antaranya mampu dari segi ekonomi, fizikal dan ketahanan mental untuk menghadapi apa jua cabaran dalam menempuh kehidupan berumahtangga.

2.2 Dalil Disyariatkan Perkahwinan

Islam mensyariatkan perkahwinan dan menetapkan peraturan yang sempurna berdasarkan prinsip yang kukuh dan menjamin kestabilan masyarakat, kebahagiaan keluarga, tersebarnya kebaikkan, pemeliharaan budi pekerti dan mengekalkan generasi manusia. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan kahwinkanlah orang-orang yang bersendirian di antara kamu, dan orang-orang yang layak (berkahwin) dari hamba-hamba sahayamu yang lelaki dan hamba-hamba sahayamu yang perempuan". (Surah An-Nur: 32)*

Firman Allah SWT:

فَانْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِسَاءِ مَثْنَى وَثُلَثَ وَرُبَعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلا تَعْدِلُوْا فَوَحِدَة

> *"Maka kahwinlah wanita-wanita yang kamu senangi; dua, tiga dan empat. Tetapi jika kamu takut tidak dapat melakukan keadilan, maka kahwinlah seorang sahaja. (Surah An-Nisa': 3)*

2.3 Rukun dan Syarat Nikah

a) **CALON SUAMI:**

Syarat-syarat bagi bakal suami adalah seperti berikut:

i) Bakal suami halal mengahwini bakal isteri sekiranya dia bukan mahram kepada bakal isteri tersebut.

ii) Bakal suami ialah seorang lelaki yang ditentukan. Jika wali berkata: *"Aku kahwinkan anak perempuanku dengan seorang daripada kamu berdua"*. Maka, perkahwinan itu tidak sah kerana bakal suami tidak ditentukan.

iii) Bakal suami mestilah tahu yang bakal isteri itu sah berkahwin dengannya.

iv) Dengan pilihan hati sendiri (tidak dipaksa).

v) Bakal suami bukan dalam ihram haji atau umrah, berdasarkan hadith berikut:

> *"Lelaki yang berihram tidak boleh berkahwin, tidak boleh dikahwinkan dan tidak boleh bertunang." (Riwayat Muslim dan Ibn Hibban)*

vi) Bakal suami tidak mempunyai lebih dari empat orang isteri.

b) **CALON ISTERI:**

Sah nikah jika bakal isteri memenuhi syarat-syarat berikut:

i) Bakal isteri mestilah perempuan yang halal nikah dengan calon suami (Bukan mahram dengan bakal suami).

ii) Bakal isteri ialah seorang yang telah ditentukan jika wali berkata kepada pengantin lelaki: *"Aku kahwinkan engkau dengan seorang daripada anak perempuanku",* maka akad nikah tersebut tidak sah. Hal ini kerana dia tidak menentukan yang mana satu anak perempuannya yg dikahwinkan dengan pengantin itu.

iii) Bakal isteri bukan dalam ihram haji atau umrah.

iv) Benar-benar ia seorang perempuan (bukan khunsa).

v) Dengan kerelaannya sendiri, kecuali bakal isteri itu masih gadis maka bapa atau datuk boleh memaksanya berkahwin. Adalah disunatkan kepada wali meminta izin dari anaknya yang masih gadis.

c) WALI.

Wali adalah **orang yang bertanggungjawab terhadap perempuan yang hendak dikahwinkan mengikut susunan yang tertentu.** Tujuannya ialah untuk menentukan suatu perkahwinan itu sah, sebab perempuan-perempuan itu adalah jenis kaum yang lemah, yang sentiasa

berhajat kepada layanan dan pimpinan daripada wali. Jika tidak ada mereka yang bertanggungjawab terhadapnya, nescaya perempuan senang dipengaruhi dan keselamatannya akan tergugat. Oleh yang demikian, bila hendak dikahwinkan seorang perempuan, maka hendaklah terlebih dahulu mendapat keizinan daripada wali yang bertanggungjawab.

Hikmah Pensyariatan Wali.

Pensyariatan wali atas kanak-kanak dan orang yang tidak mampu mengurus diri sendiri adalah untuk menjaga hak mengatur urusan dan menjaga kemaslahatan mereka agar tidak terbiar.

Kewujudan Wali Adalah Wajib Semasa Akad.

Perkahwinan seseorang perempuan sama ada dewasa atau masih kecil, janda ataupun dara, hendaklah diakadkan oleh walinya. Seseorang perempuan tidak harus dikahwini, mengahwinkan dirinya sendiri atau mengahwinkan orang lain sama ada dengan izin atau tidak, walaupun terdapat ijab dan qabul daripada perempuan tersebut. Hal ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda:

> *"Seseorang perempuan tidak harus mengahwinkan perempuan lain dan tidak harus mengahwinkan dirinya sendiri". (Riwayat Al-Daraqutni, Ibn Majah dan rijalnya thiqah)*

Wali Perkahwinan Mengikut Turutan.

(i) Bapa.
(ii) Datuk (iaitu bapa kepada bapa).
(iii) Saudara lelaki seibu sebapa.
(iv) Saudara lelaki sebapa.
(v) Anak lelaki, saudara lelaki, seibu sebapa.
(vi) Anak lelaki, saudara lelaki, sebapa.
(vii) Bapa saudara, sebelah bapa, seibu sebapa.

(viii) Bapa saudara, sebelah bapa, sebapa.
(ix) Anak lelaki, bapa saudara, sebelah bapa, seibu sebapa.
(x) Anak lelaki, bapa saudara, sebelah bapa, sebapa.
(xi) Semua lelaki yang mewarisi harta secara *asabah.*
(xii) Hakim (qadi).

Ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW, bersabda:

"Maka sultan ialah wali kepada mereka yang tidak berwali". (Riwayat Abu Daud)

Syarat-Syarat Wali.

i) Islam : Lelaki kafir tidak boleh mengahwinkan perempuan Islam kerana orang kafir tidak berkuasa atas orang Islam. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT :

"Dan Allah sekali-kali tidak akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk memusnahkan orang-orang yang beriman". (Surah An-Nisa': 141)

Hal ini juga kerana, wali dalam perkahwinan berdasarkan pembahagian harta pusaka, sedangkan orang Islam dan kafir tidak boleh saling mewarisi. Walaupun begitu, lelaki kafir boleh mengahwinkan perempuan kafir yang lain walaupun kepercayaan agamanya berbeza. Contohnya, lelaki Yahudi boleh mengahwinkan perempuan Kristian dan sebaliknya. Hal ini demikian kerana semua orang kafir dianggap satu agama. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Adapun orang-orang kafir, sebahagian mereka menjadi pelindung bagi sebahagian yang lain". (Surah Al-Anfal:72)

ii) Adil : Maksud adil ialah tidak melakukan dosa besar, tidak mengekalkan dosa kecil dan tidak mencemarkan maruah diri, seperti kencing di jalanan, berjalan tanpa kasut dan seumpamanya.

Justeru, wali yang *fasiq*, iaitu tidak adil, tidak boleh mengahwinkan perempuan yang beriman, bahkan hak perwalian berpindah kepada wali adil seterusnya mengikut urutan.

Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

> *"Tidak sah nikah melainkan oleh wali yang mursyid". (Riwayat Imam As-Syafie')*

Imam As-Syafie' berkata, maksud *mursyid* dalam hadith tersebut ialah adil. Hal ini kerana, fasiq merupakan kekurangan yang merosakkan persaksian dan ia menghalang perwalian dalam perkahwinan. Pendapat yang lain menyatakan bahawa adil bukan menjadi syarat perkahwinan. Hal ini kerana, kelayakan menjadi wali adalah berdasarkan kepada pertalian waris yang menimbulkan perasaan kasih sayang untuk kebaikkan orang di bawah jagaannya sama ada dia bersifat adil atau sebaliknya.

Hal ini kerana, meletakkan syarat adil kepada wali menyebabkan berlakunya kesulitan yang besar disebabkan orang yang adil sedikit sahaja bilangannya, lebih-lebih lagi pada masa ini. Pada zaman mana-mana sekalipun, tidak pula diketahui ada orang fasiq yang dilarang mengahwinkan anak-anak perempuan mereka.

iii) **Baligh:** Kanak-kanak tidak boleh menjadi wali. Ini kerana dia tidak berkuasa atas dirinya sendiri, apatah lagi terhadap orang lain.

iv) **Berakal:** Orang gila tidak boleh menjadi wali kerana dia tidak dapat menguasai dirinya sendiri apatah lagi menjadi wali terhadap orang lain.

v) **Tiada penyakit yang mencacatkan fikiran:** Orang yang cacat fikiran kerana tua atau nyanyuk tidak boleh menjadi wali. Hal ini kerana, mereka tidak mampu memilih pasangan yang sepadan. Sekiranya wali pitam, hendaklah ditunggu hingga dia pulih semula.

Hal ini kerana, pitam itu hanya berlaku dalam masa singkat, sama seperti tidur.

vi) **Tidak menghalang menguruskan hartanya kerana boros:** Pemboros yang terhalang menguruskan hartanya ialah orang yang membazirkan harta bendanya. Dia tidak dapat mengurusnya dengan sendiri, apatah lagi menjadi wali kepada orang lain.

vii) **Tidak berihram:** Seseorang yang berihram haji atau umrah tidak boleh mengahwinkan orang lain. Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

> *"Lelaki yang berihram tidak boleh berkahwin, tidak boleh dikahwinkan." (Riwayat Muslim dan Ibn Hibban)*

Galakan meminta izin daripada anak gadis.

Walaupun bapa dan datuk sebelah bapa adalah wali *ijbar*, namun, memaksa anak gadisnya berkahwin tidaklah *afdhal* tanpa mengambil kira pandangannya. Bahkan, ***afdhal*** dan **sunat** meminta izin untuk mengahwininya sebagai penghormatan dan menyedapkan hatinya. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW, sabdanya:

> *"Janganlah dikahwinkan janda hingga diminta persetujuannya dan janganlah dikahwinkan anak dara sehingga diminta izinnya. Para sahabat bertanya, "Bagaimana mengetahui keizinnya?" Rasulullah SAW bersabda: "Dia diam".(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Ketiadaan wali.

Apabila wali tiada, maka hak perwalian berpindah kepada qadhi, kerana dia dilantik untuk melaksanakan kepentingan orang Islam. Mewalikan perkahwinan perempuan yang ketiadaan wali merupakan maslahat yang wajib disempurnakan. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW, sabdanya:

"Sultan ialah wali kepada mereka yang tidak berwali". (Riwayat Abu Daud)

Berwakil wali dalam pernikahan.

Wali Mujbir sah mewakilkan wali perkahwinan anak daranya kepada orang lain tanpa izinnya. Wali tidak disyaratkan menentukan bakal suami perempuan kepada wakilnya kerana dia berhak membuat atau tidak membuat penentuan ketika berwakil. Walaubagaimanapun, jika wali tidak membuat penentuan, wakil hendaklah menjaga kemaslahatan pengantin perempuan. Dia tidak boleh mengahwinkannya dengan lelaki yang tidak sekufu kerana berwakil secara umum membawa maksud sekufu.

Sementara wali bukan mujbir tidak boleh berwakil wali dalam perkahwinan kecuali dengan izin pengantin perempuan. Hal ini kerana, wali bukan mujbir tidak mempunyai kuasa mengahwinkan perempuan tanpa izinnya, lebih-lebih lagi mewakilkannya.

d) DUA ORANG SAKSI.

Oleh sebab akad nikah memberi kesan yang besar untuk menghalalkan pergaulan suami isteri, mewajibkan pemberian mas kahwin dan *nafaqah*, men*thabit*kan nasab, hak pewarisan, tanggungjawab bersama dan ketaatan, agama Islam mewajibkan sekurang-kurangnya dua orang hadir menjadi saksi akad perkahwinan tersebut sebagai langkah berhati-hati. Ini kerana hak-hak berkenaan berkemungkinan terdedah kepada keingkaran pasangan suami isteri tersebut. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW, sabdanya:

"Tidak sah nikah melainkan wali dan dua orang saksi yang adil. Perkahwinan yang berlaku selain daripada itu adalah batal". (Riwayat Ibn Hibban dalam sahihnya)

Syarat-syarat saksi.

i) **Islam:**Akad nikah tidak sah jika orang bukan Islam menjadi saksi. Hal ini kerana, akad nikah merupakan perkara yang berkaitan dengan

agama. Oleh itu, saksinya hendaklah orang yang beragama Islam kerana persaksian orang bukan Islam tidak boleh dipercayai terhadap orang Islam. Tambahan pula, persaksian adalah kuasa dan orang bukan Islam tidak mempunyai kuasa ke atas orang Islam. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain". (Surah At-Taubah: 71)*

ii) **Lelaki:** Akad nikah tidak sah kerana saksi perempuan atau dengan seorang lelaki dan dua orang saksi perempuan. Al-Zuhri Rahimahullah berkata:

> *"Telah berlaku sunnah daripada Rasulullah SAW, iaitu persaksian orang perempuan tidak harus dalam perkara hudud, nikah dan cerai"*.

Inilah syarat yang disepakati oleh Imam As-Syafie' dan Ahmad, sedangkan Abu Hanifah berpendapat harus diterima penyaksian wanita.

iii) **Berakal dan baligh:** Perkahwinan tidak sah dengan kehadiran saksi yang gila dan kanak-kanak. Hal ini kerana, akad perkahwinan merupakan kedudukan yang penting. Jika hanya bersaksikan orang gila dan kanak-kanak, perkahwinan akan menjadi perkara yang remeh sahaja.

iv) **Adil sekalipun pada zahirnya:** Kedua-dua orang saksi hendaklah adil walaupun kelihatan pada zahirnya sahaja, iaitu hal sebenar tidak diketahui dan kefasiqannya tidak nyata. Oleh itu, akad nikah tidak sah dengan saksi yang zahir fasiqnya kerana penyaksian mereka tidak boleh dipercayai.

v) **Pendengaran yang baik:** Tidak sah nikah dengan saksi yang pekak dan tidur. Hal ini disebabkan tujuan persaksian tidak tercapai kerana yang hendak disaksikan ialah perkataan melalui pendengaran.

vi) **Penglihatan yang baik:** Akad nikah juga tidak sah dengan saksi yang buta. Hal ini kerana, kata-kata tidak *thabit* melainkan dengan melihat dan mendengarnya.

e) IJAB DAN QABUL (lafaz akad nikah).

Lafaz akad nikah bermaksud ijab dari wali dan qabul daripada pengantin lelaki. Contoh **lafaz ijab** ialah: *"Aku kahwinkan kamu dengan anak perempuanku"* atau *"Aku nikahkan kamu dengan anak perempuanku"*. Sementara contoh **lafaz qabul** pula ialah: *"Aku terima kahwinnya anak perempuanmu"* atau *"Aku terima nikah anak perempuanmu".*

Jika lafaz qabul daripada pengantin lelaki mendahului lafaz ijab dari wali, hukumnya adalah sah kerana lafaz akad nikah itu sama ada dahulu atau kemudian, tetap mencapai maksud yang sama.

Hikmah disyariatkan lafaz akad nikah.

Hikmah disyariatkan lafaz akad nikah adalah kerana akad mesti dengan kerelaan kedua-dua belah pihak. Kerelaan ialah perkara tersembunyi yang tidak mudah untuk dilihat. Oleh sebab itu, hukum syarak menganggap ijab dan qabul sebagai satu tanda yang jelas menunjukkan kerelaan tersebut.

Syarat lafaz akad nikah.

i) **Hendaklah menggunakan lafaz kahwin atau nikah, atau perkataan terbitan daripada kedua-duanya.**

Contohnya, *"Aku kahwinkan kamu"* atau *"Aku nikahkan kamu", "Aku terima perkahwinannya"* atau *"Aku terima nikahnya".*

Perkataan kahwin dan nikah, dan perkataan terbitannya ini diisyaratkan dalam lafaz nikah kerana kedua-dua perkataan ini digunakan dari segi bahasa dan syarak bagi menunjukkan perkahwinan. Kedua-duanya juga digunakan dalam nas Al-Qur'an dan As-Sunnah.

ii) **Lafaz akad nikah atau kahwin dalam ijab dan qabul hendaklah jelas.**

Sekiranya wali hanya mengatakan: *"Aku nikahkan kamu dengan anak perempuanku"* dan bakal suami pula menjawab: *"Aku terima"*, maka pernikahan belum berlaku. Jika bakal suami berkata: *"Kahwinkanlah aku dengan anak perempuanmu"* dan wali pula menjawab: *"Aku terima",* pernikahan itu juga tidak berlaku. Ini kerana kedua-dua pihak tidak jelas dalam penggunaan lafaz kahwin atau nikah.

iii) **Ijab dan qabul hendaklah berturutan.**

Antara syarat lafaz nikah adalah dengan ijab oleh wali dan qabul oleh pengantin lelaki secara berturutan. Jika wali berkata: *"Aku kahwinkan kamu dengan anak perempuanku"*, dan selepas tempoh yang lama, pengantin lelaki menjawab: *"Aku terima nikahnya",* maka akad nikah itu **tidak sah**. Hal ini kerana, pemisahan yang lama antara ijab dan qabul tersebut.

Dalam tempoh yang lama ini, ada kemungkinan wali menarik lafaz ijabnya semula. Adapun diam yang sekejap antara ijab dan qabul, seperti bernafas atau bersin, tidaklah merosakkan akad nikah tersebut.

iv) **Kelayakan kedua-dua yang berakad masih lagi kekal sehingga lafaz akad nikah.**

Setelah wali berkata: *"Aku kahwinkan kamu dengan anak perempuanku".* Dia pun menjadi gila atau pengsan sebelum pengantin lelaki melafazkan qabulnya. Jika pengantin lelaki menerima ijab tersebut dalam keadaan wali seperti ini, maka pernikahan itu **tidak sah.**

Begitu juga, pengantin lelaki mengatakan*: "Kahwinkan aku dengan anak perempuanmu"*, kemudian, dia pengsan sebelum wali mengatakan: *"Aku kahwinkan kamu dengan baik",* maka **batal ijab** tersebut. Akad nikah tidak sah walaupun adanya qabul kerana seorang daripada mereka tidak dapat meneruskan akad nikah sehingga sempurna.

v) **Lafaz akad nikah hendaklah lafaz memberi kesan serta merta.**

Tidak sah akad nikah yang kesannya tertangguh pada masa hadapan. Akad juga tidak sah meletakkan syarat kepada akad nikah tersebut. Contohnya, seorang wali berkata: *"Apabila tiba bulan Ramadhan, aku kahwinkan kamu dengan anak perempuanku"*, dan pengantin lelaki berkata: *"Aku terima nikahnya".* Akad nikah tersebut **tidak sah.**

vi) **Lafaz akad nikah hendaklah mutlak.**

Tidak sah menentukan tempoh masa sesuatu perkahwinan, seperti sebulan, setahun atau masa yang tidak diketahui seperti datangnya seseorang.

Tidak sah perkahwinan jika wali mengatakan: *"Aku kahwinkan kamu dengan anak perempuanku selama sebulan, atau setahun atau sehingga datangnya seseorang",* lalu dijawab oleh pengantin lelaki: *"Aku terima nikahnya".* Ini kerana pernikahan seperti ini adalah **nikah muta'ah** yang diharamkan.

Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW :

> *"Wahai manusia, sesungguhnya aku telah mengizinkan kamu melakukan mutaah dengan kaum perempuan, tetapi Allah telah mengharamkan hingga hari kiamat. Sesiapa dikalangan kamu mempunyai isteri daripada pernikahan tersebut, ceraikanlah dia dan janganlah kamu mengambil sesuatu yang telah diberikan kepada mereka sedikitpun".(Riwayat Muslim)*

Lafaz akad nikah dengan bahasa lain selain bahasa Arab.

Sah akad nikah dengan bahasa lain selain bahasa arab walaupun bakal suami dan wali boleh berbahasa arab. Ini kerana mengambil kira maknanya sahaja yang tiada kaitan dengan *i'jaz,* sebagaimana Al-Qur'an.

Lafaz akad nikah dengan lafaz kiasan.

Tidak sah akad dengan lafaz kiasan walau dalam apa-apa bahasa sekalipun. Lafaz kiasan ialah kiasan yang membawa makna kahwin dan yang lainnya. Contohnya, *"Aku halalkan anak perempuanku kepadamu"* atau *"Aku berikan anak perempuanku kepadamu".*

Hal ini kerana, lafaz kiasan memerlukan niat. Niat terletak dihati dan lafaz akad nikah disyaratkan dengan saksi, sedangkan para saksi pula tidak mengetahui niat yang ada dalam hati untuk memastikan kedua-dua belah pihak benar-benar berniat atau yang lainnya.

Akad nikah dengan tulisan.

Tidak sah akad dengan tulisan sama ada kedua-dua yang berakad ketika itu hadir ataupun tidak. Jika wali menulis lafaz akad, iaitu*: "Aku nikahkan engkau dengan anak perempuanku"*, kepada seorang lelaki yang hadir dihadapannya ataupun tidak dan diserahkan kepada lelaki tersebut yang membacanya, lalu dia mengatakan: *Aku terima perkahwinan anak perempuanmu"*, maka akad nikah itu tidak sah. Hal ini demikian kerana

akad nikah dengan tulisan adalah kiasan sedangkan akad nikah tidak sah dengan kiasan.

Akad nikah orang bisu dengan isyarat yang difahami.

Sah akad nikah isyarat orang bisu yang dapat difahami, yang tidak memerlukan kemahiran orang tertentu untuk memahaminya. Isyarat ini adalah sama dengan lafaz yang berterus terang. Jika isyarat itu tidak difahami kecuali orang yang tertentu sahaja, maka akad nikah tidak sah. Hal ini demikian, kerana isyarat sukar difahami adalah sama dengan kiasan, sedangkan akad nikah tidak sah dengan lafaz nikah.

2.4 Hukum Nikah

i) **HARUS:** Hukum asal perkahwinan iaitu orang yang tidak ada padanya penyebab-penyebab (wajib, afdhal berkahwin, afdhal tidak berkahwin, sunat berkahwin, sunat tidak berkahwin, dan haram).

ii) **WAJIB BERKAHWIN:** Mereka yang tidak dapat mengawal nafsu dan jika ia dibiarkan, maka boleh membawa kepada perzinaan. Di samping itu, mereka mempunyai kemampuan untuk menyara keluarga apabila berkahwin kelak.

iii) **AFDHAL BERKAHWIN:** Seseorang yang tidak kuat beribadat atau menuntut ilmu, bahkan berkemampuan untuk berkahwin tetapi tidak memerlukannya, afdhal baginya berkahwin agar kelapangan masa itu tidak mendorongnya melakukan perkara yang keji. Melalui perkahwinan, akan membantunya melakukan kebaikkan, melahirkan zuriat serta meramaikan keturunan.

iv) **AFDHAL TIDAK BERKAHWIN:** Apabila seseorang memiliki kemampuan kewangan tetapi tidak berhajat kepada perkahwinan kerana tiada keinginan, di samping sibuk beribadat atau menuntut ilmu. Justeru, menumpukan kepada ibadat dan menuntut ilmu adalah lebih baik daripada berkahwin. Hal ini kerana perkahwinan akan mengganggu tumpuannya.

v) **SUNAT BERKAHWIN:** Seseorang yang mempunyai keinginan, di samping memiliki perbelanjaan dan *nafaqah,* iaitu mas kahwin dan sara hidup dirinya sendiri serta pasangannya. Dalam masa yang sama, dia tidak khuatir dirinya akan terjerumus dalam maksiat sekiranya tidak berkahwin. Ia merupakan satu cara untuk mengekalkan dan memelihara keturunan serta membantunya untuk melaksanakan beberapa keperluan hidup. Daripada Abdullah bin Mas'ud r.a., Rasulullah bersabda:

> *"Wahai para pemuda! Sesiapa dikalangan kamu yang berkemampuan, maka berkahwinlah kerana ia dapat menundukkan pandangan dan memelihara kehormatan. Sebaliknya, jika tidak mampu, maka hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu merupakan pengekang nafsu. (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Perkahwinan dalam keadaan berkeinginan dan berkemampuan adalah lebih baik daripada menumpukan masanya dengan ibadat sahaja. Inilah yang diberitahu oleh Rasulullah SAW kepada beberapa orang sahabat yang telah bertekad untuk beribadat semata-mata dan tidak akan berkahwin. Wanita juga sunat berkahwin, sebagaimana lelaki sekiranya mempunyai keinginan, dengan tujuan memelihara diri, menjaga agama dan mendapatkan *nafaqah.*

vi) **SUNAT TIDAK BERKAHWIN (MAKRUH):** Seseorang yang mempunyai keinginan, tetapi tidak memiliki perbelanjaan nikah dan

nafaqah. Sehubungan dengan itu, dia hendaklah menjaga diri dengan beribadat dan berpuasa. Lantaran kesibukkannya itu, melekakan daripada berfikir tentang perkahwinan dan mengendurkan keinginannya, sehinggalah dia mampu mengatasinya dengan kuniaan Allah SWT.

vii) **HARAM BERKAHWIN:** Seseorang mempunyai keyakinan bahawa dia akan menzalimi isterinya. Begitu juga dia tidak mempunyai syahwat akibat sakit atau terlampau tua dan tidak mampu lagi untuk memberi nafkah kepada isterinya termasuk juga buruk akhlaknya.

2.5 Mahram/Perempuan Yang Haram Dikahwini

Tatkala Islam mensyariatkan perkahwinan dan menggalakkannya, ia juga mengharamkan perkahwinan dengan sebahagian perempuan. Pengharaman ini berpunca daripada pelbagai sebab, antaranya:

i) Mewajibkan penghormatan dan penghargaan kepada seseorang, seperti ibu kandung.
ii) Tabiat yang sempurna tidak merelakannya, seperti anak perempuan dan saudara perempuan sendiri.
iii) Menjaga maruah diri sebagai tujuan perkahwinan yang tidak tercapai apabila mengahwini perempuan yang mempunyai hubungan kerabat yang terlalu hamper. Contohnya, anak saudara atau cucu. Hal ini kerana pergaulan mereka amat kerap dan rapat.
iv) Membina keluarga yang teratur dan tersusun seperti mengharamkan perkahwinan saudara susuan dan anak saudara susuan.

Jenis pengharaman.

Pengharaman terbahagi kepada dua jenis, iaitu haram yang kekal (حرمة مؤبدة) dan haram yang sementara (حرمة مؤقتة).

a) Haram yang kekal/ selamanya: Maksud haram yang kekal ialah perempuan yang haram dikahwini selama-lamanya walau apa jua keadaan sekalipun. Terdapat tiga sebab pengharaman yang kekal:

Hubungan kerabat.

i) Ibu, nenek sebelah ibu dan nenek sebelah bapa, dan ke atas. Mereka merupakan asal-usul keturunan yang tidak boleh dikahwini.

ii) Anak perempuan, cucu perempuan daripada anak lelaki serta cucu perempuan daripada anak perempuan.mereka dinamakan *jurai* keturunan seseorang yang juga haram dikahwini.

iii) Saudara perempuan seibu sebapa, sebapa atau seibu. Mereka merupakai jurai keturunan ibu bapa.

iv) Anak perempuan daripada saudara lelaki sama ada seibu sebapa, sebapa atau seibu.

v) Anak perempuan daripada saudara perempuan sama ada seibu sebapa, sebapa atau seibu.

vi) Ibu saudara sebelah bapa, iaitu saudara perempuan bapa, nenek saudara sebelah bapa. Mereka merupakan jurai keturunan datuk dan nenek sebelah bapa.

vii) Ibu saudara sebelah ibu, iaitu saudara perempuan ibu, nenek saudara sebelah ibu dan sebelah bapa. Mereka merupakan jurai keturunan datuk nenek sebelah ibu yang haram dikahwini selama-lamanya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT :

Diharamkan ke atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan, saudara-saudaramu yang perempuan, saudara-saudara

bapamu yang perempuan, saudara-saudara ibumu yang perempuan, anak-anaka perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-laki, anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan". (Surah An-Nisa':23)

Sekiranya berlaku perkahwinan dengan seorang daripada perempuan tersebut, akad nikahnya batal dan sesiapa menghalalkannya, adalah kafir. Begitu juga sebaliknya, haram bagi perempuan mengahwini mereka yang berikut:

i) Bapa, datuk sebelah bapa, datuk sebelah ibu, dan semua keturunannya ke atas.
ii) Anak lelaki, cucu lelaki daripada anak lelaki dan anak perempuan, seluruh jurai keturunannya.
iii) Saudara seibu sebapa, sebapa atau seibu.
iv) Anak saudara lelaki daripada saudara lelaki dan perempuan.
v) Bapa saudara sebelah bapa, bapa saudara sebelah ibu, datuk saudara sebelah bapa dan sebelah ibu. Bapa saudara sebelah ibu kepada bapa dan bapa saudara sebelah ibu kepada ibu.

Hubungan persemendaan.

i) Ibu tiri, nenek tiri sebelah bapa dan nenek tiri sebelah ibu. Mereka merupakan isteri kepada asal keturunan yang haram dikahwini selama-lamanya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Dan janganlah kamu kahwini wanita-wanita yang telah dikahwini oleh bapamu, terkecuali pada masa yang telah lampau. Sesungguhnya perbuatan itu amat keji dan dibenci Allah dan seburuk-buruk jalan (yang ditempuh). (Surah An-Nisa':22)

ii) Menantu perempuan, isteri cucu anak lelaki atau anak perempuan. Mereka merupakan isteri jurai keturunan seseorang. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu". (Surah An-Nisa':23)

iii) Ibu mertua. Tidak harus mengahwini ibu mertua. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Dan ibu-ibu isteri kamu". (Surah An-Nisa': 23)

Pengharaman ini meliputi semua keturunan ibu mertua, seperti ibu kepada mertua, nenek dan ke atas. Ketiga-tiga golongan ini haram dikahwini semata-mata dengan sebab akad nikah sama ada berlaku persetubuhan ataupun tidak. Sekiranya akad nikah berlaku dengan mana-mana golongan perempuan tersebut, ia adalah batal.

iv) Anak tiri perempuan. Anak tiri perempuan haram dikahwini oleh bapa tirinya. Pengharaman ini berlaku apabila ibu kepada anak tiri tersebut telah disetubuhi oleh bapa tiri. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Anak-anak istermu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum bercampur dengan isterimu itu (dan sudah diceraikan), maka tidak berdosa kamu mengahwininya". (Surah An-Nisa': 23)

Pengharaman ini tidak hanya pada anak tiri yang tinggal bersama-sama bapa tirinya, tetapi juga termasuk anak tiri yang tidak tinggal bersama-samanya. Maksud anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu adalah bagi menerangkan kebiasaan anak tiri tinggal bersama-sama di bawah jagaan bapa tiri dan ibunya. Demikianlah sebaliknya, seorang

perempuan haram mengahwini bapa tirinya, menantu lelaki, anak tiri dan bapa mertuanya.

Hubungan penyusuan.

i)**Ibu Susuan:** Ibu susuan ialah perempuan yang telah menyusukan anak orang lain. Dia haram dikahwini anak susuan tersebut, termasuk ibu kepada ibu susuan, nenek sebelah ibu dan nenek sebelah bapanya.

ii) **Saudara perempuan susuan:** Mereka adalah perempuan lain yang menyusu dengan ibu kita atau kita menyusu dengan ibunya, atau kita dan perempuan yang lain sama-samam menyusu dengan seorang perempuan.

Jika seorang perempuan menyusu dengan ibu kita, dia haram dikahwini. Namun, kita halal mengahwini saudara perempuannya kerana mereka tidak menyusu dengan ibu kita.

Jika kita menyusu dengan ibu seorang perempuan, maka kita haram mengahwini perempuan tersebut dan semua saudara perempuannya. Namun, saudara kita halal mengahwininya dan semua saudara perempuannya kerana mereka tidak menyusu dengan ibu kita dan saudara kita pula tidak menyusu dengan ibu perempuan itu. Firman Allah SWT:

"Dan ibu-ibumu yang menyusui kamu dan saudara perempuan susuan kamu. (Surah An-Nisa': 23)

iii) **Anak perempuan daripada saudara lelaki susuan.**

iv) **Anak perempuan daripada saudara perempuan susuan.**

v) **Ibu saudara susuan sebelah bapa, iaitu perempuan yang menjadi saudara susuan kepada bapa.**

vi) **Ibu saudara susuan sebelah bapa, iaitu perempuan yang menjadi saudara susuan kepada ibu.**

vii) **Anak perempuan susuan, iaitu anak perempuan yang menyusu dengan isteri kita :** Maka, kita ialah bapa susuan kepada anak tersebut. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW, sabdanya :

> *"Sesungguhnya susuan itu mengharamkan perkahwinan, sebagaimana haram disebabkan kelahiran". (Riwayat Al-Bukhari)*

Sepertimana lelaki, seorang perempuan juga haram berkahwin dengan bapa susuan, anak lelaki susuan, saudara lelaki susuan, anak lelaki kepada saudara susuan, bapa saudara susuan sebelah bapa dan bapa saudara sebelah ibu. Begitu juga, haram berkahwin disebabkan susuan dengan perempuan yang berikut:

i. Ibu mertua susuan, iaitu perempuan yang menyusukan isteri kita.
ii. Anak tiri susuan, iaitu anak perempuan yang telah menyusu dengan isteri kita semasa perkahwinannya dengan suami yang dahulu.
iii. Ibu tiri susuan, iaitu madu kepada ibu susuan.
iv. Menantu susuan, iaitu isteri kepada anak susuan.

b) Haram yang sementara: Haram yang sementara bermaksud perempuan yang haram dikahwini untuk sementara waktu atas sebab-sebab tertentu. Apabila sebab tersebut hilang, maka perempuan itu boleh dikahwini. Sekiranya perempuan itu dikahwini sebelum sebab pengharamannya hilang, perkahwinan tersebut batal. Perempuan yang haram dikahwini untuk sementara waktu adalah:

i) Bermadu antara dua saudara perempuan.

Saudara perempuan sama ada nasab atau susuan adalah haram diamdukan, sama ada dengan akad serentak atau berlainan. Sekiranya akad itu berlaku serentak, pernikahan tersebut adalah

batal. Dan sekiranya berlainan masa, maka akad perkahwinan yang kedua batal.

Jika isteri diceraikan dan selesai iddahnya atau telah meninggal dunia, halal bagi bekas suaminya mengahwini saudara bekas isteri.

ii) Bermadu dengan ibu saudara sebelah bapa, ibu saudara sebelah ibu, anak saudara kepada saudara perempuan, anak saudara kepada saudara lelaki, cucu daripada anak lelaki dan perempuan.

Para fuqaha' membuat kaedah bagi menentukan perempuan yang haram dimadukan. Mereka menyatakan dua orang perempuan haram bermadu. Seandainya seorang daripada mereka lelaki, mereka tidak boleh berkahwin. Hal ini berdasarkan hadith daripada Abu Hurairah r.a., Rasulullah SAW bersabda:

> *"Perempuan jangan dimadukan dengan ibu saudara sebelah bapa, dan ibu saudara sebelah ibunya". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Hikmah diharamkan bermadu bagi semua perempuan yang dinyatakan sebelum ini adalah untuk mengelakkan perasaan dengki di kalangan saudara mara. Hal ini kerana, ia akan menimbulkan perasan cemburu di kalangan isteri tersebut. Hal ini berdasarkan hadith daripada Isa bin Talhah r.a., katanya:

> *"Rasulullah SAW melarang perempuan dimadukan dengan saudara-maranya kerana dibimbangi akan memutuskan silaturrahim". (Riwayat Abu Daud dalam Al-Marasil dan Al-Syaukani dalam Nail Al-Awtar)*

Jika seorang daripada perempuan tersebut diceraikan dan selesai iddahnya, atau meninggal dunia, bolehlah saudaranya yang seorang lagi dikahwini.

iii) Berkahwin lebih daripada empat orang perempuan.

Seorang lelaki tidak boleh mengahwini perempuan kelima ketika mempunyai empat orang isteri. Ia hanya dibenarkan apabila seorang isteri daripada isteri yang sedia ada itu meninggal dunia atau diceraikan dan selesai iddahnya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Maka kahwinlah wanita-wanita yang kamu senangi; dua, tiga dan empat. (Surah An-Nisa': 3)*

Begitu juga hadith daripada Qays bin Al-Harith r.a., katanya:

> *"Aku telah memeluk agama Islam dan ketika itu aku mempunyai lapan orang isteri. Lalu aku meberitahu Rasulullah SAW akan perkara itu. Maka, Rasulullah SAW bersabda:"Pilihlah empat orang daripada mereka". (Riwayat Abu Daud)*

iv) Mengahwini perempuan musyrik yang menyembah berhala.

Perempuan musyrik yang dimaksudkan ialah penganut agama yang tidak mempunyai Kitab Samawi. Perempuan ini halal dikahwini jika dia telah memeluk Islam. Firman Allah SWT:

> *"Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya wanita Mukmin lebih baik dari wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimua". (Surah Al-Baqarah: 221)*

v) Mengahwini perempuan yang bersuami.

Tidak harus seorang lelaki mengahwini perempuan yang bersuami dan masih berada di bawah jagaan suaminya. Perkahwinan hanya

dibenarkan apabila suami perempuan itu meninggal dunia atau menceraikannya dan selesai iddahnya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan (diharamkan juga kamu mengahwini) wanita yang bersuami".(Surah An-Nisa':24)*

vi) Mengahwini orang perempuan yang masih dalam iddah.

Seorang lelaki tidak harus mengahwini orang perempuan yang masih dalam iddah sama ada iddah kerana perceraian atau kematian. Perkahwinan hanya dibolehkan apabila berakhirnya tempoh iddah tersebut. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan janganlah kamu berazam (bertetap hati) untuk berakad nikah, sebelum habis iddahnya". (Surah Al-Baqarah: 235)*

vii) Perempuan yang diceraikan talak tiga.

Perempuan yang diceraikan talak tiga tidak harus dikahwini oleh bekas suaminya semula sehingga dia berkahwin dengan lelaki lain dengan perkahwinan yang sahih menurut syarak. Bekas suami hanya boleh mengahwininya dengan akad nikah yang baru setelah perempuan itu diceraikan dan selesai iddahnya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Kemudian jika si suami mentalaknya (sesudah talak yang kedua), maka perempuan itu tidak halal baginya sehingga dia berkahwin dengan suami yang lain. Kemudian, jika suami yang lain itu menceraikannya, maka tidak ada dosa bagi keduanya (bekas suami pertama dan isteri) untuk kahwin kembali jika keduanya berpendapat akan dapat menjalankan hokum-hukum Allah. Itulah hukum-hukum Allah, diterangkan-Nya kepada kaum yang mahu mengetahui. (Surah Al-Baqarah:230*

2.6 Matlamat/Hikmah Perkahwinan

i) **Memenuhi keperluan fitrah manusia:** Allah SWT menjadikan manusia mempunyai keinginan seksual. Kau lelaki berkeinginan terhadap kaum wanita dan begitulah sebaliknya. Oleh sebab Islam adalah agama fitrah yang memenuhi tuntutan dan mengatur segala urusannya, ia mensyariatkan perkahwinan bagi menyahut seruan batin manusia dan menjadikan sebagai satu-satunya cara untuk melempiaskan keinginan tersebut.

Islam bukanlah agama yang mengenepikan naluri ini dengan menyeksa manusia dengan mengharamkan perkahwinan dan menyeru kepada kehidupan membujang. Hal ini berdasarkan hadith, daripada Samrah r.a., katanya Rasulullah SAW bersabda:

> *"Nabi SAW melarang seseorang membujang kerana beribadat". (Riwayat At-Tirmizi)*

Walaubagaimanapun, Islam tidak membiarkan keinginan seksual ini begitu sahaja. Islam juga tidak membiarkan manusia terlepas bebas dalam memenuhi kehendak ini sehingga membinasakan dirinya sendiri dan juga orang lain. Perbuatan ini memburukkan akhlak, merosakkan rumahtangga serta membuka pintu yang luas kepada tipu daya syaitan yang menyesatkan.

ii) **Mengembangkan masyarakat Islam dengan keturunan yang soleh dan generasi terdidik:** Islam mengajak umatnya meramaikan keturunan yang merupakan antara matlamat untuk membentuk masyarakat yang digeruni kerana kehebatannya. Ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

"Kahwinilah wanita yang subur dan penyayang, sesungguhnya aku berbangga dengan umat yang ramai pada Hari Kiamat". (Riwayat Abu Daud, An-Nasaie, Imam Ahmad, Ibnu Hibban dan beliau mensahihkannya)

Perkahwinan juga bertujuan untuk mengembangkan masyarakat kepada generasi anak-anak yang dilahirkan oleh ibu bapa yang penyayang dan belas ihsan serta berusaha mendidik akal dan mengembangkan bakat mereka.

Hal ini lebih baik daripada anak-anak yang lahirnya di ceruk-ceruk yang tersembunyi dan gelap, yang merupakan mangsa runtuhan nafsu serakah zina. Anak-anak yang terhasil daripada perbuatan zina ini tidak mempunyai bapa yang akan melindunginya dan ibu yang menyayanginya. Mereka akan membesar, sedangkan dalam diri mereka, penuh dengan kebencian dan kedengkian terhadap umat, masyarakat dan manusia seluruhnya.

iii) **Mewujudkan ketenangan jiwa dan ketenteraman rohani:** Perkahwinan yang menurut syarak akan menghasilkan ketenangan dan ketenteraman diri. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah dia untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya yang demikian itu, benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir". (Surah Ar-Rum:21)

Ayat ini mengumpamakan suami isteri sebagai 'pakaian' bagi pasangan masing-masing kerana mereka saling melindungi. Keperluan suami isteri kepada pasangannya sama seperti keperluan mereka dengan pakaian. Sekiranya pakaian menutup keaiban tubuh badan dan menjaganya daripada sebarang kesakitan, suami isteri

pula akan menjaga kemuliaan pasangannya, memelihara kehormatan dan memberi kerehatan serta ketenteraman.

iv) **Memelihara daripada kemerosotan dan keruntuhan akhlak:** Apabila manusia dilarang daripada perkahwinan yang disyariatkan, mereka akan terdorong untuk melepaskan nafsu secara dilarang oleh agama, sedangkan yang berfikiran waras, menyedari bahawa pelacuran dan zina hanya menimbulkan kerosakan akhlak, meruntuhkan rumahtangga, menjatuhkan maruah, menyebarkan penyakit dan menimbulkan keresahan jiwa dan perasaan.

Bagi tujuan memelihara akhlak dan mengelak kerosakan, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam hadith daripada Abu Hatim Al-Muzani r.a., Rasulullah SAW bersabda:

> *"Apabila kamu didatangi oleh seseorang yang kamu dengan agama dan akhlaknya, maka kahwinkanlah . Jika tidak, akan berlaku fitnah dan kerosakan di muka bumi ini".*
> *(Riwayat At-Tirmizi)*

v) **Memelihara generasi manusia yang sejahtera:** Telah menjadi ketentuan Allah SWT bahawa manusia tidak wujud melainkan daripada kedua ibu bapa. Juga telah dimaklumi bahawa Islam mengharamkan perhubungan lelaki dan perempuan melainkan atas asas perkahwinan yang disyariatkan.

Ini menunjukkan Islam berusaha menjaga generasi manusia dengan perkahwinan semata-mata. Jika perkahwinan tidak dibenarkan, manusia akan pupus. Sekiranya zina dibenarkan, manusia akan hidup dalam kecelakaan dan kesakitan, sedangkan Allah SWT hanya mengkehendaki kebaikan untuk hamba-Nya.

vi) **Mengembangkan kekeluargaan dan mengeratkan semangat bekerjasama:** Melalui perkahwinan, akan meluaskan hubungan kekeluargaan. Dua buah keluarga akan bertemu dan bersatu serta membentuk ikatan kekeluargaan baru yang saling menyayangi, hasil daripada persemendaan tersebut.

Suami isteri akan saling bekerjasama. Isteri akan membantu suaminya, seperti menguruskan makan, minum, pakaian, tempat tinggal, mendidik anak-anak serta menjaga rumahtangga. Suami pula memenuhi keperluan isteri, seperti memberi *nafaqah,* melindungi, memelihara dan menjaga maruahnya.

2.7 Persediaan Sebelum Berumahtangga

(i) Persediaan mental.

Bakal pengantin hendaklah mempunyai persediaan dari segi mental dan daya fikir sebagai seorang yang bakal menjadi ketua keluarga. Tanpa adanya persedian mental dan daya fikir ini dikhuatiri dia tidak akan mampu memikul tanggungjawab yang berat ini.

Perkahwinan ialah hidup bersama di antara suami dna isteri. Dalam menjalani kehidupan yang penuh cubaan dan kesulitan hidup, krisis rumahtangga mungkin timbul dan ianya memerlukan persediaan mental dan kematangan berfikir. Sebagai orang yang telah dewasa, bakal mendidik anak-anak dan penyambung silaturrahim dan kemesraan antara kedua-dua keluarga iaitu keluarga isteri dan keluarga suami, mereka hendaklah mempunyai persediaan mental.

Dalam hal ini, tentulah kita tidak mempunyai kayu ukur yang tepat untuk menentukan persediaan mental dan kematangan berfikir bakal pengantin. Tetapi boleh diukur daripada cara seseorang itu

berfikir, berkata dan bertindak, berdaya untuk berdikari, mampu untuk membuat keputusan dan tindak tanduknya tidak bersandar kepada pengaruh keluarganya. Kita melihat antara sebab keruntuhan rumahtangga ialah kerana pasangan suami isteri tidak mempunyai persediaan mental ini.

(ii) Persediaan psikologi.

Menjadi suami atau isteri bererti memikul tanggungjawab dan menunaikan amanah. Kedua-dua perkara ini tidak akan dapat dilaksanakan jika bakal suami dan isteri tidak mempunyai persediaan dari segi psikologi. Matlamat dan tujuan murni mendirikan rumahtangga tidak akan dapat dicapai jika suami isteri tidak mempunyai persediaan psikologi ke arah tujuan dan matlamat tersebut.

Kita melihat ada lelaki yang telah menjadi suami, bersifat seperti orang yang masih bujang, tingkah laku dan tindak tanduknya seperti kanak-kanak dan remaja yang tidak mempunyai tanggungjawab keluarga. Walaupun telah berkahwin tetapi masih terikat dengan kawan-kawan yang masih bujang dan mengikut cara hidup mereka. Hidup di luar rumah dan balik larut malam menjadi kebebasan dan kebiasaan, berfoya-foya dan menghabiskan wang bersama kawan-kawan lebih menyeronokkan daripada berhibur dan bermesra dengan isteri dan anak-anak.

Kita juga melihat ada perempuan walaupun telah menjadi isteri dan ibu tetap tidak berubah sikap dan tingkah lakunya seperti semasa belum bersuami, seolah-olah tidak mempunyai tanggungjawab dan tugas sebagai isteri. Ini berlaku kerana dia tidak mempunyai persediaan psikologi untuk mendirikan rumahtangga. Layanan kepada suami seperti layanan kepada kawan-kawan lelaki biasa sahaja, anak tidak diasuh, dididik dan dijaga; yang mengambil tugas

ini ialah ibunya atau pembantu rumah rumah, malahan ada kalanya suaminya sendiri yang melakukan tugas-tugas ini.

Kegagalannya menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu seperti yang dituntut oleh Islam kerana tidak mempunyai persediaan psikologi untuk memikul tugas, amanah dan tanggungjawab.

(iii) Kesihatan tubuh badan.

Bakal suami dan isteri hendaklah memastikan mereka dari segi fizikal, berkemampuan dan sesuai memikul tanggungjawab yang berat ini, mereka benar-benar sihat, tidak menghidap apa-apa penyakit yang boleh menggagalkan tugas dan tanggungjawab mereka atau penyakit berjangkit yang boleh memberikan kesan buruk kepada pasangan dan keturunan mereka.

Sebelum mendirikan rumahtangga, bakal suami dan isteri hendaklah memastikan mereka tidak mempunyai aib nikah kerana adanya aib nikah ini akan menggagalkannya daripada melaksanakan daripada melaksanakan tugas dan kewajipannya sebagai suami atau isteri. Yang dikatakan aib nikah ialah seperti penyakit sopak dan kusta, gila atau mempunyai keturunan gila, atau lemah urat saraf, berpenyakit dan lemah tubuh badan.

(iv) Kemampuan memberi nafkah.

Bakal suami hendaklah mampu menyara dan menyediakan bakal isteri makanan, pakaian, tempat tinggal, perbelanjaan perubatan dan sebagainya kerana pemberian sedemikian merupakan tanggungjawab. Jika seorang lelaki itu berkeinginan untuk berkahwin tetapi tidak mampu memberikan nafkah kepada bakal isterinya kerana kemiskinan, maka lebih baik untuknya melupakan keinginan itu dan mengatasi masalah seksnya itu melalui ibadah seperti

berpuasa, bersembahyang, berzikir, dan seterusnya melakukan kerja-kerja khidmat masyarakat dan juga melakukan riadah.

Ini bermakna, keinginan dan syahwat boleh dikawal melalui tarbiah kerohanian, riadah fizikal dan mengelakkan daripada perkara-perkara yang boleh membawa atau mendorongnya melakukan maksiat. Menutup pintu maksiat ialah mejadi tuntutan syarak.

(v) Persediaan keagamaan dan kerohanian.

Bakal suami dan isteri hendaklah mempersiapkan diri sebelum mendirikan rumahtangga dari segi agama dan kerohanian kerana perkahwinan ialah ibadah dan sunnah Rasulullah SAW. Berkahwin bererti menyempurnakan Islam dan menyelamatkan iman.

Ramai pihak telah menganjurkan kursus-kursus rumahtangga bahagia dan kelas fadhu 'ain mengenai perkahwinan. Bakal pengantin wajarlah mengikuti kursus-kursus dan kelas-kelas seperti itu sebagai persediaan dari segi keagamaan dan kerohanian sebelum mendirikan rumahtangga. Di samping itu, buku-buku mengenai perkahwinan dan kekeluargaan dalam Islam banyak di pasaran.

Untuk mencapai tujuan perkahwinan dan agar keluarga Islam dapat dilahirkan, suami isteri hendaklah mengetahui serta menghayati tugas dan tanggungjawab masing-masing seperti yang dituntut oleh Islam.

2.8 Memilih Jodoh

Islam mengajar umatnya ciri-ciri memilih jodoh kerana perkahwinan bukanlah sehari dua sahaja tetapi untuk sepanjang hayat dan mendapat generasi yang baik, agar mendapat kebaikkan di akhirat kelak bukan setakat di dunia sahaja. Oleh itu perlulah memilih jodoh seperti yang

dianjurkan oleh agama. sepertimana hadith-hadith Rasulullah SAW berikut:

Daripada Abu Hurairah r.a. katanya : Nabi SAW telah bersabda:

> *"Kahwinilah perempuan itu kerana empat perkara: kerana harta benda, keturunan, kecatikan dan agama. tetapi utamakanlah wanita yang taat kepada agama, pasti kamu akan bahagia". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

> *"Hendaklah kamu berkahwin dengan seorang gadis yang engkau boleh bergurau senda dengannya dan dia akan bergurau senda dengan engkau".*

> *"Kahwinilah perempuan yang mempunyai keturunan ramai anak, yang bersifat kasih sayang kerana aku mempunyai umat yang ramai di hari kiamat".*

Ciri-ciri utama memilih jodoh.

i) . Beragama.

- Menyejukkan hati.
- Taat kepada perintah Allah SWT dan suami.
- Mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat.
- Beroleh keberkatan dalam perkahwinan.
- Boleh memberi peringatan tentang agama.

ii) Masih gadis.

- Masih dara.
- Mudah bergurau senda dan bersifat manja.

iii) Keturunan yang ada anak.

- Mendapatkan zuriat yang banyak.
- Meramaikan umat Nabi Muhammad SAW.
- Membesarkan saiz keluarga.
- Memperkukuhkan kekuatan Islam dalam segenap aspek.

iv) Keturunan yang baik.

- Mendapat zuriat yang baik.
- Mengurangkan masalah sosial dalam negara.
- Ketenangan jiwa dan perasaan.

v) Tidak dari keluarga terdekat.

- Mengelakkan putus persaudaraan jika berlaku perceraian.
- Mewarisi penyakit keturunan.
- Kemungkinan mendapat zuriat lembab dan kurang cergas

2.9 Meminang dan Pertunangan (AlKhitbah)

Meminang bermaksud lamaran. Perbuatan tersebut diharuskan dalam Islam kerana ia merupakan titik permulaan kepada ikatan kasih sayang dan kebahagiaan sesebuah rumahtangga.

Definisi.

Meminang dari **segi bahasa** ialah menyatakan keinginan seseorang untuk berkahwin dengan seorang perempuan. Manakala, maksud dari **segi syarak** ialah seseorang lelaki menzahirkan minatnya untuk berkahwin terhadap seorang wanita yang tiada halangan syarak untuk dikahwini sama ada terhadap dirinya sendiri atau melalui wali-walinya.

Dalil disyariatkan pertunangan.

Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., katanya:

> *"Saya berada di tempat kediaman Nabi SAW, tiba-tiba ada seorang lelaki datang memberitahu bahawa dia akan berkahwin dengan seorang perempuan Ansar, maka Nabi SAW bertanya: "Sudahkah*

engkau melihat dia?" Dia mengatakan: "Belum". Kemudian Nabi SAW berkata: "Pergi dan lihat dia kerana dalam mata orang-orang Ansar itu ada sesuatu".(Riwayat Muslim dan An-Nasaie)

Bilakah masa yang dibolehkan dan diharamkan meminang?

Peminangan boleh dilakukan secara terus-terang ataupun secara kiasan apabila mendapati seorang perempuan yang bakal dipinang itu tidak bersuami atau tidak berada dalam iddah. Perempuan itu juga bukanlah terdiri daripada perempuan yang haram dikahwini seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Apabila perempuan itu masih dalam iddah sama ada kerana bercerai mati ataupun ba'in, peminangan hendaklah dilakukan secara kiasan sahaja. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan tidak ada dosa bagi kamu meminang wanita-wanita itu menyembunyikan (keinginan mengahwini mereka) dalam hatimu, Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut mereka, dalam pada itu janganlah kamu mengadakan janji kahwin dengan mereka secara rahsia, kecuali sekadar mengucapkan (kepada mereka) perkataan yang ma'ruf dan janganlah kamu berazam (bertetap hati) untuk berakad nikah, sebelum habis iddahnya dan ketahuilah bahawasanyaAllah mengetahui apa yang ada dalam hatimu maka takutlah kepada-Nya dan ketahuilah bahawa Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang". (Surah Al-Baqarah: 235)*

Dalam *Nizam Al-Usrah* menyebut: antara hikmah tidak dibolehkan berterus-terang meminang wanita dalam iddah kematian suaminya supaya memelihara perasaan sedihnya atas kematian suaminya. Adapun bagi yang beriddah dengan sebab perceraian supaya tidak berlaku tohmahan yang mana si lelaki tersebut telah mengadakan pakatan.

Haram meminang sama ada secara kiasan atau berterus terang kepada perempuan-perempuan selain daripada yang dinyatakan tadi. **Haram** meminang perempuan yang masih dalam kekuasaan suaminya.

Haram juga meminang perempuan yang haram dikahwini sama ada pengharaman itu bersifat kekal atau sementara.

Begitu juga **haram** meminang perempuan yang dalam iddah raj'ie, sama ada pinangan itu secara kiasan atau beterus terang kerana perempuan tersebut masih isteri orang. Hal ini disebabkan suami perempuan tersebut masih boleh rujuk kepada isteri yang diceraikannya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan suami-suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) menghendaki islah (rujuk)". (Surah AL-Baqarah: 228)*

Maksud peminangan secara berterus terang.

Lafaz yang digunakan secara pasti bagi menunjukkan keinginan untuk berkahwin. Contohnya: *"Aku ingin mengahwinimu"* atau *"Apabila kamu habis iddah, aku akan mengahwinimu".*

Maksud peminangan secara kiasan.

Lafaz yang digunakan tidak pasti menunjukkan keinginan lelaki itu untuk berkahwin atau tidak. Contohnya, seorang lelaki berkata kepada seorang perempuan yang masih dalam iddah: *"Engkau cantik",* atau *"Boleh jadi ramai yang tertarik kepada engkau",* atau *"Siapalah orang yang akan mendapat orang seperti awak"* atau seumpamanya.

Pinangan atas pinangan.

Meminang perempuan yang telah dipinang oleh seseorang yang diketahui pinangannya telah diterima adalah haram, melainkan tunang perempuan itu memberi keizinan. Sekiranya pinangan itu belum diterima atau ditolak, tidaklah haram meminangnya. Pengharaman ini tidak membatalkan akad nikah tetapi perbuatan tersebut berdosa. Hal ini berdasarkan hadith daripada Ibn Umar r.a., Rasulullah SAW bersabda:

"Janganlah seorang lelaki meminang perempuan yang telah dipinang oleh saudara seagama yang meminangnya, sebelum itu membatalkan pertunangan tersebut atau saudara seagamanya itu sendiri membenarkan dia meminangnya". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Sunat sebelum meminang.

Lelaki yang meminang ataupun wakilnya sunat mendahulukan khutbah sebelum peminangan dan akad nikah. Khutbah itu hendaklah dimulai dengan puji-pujian kepada Allah SWT serta selawat ke atas Nabi SAW. Hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda:

"Setiap perkara yang penting sekiranya tidak dimulakan dengan pujian kepada Allah, maka dia terputus dari keberkatan". (Riwayat Ibn Majah)

Kemudian khutbah itu hendaklah diteruskan dengan berpesan tentang ketaqwaan kepada Allah SWT. Selepas itu, barulah dinyatakan hajat untuk meminang. Contohnya: *"Saya datang untung meminang anak perempuanmu"*. Wali perempuan itu juga sunat berkhutbah. Contohnya, selepas memuji Allah SWT, dia berkata: *"Saya suka kedatangan awak".*

Khutbah sebelum akad nikah lebih baik diberi penekanan berbanding sebelum peminangan. Perkara ini telah diamalkan oleh ulama' salaf r.ahum. Para imam mazhab mengambil berkat daripada riwayat Ibn Mas'ud r.a. dalam hadith mawquf dan marfu', katanya:

"Apabila seseorang daripada kamu berkhutbah untuk sesuatu hajat, seperti berkahwin dan lain-lainnya, maka hendaklah kamu ucapkan: Sesungguhnya segala pujian untuk Allah, kami memuji-Nya meminta pertolongan dan keampunan daripada-Nya. Kami memohon perlindungan daripada Allahdari kejahatan diri kami dan keburukan amalan kami. Sesiapa yang diberi hidayah oleh Allah, tiada sesiapa yang boleh menyesatkannya, dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah, tiada sesiapanpun yang boleh memberi petunjuk kepadanya. Aku bersaksi bahawa tiada

Tuhan melainkan Allah semata-mata dan tiada sekutu bagi-Nya. Aku juga bersaksi bahawa Muhammad itu adalah hamba-Nya dan juga rasul-Nya.

Hukum bersunyi-sunyian dan bergaul mesra dengan tunang sebelum berkahwin.

Dalam aspek perkahwinan, menjadi kebiasaan sebahagian masyarakat yang jauh daripada penghayatan Islam, lelaki bergaul mesra serta bersunyi-sunyian dengan tunangan mereka setelah pertunang mereka telah dirasmikan. Mereka mendakwa perbuatan ini adalah untuk mengenali akhlak dan tingkahlaku tunang mereka, sedangkan di lubuk hati mereka yakin tidak mampu menyingkap akhlak tunang mereka itu yang sebenar-benarnya.

Jika lelaki berfikir untuk menampakkan diri secara berpura-pura di hadapan perempuan sebagai jejaka idaman dari sudut kemuliaan, timbang rasa dan keelokkan, maka perempuan juga akan melakukan lebih daripada itu. Perempuan akan cuba menunjukkan dirinya sebagai gadis idaman dari sudut kelembutan, sifat keperempuanan, perasaan, adab, akhlak dan tingkah lakunya. Perbuatan bergaul mesra dan bersunyi-sunyian antara pasangan yang bertunang adalah **haram** dan tidak dibenarkan syarak. Hal ini berdasarkan hadith daripada Abn Abbas r.ahuma, Rasulullah SAW bersabda:

"Janganlah sama sekali seorang lelaki dan perempuan bersunyi-sunyian melainkan ada mahram bersama-sama mereka". (Riwayat Al-bukhari dan Muslim)

Perempuan yang cerdik ialah perempuan yang berusaha mengelakkan diri daripada kelihatan di hadapan tunangnya sehinggalah akad nikahnya disempurnakan. Perempuan itu mesti memikirkan masa depannya dengan mengambil risiko yang bakal dihadapi pada masa akan

datang sekiranya dia selalu bersunyi-sunyian dan bergaul mesra dengan tunangnya.

Sekiranya lelaki itu memutuskan tali pertunangan, berkemungkinan tidak ada lelaki lain yang meminangnya apabila mengetahui hubungannya dengan bekas tunangnya. Bersunyi-sunyian dan bergaul mesra hanya dibenarkan selepas berkahwin. Mereka bebas memilih pasangan masing-masing tanpa sebarang dosa dan halangan.

2.10 Kafaah (Sekufu)

Kafaah dari segi bahasa bermaksud sebanding atau sepadan. Manakala, dari segi syarak pula ialah perkara yang dengan ketiadaannya menyebabkan 'aib sepadan (kafaah).

Aspek yang dinilai bagi kafaah.

i. **Beragama dan kesolehan:** Seorang lelaki *fasiq* tidak sama dengan perempuan yang solehah.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Apakah orang-orang beriman itu sama dengan orang-orang yang fasiq? Mereka tidak sama". (Surah As-Sajadah: 18)*

ii. **Merdeka.**
iii. **Harga diri.**
iv. **Keturunan.**
v. **Akhlak.**
vi. **Berilmu.**
vii. **Aib (kecacatan):** Tidak mempunyai kecacatan yang boleh menyebabkan pasangan berhak memilih untuk mem*fasakh*kan

perkahwinannya. Seorang lelaki gila atau sopak, tidak sekufu' dengan seorang perempuan yang tidak berpenyakit seperti itu.

Sekufu dalam perkahwinan ialah hak isteri dan wali-walinya. Walaupun kufu bukannya syarat sah nikah, tetapi ia perlu untuk mengelakkan perkara yang buruk terhadap isteri dan walinya dan menjamin kelangsungan hidup suami isteri. Ini kerana pasangan yang sekufu mempunyai cara hidup yang tidak berbeza dan boleh diterima. Justeru itu, salah seorang daripadanya tidak terpaksa mengubah kebiasaannya kerana mereka telah mempunyai persamaan.

Namun, bakal isteri dan walinya boleh menggugurkan syarat sekufu ini. Sekiranya seorang perempuan telah dikahwinkan oleh walinya dengan seorang lelaki yang tidak sekufu, tetapi dengan kerelaannya, perkahwinan itu adalah sah. Ini kerana sekufu merupakan hak perempuan dan walinya. Sekiranya mereka redha menggugurkannya, maka ia tidak perlu dipertikaikan. Hal ini berdasarkan hadirth Rasulullah SAW sabdanya:

> *"Pilihlah tempat yang baik untuk meneruskan keturunanmu dan kahwinkanlah mereka yang sekufu dan kahwinilah mereka". (Riwayat Al-Hakam)*

viii. **Umur.**

ix. **Pekerjaan:** Seseorang yang mempunyai pekerjaan yang bertaraf rendah, seperti tukang sapu, tukang bekam, pengembala ternakan, pencuci tandas, adalah tidak kufu' mengahwini anak perempuan ilmuan, hakim atau ahli perniagaan. Antara tujuannya adalah:

i) Untuk menjaga keselamatan dan kerukunan dalam perkahwinan.

ii) Agar suami mempunyai kewibawaan, kehebatan, dipandang tinggi, hormat dan mulia pada pandangan isteri.

iii) Agar suami dapat mendidik dan mengawal isterinya.

2.11 Mas Kahwin (Mahar)

Mas kahwin ialah harta yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya dengan sebab akad nikah.

Hukum mas kahwin.

Hukumnya adalah **wajib** ke atas suami sebaik sahaja sempurna akad nikah sama ada mas kahwin itu disebut dengan kadar tertentu ataupun tidak semasa akad tersebut. Jika terdapat permuafakatan menafikannya atau tidak menyebutnya, persetujuan tersebut batal dan mas kahwin tetap wajib diserahkan.

Mengikut Mazhab maliki, mas kahwin termasuk dalam syarat daripada syarat sah akad, dan tidak sah perkahwinan sekalipun wujudnya persetujuan antara pihak lelaki dan perempuan supaya ditiadakan mas kahwin. Ini kerana berlawanan dengan syarak. Mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa mas kahwin merupakan syarat keharusan nikah seseorang muslim.

Dalil wajib.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Berikanlah mas kahwin (mahar) kepada wanita)yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan". (Surah An-Nisa': 4)*

Orang yang diperintahkan untuk memberi mas kahwin ini ialah para suami. Begitu juga firman Allah SWT:

> *"Maka isteri-isteri yang telah kamu nikmati (campuri) di antara mereka, berikanlah kepada mereka maharnya (dengan sempurna), sebagai suatu kewajipan". (Surah An-Nisa': 24)*

Hal ini berdasarkan hadith daripada Sahl bin Sa'a r.a., katanya:

> *"Seorang perempuan datang menemui Rasulullah SAW seraya berkata: Sesungguhnya dia mahu menyerahkan*

dirinya untuk dikahwini oleh Nabi SAW kerana Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda: "Aku tidak berhajat kepada perempuan". Lalu seorang lelaki berkata: "Kahwinkanlah aku dengan perempuan itu". Sabda Baginda: "Engkau berikan perempuan itu sehelai pakaian". Dia menjawab: "Aku tidak memilikinya". Lalu Baginda bersabda lagi: "Lelaki itu menjawab: "Engkau berikanlah dia walaupun sebentuk cincin besi". Lelaki itu menjawab: "Dia tidak memilikinya". Baginda bersabda: "Adakah ayat-ayat al-Qur'an yang engkau hafal?" dia menjawab: "Ada begian-begian". Baginda pun bersabda: "Aku kahwinkan engkau dengan perempuan itu dengan mengajarkannya ayat-ayat al-Qur'an yang engkau hafal". (Riwayat Al-Bukhari)

Berdasarkan logik akal, tanpa pemberian mas kahwin, sudah pasti membawa kepada penghinaan terhadap wanita, jatuh nilainya dan urusan perkahwinan dianggap enteng. Hal ini mendorong kepada kemungkinan berlaku perceraian dengan sebab yang remeh, sebaliknya dengan mas kahwin, sudah pasti kedudukan wanita begitu tinggi pada pandang lelaki. Hal ini menyebabkannya merasa bertanggungjawab dan berfikir banyak kali untuk memutuskan ikatan perkahwinan hanya kecuali berlaku ke tahap darurat yang besar.

Menyebut mas kahwin.

Sunat hukumnya menyebut kadar mas kahwin semasa akad nikah. Hal ini kerana, Rasulullah SAW tidak pernah meninggalkan daripada menyebutnya dalam mana-mana perkahwinan. Menyebutnya dapat mengelakkan pertelingkahan antara suami isteri.

Walaupun begitu, perbuatan Rasulullah SAW menyebut mas kahwin semasa akad nikah bukanlah maksud wajib. Ulama' bersepakat menyatakan harus tidak menyebut mas kahwin dalam akad nikah. Namun, perbuatan ini adalah makruh kerana bertentangan dengan perbuatan Nabi SAW.

Pemilikan mas kahwin.

Mas kahwin adalah hak milik mutlak bagi isteri. Wali tidak berhak terhadap mas kahwin tersebut walaupun dia berhak untuk menerimanya bagi pihak perempuan tersebut. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Maka janganlah kamu mengambil sedikitpun dari harta itu. Apakah kamu akan mengambilnya kembali dengan jalan tuduhan yang dusta dan dengan (menanggung) dosa yang nyata ?" (Surah An-Nisa' : 20)*

Kadar mas kahwin.

Mas kahwin tidak mempunyai kadar minimum dan maksimumnya. Setiap sesuatu yang dinamakan harta atau boleh ditukar dengan harta, boleh dijadikan mas kahwin sama ada sedikit ataupun banyak, tunai atau hutang, atau sesuatu yang bermanfaat, seperti kain, sejadah, wang, tempat kediaman atau mengajar sesuatu kemahiran. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan dihalalkan bagi kamu selain yang demikian (iaitu) mencari isteri-isteri dengan hartamu".(Surah An-Nisa':24)*

Ayat ini hanya menyebut harta (المال) semata-mata tanpa menetapkan kadar yang tertentu. Begitu juga, Rasulullah SAW bersabda:

> *"Engkau berikanlah perempuan itu walaupun sebentuk cincin besi". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Allah SWT berfirman:

> *"Dan jika kamu ingin mengganti isterimu dengan isteri lain, sedang kamu telah memberikan kepada seseorang di antara mereka harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil kembali daripadanya barang sedikitpun". (Surah An-Nisa': 20)*

Ayat ini menjelaskan bahawa suami harus memberikan isterinya harta yang banyak. Hal ini menunjukkan bahawa tiada had maksimum bagi pemberian mas kahwin terhadap isteri.

Menyegerakan dan menangguhkan pemberian mas kahwin.

Pemberian mas kahwin tidak disyaratkan dengan segera. Ia boleh disegerakan atau ditangguhkan kesemuanya sebelum persetubuhan. Walaubagaimanapun, penangguhan itu hendaklah ditentukan masanya. Ini kerana mas kahwin itu adalah milik isteri. Dia berhak meminta disegerakan atau ditangguhkan mengikut kehendaknya.

Apabila mas kahwin tersebut diminta agar diserahkan segera, maka isteri berhak menahan dirinya daripada melakukan persetubuhan dengan suami sehinggalah mas kahwin diterimanya. Jika mas kahwin itu dipersetujui ditangguhkan, isteri tidak berhak menahan dirinya daripada suami kerana dia sendiri telah bersetuju dengan penangguhan tersebut.

Nilainya.

Mas kahwin ini dinilai berdasarkan nasab kaum kerabat isteri sebelah bapa. Ia dinilai mengikut mas kahwin kerabat perempuan yang terdekat hubungannya, iaitu saudara perempuan seibu sebapa, anak-anak perempuan saudara lelaki dan ibu-ibu saudara sebelah bapa. Ia juga dinilai menurut persamaan mereka berdasarkan sifat-sifat yang dijelaskan kemudian.

Sekiranya tiada kaum kerabat perempuan yang terdekat tersebut atau mereka masih belum berkahwin, mas kahwin akan dinilai mengikut kaum kerabat terdekat sebelah ibu, seperti ibu, nenek, ibu saudara sebelah ibu dan anak-anak perempuan saudara perempuan. Hal ini kerana mereka lebih utama berbanding perempuan-perempuan yang bukan kerabat.

Jika kaum keluarga perempuan sebelah ibu pun tiada, maka mas kahwin dinilai mengikut kadar mas kahwin perempuan terdekat, berdasarkan persamaan sifat antara mereka.

Menyebut mas kahwin yang tidak sah.

i) Mas kahwin yang disebut bukannya harta menurut syarak seperti arak, babi, alat-alat yang melalaikan dan seumpamanya. Benda-benda seperti ini bukanlah harta yang boleh ditukar sebagai harta menurut syarak.

ii) Harta yang disebut sebagai mas kahwin itu bukanlah miliknya, seperti sejadah yang dirampas dijadikan mas kahwin.

iii) Mengahwini dua orang perempuan atau lebih dengan satu mas kahwin. Walaupun pernikahan itu sah, tetapi mas kahwinnya menjadi rosak. Oleh itu kesemua isteri tersebut mendapat mas kahwin *mithli*. Ini disebabkan mas kahwin setiap isteri tidak diketahui nilainya semasa akad.

iv) Perempuan menyerahkan perkahwinannya tanpa mas kahwin. Contohnya, seorang perempuan yang baligh dan berakal sama ada anak dara atau janda berkata kepada walinya: *"Kahwinkanlah aku tanpa mas kahwin"*. Maka, wali tersebut sama ada mengahwinkannya tanpa mas kahwin atau tanpa menyebut tentang mas kahwin. Dalam hal ini, perempuan tersebut wajib diberi mas kahwin *mithli*, bukan kerana akad, tetapi kerana persetubuhan. Hal ini kerana, persetubuhan tidak harus dengan persetujuan sahaja, disebabkan ia turut mengandungi hak Allah SWT. mas kahwin *mithli* hal ini berdasarkan ketika akad, bukannya berdasarkan ketika persetubuhan. Sehubungan itu, isteri boleh meminta suami menentukan kadar mas kahwinnya sebelum persetubuhan. Bahkan, dia boleh menolak persetubuhan sehinggalah suami menentukan kadar mas kahwin *mithli* tersebut.

v) Mas kahwin tersebut diisyaratkan dalam akad, sebahagiannya diberikan kepada bukan isteri, seperti bapa dan saudaranya. Dalam hal ini perkahwinan adalah sah walaupun mas kahwin rosak. Justeru, isteri wajib diberikan mas kahwin *mithli*.

2.12 Walimatul Urus (Majlis Kahwin)

Walimah (الوليمة) ialah perkataan Arab yang berasal daripada kalimah *al-walm* (الولم), yang bermaksud perhimpunan. Ia demikian kerana suami dan isteri akan bertemu dan berhimpun dalam majlis perkahwinan. Walimah juga bermaksud makanan pengantin atau semua jenis makanan yang dibuat untuk jemputan dan sebagainya.

Hukumnya: Mengadakan *walimah*, hukumnya **sunat muakkad**. Hal ini berdasarkan hadith:

> *"Nabi SAW mengadakan walimah perkahwinan dengan sesetengah isterinya dengan dua cupak gandum". (Riwayat Al-Bukhari)*

Kadarnya.

Sekurang-kurangnya jamuan *walimah* bagi orang yang berada ialah seekor kambing dan tidak ada had maksimumnya. Sementara orang yang susah pula, memadai dengan apa yang sahaja makanan yang mampu disediakan.

Hikmah pensyariatan.

Hikmah *walimah* adalah sebagai mensyukuri Allah SWT atas perkahwinan tersebut, di samping orang ramai dapat berkumpul dan mewujudkan sikap kemesraan. *Walimah* juga disyariatkan untuk menzahirkan perkahwinan daripada sesuatu yang rahsia kepada yang nyata. Ia juga untuk membezakan pernikahan mengikut syarak dengan zina yang dilarang.

Hukum menerima undangan di majlis *walimah* perkahwinan.

Menghadiri majlis *walimah* perkahwinan adalah **fardhu 'ain (wajib)** kepada sesiapa yang mendapat jemputan dan undangan tersebut. Hal ini berdasarkan hadith daripada Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah SAW:

> *"Apabila seseorang daripada kamu diundang ke majlis walimah, dia hendaklah menghadirinya". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Syarat wajib memenuhi undangan ke majlis *walimah*.

i) Tuan rumah tidak mengkhususkan jemputannya kepada orang kaya sahaja. Ini berdasarkan hadith daripada Abu Hurairah r.a., katanya:

> *"Seburuk-buruk makanan ialah jamuan di majlis walimah yang khusus untuk orang kaya sahaja dan meninggalkan orang miskin. Sesiapa yang tidak memenuhi undangan yang tidak khusus, dia telah menderhaka kepada Allah dan Rasul-Nya". (Riwayat Muslim)*

ii) Orang yang mengundang dan yang diundang, hendaklah beragama Islam. Jika selain daripada itu, undangan tersebut tidak wajib dipenuhi.

iii) Memenuhi jemputan pada hari pertama sahaja, sekiranya majlis walimah tersebut lebih daripada sehari. Sementara memenuhi undangan pada hari yang **kedua, sunat** dan pada hari **ketiga, makruh**. Ini berdasarkan hadith daripada Ibn Mas'ud r.a., bahawa Rasulullah SAW bersabda:

> *"Jamuan walimah pada hari pertama adalah hak, pada hari yang kedua adalah sunat dan pada hari yang ketiga adalah berbangga-bangga. Sesiapa yang melakukannya, Allah memasukkan perasaan bangga dalam dirinya". (Riwayat At-Tirmizi)*

iv) Undangan tersebut untuk melahirkan kasih sayang dan merapatkan hubungan. Jikalau takut kepadanya atau ingin mendapatkan sesuatu daripada kemegahannya, ia tidak wajib dihadiri.

v) Orang yang mengundang bukan seorang yang zalim, jahat atau memiliki harta yang haram. Jika demikian, jemputan itu tidak wajib dihadiri.

vi) Tidak terdapat perkara mungkar, seperti minum arak, pergaulan bebas lelaki dan perempuan, dan patung-patung manusia dan haiwan. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW bersabda:

> *"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, jangan sesekali duduk pada hidangan yang diedarkan arak". (Riwayat al-Hakim)*

Walaupun begitu, jika kehadirannya boleh mencegah kemungkaran, maka **wajib** baginya menghadiri majlis tersebut bagi menghapuskan kemungkaran.

Adat-adat walimah yang tidak menyeleweng daripada syariat Islam dalam masyarakat Malaysia.

(i) Menggunakan kad jemputan.

(ii) Bermadah dari rumah ke rumah untuk menjemput.

(iii) Gotong-royong dalam menyediakan juadah, lebih-lebih lagi bagi masyarakat di kampung.

(iv) Mengadakan majlis khatam Al-Qur'an sempena dengan perkahwinan.

(v) Memberi hadiah seperti halwa, makanan, telur, dan lain-lain kepada tetamu sebagai bekalan.

(vi) Tetamu menghadiahkan duit atau barangan kepada pengantin atau ibu bapa pengantin, dan lain-lain.

Adat-adat walimah yang menyeleweng daripada syariat Islam dalam masyarakat Malaysia.

(i) Percampuran tempat makan antara lelaki dan perempuan. Alangkah baiknya dikhususkan kepada tiga tempat, iaitu untuk lelaki, wanita dan keluarga.

(ii) Kesopanan ketika mengujungi majlis tersebut yang kadang-kadang tidak menutup aurat.

(iii) Pengantin terutamanya pihak perempuan juga memakai pakaian yang tidak menutup aurat dan menggunakan *make-up* yang berlebihan sehingga tidak dapat menunaikan solat.

(iv) Adanya hiburan yang bersifat melampau khususnya nyanyian yang tidak berakhlak serta mengheret kepada tuntutan nafsu. Alangkah baiknya digantikan dengan nyanyian yang baik, terutamanya nasyid-nasyid yang bercorak Islam.

(v) Berjabat tangan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Hal ini tidak dibenarkan mengikut pendapat yang rajih.

(vi) Tidak menjaga dan meraikan waktu solat sehingga kadang-kadang amat ramai yang terlibat dalam kenduri perkahwinan tidak menunaikan solat fardhu. Alangkah baiknya tuan rumah menyediakan tempat solat supaya keberkatan dapat dicapai.

(vii) Persandingan secara terbuka yang ditonton oleh khalayak, apatah lagi keadaan pengantin yang tidak menutup aurat mengikut syariat Islam. Hal ini jelas bertentangan dengan anjuran syariat. Alangkah baiknya jika ia digantikan dengan sesi ta'aruf atau diadakan secara tertutup kepada mahram dan keluarga yang terdekat sahaja.

Soalan pendek

1- Berikan definisi dan dalil perkahwinan.
2- Berikan turutan wali.
3- Siapakah perempuan yang haram dikahwini.

4- Berikan TIGA(3) matlamat perkahwinan.

5- Berikan TIGA(3) ciri-ciri utama dalam pemilihan jodoh.

6- Nyatakan definisi al-Khitbah?

7- Apakah Kafaah?

8- Berapakah kadar walimatul urus?

Aktiviti

Jelaskan hukum pernikahan beserta contoh.

KATA KUNCI

Perkahwinan	**Kafaah**
Hukum Nikah	**Mas kahwin**
Mahram	**Dalil**
Pertunangan	**Walimah**

KESIMPULAN

Untuk membentuk institusi perkahwinan yang cemerlang, persediaan sebelum perkahwinan adalah penting bagi memastikan pasangan suami isteri dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik. Untuk melahirkan generasi yang baik dan terdidik adalah bermula dari keluarga yang baik dan terdidik.

RUJUKAN

Azman Ab Rahman & Zulkifli Muhammad Al-Bakri (2012), *Al-Fiqh Al-Islami II (Modul 2: Fiqh Munakahat),* Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, hlm.16-18

Mahmud Saedon Awang Othman (2001), *Keluarga Bahagia: Dari Kaca Mata Islam*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 41-43

TOPIK 3

TANGGUNGJAWAB SUAMI ISTERI DAN IBU BAPA

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar akan dapat :

1) mempelajari tentang tanggungjawab suami.
2) tanggungjawab isteri.
3) tanggungjawab bersama.
4) tanggungjawab ibu bapa.
5) tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa semasa hidup dan setelah meninggal dunia.

PENDAHULUAN

Perkahwinan adalah sunnah Nabi Muhammad SAW. Asas kepada institusi perkahwinan adalah seorang suami dan seorang isteri. Seseorang yang hendak mendirikan rumahtangga mestilah bersedia untuk memikul tanggungjawab sama ada sebagai suami, bapa atau isteri dan ibu kepada anak-anak.

Keluarga yang harmoni akan dapat melahirkan masyarakat yang baik. Membina keluarga bermakna bertambahnya tanggungjawab. Di sini digariskan beberapa tanggungjawab penting suami dan isteri dalam berumahtangga.

3.1 Tanggungjawab Suami

Seseorang lelaki yang berhasrat untuk berkahwin terlebih dahulu disarankan supaya mempelajari tanggungjawab sebagai seorang suami,

supaya kehidupan berumahtangga mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Berikut dikemukakan tanggungjawab-tanggungjawab tersebut:

i) Adil.
ii) Pemimpin.
iii) Memberi nafkah.
iv) Memberi didikan.
v) Memberi perlindungan.
vi) Melayan dan menggauli isteri dengan baik.

i) Memberi nafkah.

Seorang suami juga hendaklah memberi nafkah zahir dan batin kepada isterinya mengikut kemampuannya. **Nafkah batin** ialah melakukan hubungan jenis dengan isteri. Pemberian **nafkah zahir** termasuk menyediakan keperluan asas kepada isteri seperti perbelanjaan makan minum, pakaian mengikut keperluan dan tempat tinggal. Walaupun ia merupakan satu tanggungjawab, pemberian nafkah boleh diibaratkan sebagai sedekah kepada keluarga. Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

> *"Sesiapa yang memberi nafkah kepada isterinya, anaknya dan ahli keluarganya, maka ia (nafkah) yang diberikan adalah sedekah*".

Firman Allah SWT bermaksud:

> *"Dan kewajipan suami memberi makan dan pakaian kepada isteri dengan cara yang baik". (Surah Al-Baqarah: 233)*

i) Suami hendaklah memberikan wang yang secukupnya kepada isteri supaya ia boleh membeli keperluan rumahtangga.
ii) Untuk pakaian pula, isteri berhak membeli pakaian yang sesuai mengikut keadaan dan kemampuan suami.

iii) Isteri juga berhak untuk mendapatkan tempat tinggal yang selesa, selamat dan sekurang-kurangnya mempunyai keperluan yang minimum.

iv) Nafkah anak-anak juga adalah tanggungjawab suami.

v) Untuk keperluan batin pula, suami hendaklah memenuhi keperluan isteri tanpa mementingkan diri sendiri.

ii) Adil.

Mengawal isterinya serta berlaku adil kepadanya kerana isteri itu adalah amanah Allah SWT yang diserahkan kepada suami. Jika seorang lelaki itu mengahwini lebih daripada seorang isteri, bermakna suami perlulah bersikap adil terhadap isteri-isterinya. Suami hendaklah memenuhi keperluan isteri-isterinya tanpa melebih-lebihkan salah seorang daripada mereka. Suami perlulah mengaturkan jadual bermalam yang adil supaya tidak berlaku perbalahan sesama isteri dengan suami yang akan menghalang pembentukan keluarga bahagia.

iii) Pemimpin.

Suami juga bertindak sebagai ketua rumah dalam sesebuah keluarga. Suami juga hendaklah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan orang-orang di bawah jagaannya., iaitu isteri dan anak-anaknya. Tanggungjawab yang dipikul ini adalah besar, oleh itu suami hendaklah bersedia untuk memimpin sebuah keluarga yang dibinanya.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Lelaki itu pemimpin bagi perempuan dengan apa-apa yang Allah telah lebihkan sebahagian mereka ke atas sebahagian yang lain, dan lantaran lelaki itu telah memberikan nafkah dengan harta mereka. Perempuan-perempuan yang baik ialah perempuan yang setia dan menjaga diri di belakang suami akan apa-apa yang disuruh Allah menjaganya". (Surah An-Nisa': 34)*

iv) Memberi didikan.

Pendidikan agama sangat penting dalam kehidupan kita sehari-hari. Dalam sesebuah institusi keluarga, suami bertanggungjawab memberikan nasihat dan ilmu pengetahuan serta pengajaran hukum Islam dalam hal-hal fardhu 'ain kepada isteri dan anak-anak.

Oleh sebab itu, suami perlulah melengkapkan dirinya dengan pendidikan agama supaya ia dapat mengajar isterinya. Bagi suami yang tidak berupaya memberikan didikan agama dan ilmu pengetahuan kepada isteri, hendaklah disuruh belajar dengan orang lain yang lebih berpengetahuan dengan menjaga batasan-batasan tertentu.

v) Memberi perlindungan.

Suami juga bertanggungjawab memberi perlindungan, penjagaan dan kegembiraan kepada isteri. Perlindungan dan keselamatan yang diberikan kepada keluarga disamakan seperti seorang yang mati syahid. Firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Tempatkanlah mereka (perempuan-perempuan yang iddah) di tempat kediaman yang sesuai dengan kemampuan kamu, dan janganlah mensengsarakan mereka untuk menimpakan kesusahan kepada mereka". (Surah At-Talaq: 6)*

vi) Melayan dan menggauli isteri dengan baik.

Gurauan adalah perlu dalam perhubungan suami isteri kerana ia boleh merapatkan lagi perhubungan mereka. Ia juga merupakan salah satu cara untuk merehatkan badan dan pemikiran. Firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Dau gaulilah dengan mereka (perempuan-perempuan) dengan baik, dan sekiranya kamu membenci mereka mungkin apa yang yang kurang kamu sukai itu Allah menjadikannya kebaikan yang banyak". (Surah An-Nisa': 19)*

3.2 Tanggungjawab Isteri

Seorang wanita apabila sudah bergelar seorang isteri, ketaatan yang utama telah beralih daripada ibu bapanya kepada suaminya. Seorang isteri perlu melunaskan tanggungjawab terhadap suaminya bagi memastikan segala perkataan, tindakan dan tingkah lakunya dibawah redha suaminya. Berikut merupakan antara tanggungjawab seorang isteri:

i) Taat kepada suami.
ii) Melayan suami.
iii) Mengurus rumahtangga.
iv) Menjaga maruah diri, suami dan keluarga.
v) Menyenangkan hati suami.
vi) Pendorong hati suami.
vii) Pendorong dan pemberi motivasi.

(i) Taat kepada suami.

Tanggungjawab utama seorang suami ialah taat dan patuh kepada suaminya. Kesetiaan isteri kepada suaminya perlulah diutamakan terlebih dahulu lebih daripada keluarga terdekat sendiri. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW, bermaksud:

> *"Sekiranya aku ini orang yang menyuruh mana-mana orang supaya sujud kepada orang lain tentu sekali aku akan menyuruh isteri sujud kepada suaminya".(Riwayat Abu Daud dan Al-Hakim)*

Firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat kepada Allah dan suaminya (dan yang memelihara kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan".*

Isteri hendaklah mematuhi perintah suami asalkan ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. andainya suami menyuruh melakukan dosa atau maksiat maka isteri dibenarkan membantah. Sabda Rasulullah SAW, bermaksud:

> *"Tidak boleh mentaati makhluk dalam perkara menderhaka kepada Allah SWT". (Riwayat Ahmad)*

Setelah berkahwin, suami mempunyai hak ke atas isteri. Oleh sebab itu, jika isteri ingin keluar rumah atau berpuasa sunat, dia hendaklah meminta izin daripada suami. Sabda Rasulullah SAW, bermaksud:

> *"Tidak halal bagi seorang isteri yang beriman dengan Allah dan hari akhirat untuk berpuasa, sedangkan suaminya ada di sampingnya kecuali dengan keizinan suaminya itu". (Riwayat Al-Bukhari, Muslim dan Ahmad Ibn Hanbal)*

Larangan berpuasa tanpa keizinan suami ini diwujudkan kerana dikhuatiri isteri tidak dapat melayan kemahuan suami dengan baik. Oleh sebab itu, meminta izin adalah sangat penting.

Jika diperincikan konsep ketaatan isteri terhadap suami, ulama' telah menjelaskan ianya adalah termasuk:

i) Tidak boleh menerima lelaki lain masuk ke rumahnya, atau menerima pemberian daripadanya. Tidak boleh meminjamkan atau membelanjakan harta milik suaminya tanpa kerelaan suami.

ii) Suami berhak membatasi kegiatan isterinya serta mencegah isteri keluar rumah tanpa izin.

iii) Suami mempunyai hak untuk mengenakan hukuman terhadap isteri yang tidak patuh (nusyuz) mengikut had dan kaedah yang ditetapkan oleh syarak.

iv) Isteri juga dari hukumnya, tidak berhak menolak hak suami untuk mengambil isteri lain atau menceraikannya. Walaubagaimanapun, isteri boleh membatasi kebebasan suami untuk melaksanakan hak-hak tersebut seperti meminta cerai melalui mahkamah, atau lain-lainnya dengan cara mengadakan kontrak atau perjanjian masa persetujuan pernikahan diadakan.

v) Isteri juga wajib mematuhi pilihan suami untuk tinggal di mana-mana tempat asalkan ianya memang bersesuaian.

Walaupun mentaati suami merupakan satu tuntutan agama ke atas para isteri, namun ketaatan tersebut tetap terikat dengan batas dan syarat-syarat tertentu. Di antara syarat-syarat kepatuhan isteri terhadap suami ialah:

i) Isteri wajib mentaati dan memenuhi kehendak suami selama mana perintah dan kehendak tersebut tidak bertentangan dengan hukum syarak. Dalam erti kata lain, jika suami memerintah isteri melakukan sesuatu maksiat kepada Allah atau suami menghalang isteri daripada mengerjakan ibadat yang fardhu, maka isteri tidak perlu taat, malah wajib mengingkarinya. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

> *"Tidak ada ketaatan kepada makhluk dalam memaksiati Allah". (Riwayat At-Tirmizi dan Ahmad)*

ii) Perintah tersebut hendaklah masih di dalam batas kemampuan isteri untuk melakukannya. Apabila suami memerintahkan sesuatu perkara yang mana isteri tidak mampu melaksanakannya maka perintah tersebut tidak wajib ditaati. Ini berdasarkan firman Allah SWT maksudnya:

"Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali mentaklifkan (membebankan) kamu dengan sesuatu yang tidak mampu kamu kerjakan". (Surah Al-Baqarah: 286)

iii) Suami tidak memerintahkan isterinya dengan sesuatu yang boleh membawa kemudaratan kepada diri, kandungan (jika dia sedang mengandung) dan orang lain kerana sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

"Tidak ada mudarat dan tidak boleh memudaratkan". (Riwayat Ibn Majah, Ahmad dan Malik)

(ii) Melayan suami.

Isteri juga wajib memberi layanan yang sebaik-baiknya terhadap kehendak suaminya pada bila-bila masa sahaja sepertimana sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Apabila seseorang suami mengajak isterinya ke tempat tidur, tetapi dia enggan melayan ajakan suaminya, maka suami tidur dengan marah pada waktu malam itu, nescaya malaikat mengutuknya sampai waktu subuh". (Riwayat sebahagian Ahli Sunnah)

(iii) Mengurus rumahtangga.

Tugas seorang isteri ialah untuk menjadikan tempat tinggalnya sebagai satu tempat untuk berehat serta menghasilkan persekitaran yang menyenangkan. Isteri hendaklah menghias rumah supaya ia kelihatan damai dan rasa tenang untuk didiami.

Pengurusan rumahtangga adalah tanggungjawab seorang isteri. Walaupun mempunyai pembantu rumah, isteri masih bertanggungjawab untuk menyelia segala pengurusan rumah. Suami pula diharapkan dapat membantu isteri dalam melakukan kerja-kerja rumah. Dengan adanya kerjasama daripada kedua-dua belah pihak,

maka wujudlah sebuah keluarga bahagia serta dapat merapatkan lagi hubungan sesama mereka.

(iv) Menjaga maruah diri, suami dan keluarga.

Isteri hendaklah menjaga maruah dan akhlak terutamanya apabila keluar dari rumah. Apabila isteri keluar rumah kerana sebab-sebab tertentu seperti bekerja, melawat sanak-saudara atau keluar membeli-belah, hendaklah memakai pakaian menutup aurat dan tidak menjolok mata, berjalan dengan cara yang tidak menarik perhatian ramai serta berkelakuan baik. Isteri perlulah menundukkan pandangan serta menjauhkan diri dari segala fitnah yang mungkin akan berlaku. Firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Hai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin: "Hendaklah mereka menghulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka. Yang demikian itu supaya mereka lebih mudah untuk dikenal, kerana itu mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang". (Surah Al-Ahzab: 59)*

Isteri juga bertanggungjawab merahsiakan segala kecacatan yang ada pada suami. Ini adalah untuk mengelakkan perasaan 'aib timbul yang boleh menjurus kepada perbalahan. Perbalahan seperti ini perlulah dielakkan kerana ia boleh mengganggu pembentukan keluarga bahagia.

(v) Menyenangkan hati suami.

Apabila suami memberikan pemberian dalam apa jua bentuk, adalah menjadi tanggungjawab isteri untuk menghargai pemberian suami. Isteri tidak boleh meminta-minta hadiah daripada si suami yang melebihi kemampuannya. Jika mendapat hadiah walaupun kecil

sahaja, isteri hendaklah menghargainya dan tidak mengkritik bentuk hadiah tersebut.

Untuk menyenangkan hati suami melihat isteri, maka isteri haruslah menjaga dirinya supaya kelihatan ceria dan menarik. Ketika berada di dalam rumah, isteri perlulah mengenakan solekan yang sewajarnya agar suami tertarik hati melihatnya. Isteri juga hendaklah memakai wangi-wangian yang boleh menarik perhatian suami.

(vi) Pendorong dan pemberi motivasi.

Isteri yang solehah seharusnya menjadi teman perunding bagi suami dan menjadi sahabat dalam menyelesaikan masalah. Itulah sebabnya hubungan suami isteri itu diertikan sebagai "teman hidup".

Dalam sesebuah institusi keluarga,ahli-ahlinya perlulah bersama-sama memikul tanggungjawab supaya pembentukan keluarga bahagia akan tercapai.

3.3 Tanggungjawab Bersama

Kedua pihak perlulah menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan perkahwinan yang dibina bahagia hingga ke akhirnya. Antara tanggungjawab bersama suami isteri adalah seperti berikut:

(i) Amanah.

Tanggungjawab suami isteri memegang amanah untuk memelihara maruah dan nama baik pesangan serta keluarga masing-masing. Rasulullah SAW telah bersabda yang maksudnya:

> *"Sesungguhnya amanah yang paling besar di sisi Allah di hari kiamat kelak ialah menyebarkan rahsia isteri. Misalnya seorang lelaki bersatu dengan isterinya, kemudian dia membicarakan kepada orang lain tentang rahsia isterinya".*

(ii) Mendidik anak-anak.

Tugas yang paling utama dalam kehidupan berumahtangga ialah mendidik anak-anak, kerana anak-anak merupakan amanah Allah SWT. Mendidik anak dengan sempurna dalam Islam bukan setakat memberi makan minum, tetapi lebih daripada itu, iaitu memberi pengajaran kepada mereka terutamanya pelajaran Fardhu 'Ain di samping ilmu fardhu Kifayah dengan harapan mendapat keredhaan Allah SWT.

(iii) Kasih sayang.

Kasih sayang merupakan fitrah dalam kehidupan manusia, ianya datang dengan sendiri dan bukannya buat-buat atau lakonan. Untuk membetulkan kasih sayang yang dicurahkan itu menepati dengan kehendak yang sebenar, maka Islam telah mengajar umatnya melalui Al-Qur'an dengan istilah *mawaddah* dan *rahmah*, setiap pasangan dalam Islam mestilah mematuhi ajaran ini.

(iv) **Persefahaman dan tolak ansur.**

Persefahaman dan tolak ansur antara satu sama lain adalah penting untuk mencapai rumahtangga yang bahagia dan berkekalan. Sikap saling memahami antara satu sama lain adalah perkara utama dalam rumahtangga.

(v) Berterus terang dan bersikap terbuka.

Berterus terang dengan pasangan perlu dalam kehidupan berumahtangga. Ia lebih baik jika disertai sikap terbuka pasangan. Suami atau isteri boleh mengamalkan sikap suka menyembunyikan sesuatu dengan pasangannya secara langsung boleh merenggangkan hubungan. Ini kerana sikap saling mencurigai akan wujud secara tidak disedari.

(vi) Hargai pasangan.

Menghargai pasangan adalah sesuatu yang perlu diwujudkan. Misalnya, suami perlu memberi pujian atas apa yang disediakan oleh isteri. Begitu juga dengan isteri, biarpun suami tidak melakukan tugas memasak, membasuh dan sebagainya, pujian yang diberikan kerana membantu di dapur pada hujung minggu sekurang-kurangnya membuatkan rasa mereka dihargai.

(vii) Menghormati antara satu sama lain.

Walaupun hak dan kuasa adalah lebih kepada suami, suami juga perlu menerima pandangan yang diberikan oleh isteri. Sikap saling menerima pandangan secara langsung akan mewujudkan sikap hormat isteri terhadap pasangannya.

(viii) Saling mempercayai antara satu sama lain.

Sikap saling mempercayai amat penting dalam kehidupan berumahtangga. Tanpa sikap tersebut rasa ragu-ragu dan curiga antara satu sama lain akan timbul. Ini akan menyebabkan hubungan suami atau isteri menjadi dingin.

3.4 Tanggungjawab Ibu Bapa

Berdasarkan ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith, para ulama' telah menggariskan beberapa kewajipan dan tanggungjawab yang mesti dipikul oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Di antaranya ialah:

(i) Azan dan iqamah di telinga bayi: Di antara tanggungjawab awal seorang bapa terhadap anaknya ialah mengazankan dan mengiqamahkan bayi sebaik sahaja ia dilahirkan. Azan dilakukan ke

telinga kanan, manakala iqamah ke telinga kiri sama ada bayi tersebut lelaki mahupun perempuan.

Tujuan azan dan iqamah dilakukan ke telinga bayi adalah supaya suara yang pertama didengar oleh bayi sejurus kelahirannya sebelum ia mendengar suara-suara lain adalah suara yang mengandungi kalimah tauhid, kalimah syahadah, kalimah mengajak sembahyang sebagai tanda syukur terhadap nikmat Allah yang tidak terhingga, juga seruan untuk bayi tersebut menyertai seluruh umat Islam menuju kepada kejayaan dan kemenangan (al-falah) di dunia dan akhirat.

Di samping itu, kalimah azan dan iqamah juga dapat menghalau syaitan yang menjadi musuh kepada manusia sebagaimana sabda Rasulullah SAW maksudnya:

> *"Sesiapa yang mendapat anak lalu diazankan di telinga kanannya dan diiqamahkan di telinga kirinya nescaya syaitan tidak dapat memudaratkannya". (Riwayat Al-Baihaqi)*

(ii) **Melakukan tahnik:** Tahnik bermaksud menggosok-gosokkan langit-langit bayi dengan sedikit buah tamar atau sesuatu buah yang manis yang telah dilecek atau dimamah supaya lembut. Tujuan tahnik ialah untuk melatih bayi tersebut terus menyusui ibunya. Dan ia merupakan sunnah Rasulullah SAW, di mana apabila dibawakan kepada Baginda bayi yang baru dilahirkan, maka Baginda akan melakukan tahnik ke atas bayi tersebut. Abu Musa r.a. meriwayatkan bahawa:

> *"Saya mendapat seorang anak dan terus membawanya kepada Rasulullah SAW, maka Baginda menamakannya Ibrahim dan melakukan tahnik dengan tamar serta berdoa agar anak kecil itu diberkati Allah". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

(iii) **Mencukur rambut:** Disunatkan mengguntingkan rambut bayi pada hari ke tujuh, kemudian ditimbangkan rambut tersebut dengan perak dan disedekahkannya kepada fakir miskin. Ibn Ishaq meriwayatkan daripada Abdullah bin Abu Bakar daripada Muhammad bin Ali bin Al-husain r.a., katanya:

> *"Rasulullah SAW telah membuat aqiqah dengan seekor kambing untuk Hasan (cucu baginda). Kemudian sabda Baginda: Wahai Fatimah! Cukurlah rambutnya dan sedekahkan dengan seberat rambut itu perak. Lalu Fatimah menimbang rambut itu yang beratnya sekira-kira satu dirham, ataupun setengah dirham".*

(iv) **Melakukan aqiqah:** Aqiqah dari segi bahasa ialah memutuskan dan dari segi istilahnya ialah menyembelih binatang ternakan seperti kambing atau seumpamanya untuk anak yang baru lahir iaitu pada hari ke tujuh selepas kelahirannya. Setiap ibu bapa disunatkan untuk melaksanakan aqiqah untuk anaknya yang baru dilahirkan sebagai satu bentuk kesyukuran di atas kurniaan Allah SWT.

Sebaik-baiknya aqiqah yang dilakukan ialah dua ekor kambing bagi bayi lelaki dan seekor kambing bagi bayi perempuan. Rasulullah SAW ketika ditanya oleh seseorang wanita mengenai aqiqah menjawab:

> *"Untuk anak lelaki dua ekor kambing dan untuk anak perempuan seekor kambing. Dan tidak menjadi hal sama ada kambing itu jantan atau betina". (Riwayat Ahmad dan At-Tirmizi)*

(v) **Memberi nama yang baik:** Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk memberikan nama yang baik kepada anak-anaknya. Nama yang mempunyai nama yang baik bukan sahaja sedap disebut dan didengari, malah menjadi doa dari ibu bapa terhadap anaknya. Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

"Namakanlah (anak-anak kamu) dengan nama nabi-nabi. Sekasih-kasih nama kepada Allah ialah Abdullah dan Abdurrahman, setepat-tepatnya ialah harith (yang beruntung, yang bijak) dan Hamman (yang berhemah tinggi). Seburuk-buruk nama pula ialah Harb (perang) dan Murrah (pahit)". (Riwayat Abu Daud, An-Nasa'ie dan lain-lain)

Terdapat beberapa nama yang perlu dielakkan untuk menamakan anak-anak dengannya. Ini adalah disebabkan oleh kerana ia membawa makna yang tidak baik dan kadang-kadang kerana nama tersebut adalah khusus bagi Allah SWT. Di antara nama-nama tersebut ialah nama bagi mereka yang dinisbahkan oleh Al-Qur'an sebagai manusia yang jahat dan ingkar kepada Allah SWT seperti *Firaun, Qarun, Hamman*; atau nama-nama syaitan seperti *Ajda', Walhan, Akwar*; nama-nama yang menunjukkan kebesaran diri atau perhambaan kepada sesuatu selain daripada Allah SWT seperti *Sultan Al-Salatin, Malikil Muluk, Abdul Kaabah, Abdul Uzza, Abdun Nabi;* dan lain-lain; nama-nama yang membawa makna yang kurang elok seperti *Zaniah* dan *Zani* (yang membawa erti penzina perempuan dan penzina lelaki); nama-nama khusus bagi Allah SWT seperti *Ar-Rahman, Ar-Rahim, Al-Ahad, As-Samad, Ar-Razak* dan seumpamanya. Dalam satu hadith Rasulullah SAW bersabda:

"Orang yang paling dimurkai Allah di hari kiamat dan sangat dibencinya ialah seorang lelaki yang dipanggil 'Malikul Amlak' (raja segala yang dimiliki), tiada yang lebih memiliki selain daripada Allah". (Riwayat Muslim)

(vi) **Menumpahkan kasih sayang:** Ibu bapa hendaklah memberikan kasih sayang sepenuhnya kepada anak-anak mereka. Anak yang tidak mendapat kasih daripada ibu bapa seperti yang sepatutnya, biasanya akan menjadi liar dan keras hati. Sebaliknya, layanan yang baik serta pergaulan yang mesra antara ibu bapa dan anak akan melahirkan

suasana yang harmoni dalam kehidupan berumahtangga. Oleh yang demikian, menjadi hak anak-anak ke atas ibu bapa mereka untuk mendapatkan kasih sayang, selain dari hak makan, minum, pendidikan, diberi nama yang baik dan lain-lain.

(vii) **Menyediakan kemudahan makan dan minum yang halal:** Menyara anak-anak menjadi tanggungjawab ibu bapa, malah termasuk di antara tanggungjawab yang utama. Di samping itu, bapa bukan sahaja kerkewajipan menyediakan makan, minum dan tempat tinggal yang selesa, tetapi juga berkewajipan memastikan bahawa semua kemudahan tersebut adalah halal agar mendapat keredhaan Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

> *"Sesiapa yang berusaha menyara keluarganya daripada yang halal, maka ianya seperti orang yang berjihad pada jalan Allah". (Riwayat At-Tabrani)*

Ibu bapa bertanggungjawab untuk tidak memberi makanan, minum dan lain-lain bentuk saran daripada sumber yang tidak halal, kerana ianya akan menghilangkan keberkatan dalam rumahtangga yang bakal mengundang bencana dalam kehidupan di dunia dan juga di akhirat. Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

> *"Tiadalah tumbuh suatu daging yang dating dari hasil yang haram, melainkan api neraka lebih utama baginya". (Riwayat At-Tirmizi)*

(viii) **Memberi pendidikan agama:** Memberi pendidikan agama juga termasuk salah satu tanggungjawab paling utama ibu bapa terhadap anak-anak. Pendidikan agama yang dimaksudkan meliputi pendidikan asas Al-Qur'an, asas-asas ibadat dan akhlak. Dan jika ibu bapa tidak berkemampuan untuk mengajar sendiri anak-anaknya, maka ibu bapa berkewajipan untuk menyediakan guru yang mampu melaksanakan tanggungjawab tersebut. Firman Allah SWT, maksudnya:

"Dan hendaklah engkau menyuruh keluargamu mengerjakan solat dan bersabarlah terhadap perintah itu". (Surah Taha: 132)

Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

"Suruhlah anak-anak kamu sembahyang bila mereka berumur tujuh tahun. Dan pukullah mereka (jika enggan sembahyang) apabila sudah berumur sepuluh tahun. Dan asingkanlah tempat tidur antara mereka (lelaki dan perempuan)". (Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

(ix) Tanggungjawab pendidikan sosial: Maksud memberi pendidikan sosial ialah mendidik anak-anak sejak dari kecil tentang akhlak dan budi pekerti iaitu dengan cara membiasakan mereka dengan abad susila yang mulia dalam masyarakat, dan asas-asas kerohanian yang tinggi yang dipetik dari aqidah Islamiyyah yang abadi, serta perasaan keimanan yang mendalam agar anak tersebut nantinya akan muncul di tengah masyarakat dengan budi pekerti dan adab kesopanan yang tinggi. Di antara cara ke arah pendidikan sosial yang tinggi itu ialah:

a. Menanamkan usul-usul kerohanian meliputi perasaan takwa kepada Allah SWT, persaudraan, rahmat dan kasih sayang, keberaniaan dan lain-lain sifat mulia.

b. Memelihara hak-hak orang lain meliputi hak ibu bapa, hak kaum kerabat, hak jiran tetangga, hak guru, hak orang tua dan lain-lain.

c. Melazimkan diri dengan adab sopan sosial yang umum. Termasuk dalam adab-adab umum ini ialah adab makan dan minum, adab memberi salam, adab berbicara dan bergurau, adab menziarahi orang sakit dan lain-lain.

d. Menjaga diri dan kritik masyarakat. Iaitu menjaga diri dari melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat dan tatasusila masyarakat. Di samping itu, mereka juga perlu dibiasakan dengan perlaksaan tugas amar makruf dan nahi mungkar.

3.5 Tanggungjawab Anak-Anak Terhadap Ibu Bapa

Terdapat banyak ayat Al-Qur'an dan hadith yang menjelaskan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa. Tujuannya ialah bukan sekadar untuk menyatakan kewajipan-kewajipan untuk berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang telah melahirkan dan membesarkan mereka semata-mata, tetapi lebih daripada itu adalah untuk memastikan kebahagiaan yang menjadi matlamat dalam sesebuah keluarga yang dibina akan tercapai. Kerana kebahagiaan di dalam rumahtangga tidak boleh dicapai hanya ibu bapa melaksanakan tanggungjawab masing-masing sahaja, bahkan memerlukan penglibatan setiap incividu yang menjadi anggota keluarga termasuk anak-anak.

Dalam satu hadith ketika Rasulullah SAW ditanya mengenai sejauh mana seorang anak perlu berbakti kepada ibu bapanya, Baginda menjawab:

> *"Seorang anak tidak akan dapat membalas jasa bapanya sehingga kalau bapanya seorang hamba, lalu ia membeli dan memerdekakannya sekalipun". (Riwayat Muslim dan Abu Daud)*

Tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa semasa hidup.

(i) **Mentaati ibu bapa:** Hukum mentaati ibu bapa adalah wajib berdasarkan kepada perintah Al-Qur'an dan hadith serta ijmak

ulama'. Suruhan dan perintah untuk mentaati kedua-dua ibu bapa di dalam Al-Qur'an disertakan dengan perintah menyembah dan mentaati Allah SWT. Demikian juga perintah mensyukuri dan berterima kasih kepada kedua-duanya disertakan dengan perintah mensyukuri Allah SWT. Firman Allah SWT, maksudnya:

> *"Katakanlah, marilah supaya aku bacakan apa yang Tuhan kamu haramkan ke atas kamu (iaitu), bahwa janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun, dan hendaklah (kamu) berbuat baik kepada ibu bapa kamu". (Surah al-An'am:151)*

Dan firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Dan kami perintahkan kepada manusia (taat) kepada kedua orang ibu bapa mereka, ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusukannya dalam dua tahun. (Kami perintahkan) hendaklah kamu bersyukur kepada-Ku dan ibu bapamu, hanya kepada-Ku tempat kembali". (Surah Luqman: 14)*

Kewajipan seorang anak mentaati, menghormati dan memuliakan kedua orang tuanya bukan hanya tertentu kepada ibu bapa yang Muslim sahaja, malahan Islam mewajibkan ke atas seorang anak supaya mentaati dan berbakti kepada ibu bapa yang masih kafir atau musyrik dalam hal-hal yang tidak menjejaskan akidah dan keimanannya.

Mengenai persoalan taat kepada kedua ibu bapa, Islam menggariskan bahawa seorang anak haruslah mengutamakan ibu berbanding bapa. Ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW, daripada Abu Hurairah r.a., maksudnya:

> *"Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah seraya berkata: "Wahai rasulullah, siapakah yang lebih berhak ke atasku untuk berbuat baik?" Jawab rasulullah: "Ibumu". Dia bertanya: "Kemudian, siapa pula?" Rasulullah*

menjawab: "Ibumu". Dia bertanya: "Kemudian, siapa pula?" Rasulullah menjawab: "Ibumu". "Kemudian, siapa pula?" jawab Baginda: "Bapamu". (Riwayat Al-Bukhari)

Di antara hikmah mengapa Islam memerintahkan supaya mengutamakan ketaatan kepada ibu berbanding dengan bapa ialah:

a. Ibu telah menanggung derita dalam beberapa peringkat waktu, bermula daripada mengandung, melahirkan, menyusukan anak, sehingga kepada mendidik dan menguruskan segala keperluan hidup anak. Derita dan kepayahan tersebut tidak dirasai oleh seorang bapa meskipun mereka bertanggungjawab menyara kehidupan anak-anak. Firman Allah SWT, maksudnya:

   "Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada kedua orang ibu bapanya, ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusukannya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu, hanya kepada-Ku tempat kembali. (Surah Luqman:14)

b. Ibu selalunya lebih menyayangi dan mengambil berat hal-hal yang berhubung dengan kepentingan anak-anak berbanding bapa. Hakikat ini dapat dilihat di dalam masyarakat di mana ibu lebih menampakkan kerisauan bila anak-anak ditimpa musibah, lebih mudah memaafkan kesalahan anak bila mereka melakukan kesalahan.

(ii) **Berlemah lembut dengan kedua ibu bapa:** Seorang anak dituntut supaya memanggil ibu bapanya dengan panggilan yang baik dan mesra seperti ayah, emak dan seumpamanya. Jangan sesekali memanggil dengan menyebut nama atau gelaran mereka. Sa'id bin Musayyab mentafsirkan ayat yang bermaksud *"berkatalah kepada*

mereka dengan perkataan yang mulia" ialah seperti perkataan atau percakapan rayuan meminta maaf seorang hamba kepada tuannya yang kasar dan bengis.sudah tentulah dengan menggunakan susunan bahasa yang halus, bersopan santun dan dengan nada suara yang terketar-ketar pula. Firman Allah SWT bermaksud:

> *"Janganlah engkau berkata kepada mereka 'uff', dan janganlah engkau herdik mereka, tetapi berkatalah kepada mereka dengan perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua kerana kasih sayang, dan katakanlah: "Wahai Tuhanku, kasihanilah mereka berdua sebagaimana mereka mengasihiku di waktu kecil". (Surah Al-Israa': 23-24)*

Saidatina A'isyah r.aha meriwayatkan, pernah seorang lelaki bersama seorang tua datang berjumpa Rasulullah SAW. Lalu Rasulullah SAW bertanya. *"Siapakah orang tua ini?"* Jawabnya: *"Dia ayah saya".* Lalu Rasulullah SAW bersabda:

> *"Jangan engkau berjalan di hadapannya, jangan duduk sebelum ia duduk, jangan memanggilnya dengan menyebut namanya dan jangan engkau menjadi sebab dia dimarahi atau dinista orang".*

(iii) **Menghormati dan memberikan layanan yang baik:** Seseorang anak yang sudah dewasa dituntut meminta izin ibu atau bapa sebelum memasuki bilik mereka. Firman Allah SWT, bermaksud:

> *"Dan anak-anakmu apabila sudah sampai umur baligh, maka hendaklah mereka meminta izin, seperti orang-orang sebelum mereka meminta izin. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayatNya dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana". (Surah An-Nur: 59)*

Dan apabila mereka mendatangi anak, hendaklah diberikan penghormatan kepada mereka dengan cara berdiri sebagaimana

yang diceritakan oleh A'isyah r.aha. mengenai kasih sayang, layanan serta penghormatan Rasulullah SAW kepada anaknya Fatimah dan bagaimana pula cara Fatimah menghormati baginda SAW katanya:

> *"Rasulullah SAW bangun menyambut Fatimah apabila dia menghadiri majlis Rasulullah. Begitu juga Fatimah bangun menyambut ayahandanya setiap kali Rasulullah SAW menghadiri majlisnya, serta mengucup dan mempersilakan duduk di dalam majlis tersebut. Demikian cara menghormati ibu bapa yang ditunjukkan oleh Fatimah r.aha". (Riwayat Abu Daud, An-Nasa'ie dan At-Tirmizi)*

(iv) **Mengorbankan harta benda untuk ibu bapa:** Setiap anak dituntut untuk berkorban kepada ibu bapa mereka termasuk harta benda, lebih-lebih lagi apabila ibu atau bapa adalah seorang miskin dan tua. Seorang lelaki pernah datang kepada Rasulullah SAW dan mengadu mengenai bapanya yang hendak mengambil hartanya, sedangkan dia sendiri mempunyai anak. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

> *"Engkau dan harta engkau adalah untuk bapa engkau". (Riwayat Ibn Majah)*

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan satu hadith yang bermaksud:

> *"Hinalah! Hinalah! Baginda ditanya: "Siapakah orangnya, ya Rasulullah?" Rasulullah bersabda: "Sesiapa yang mempunyai salah seorang atau kedua-dua ibu bapa yang sudah tua, kemudian dia tidak dapat memasuki syurga (kerana tidak melayani dan berkhidmat sebaik-baiknya kepada mereka)." (Riwayat Muslim)*

Tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa selepas kematian. Seorang anak dituntut untuk berbakti kepada ibu bapa bukan sahaja sewaktu mereka masih hidup, bahkan selepas mereka meninggal dunia. Ini berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan dari Abi Usaid Malik bin Abi'ah Al-Sa'idiy katanya:

"Sedang kami duduk di sisi Rasulullah tiba-tiba seorang lelaki dari Bani Salamah dating dan bertanya Rasulullah, "Ya Rasulullah! Adakah cara yang boleh saya lakukan untuk berbakti kepada kedua-dua ibu bapa saya selepas mereka meninggal dunia? Jawab rasulullah SAW: "Ya, iaitu berdoa dan meminta ampun untuk kedua mereka, melaksanakan janji mereka, menghubungi silaturrahim dan memuliakan teman-teman mereka". (Riwayat Abu Daud, Ibn Majah dan Ibn Hibban)

(i) Berdoa dan memohon ampun untuk kedua-dua mereka.

Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

"Apabila mati seseorang manusia, maka terputuslah amalannya melainkan dengan tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak yang soleh yang sentiasa berdoa untuknya". (Riwayat Al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud)

Dan dalam hadith yang lain Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

"Sesungguhnya seseorang itu diangkat darjatnya di dalam syurga, dia bertanya: "Ya Tuhanku, dari mana aku mendapat darjat ketinggian ini?" Lalu dikatakan kepadanya: "Kerana anak engkau sentiasa memohon keampunan untuk engkau". (Riwayat Ahmad, Ibn Majah dan Al-Baihaqi)

(ii) Menyelesaikan hutang dan nazar serta menunaikan haji: Sekiranya ibu yang meninggal dunia masih meninggalkan hutang yang belum dijelaskan atau nazar yang belum ditunaikan, maka anak bertanggungjawab menyelesaikan hutang atau melaksanakan nazar tersebut. Dan jika sekiranya mereka berjanji, maka anak dituntut untuk melaksanakan janji sebagai satu dari bentuk khidmat bakti kedua orang tua yang telah meninggal dunia.

(iii) **Berpuasa dan menunaikan haji untuk mereka serta menqadakan sembahyang:** Ibn Abbas meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah SAW dan bertanya Baginda mengenai puasa yang ditinggalkan oleh ibunya yang telah meninggal dunia, apakah boleh diqadakan. Rasulullah SAW bersabda kepadanya;

> *"Jika ibumu ada meninggalkan hutang, apakah engkau hendak membayarnya? Jawab lelaki tersebut: "Sudah tentu ya Rasulullah". Rasulullah bersabda: "Maka hutang Allah lebih berhak dibayar".*

Ibn Abbas juga meriwayatkan bahawa seorang perempuan dari kaum Juhainah telah berjumpa dengan Rasulullah SAW dan mengatakan bahawa ibunya pernah bernazar untuk menunaikan haji, tetapi meninggal dunia sebelum sempat menunaikan nazar tersebut lalu apakah boleh dia melaksanakan nazar tersebut. Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

> *"Tunaikanlah haji untuknya, jika ibu kamu mempunyai hutang, tentulah kamu membayarnya, bukan? Tunaikanlah haji itu, sesungguhnya ia lebih berhak ditunaikan". (Riwayat Al-Bukhari)*

(iv) **Menziarahi kubur:** Menziarahi kubur termasuk salah satu bentuk kebaktian anak kepada ibu bapa. Selain daripada ianya boleh mengingatkan seseorang manusia kepada kematian, dengan menziarahi kubur, ia menjadi penyebab Allah SWT mengampunkan dosa kedua mereka dan dikira sebagai satu perbuatan kebajikan. Sabda Rasulullah SAW, bermaksud:

> *"Siapa menziarahi kubur dua ibu bapa atau salah seorang daripada mereka pada setiap hari jumaat diampunkan*

dosanya dan ditulis sebagai kebajikan". (Riwayat At-Tabarani)

(v) Bersedekah bagi pihak mereka: Bersedekah adalah amalan kebajikan sangat dituntut. Seorang anak boleh mengeluarkan sedekah dengan niat dihadiahkan pahala amalannya kepada kedua orang tua. Ini berdasarkan kepada satu riwayat bahawa seorang lelaki mendatangi Rasulullah SAW dan bertanya:

> *"Bapa saya telah meninggal dunia dan ada meninggalkan harta tetapi ia tidak berwasiat, adakah dosanya dikifarat jika saya bersedekah untuknya?" Jawab Rasulullah SAW: "Ya". (Riwayat Ahmad, Muslim dan lain-lain)*

Soalan pendek

1- Jelaskan mengenai nafkah zahir dan batin.
2- Berdasarkan pengetahuan pelajar, senaraikan tanggungjawab isteri.
3- Apakah yang dimaksudkan dengan tanggungjawab bersama.
4- Apakah yang dimaksudkan dengan mengorbankan harta benda untuk ibu bapa.

AKTIVITI

Jelaskan tanggungjawab sebagai seorang pelajar.

KATA KUNCI

Tanggungjawab	**Ketika hidup**
Nafkah zahir	**Setelah meninggal dunia**
Nafkah batin	**hutang**
Adil	**nazar**
Amanah	**Ziarah kubur**

KESIMPULAN

Perkahwinan adalah suatu tanggungjawab yang besar, yang diamanahkan oleh Allah SWT. Hendaklah kita memenuhi sepertimana yang disebutkan di atas bagi menggapai erti sebenar keluarga yang bahagia di dunia dan akhirat.

RUJUKAN

Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral (2008), *Pendidikan Islam*, Kedah: Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, hlm. 55-57.

Wan Ali Wan Jusoh, *et*. (2005), *Institusi-Institusi Islam*, Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia, hlmn. 65

TOPIK 4

PERCERAIAN

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar akan dapat :

Mengetahui tentang talak, khuluk, fasakh, ta;lik, Iddah, rujuk, Ihdad, zihar, I'la, Lian, Hadhanah.

4.1 Talak

Dari segi **bahasa** talak bermaksud tindakan melepas atau menguraikan ikatan**.** Ia juga bermaksud melepaskan ikatan. Pada **istilah** bermaksud tindakan melepaskan ikatan perkahwinan dengan lafaz talak, seperti perkataan cerai atau talak oleh seorang suami kepada isteri, seperti:

"Engkau telah aku ceraikan".

"Engkau seorang perempuan yang telah ditalakkan".

Pensyariatan berdasarkan Al-Qur'an, As-Sunnah dan ijma' ulama':

Al-Qur'an firman Allah SWT:

"Talak (yang dapat dirujuk dua kali). Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik". (Surah Al-Baqarah: 229).

As-Sunnah: Rasulullah SAW bersabda:

> *"Perkara halal yang amat dibenci oleh Allah ialah talak". (Riwayat Abu Daud, Ibn Majah, Al-Hakim dan beliau mensahihkannya)*

Ijma' ulama': semua ulama' bersepakat tentang pensyariatan tanpa seorang pun yang terkecuali.

Hukum Talak

(i) Wajib: Apabila terjadi perselisihan antara suami isteri dan peluang untuk bersatu kembali amat tipis, atau hakim (dari pihak suami dan isteri) yang menghakimkan perkara itu berpendapat mereka perlu bercerai kerana itulah jalan penyelesaian terbaik untuk keluar dari masalah yang mereka hadapi.

(ii) Sunat: Apabila suami tidak mampu menunaikan kewajipan terhadap isteri (tidak sanggup lagi menanggung nafkah isteri dengan cukup).Apabila isteri tidak menjaga kehormatan dirinya. Apabila isteri yang lalai menunaikan kewajipan terhadap Allah SWT sedangkan suami tidak berkuasa memperbaiki atau mencegahnya.

(iii) Haram (bid'ah) dalam dua keadaan: Menjatuhkan talak sewaktu isteri sedang dalam haid atau nifas ATAU menjatuhkan talak sewaktu isteri suci yang telah disetubuhinya di waktu suci itu. Sepatutnya, kalau hendak diceraikan jangan disetubuhi lagi selepas isteri suci dari haid.

(iv) Makruh: Jika suami menceraikan isteri tanpa keperluan yang mendesak seperti menceraikan isteri yang baik, jujur, berakhlak mulia dan tidak melakukan apa-apa kesalahan.

Mengikut ulama' Syafie' dan Hambali, rukun talak terbahagi kepada empat perkara iaitu:

(i) Suami (yang menjatuhkan talak).
(ii) Isteri (yang kena talak).
(iii) Lafaz talak (sighah).
(iv) Qasad (dengan niat sengaja).

(i) Suami (yang menjatuhkan talak): Syarat-syarat suami yang menjatuhkan talak.

i. **Baligh:** tidak sah talak dari suami yang masih kanak-kanak atau suami yang belum baligh (cukup umur).

ii. **Berakal:** tidak sah talak dari suami yang gila atau yang hilang akal kecuali disengajakan, maka jatuhlah talaknya. Talak yang dijatuhkan oleh suami yang mabuk dengan sengaja kerana minum arak adalah dikira sengaja. Sebaliknya apabila tertalak isteri dalam keadaan mabuk yang tidak disengajakan seperti termakan makanan yang memabukkan maka talak itu adalah tidak sah. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

> *"Setiap talak itu harus (sah) melainkan talak orang yang tidak waras akalnya". (Riwayat At-Tirmizi)*

iii. **Dengan kehendak sendiri:** suami yang dipaksa menjatuhkan talak adalah tidak sah. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

> *"Tidak sah talak dan memerdekakan seorang hamba dalam keadaan yang dipaksa".*

iv. **Suami bagi perempuan yang diceraikan:** tidak sah talak seorang lelaki terhadap isteri orang lain.

Oleh itu, tidak sah talak yang dibuat oleh seseorang yang bukan suami,kanak-kanak yang *mumayyiz* atau bukan *mumayyiz*. Para fuqaha' juga berpendapat tidak sah talak yang dilakukan oleh wali bagi kanak-kanak yang tidak diberikan kuasa kepadanya, kerana untuk menghindarkan dari kemudaratan.

(ii) Isteri (yang kena talak).

i. Isteri yang sah kepada orang yang menjatuhkan talak.
ii. Isteri yang masih dalam kekuasaan suami walaupun ketika dalam iddah raj'ie kerana ia tidaklah memutuskan ikatan perkahwinan kecuali kalau habis tempoh iddah tersebut.
iii. Isteri yang tertentu. Jika suami yang berpoligami hendak menceraikan isterinya hendaklah menentukan isteri yang akan diceraikan itu sama ada isteri pertama, kedua, ketiga atau yang keempat.

(iii) Lafaz talak (sighah).

i. Sah talak bila diucapkan dalam Bahasa Arab, bahasa-bahasa lain, melalui tulisan, dengan isyarat atau lain-lain cara yang bermaksud talak.
ii. Sah talak dengan ucapan yang jelas atau *soreh.*
iii. Talak yang diucapkan dengan kata-kata *kinayah* atau kiasan tidaklah sah kecuali ada *qarinah* (bukti) atau niat untuk menceraikan isteri tersebut.

(iv) Qasad (dengan niat sengaja): talak hendaklah dengan *qasad* atau adanya keinginan untuk mengucapkan kata-kata talak walaupun tanpa ada niat, akan tetapi tidak jatuh talak bagi orang yang sedang tidur kerana dia tidak menyedari apa yang diucapkannya.

Talak dibahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan kepada aspek-aspek berikut:

a) Berdasarkan *sighah*/ lafaz yang digunakan.
   i. Lafaz soreh.
   ii. Lafaz kinayah.

b) Berdasarkan keadaan isteri ketika talak.
   i. Talak Sunni.
   ii. Talak Bid'ie.
   iii. Talak Bukan Sunni dan Bukan Bid'ie.

c) Berdasarkan hak bekas suami terhadap bekas isteri setelah bercerai.
   i. Talak Raj'ie.
   ii. Talak Bain Kubra dan Sughra.

Berdasarkan *sighah*/ lafaz yang digunakan.

i. **Lafaz soreh(terang):** lafaz yang secara terang atau jelas yang membawa maksud talak atau perceraian. Lafaz tersebut membawa kepada satu makna sahaja, seperti kata suami: *"Aku talakkan kamu"* atau *"Aku ceraikan kamu".*

ii. **Lafaz kinayah (kiasan):** lafaz yang mengandungi makna talak atau makna yang lain berdasarkan kepada niat orang yang melafazkan seperti kata suami: *"Berpisahlah kita"* atau *"Baliklah awak ke rumah mak awak"* dan sebagainya. Lafaz kinayah atau sindiran hendaklah disertai dengan niat daripada suami.

Berdasarkan keadaan isteri ketika talak.

i. **Talak Sunni:** talak yang sesuai mengikut ajaran Islam. keadaannya adalah seperti berikut:
   - Talak 1 dan 2.
   - Talak isteri ketika sedang suci dari haid dan nifas.
   - Talak isteri yang tidak disetubuhi di dalam masa suci.

Situasi yang demikian akan mempercepatkan selesai tempoh iddah.

ii. **Talak Bid'ie:** talak yang bertentangan dengan Sunnah Rasul (syarak). Keadaannya adalah seperti berikut:

- Talak 3 sekaligus.
- Talak isteri dalam keadaan haid dan nifas.
- Talak isteri diwaktu suci tetapi disetubuhi di dalam waktu suci itu.

Talak ini ditegah, kerana menggugurkan talak diwaktu suci yang disetubuhi mengakibatkan penyesalan bila didapati isteri hamil selepas itu.

iii. **Talak Bukan Sunni dan Bukan Bid'ie**: keempat-empat orang dibawah boleh menjatuhkan talak pada bila-bila masa sahaja:

- Menggugurkan talak ke atas isteri yang kecil dan belum datang haid.
- Menggugurkan talak ke atas isteri yang telah tua, yang putus daripada haid (menopous).
- Menggugurkan talak ke atas isteri yang sedang hamil.
- Isteri yang menebus talak tetapi belum pernah disetubuhi.

Berdasarkan hak bekas suami terhadap bekas isteri setelah bercerai.

i. **Talak Raj'ie:** ialah talak satu atau dua. Bekas suami boleh rujuk (kembali) kepada bekas isterinya dalam masa iddah. Jika sudah habis iddahnya, mereka masih boleh bersatu kembali tetapi dengan akad nikah dan mahar yang baru.

ii. **Talak Bain:** talak yang tidak boleh dirujuk semula. Talak Ba'in terbahagi kepada dua iaitu :

a) Sughra: talak yang tidak boleh dirujuk semula tetapi boleh dengan akad nikah dan mahar yang baru.

- Talak Raj'ie (talak 1 dan 2) yang tamat tempoh iddahnya.
- Isteri yang ditalak yang belum disetubuhi.
- Isteri yang tebus talak (khuluk).
- Fasakh (pembubaran perkahwinan melalui kuasa qadhi).

b) Kubra: talak yang tidak boleh dirujuk dan dinikahkan semula dengan akad nikah yang baru. Talak yang termasuk dalam Ba'in Kubra ialah:

- **Isteri yang dili'an.**
- **Isteri yang diceraikan dengan talak tiga**, yang mana mereka tidak boleh rujuk atau dinikahkan semula kecuali isteri telah berkahwin dengan lelaki lain dalam erti kata yang sebenar. Kemudian diceraikan oleh suami yang baru dan habis iddahnya dengan suami yang baru. Selepas itu, barulah bekas suami yang pertama boleh kembali kepada bekas isterinya dengan akad nikah dan mas kahwin yang baru.

(i) Menjatuhkan talak itu 3 kali pada masa yang berlainan seperti:

a. Suami menjatuhkan talak terhadap isterinya. Kemudian dalam masa iddah ditalaknya satu lagi, kemudian dalam masa iddah keduanya ditalak lagi dengan talak satu.
b. Suami menjatuhkan talak satu terhadap isterinya, kemudian selepas selesai iddah dikahwininya semula kemudian ditalaknya lagi, setelah selesai iddahnya dikahwininya lagi, kemudian ditalaknya lagi bagi kali yang ketiga.

(ii) Menjatuhkan talak tiga kali pada masa yang sama seperti:

a. Aku ceraikan engkau dengan talak tiga.

b. Saya ceraikan awak, saya ceraikan awak, saya ceraikan awak, dengan diulang-ulang perkataan tersebut tiga kali berturut-turut dalam satu masa.

Orang-orang yang tidak sah menggugurkan talak.

i) Kanak-kanak yang belum mumayyiz.
ii) Orang gila.
iii) Orang yang dipaksa.
iv) Orang yang tidur.

Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

> *"Perbuatan tiga orang ini adalah tidak sah: budak sehingga baligh, orang gila sehingga sembuh gilanya dan orang yang tidur sehingga terjaga dari tidurnya".*

Bilangan talak.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

> *"Talak (yang boleh dirujuk kembali hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskannya (menceraikannya) dengan cara yang baik". (Surah Al-Baqarah: 229)*

Dan dalam firman Allah SWT yang lain, bermaksud:

> *"Sesudah (diceraikan dua kali) itu, jika diceraikan pula (bagi kali ketiga), maka perempuan tidak halal baginya sesudah itu sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain". (Surah Al-Baqarah: 230)*

Berdasarkan ayat di atas, suami memiliki hak talak terhadap isterinya sebanyak tiga kali, iaitu:

(i) Pada **talak satu** atau **dua:** Suami boleh rujuk kembali sebelum habis iddahnya. Jika telah habis iddahnya, suami masih boleh berkahwin semula dengan akad nikah dan mahar yang baru.

(ii) Manakala, **talak tiga:** menghalangnya untuk rujuk kembali isterinya. Oleh itu, isteri yang telah ditalak tiga tidak boleh dirujuk atau dikahwini semula, kecuali dia telah berkahwin dengan lelaki lain dalam erti kata perkahwinan yang sebenar, kemudian diceraikan pula oleh suami yang kedua serta selesai iddahnya.

Perlu diingatkan, perkahwinan yang kedua ini hendaklah benar-benar dengan kemahuan lelaki dan perempuan itu, bukan kerana hendak membolehkan semula suami pertama itu mengahwini bekas isterinya sebagaimana yang banyak berlaku di zaman sekarang. Perbuatan seperti ini adalah berlawanan dengan ajaran Islam, dan Allah SWT memurkai perbuatan ini. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

''Rasulullah SAW telah mengutuk muhallal (cina buta) begitu juga orang yang menyuruh membuat cina buta (suami pertama)''. (Riwayat An-Nasa'ie dan At-Tirmizi)

Cara talak yang paling afdhal.

(i) Suami menceraikan isterinya dengan talak satu semasa dia masih suci dan tidak menyetubuhinya semasa suci itu. Jika dia ingin hidup bersama dan menyesal, dia boleh rujuk kembali isterinya dalam masa iddah.

(ii) Jika dia ingin menceraikan isterinya selepas itu (selepas dirujuk), dia boleh menceraikannya dengan talak dua. Dia masih mempunyai satu talak. Jika dia menceraikan isterinya buat kali ketiga, talak tersebut dikira sebagai talak ba'in. dia tidak boleh dirujuk atau mengahwini bekas isterinya melainkan selepas isteri tersebut berkahwin dengan lelaki lain dengan perkahwinan yang syar'ie.

4.2 Khuluk

Dari sudut **Bahasa Arab** bermaksud tanggal atau menganggalkan pakaian. Pada **istilah** iaitu suatu perceraian yang diminta oleh isteri dari suaminya dengan memberi wang atau lain-lain harta benda kepada suaminya. Khuluk juga bermaksud perceraian di antara suami isteri dengan kesanggupan isteri membayar tebusan (‘iwadh) kepada suami mengikut kadar yang telah dipersetujui bersama, dengan lafaz “cerai” atau “khuluk”.

Perceraian khuluk dikenali juga sebagai perceraian tebus talak. Ini berlaku dalam keadaan suami enggan menceraikan isterinya, sedangkan isteri tidak boleh lagi hidup bersama suami dan suami tidak bersetuju menjatuhkan talak dengan kerelaannya sendiri, setelah isteri memohon perceraian, tetapi kedua-dua pihak bersetuju bercerai dengan cara isteri memberi wang atau lain-lain harta benda kepada suaminya. Maka, jika kadar tebusan dipersetujui, suami hendaklah melafazkan talak.

Sebab diharuskan khuluk.

i) Suami tidak berakhlak yang menimbulkan kebencian isteri kepadanya.
ii) Terdapat kecacatan pada tubuh badan suami.
iii) Suami atau isteri tidak melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan masing-masing.
iv) Isteri takut melanggar hukum Allah SWT kerana tidak mentaatinya.
v) Isteri tidak tertahan lagi tinggal dengan suaminya kerana suami berperangai jahat.
vi) Suami menyakiti hatinya menyebabkan isteri telah kehilangan kasih sayang terhadap suami.
vii) Sebab-sebab lain yang membuat mereka tidak dapat bersama atau bergaul dengan aman dan harmoni.

Jika perkara-perkara ini menyebabkan isteri tidak mentaati suami, maka isteri harus memohon khuluk daripada suaminya. Tetapi jika isteri mengajukan khuluk tanpa sebab-sebab yang diharuskan, maka dia tidak

akan mencium bau syurga, bahkan perbuatannya itu makruh hukumnya di sisi Islam, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

> *"Mana-mana perempuan yang menebus dirinya daripada suaminya tanpa sesuatu kesalahaan, dia tidak akan mencium bau syurga". (Riwayat At-Tirmizi)*

Mahkamah mempunyai budibicara untuk meluluskan permohonan perceraian khuluk walaupun pihak suami tidak memberi persetujuan. Sekiranya mahkamah berpendapat bahawa suami-isteri tersebut tidak dapat hidup bersama, maka perceraian khuluk dibenarkan.

Rukun khuluk.

i) **Suami:** suami yang sah menjatuhkan talak.

ii) **Isteri:** isteri masih milik suami dan tidak sah khuluk diajukan oleh isteri yang ditahan harta kerana gila atau bodoh.

iii) **Bayaran:** bayaran khuluk dipersetujui oleh suami dan isteri. Makruh hukumnya, jika suami meminta melebihi kadar mahar yang diberikan kepada isteri.

iv) **Sighah (ijab dan qabul):** menggunkana lafaz yang soreh (terang) serta mengandungi ijab dan qabul.

Contoh lafaz: *"Aku talak atau aku khuluk engkau dengan bayaran sebanyak RM1000.00"*. Isteri menjawab: *"Aku sanggup membayarnya".*

Atau isteri berkata kepada suaminya:

"Khuluklah saya dengan bayaran RM1000.00". suami menjawab: *"Saya khuluk engkau".*

Atau kata suami: *"Aku ceraikan engkau dengan tebusan RM1000.00".* lalu dijawab oleh isteri: *"Aku terima perceraian ini dengan sebanyak wang tersebut".*

Seboleh-bolehnya, khuluk hendaklah dilakukan di hadapan qadhi atau saksi. Apabila suami menyebut kadar wang penebus itu, wajiblah bagi isteri membayar dengan jumlah wang yang telah disebutkannya. Sekiranya suami tidak menyebut kadar wang penebus, maka isteri hanya wajib membayar wang sebanyak mas kahwin yang telah diterima waktu akad dahulu. Bagi jumhur ulama', iddahnya adalah tiga kali suci seperti perceraian biasa.

Kadar bayaran.

Tiada kadar tertentu yang ditetapkan bagi sesuatu permohonan khuluk. Ianya bergantung kepada persetujuan antara kedua pihak iaitu suami isteri yang ingin bercerai. Kebiasaannya, terdapat suami yang menuntut supaya dibayar dengan jumlah separuh daripada wang hantaran perkahwinan. Namun, ada juga yang meminta dalam jumlah yang banyak.

Hikmah khuluk disyariatkan.

i) Menghargai hak isteri untuk menebus talak daripada suaminya.
ii) Dapat mengelakkan penderhakaan (nusyuz) isteri terhadap suami.
iii) Dapat menyedarkan pihak suami tentang kesilapan dan kelemahan diri.
iv) Isteri berpeluang bercerai dengan suaminya dengan cara yang baik.

Kesan khuluk.

Suami isteri yang terpisah kerana khuluk tidak boleh merujuk kembali, walaupun si isteri masih berada di dalam tempoh iddah. Ini adalah kerana, khuluk termasuk di dalam kategori Talak Ba'in Sughra iaitu tidak boleh

dirujuk tetapi pasangan ini boleh bersama semula sebagai pasangan suami isteri dengan akad nikah dan mahar yang baru.

4.3 Fasakh

Dari sudut **Bahasa Arab** ialah meninggalkan atau menyingkirkan. Pada **istilah** pula ialah membatalkan atau pembubaran perkahwinan melalui kuasa *qadhi* (perintah mahkamah). Sekiranya didapati sesuatu sebab atau kecacatan sama ada pada fasakh lebih keras dari khuluk dan tidak ubah seperti melakukan khuluk juga. Ia dilakukan oleh pihak isteri disebabkan oleh beberapa perkara. Bezanya khuluk diucapkan oleh suami sendiri, sedangkan fasakh diucapkan oleh qadhi setelah si isteri mengadu kepadanya.

Lafaz fasakh.

Contoh **qadhi** melafazkan fasakh: *"Aku fasakhkan nikah engkau dari suami engkau yang bernama Faizal bin Ahmad pada hari ini"*

Atau **isteri** itu sendiri yang memfasakhkan ikatan perkahwinannya dihadapan mahkamah atau hakim, isteri berkata: *"Aku fasakhkan nikahku dari suamiku yang bernama Faizal bin Ahmad pada hari ini".*

Sebab-sebab yang mengharuskan fasakh.

(i) Kecacatan yang boleh menghalang daripada berlakunya persetubuhan seperti mati pucuk bagi lelaki atau lubang faraj tertutup bagi perempuan.

(ii) Kecacatan yang tidak menghalang daripada berlakunya persetubuhan tetapi terdapat penyakit menjijikkan atau merbahaya menyebabkan pasangan suami isteri tidak dapat hidup bersama kecuali terpaksa menanggung kesusahan (kemudaratan) seperti kusta.

(iii) Fasakh juga boleh berlaku disebabkan soal nafkah.

a) Pembahagian kecacatan yang mengharuskan fasakh.

i. Kecacatan yang khusus pada suami sahaja seperti terputus kemaluan atau mati pucuk bagi lelaki.

Jika isteri mendapati kemaluan suaminya terpotong atau mati pucuk, dia mempunyai hak fasakh. Mawardi meriwayatkan bahawa ulama' bersepakat mengatakan bahawa, isteri boleh memilih untuk fasakh jika kemaluan suaminya didapati terpotong atau mati pucuk kerana kecacatan itu menghalang maksud perkahwinan.

ii. Kecacatan yang khusus kepada isteri sahaja seperti lubang faraj tertutup disebabkan tumbuhnya tulang atau daging bagi perempuan.

Jika suami mendapati kemaluan isterinya tertutup disebabkan tumbuhnya tulang atau daging yang tumbuh, dia berhak menfasakhkan perkahwinan kerana kecacatan ini menghalang daripada tercapainya maksud perkahwinan.

iii. Kecacatan yang boleh berlaku kepada suami dan isteri seperti kusta, sopak dan gila.

Jika suami dan isteri mendapati pasanganya mempunyai penyakit kusta, sopak dan gila, dia juga mempunyai pilihan untuk menfasakhkan perkahwinan, sama ada dia juga mempunyai penyakit tersebut ataupun tidak. Sebagaimana hadith Rasulullah SAW, daripada Ibnu Umar, maksudnya:

> *"Rasulullah SAW telah berkahwin dengan seorang perempuan daripada golongan Ghiffar. Setelah dibawa masuk menemui Rasulullah SAW, Baginda mendapati pada badannya terdapat penyakit sopak. Nabi SAW bersabda: "Pakailah bajumu dan kembalilah kepada keluargamu. Nabi SAW bersabda kepada keluarga perempuan itu: "Kamu menyembunyikan kecacatannya daripadaku". (Riwayat Baihaqi)*

Menurut riwayat Imam As-Syafie, daripada Umar bin Al-Khattab r.a. bahawa dia pernah memisahkan pasangan suami isteri yang menghidap penyakit kusta, sopak dan gila. Hal ini tentulah berdasarkan perbuatan Rasulullah SAW sebagaimana *thabit* dalam sebuah hadith sahih. Menurut Imam As-Syafie lagi dalam kitab A-Umm, kusta dan sopak menjangkiti pasangan dan hampir tiada seorang pun yang selesa bersetubuh dengan orang seperti ini.

b) Fasakh disebabkan soal nafkah.

i. Suami menghilangkan diri, tidak mahu membayar nafkah dan tidak pula mengirimkannya sedangkan isterinya itu tidak rela.
ii. Suami miskin, setelah jelas kemiskinannya oleh beberapa orang saksi yang dapat dipercayai, sehingga dia tidak lagi sanggup memberi nafkah, sama ada pakaian yang sederhana, tempat tinggal ataupun mas kahwinnya belum dibayarkan sebelum disetubuhi.
iii. Suami enggan atau tidak mahu memberi nafkah, bukan kerana kemiskinannya tetapi kerana keingkarannya semata-mata, sedangkan mahkamah atau hakim telah memaksa dan mengarahkan supaya membayar nafkah kepada isteri.

Setelah hakim memberi janji kepada isteri (yang mengadu) sekurang-kurangnya tiga hari mulai dari isteri itu mengadu. Apabila tempoh yang ditetapkan itu habis tetapi suami tidak juga dapat menyelesaikannya, maka bolehlah hakim memfasakhkan perkahwinan itu atau dia sendiri (isteri) yang memfasakhkannya di hadapan hakim setelah diizinkan oleh hakim.

Sebab-sebab lain yang mengharuskan fasakh.

(i) Suami telah menghilangkan diri tanpa diketahui di mana berada selama tempoh lebih daripada satu tahun.

(ii) Suami telah cuai atau tidak memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak selama tempoh 3 bulan.

(iii) Suami telah dihukum penjara selama tempoh 3 tahun atau lebih.

(iv) Suami tidak menunaikan nafkah batin tanpa sebab munasabah selama tepoh satu tahun.

(v) Suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk.

(vi) Suami telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang mengidap penyakit berjangkit.

(vii) Isteri telah dikahwinkan oleh wali dengan lelaki yang bukan sekufu.

(viii) Suami menganiayanya, antara lain:

- Lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderia disebabkan oleh kelakuan aniaya.
- Berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan hukum syarak.
- Menghalang isteri daripada menunaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya.
- Jika ia mempunyai isteri lebih dari seorang, dia tidak melayan isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak hukum syarak.

(ix) Bahawa isteri tidak izin akan perkahwinan itu atau izinnya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidaksempurnaan akal, atau lain-lain hal keadaan yang diakui oleh hukum syarak.

Fasakh memerlukan kuasa qadhi.

Pengantin lelaki atau perempuan tidak boleh memfasakhkan sendiri perkahwinan mereka. Mereka mesti membawa perkara tersebut kepada

qadhi memfasakhkan pernikahan tersebut. Jika kecacatan terbukti wujud, qadhi hendaklah memfasakhkan perkahwinan itu.

Kesan fasakh.

Setelah fasakh itu dilakukan, maka tercerailah isteri itu dengan Talak Ba'in Sughra. Sekiranya suami ingin kembali menjadi suami isteri hendaklah melalui pernikahan yang baru setelah selesai iddahnya (tiga kali suci) iaitu sama seperti iddah perceraian biasa.

4.4 Taklik

Talak ta'lik bermaksud **apabila suami menggantungkan dengan sesuatu perkara sebagai suatu syarat jatuhnya talak**. Ia juga bermaksud apabila suami mengaitkan talak dengan sesuatu yang sifat atau syarat, sama ada mempunyai hubungan dengan isterinya atau orang lain. Talak sah dilakukan secara talak *tanjiz* (dilaksanakan terus). Ia juga sah dilakukan secara talak ta'lik (tergantung).

Talak ta'lik akan berlaku apabila syarat atau perkara yang dinyatakan suami berlaku. Antaranya ialah:

(i) Suami mengaitkan talak dengan pulangnya orang yang hilang atau mengaitkannya dengan tindakan tertentu yang dilakukan oleh isterinya atau orang lain. Umpamanya suami mengatakan bahawa, *"Jatuh talakku kalau ayahmu tidak datang bulan depan",* atau katanya *"Kalau datang bulan Ramadhan maka jatuhlah talak ke atas kamu".*

(ii) Suami mengaitkan talak dengan sesuatu syarat, seperti suami berkata kepada isterinya, *"Aku ceraikan kamu jika kamu menyanyi semula"* atau *"Aku ceraikan kamu jika saudaramu masuk ke rumah ini"*. Talak akan jatuh jika isteri menyanyi semula atau apabila saudaranya masuk ke rumah itu.

Namun demikian, syarat-syarat dan tindakan seseorang itu adalah suatu syarat dan tindakan yang dihalalkan oleh undang-undang Islam.

Contoh-contoh perceraian ta'lik.

Contoh 1: selepas akad nikah disempurnakan pengantin lelaki diminta membaca lafaz ta'lik seperti lafaz ta'lik yang ditetapkan oleh Undang-undang Pentadbiran Negeri, seperti:

> *"Sekiranya saya meninggalkan isteri saya lebih daripada enam bulan tanpa memberi nafkah zahir atau batin secukupnya atau sekiranya saya memukul atau mendera isteri atau mendatangkan mudarat kepada isteri saya. Setelah isterinya mengadu kepada Mahkamah Syariah di kawasan berhampiran dengan tempat tinggalnya serta membayar sebanyak RM1.00 dan sekiranya pengaduan itu sabit dan sahkan oleh mahkamah jatuhlah talak satu".*

Contoh 2:

i. Suami berkata kepada isteri: *"Aku belikan kamu pada bulan hadapan dua pasang baju kebaya sutera dan jika aku tidak dapat menyempurnakannya, kita berdua akan bercerai".* Sekiranya pada bulan berkenaan suami tidak menyempurnakan janji tersebut, maka tertakluk kepada pengesahan mahkamah, terjadilah perceraian ta'lik.

ii. Suami membuat janji atau memberi amaran kepada isteri supaya melakukan atau meninggalkan daripada melakukan sesuatu seperti suami berkata kepada isterinya:

- *"Jika engkau keluar rumah ini tanpa kebenaranku, maka kau akan tertalak".*
- *"Jika engkau pergi ke rumah saudaramu atau kawanmu pada hari ini maka engaku akan tertalak".*

- *"Jika saya balik ke rumah dalam masa sebulan maka engkau tertalak".*

Jika berlaku perkara yang digantungkan dalam hal di atas, seperti isteri keluar rumah tanpa izin atau isteri pergi ke rumah saudaranya, talak akan jatuh dan perceraian berlaku disebabkan berlakunya perkara yang digantungkan dalam ucapan suami.

Kesan talak ta'lik.

(i) Talak tidak akan berlaku selagi perkara yang dikaitkan itu masih belum berlaku.

(ii) Kehidupan suami isteri akan berterusan secara sempurna dari segi hukum-hakam dan kewajipannya selagi syarat yang disebutkan dalam talak ta'lik tidak berlaku, walaupun ia pasti berlaku seperti suami berkata: *"Apabila datangnya bulan Ramadhan, aku ceraikan kamu".*

(iii) Talak akan jatuh sebaik sahaja syarat yang disebutkan dalam talak ta'lik berlaku. Suami tidak perlu melafazkan talak yang baru.

4.5 Iddah

Menurut bahasa iddah bermaksud **kiraan, hitungan** atau **bilangan.** Hal ini kerana ia merangkumi bilangan suci daripada haid dan juga bilangan bulan. dari segi istilah, iddah ialah **nama bagi tempoh tertentu bagi seseorang perempuan menunggunya, semata-mata mematuhi perintah Allah SWT (ta'abbudi)** atau **sebagai tanda kesedihan terhadap kematian suami,** atau **memastikan rahimnya bersih daripada kandungan.**

Dalil pensyariatan.

Terdapat beberapa ayat Al-Qur'an dan hadith yang menjelaskan pensyariatan iddah bagi perempuan yang diceraikan atau kematian suaminya. Allah SWT mensyariatkan iddah dalam firmaNya yang bermaksud:

> *"Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid)."*

Cara mengira iddah (3 kali suci).

(i) Suami menceraikan isteri di waktu suci dan **tidak disetubuhi** di waktu suci (Talak Sunni).



Jika seorang perempuan diceraikan pada masa suci, maka iddahnya selesai dengan haid yang ketiga, kerana pengiraan tiga kali quru' adalah berdasarkan dengan keadaan demikian, iaitu dikira baki masa suci perempuan itu pada masa suaminya menceraikannya dahulu satu quru', manakala dua kali haid dan dua kali suci adalah dikira dua quru' lagi. Oleh itu, genaplah tiga quru' dengan kedatangannya haid yang ketiga.

(ii) Suami menceraikan isteri **waktu haid** (Talak Bid'ei).



Jika seorang perempuan diceraikan pada masa sedang haid, maka iddahya selesai dengan masuknya haid yang keempat kerana tiga quru' itu baru berhasil dengan masuknya haid yang keempat.

(iii) Suami menceraikan isteri di waktu suci dan **disetubuhi** di waktu suci (Talak Bid'ei).



Jika seorang perempuan diceraikan dalam masa suci dan disetubuhi di waktu suci tersebut, maka waktu suci tersebut tidak dikira lagi sebagai satu kali suci. Apabila datang haid kali pertama dan suci dari haid tersebut barulah dikira sebagai satu kali suci. Selepas itu, dua kali haid dan dua kali suci berikutnya barulah genap tiga quru'.

Hikmah pensyariatan iddah bagi perempuan yang kematian suami.

(i) Menunjukkan kesetiaan kepada suami yang telah pergi. Hal ini demikian kerana Allah SWT telah mewajibkan isteri menghormatinya, setia dan melayaninya dengan baik. Justeru, tidak sesuai bagi isteri bersikap sebaliknya selepas kematian suaminya.

(ii) Menggantikan adat kebiasaan Jahiliyyah yang mewajibkan isteri berkurung di dalam tempat yang gelap dan selama setahun apabila suaminya meninggal dunia.

Hikmah iddah perceraian dengan sebab fasakh atau talak.

Bagi isteri yang belum putus haid atau isteri yang mengandung, hikmah wajib beriddah adalah untuk menentukan nasab, memelihara kehormatan diri dan memastikan rahim sentiasa bersih daripada kandungan. Bagi isteri yang masih kecil atau isteri yang putus haid, hikmah diwajibkan beriddah ialah untuk:

(i) Mematuhi perintah Allah SWT. Pada hakikatnya, inilah hikmah dan pengertian yang sepatutnya menjadi pegangan dan yang merangkumi semua jenis iddah.

(ii) Memuliakan perkahwinan dan memberinya kedudukan penting yang sesuai menurut hukum syarak. Jika isteri mengahwini lelaki lain sebaik sahaja perceraian, sudah tentu ia tidak menunjukkan penting dan mulianya perkahwinan tersebut walaupun isteri itu kanak-kanak atau perempuan yang putus haid, yang pasti rahimnya bersih daripada benih suami. Sikap isteriu yang bersegera berkahwin akan meleyapkan pentingnya perkahwinan serta kehebatannya pada pandangan orang ramai dan menimbulkan prasangka bahawa perkahwinan itu sama seperti pelacuran yang tidak perlu menunggu tempoh tertentu sebelum berpindah kepada lelaki lain.

(iii) Sebagai tambahan untuk lebih berhati-hati bagi memastikan rahim perempuan tersebut bersih dari kandungan. Hal ini kerana perkara

yang ganjil dan terkeluar dari kebiasaan mungkin terjadi dari semasa ke semasa.

(iv) Bagi memberi peluang kepada suami isteri mengadakan rundingan dalam menyelesaikan masalah rumahtangga mereka yang bercerai untuk merujuk semula dan hidup aman bahagia seperti sediakala.

(v) Bagi memberi peluang kepada suami isteri berfikir secara mendalam bahawa perceraian itu membawa masalah kepada anak-anak di bawah jagaan mereka. Anak-anak akan menjadi terbiar dan hidup tanpa kasih sayang ibu bapa.

(vi) Memberi masa yang secukupnya kepada suami isteri menyedari kesilapan yang telah dilakukan dan memperbaikinya serta melatih diri untuk menjadi pasangan yang bertanggungjawab kepada keluarga.

Jenis iddah.

(i) Iddah kerana perceraian.

Perempuan yang telah disetubuhi oleh suaminya dan diceraikan sama ada dengan fasakh ataupun iddahnya ialah:

i. Bagi perempuan yang mengandung: tempoh iddahnya berakhir dengan kelahiran anak yang dikandung. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan perempuan- perempuan yang mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya". (Surah At-Talaq: 4)*

ii. Bagi perempuan yang tidak mengandung dan belum putus haid: iddahnya berakhir dengan berlakunya tiga kali suci daripada haid, bermula selepas perceraiannya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid). Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat". (Surah Al-Baqarah: 228)

iii. Bagi perempuan yang tiada haid sama ada kerana dia masih kecil ataupun telah putus haid: iddahnya adalah dengan berakhirnya tiga bulan selepas perceraiannya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh iddah mereka), maka iddahnya ialah tiga bulan, dan (demikian) juga iddah perempuan-perempuan yang tidak berhaid". (Surah At-Talaq: 4)

(ii) Iddah kerana kematian.

i. Jika perempuan itu mengandung semasa kematian suaminya: iddahnya berakhir dengan kelahiran anaknya, sama ada iddah itu mengambil masa yang panjang atau pendek.

ii. Jika isteri tidak mengandung atau mengandung, tetapi bukan daripada benih suami yang meninggal dunia, seperti isteri mengandung, sedangkan suaminya belum baligh atau suaminya telah lama hilang melebihi empat tahun sama ada dia telah menyetubuhi isterinya ataupun belum, maka iddahnya adalah dengan berakhirnya empat bulan sepuluh hari.

Iddah perempuan yang belum disetubuhi.

Perempuan yang belum disetubuhi oleh suaminya dan diceraikan, tidak wajib beriddah. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu

menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang iddah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah "mutaah" (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya". (Surah Al-Ahzab:49)

Hukum iddah dan kewajipan yang perlu dilakukan.

(i) Perempuan yang beriddah talak: perempuan yang diceraikan dengan talak sama ada Talak Raj'ie atau Talak Ba'in, mempunyai kewajipan dan hak, iaitu:

Sekiranya Talak Raj'ie:

i. Suami wajib menyediakan tempat tinggal bagi isteri dan yang afdhalnya ialah tempat tinggal semasa mereka hidup bersama sekiranya bersesuaian dan tiada halangan untuk mendudukinya.

ii. Menurut syariat Islam, suami wajib memberi nafaqah, seperti perbelanjaan, pakaian dan lain-lain. Nafaqah ini wajib diberikan sama ada isteri itu mengandung atau tidak. Hal ini demikian kerana suami masih berkuasa atas isterinya dan boleh rujuk selagi tempoh iddahnya belum berakhir.

iii. Lelaki wajib menetap di rumahnya dan tidak meninggalkan rumah melainkan kerana perkara yang tidak dapat dielakkan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani iddahnya) itu di tempat kediaman kamu, sesuai dengan kemampuan kamu, dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka, (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu). Dan jika mereka berkeadaan mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafaqahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya". (Surah AT-Talaq: 1)

iv. Isteri beriddah itu haram mendedahkan dirinya untuk dipinang oleh lelaki lain kerana dia masih terikat dengan suaminya. Bahkan, suami lebih berhak ke atas dirinya daripada lelaki-lelaki lain. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan suami-suami mereka berhak mengambil kembali (rujuk akan) isteri-isteri itu dalam masa iddah mereka jika suami-suami bertujuan hendak berdamai". (Surah Al-Baqarah: 228)*

Jika perempuan yang diceraikan dengan Talak Ba'in, maka hendaklah dilihat sama ada perempuan itu mengandung atau sebaliknya. Jika perempuan itu mengandung:

i) **Suami wajib menyediakan tempat tinggal**. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Wahai Nabi! Apabila kamu (engkau dan umatmu) hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan iddahnya dan hitunglah masa iddah itu (dengan betul), serta bertaqwalah kepada Allah, Tuhan kamu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai iddahnya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata". (Surah At-Talaq: 1)*

Ayat ini secara umumnya menerangkan bahawa, iddah perempuan diceraikan dengan Talak Raj'ie atau Talak Ba'in.

ii) **Isteri berhak mendapat nafaqah**. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *Dan jika mereka berkeadaan mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafaqahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya".*
> *(Surah AT-Talaq: 1)*

iii) Isteri hendaklah mendiami rumah yang disediakan suaminya dalam tempoh iddah. Dia tidak boleh meninggalkan rumah melainkan ada keperluan. Contohnya, dia memerlukan makanan dan seumpamanya atau menjual barang kepunyaannya bagi mendapatkan hasil, sedangkan tiada sesiapa yang akan melakukan kerja-kerja tersebut bagi pihaknya. Ataupun, dia pekerja dalam sesuatu pekerjaan yang tidak membenarkannya tinggal di rumah berterusan sepanjang tempoh iddah. Atau isteri itu terpaksa menghilangkan kesunyiannya dengan berbual-bual bersama jirannya. Dalam keadaan ini, isteri tidak haram meninggalkan rumahnya untuk tujuan tersebut.

Jika perempuan itu tidak mengandung: **isteri tidak berhak mendapat nafaqah**. Dia wajib diberi tempat tinggal dan wajib mendiami rumah sehingga iddahnya selesai. Hal ini berdasarkan hadith dalam kisah Fatimah binti Qaisy ketika dia diceraikan oleh suaminya dengan Talak Ba'in. Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Kamu tidak mendapat nafaqah melainkan jika kamu mengandung". (Riwayat Abu Daud)

(ii) Iddah kerana kematian.

Perempuan yang beriddah kerana kematian suami, wajib ke atasnya melakukan perkara seperti berikut:

i) Berkabung atas kematian suaminya, iaitu tidak berhias dan mengenakan bau-bauan. Oleh itu, tidak boleh memakai pakaian yang berwarna terang, bercelak, bersolek, atau memakai barang kemas, sama ada emas, perak atau selainnya. Jika perempuan tersebut melakukan perbuatan demikian, hukumnya adalah berdosa. Hal ini berdasarkan hadith daripada Ummu Habibah r.anha, katanya:

"Tidak halal bagi perempuan yang beriman dengan Allah dan hari akhirat berkabung di atas kematian seseorang melebihi tiga hari melainkan kematian suaminya. Dia hendaklah berkabung selama empat bulan sepuluh hari". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Hadith ini menunjukkan bahawa haram bagi seorang perempuan berkabung di atas bukan kematian suaminya. Perempuan diwajibkan untuk berkabung di atas kematian suaminya selama **empat bulan sepuluh hari**. Rasulullah SAW membenarkan perbuatan bagi menzahirkan kesedihan dan menyuruh orang ramai mengucapkan takziah dalam tempoh tiga hari sahaja. Ini kerana dalam tempoh ini, kebiasaannya jiwa seseorang tidak mampu menahan sabar dan menyembunyikan kesedihan.

ii) Wajib menetap di rumah yang didudukinya selama tempoh iddah. Isteri tidak dibenarkan keluar melainkan ada keperluan sepertimana yang dijelaskan sebelum ini. Adapun anggapan kebanyakkan orang awam bahawa perempuan yang beriddah tidak boleh bercakap dengan orang lain dan orang lain juga tidak boleh mendengar suaranya adalah tidak berasas. Hal ini sama sahaja sama ada dalam iddah ataupun di luar iddah.

4.6 Rujuk

Dari sudut **bahasa** ialah kembali atau pulang semula. Mengikut kehendak **ahli-ahli ilmu feqah**, rujuk ialah mengembalikan isteri kepada nikah dalam masa iddah yang bukan Talak Ba'in mengikut syarat-syarat tertentu tanpa akad nikah yang baru. Dengan perkataan lain, kembali bersatu semula sebagai suami isteri dengan menarik balik perceraian yang telah berlaku sewaktu iddah masih ada.

Dalil disyariatkan rujuk.

Firman Allah SWT, yang bermaksud:

> *"Dan suami-suaminya lebih berhak merujuknya dalam waktu beriddah itu, jika mereka (para suami) bersetuju atau menghendaki Islah (berdamai kembali). (Surah Al-Baqarah: 228)*

Dalam ayat lain pula, firman Allah SWT lagi, yang bermaksud:

> "Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) kemudian mereka (hampir) habis tempoh iddahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik, atau lepaskan mereka dengan cara yang baik". (Surah Al-Baqarah: 231)

Berdasarkan maksud ayat tersebut, dapatlah difahami bahawa ikatan perkahwinan masih wujud selama tempoh iddah, kerana perkataan **"pegang mereka"** bererti mengekalkan sesuatu yang masih ada, bukan mendapat semula sesuatu yang telah hilang.

Cara rujuk.

Cara rujuk memadailah suami berkata kepada isterinya*: "Aku rujuki engkau ke pangkuanku dan perkahwinanku"*. Walaubagaimanapun, kata-kata suami ini sunat disaksikan oleh dua orang. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi yang adil di antara kaum".*

Sehubungan dengan itu, apabila suami rujuk, dia masih mempunyai baki talak, iaitu talak dua jika telah menjatuhkan talak satu dan satu talak jika talak dua. Namun, jika suami tidak rujuk sehingga tempoh akhir iddah berakhir, maka perkahwinannya terputus. Tatkala iaitu, tiada cara lain untuk kembali kepada isterinya melainkan dengan akad nikah dan mas

kahwin yang baru dan pilihan isteri itu sendiri. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> "Apabila kamu mentalak isteri-isteri kaum, lalu habis masa iddahnya, maka janganlah kamu (para wali) menghalangi mereka kahwin lagi dengan bakal suaminya apabila telah terdapat kerelaan di antara mereka dengan cara yang ma'ruf". (Surah Al-Baqarah: 232)

Jika hak rujuk suami masih ada, pastilah dia tidak dibenarkan berkahwin dengan mana-mana lelaki yang disukainya.

Rukun rujuk.

(i) Orang yang merujuk (suami): syarat-syaratnya ialah:

- Seorang yang berakal.
- Baligh.
- Merujuk dengan pilihannya sendiri, iaitu tidak dipaksa.
- Tidak murtad.
- Merujuk tanpa *khiyar* (pilihan). Tidak sah rujuk jika suami berkata kepada isterinya:

  "Saya rujuk engkau dengan syarat saya berhak berkhiyar".

(ii) Orang yang dirujuk (isteri): syarat-syaratnya ialah:

- Diceraikan dengan Talak Raj'ie (talak 1 atau 2).
- Isteri masih dalam iddah. Sekiranya telah habis tempoh iddah, mereka tidak boleh rujuk melainkan dengan akad nikah dan mas kahwin yang baru.
- Isteri hendaklah yang telah disetubuhi. Jika isteri itu seorang yang belum disetubuhi, pertalian antara kedua suami isteri akan terus terputus disebabkan isteri tidak perlu beriddah.
- Perceraian yang telah berlaku itu bukanlah dengan cara bayaran yang dibayar oleh isteri kepada suami, seperti perceraian secara khuluk.

Perceraian itu mestilah secara menjatuhkan talak oleh suami terhadap isterinya.

(iii) **Lafaz rujuk (sighah):** lafaz rujuk boleh dilakukan secara sindiran atau secara soreh (terang). Contohnya: *"Saya jadikan awak milik saya kembali"* atau *"Saya rujuk awak".*

(iv) **Beberapa hukum tentang rujuk.**

(i) **Suami menceraikan isteri sebelum disetubuhi:** jika suami menceraikan isterinya sebelum disetubuhi, talak itu adalah Talak Ba'in. suami tidak boleh rujuk kembali kepada isterinya kerana isteri tidak diwajibkan iddah akibat perceraian itu.

(ii) **Perceraian secara khuluk:** jika suami menceraikan isterinya secara khuluk, ia menjadi Talak Ba'in Sughra. Mereka tidak boleh rujuk kembali melainkan dengan akad nikah dan mas kahwin yang baru (sama seperti perkahwinan yang baru).

(iii) **Suami menceraikan isterinya dengan talak satu atau talak dua selepas persetubuhan:** jika suami menceraikan isterinya dengan talak satu atau talak dua selepas menyetubuhinya, ia menjadi Talak Raj'ie. Suami boleh rujuk kembalinya tanpa akad dan mas kahwin yang baru. Keputusan tersebut berada di tangannya selagi iddah isterinya belum habis.

(iv) **Suami menceraikan isterinya dengan talak tiga:** jika suami menceraikan isterinya dengan talak tiga, sama ada dilafazkan secara berasingan atau sekali gus dengan satu lafaz sahaja sebelum atau selepas persetubuhan, talak tersebut adalah Talak Ba'in. Suami tidak boleh rujuk kembali walau dengan apa cara sekalipun sama ada semasa iddah atau selepas iddah bekas isterinya melainkan selepas melalui lima peringkat:

i. Iddah dengan suami yang menceraikannya telah habis.

ii. Selepas selesai idah, bekas isteri berkahwin dengan lelaki lain dengan akad nikah sah.
iii. Bekas isteri disetubuhi oleh suami barunya dengan persetubuhan yang sebenar.
iv. Suami barunya menceraikannya.
v. Iddahnya dengan suami baru telah habis.

Hikmah rujuk

(i) **Memberi ketenangan jiwa:** rujuk dapat mengembalikan semula keharmonian dan ketenangan jiwa setelah mengalami keadaan yang pahit selepas perceraian.

(ii) **Memberi keinsafan dan rasa bertanggungjawab:** rujuk dapat menginsafkan dan menjadikan pasangan suami isteri lebih bertanggungjawab setelah melihat keluarga dan anak-anak menderita kerana kehilangan kemesraan dan kasih sayang akibat daripada perceraian.

(iii) **Sesuai dengan fitrah manusia:** manusia adalah insan lemah yang tidak sunyi dari melakukan kesilapan dan kesalahan. Dengan adanya rujuk, pasangan yang bercerai dapat memperbetulkan kesilapan masing-masing.

(iv) **Menyambung semula hubungan suami isteri yang telah bercerai dan memberi peluang kepada mereka untuk memperbaiki kesilapan yang mereka lakukan.**

(v) **Memperbaiki semula hubungan kekeluargaan yang terputus.**

4.8 Ihdad

Dari sudut **bahasa** bermakna berkabung. Menurut istilah **syarak**, ia adalah meninggalkan bau-bauan, hiasan diri, solekan dan sebagainya. Perkara

tersebut hanya dikhususkan kepada solekan dan hiasan tubuh badan sahaja, tidak termasuk hiasan rumah, bilik tidur, tempat duduk dan sebagainya.

Hukum dan dalilnya

Hukum ihdad adalah **wajib** kepada isteri yang kematian suami. Tempoh ihdad yang telah disyariatkan dalam Islam selama **4 bulan 10 hari**. Manakala, hukum ihdad seseorang perempuan terhadap kaum kerabatnya adalah harus dan tempoh ihdad bagi kematian orang lain selain daripada suami, seperti bapa, ibu dan saudara terdekat ialah tidak lebih dari tiga hari. Jika melebihi tiga hari, hukumnya haram. Ini bertepatan dnegan hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

> *"Tidak boleh bagi seorang perempuan Islam yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat berihdad terhadap kematian melebihi tiga hari, melainkan terhadap suaminya selama 4 bulan 10 hari".*

Perbuatan ihdad ini dihubungkan kepada seseorang isteri yang kematian suami. Ia tidak berlaku kepada perceraian biasa. Para ulama' bersepakat mengatakan bahawa isteri-isteri yang dicerai raj'ie tidak berkewajipan berkabung kerana dalam tempoh tersebut isteri digalakkan bersolek dan berhias-hias untuk menarik suami supaya merujuknya atau kembali semula kepadanya.

Tegahan bersolek dan hiasan.

(i) Hiasan barang kemas sama ada yang diperbuat daripada emas, perak atau sutera sekalipun berwarna hitam.

(ii) Berwangi-wangian dan berdandan rambut. Perbuatan ini boleh menarik perhatian dan pandangan orang lain terhadap seseorang wanita.

(iii) Memakai minyak rambut yang berbau atau tidak. Ini adalah kerana ia merupakan hiasan pada rambut dan kebiasaannya minyak rambut berbau wangi.

(iv) Bercelak. Ia merangkumi apa-apa jenis celak dan hiasan mata.

(v) Berinai. Ia merangkumi apa-apa jenis inai dan pewarna.

(vi) Memakai pakaian yang berwarna-wrani seperti merah atau kuning.

Hikmah ihdad.

(i) Secara umumnya adalah sebagai menzahirkan rasa sedih terhadap kehilangan seseorang dengan cara yang terbatas dan terkawal, tidak seperti kelakuan orang-orang Jahiliyyah, apabila berlakunya kematian, mereka akan menangis dengan menjerit-jerit, menampar-menampar pipi serta mengoyak-ngoyakkan baju dan sebagainya.

(ii) Perbuatan berhias atau bersolek boleh menarik perhatian lelaki, bahkan boleh membuatkan lelaki tergoda.

Oleh sebab itu, perbuatan sedemikian ditegah oleh Islam bagi mengelak daripada berlakunya perkara buruk demi menjaga kesucian syariat Allah SWT. Berkabung adalah sebagai ganti diri suami yang telah tiada untuk mengawal dan mengawas isterinya yang ditinggalkannya dalam tempoh waktu yang tertentu.

4.8 Zihar

Dari segi **bahasa** bermaksud belakang. Hal ini demikian kerana pada asalnya, zihar adalah suami berkata kepada isterinya: *"Bagiku, engkau seperti belakang ibuku".* Dikhususkan zihar dengan belakang, bukan perut, peha dan lainnya kerana belakang daripada binatang merupakan tempat tunggangan.

Sementara zihar pada **istilah** pula adalah seorang menyamakan isterinya dari sudut pengharaman dengan seorang daripaa mahramnya, seperti ibu dan saudara perempuannya. Orang Arab pada zaman Jahiliyyah menganggap zihar sebagai satu daripada cara perceraian. Tetapi, Islam memberikannya satu tanggapan lain dan menentukan beberapa hukum yang lain.

Rukun zihar.

(i) **Suami yang menzihar:** berakal, baligh dan dengan kemahuan sendiri.

(ii) **Isteri yang dizihar:** isteri yang sah walaupun masih kecil, gila, sakit, atau masih dalam iddah raj'ie.

(iii) **Lafaz zihar (sighah):** lafaz yang jelas digunakan khusus untuk zihar sahaja dan tidak mengandungi makna lain (soreh) serta memerlukan niat untuk menentukan maksud sebenar (kinayah).

(iv) **Orang yang diserupakan:** diharamkan berkahwin buat selama-lamanya sama ada dengan sebab nasab, susuan, atau persemendaan. Selain itu, menyerupakan dengan anggota zahir yang masih bersambung.

Keterangan.

Tidak jatuh zihar: jika diserupakan dengan bahagian anggota badan yang batin seperti hati, limpa dan sebagainya. Begitu juga tidak jatuh zihar jika menerupakan dengan anggota yang sudah terpisah seperti jari tangan yang terputus atau anggota lain

Hukum zihar dari segi halal dan haram.

Ijma' ulama' menyatakan bahawa zihar adalah **haram** dan satu daripada **dosa besar**. Zihar merupakan perkara mungkar dan dosa besar di sisi Allah SWT. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Dan sesungguhnya mereka bersungguh-sungguh mengucapkan suatu perkataan mungkar dan dusta". (Surah Al-Mujadalah: 2)

Lafaz zihar.

Lafaz zihar yang terang (صريح) ialah lafaz yang tidak membawa makna lain selain zihar. Contohnya, suami berkata kepada isteri: *"Bagiku, kamu seperti belakang ibuku",* atau *"Padaku, kamu seperti belakang ibuku".* Apabila seorang suami berkata demikian, dia telah menzihar isterinya sama ada dengan niat ataupun tidak, selagi dia mempunyai syarat sah, iaitu cerdik, berakal serta sedar makna yang diucapnya.

Lafaz zihar kiasan (كناية) ialah lafaz yang boleh diandaikan membawa makna zihar dan bukan zihar. Contohnya, suami berkata kepada isterinya: *"Bagiku, kamu seperti ibu dan saudara perempuanku"*, atau *"Padaku, kamu seumpama emak dan adik perempuanku".*

Apabila seorang suami berkata demikian, maka makna ungkapan tersebut adalah menurut yang dimaksudkannya. Justeru, ia adalah zihar jika suami mengungkapnya bermaksud demikian. Sebaliknya, jika seorang suami bertujuan menyamakan isterinya dengan ibu dan saudara perempuan dari sudut kemuliaan dan penghormatan, maka ia tidak dianggap zihar. Oleh itu, tiada sesuatu pun yang wajib ke atas suami tersebut.

***Kaffarah* zihar.**

Terdapat beberapa peringkat *kaffarah* berdasarkan kemampuan suami melakukannya seperti berikut:

(i) **Memerdekakan seorang hamba yang mukmin**, yang tiada sebarang kecacatan, yang boleh menjejaskan usaha dan kerjaya, seperti sangat tua, atau tiada satu anggota badan, seperti kaki.

(ii) Jika tiada hamba sebagaimana hari ini atau suami mampu memerdekakannya, dia hendaklah **berpuasa** selama dua bulan *qamariyyah* secara berturut-turut.

(iii) Jika suami tidak mampu berpuasa atau dia tidak berdaya meneruskannya berturiut-turut kerana penyakit atau tua, dia hendaklah memberi **makanan kepada 60 orang miskin** setiap seorang secupak makanan asasi sesebuah negara.

***Kaffarah* zihar perlu disegerakan.**

Suami yang men ziharkan isterinya dituntut menunaikan *kaffarah* zihar dengan segera. Dia tidak halal menyetubuhi isterinya selagimana *kaffarah* yang termampu itu belum disempurnakan, seperti tiga peringkat yang dinyatakan sebelum ini. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Sebelum kedua suami isteri itu bercampur". (Surah Al-Mujadalah: 3)*

Kesan zihar.

Apabila telah berlaku zihar, maka suami diharamkan bersetubuh dengan isterinya kecuali setelah membayar *kaffarah* (denda). Tidak halal seorang isteri kepada suami yang telah menziharkannya selagi suami tidak menyelesaikan bayaran *kaffarah*nya. Suami mesti memohon diampunkan dosa dan bertaubat serta menahan diri dari mendekati isterinya sehingga selesai menunaikan *kaffarah*nya.

Suami yang mengucapkan satu lafaz zihar terhadap isterinya dikenakan *kaffarah* mengikut bilangan isteri yang diziharkan itu. Seandainya suami menzihar pada beberapa anggota badan, maka tiap-tiap satu anggota itu dikenakan satu *kaffarah*.

4.9 Ila’

Menurut **bahasa** ila’ bermaksud sumpah. Manakala, menurut **syarak,** ila’ ialah sumpah seorang suami yang sah talaknya untuk tidak bersetubuh dengan isterinya selama-lamanya atau melebihi empat bulan.

Hukum ila’.

Hukum ila’ adalah **haram** kerana ila’ ialah perbuatan yang memudaratkan isteri dan juga ia merupakan sumpah untuk meninggalkan perkara yang wajib dipenuhi oleh seorang suami iaitu memberi nafkah batin kepada isterinya (bersetubuh).

Rukun ila’.

(i) **Suami yang mengila’kan.** Syarat-syaratnya ialah:

- Suami yang sah.
- Suami yang sah talaknya bukan gila, kanak-kanak dan yang dipaksa.
- Suami yang mampu untuk melakukan persetubuhan bukan suami yang terpotong zakarnya, mati pucuk dan sebagainya.

(ii) **Isteri yang diila’kan.** Syarat-syaratnya ialah:

- Isteri itu boleh disetubuhi, bukan isteri yang mempunyai kecacatan seperti ketumbuhan daging atau tulang di dalam farajnya atau seumpamanya dari kecacatan-kecacatan yang tidak dapat disetubuhi.

(iii) **Sesuatu yang diila’kan iaitu nama Allah SWT dan sifatnya.** Syarat-syaratnya ialah:

- Dengan nama Allah SWT, sifat-sifat-Nya dan setiap sumpah yang melazimkan dirinya dikenakan hukuman seperti menta’likkan sumpah dengan talak, ibadah dan sebagainya.

(iv) **Sesuatu yang diila'kan ke atasnya (bersetubuh).** Syarat-syaratnya ialah:

- Perbuatan yang disumpah iaitu persetubuhan. Sekiranya suami bersumpah tidak mahu tidur atau tidak mahu bercium atau lain-lain perbuatan yang boleh menaikkan nafsu, ia tidak dinamakan ila'.

(v) **Tempoh masa.** Syarat-syaratnya ialah:

- Lebih dari empat bulan atau tiada had masa seperti dita'likkan dengan sesuatu perkara yang akan berlaku tetapi masih jauh seperti katanya: *"Demi Allah aku tidak mahu menyetubuhi engkau selama empat bulan sepuluh hari",* atau *"Demi Allah aku tidak mahu menyetubuhi engkau sehingga mati".*

(vi) **Lafaz ila' (sighah).** Syarat-syaratnya ialah:

- **Lafaz soreh (terang)** iaitu lafaz yang jelas tidak perlu kepada niat seperti: *"Aku tidak akan bersetubuh dengan kamu melebihi dari empat bulan",* atau *"Aku tidak akan jimak dengan kamu melebihi dari empat bulan".*
- **Lafaz kinayah (kiasan)** iaitu lafaz yang tidak menunjukkan ila' kecuali dengan niat, seperti: *"Aku tidak akan sentuh kamu selama empat bulan".* dalam lafaz ini, sekiranya suami berniat makna sentuh itu ialah bersetubuh, maka sahlah ila' pada ketika itu.

Kesan ila'.

Terdapat dua implikasi yang timbul akibat perbuatan ila'. Sekiranya seorang suami yang telah melafazkan ila', kemudian dia telah melanggar ila'nya itu dengan bersetubuh kembali dengan isterinya sebelum cukup tempoh empat bulan atau lebih, maka dia diberi pilihan sama ada hendak hidup bersama atau memilih untuk bercerai.

Memilih hidup bersama: wajib membayar kaffarah yamin iaitu hukuman ke atas sumpah untuk menghalalkan persetubuhan.

(i) Memerdekakan seorang hamba Muslim.

(ii) Memberikan makanan kepada sepuluh orang miskin, satu cupak setiap orang.

(iii) Berpuasa selama tiga hari berturut-turut.

Memilih perceraian: jika suami tidak melakukan pembatalan sumpahnya (tidak menyetubuhi isterinya) atau tidak mentalak isterinya maka qadhi berhak menjatuhkan talak dengan talak satu.

Keterangan.

(i) Sekiranya ila' itu dibuat secara sumpah taklik talak, maka apabila si suami menyetubuhi isterinya, jatuhlah talak ke atas isterinya itu.

(ii) Sekiranya ila' itu dibuat (dilafazkan) secara nazar seperti kata suami: "Kalau aku menyetubuhi kamu dalam masa empat bulan, maka aku wajib berpuasa selama sepuluh hari". Maka sekiranya suami menyetubuhi isterinya sebelum cukup tempoh yang disebutkan, dia wajib membayar nazarnya dengan berpuasa selama sepuluh hari.

4.10 Lian

Dari segi **bahasa** bermaksud buang dan menjauhkan daripada kebaikkan. Ada pendapat iaitu jauh daripada rahmat Allah SWT dan daripada makhluk dengan kejian. Contohnya, *La'anahullah* (لعنه الله), yang bermaksud Allah SWT membuang dan menjauhkannya. Ia dinamakan li'an kerana suami isteri menjauhkan diri antara satu dengan yang lain.

Sementara dari segi **syarak**, li'an bermaksud perkataan-perkataan yang dijadikan hujah oleh suami yang terpaksa menuduh isterinya kerana mencemari rumahtangga dan menyebabkan aib kepada suami.

Hikmah pensyariatan.

Hukum li'an berbeza dengan hukum qazaf. Dalam hukum qazaf, orang yang menuduh akan dikenakan hukuman, manakala orang yang dituduh, bebas daripada tuduhan yang dilemparkan kepadanya. Persoalannya, apakah hikmah perbezaan ini? Dan mengapakah hukuman qazaf tidak dikenakan kepada suami isteri menuduh isterinya berzina?

Dalam hal ini, orang lain selain daripada suami tiada kepentingan untuk menuduh seseorang itu berzina, sama ada tuduhannya dia betul ataupun dusta. Hal ini kerana ajaran Islam menghendaki seseorang itu menutup aib orang lain yang diketahuinya. Memadailah orang itu dinasihati secara tertutup dan jauh daripada pandangan orang ramai.

Hal ini berlainan dengan seorang suami. Dia perlu mengetahui hakikat sebenar dan perlakuan jahat isterinya. Hal ini demikian kerana perbuatan keji isteri mencemarkan kehidupan rumahtangga dan memberi malu kepadanya. Bahkan, merupakan sebab syar'ie yang memberinya hak untuk berpisah daripada isterinya itu.

Sehubungan dengan itu, jika suami terpisah daripada isteri, sudah pasti suami akan teraniaya lagi kerana dia perlu memberi mas kahwin sepenuhnya kepada isteri, sedangkan isteri tersebut tidak berhak mendapat apa-apa pun akibat perangai buruknya itu. Dalam hal ini, Allah SWT mensyariatkan **hukum khas** yang menjamin suami isteri terus mendapat perlindungan, keadilan dan tiada sesiapa pun antara mereka yang menjadi mangsa penganiayaan.

Hukum yang dimaksudkan itu adalah **hukum li'an**. Oleh itu, dapatlah difahami bahawa hikmah tuduhan berzina yang dilemparkan oleh suami terhadap isterinya jika tuduhan itu dilakukan menurut syariat Islam ialah suami tidak dikenakan hukuman hudud. Hal ini kerana dari satu segi, orang yang menuduh dikenakan hukuman hudud disebabkan tuduhan dustanya, manakala dari sudut yang lain disebabkan dia tidak mengambil berat untuk menutup aib orang Islam.

Adapun suami, sudah tentu tidak akan menuduh isterinya secara berbohong kerana perbuatan tersebut hanya memalukan dirinya sendiri dan merosakkan imejnya. Justeru, suami boleh mendedahkan perbuatan keji isterinya kerana ia memalukannya, menjatuhkan maruah dan menjejaskan pandangan baik orang lain terhadapnya.

Hukum menuduh isteri berzina.

Seseorang suami yang menuduh isterinya berzina akan dikenakan hukuman **qazaf** melainkan setelah dia membuktikannya dengan empat orang saksi, termasuk dirinya sendiri. Hal ini merupakan hukum am bagi hukum qazaf, hal ini berdasarkan hadith, Rasulullah SAW bersabda kepada Hilal bin Umayyah tatkala Hilal mengadu kepada Baginda SAW menuduh isterinya berzina:

> *"Kemukanlah bukti atau engkau dikenakan hukuman. Hilal berkata: "Demi Tuhan yang mengutuskan engkau dengan kebenaran, sesungguhnya aku orang yang benar. Pastilah Allah akan menurunkan ayat yang akan melepaskan aku daripada hukuman hudud". (Riwayat Ibnu Majah)*

Tuduhan berzina terhadap isteri boleh dilakukan sama ada suami mengetahui isterinya berzina atau kuat sangkaannya terhadap perbuatan tersebut. Contohnya, perbuatan zina isterinya telah jelas di kalangan orang ramai melihat berdua-duaan dengan pasangannya di tempat sunyi.

Hukuman **harus** menuduh isteri berzina ini sekiranya tiada anak dilahirkan. Sebaliknya, jika terdapat anak, yang suami pasti bukan zuriatnya, dia **wajib** menuduh isterinya berzina dan **menafikan anak** tersebut. Hal ini demikian kerana jika tidak dinafikan, maka suami seolah-olah mengakui anak itu daripada keturunannya. Perbuatan mengakui seseorang yang bukan keturunan sebagai keturunannya adalah haram, sebagaimana haram menafikan keturunannya.

Persoalannya, bagaimanakah untuk mengetahui status anak tersebut? **Caranya** adalah dengan dia tidak menyetubuhi isterinya atau isterinya melahirkan anak kurang daripada enam bulan selepas persetubuhan kerana enam bulan merupakan tempoh minimum mengandung. Atau isteri melahirkan anak melebihi tempoh mengandung yang maksimum. Iaitu empat tahun selepas persetubuhan. Dalam hal ini, ternyata anak itu bukan daripada benih suaminya. Oleh itu, suami wajib menafikan supaya anak itu tidak dinasab kepadanya.

Cara suami melakukan li'an.

Li'an dilakukan dengan suami berkata di hadapan hakim dan khalayak ramai, dan sunat ianya terdiri daripada ketua-ketua masyarakat dan orang yang soleh di kalangan mereka. Ia juga hendaklah dilakukan di dalam masjid, di tempat yang tinggi, seperti mimbar dan yang seumpamanya. Suami hendaklah berkata: *"Aku bersaksi dengan Allah bahawa sesungguhnya aku daripada golongan yang benar tentang tuduhan zina yang aku lemparkan kepada isteriku yang bernama si anu. Dan anak ini (jika isteri mempunyai anak zina ataupun sedang mengandung) ialah anak zina dan bukan daripada zuriatku"*.

Suami dikehendaki mengulang sebanyak **empat kali**. Sekiranya isteri bersama-sama, maka suami hendaklah menunjukkan dengan tangannya ke arah isteri tersebut. Kemudian, kali **kelima**, selepas hakim memberikan peringatan kepadanya tentang bahaya berdusta, suami hendaklah berkata: *"Laknat Allah akan menimpaku jika aku terdiri daripada orang-orang yang berdusta".*

Hukum dan kesan perbuatan li'an suami.

(i) Suami tidak dikenakan hukuman qazaf.

(ii) Isteri yang dituduh akan dikenakan hukuman hudud kecuali dia juga melakukan li'an.

(iii) Hubungan perkahwinan terputus selama-lamanya. Anak zina yang dinafikan nasabnya daripada suami jika suami menyebut penafiannya ketika berli'an. Anak zina tersebut perlu dinasabkan kepada ibunya. Suami tidak wajib memberikan nafkah dan keduanya tidak boleh mewarisi atau mempusakai.

(iv) Suami isteri itu diharamkan bersatu semula buat selama-lamanya.

Hal ini berdasarkan hadith daripada Ibnu Umar r.a., katanya:

> *"Nabi saw meminta sepasang suami isteri melakukan li'an. Dengan li'an itu, anak yang dilahirkan oleh isteri dinafikan nasabnya daripada suami. Lalu, Nabi SAW memisahkan mereka berdua dan anak itu dinasabkan kepada isteri tersebut". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Cara isteri melakukan li'an.

Sebagai suami yang berli'an boleh mengelak hukuman qazaf, begitu juga isteri berli'an boleh menyelamatkan dirinya daripada hukuman kerana kesalahan berzina yang disebabkan li'an suami.

Cara isteri melakukan li'an adalah dengan berkata: *"Aku bersaksi dengan nama Allah bahawa si anu itu telah berdusta tentang tuduhan zinanya terhadapku".* Lafaz ini diulang sebanyak **empat kali**. Pada kali **kelima**, isteri berkata: *"Kemurkaan Allah akan menimpaku jika dia di kalangan orang yang benar".* Justeru, dengan mengucapkan kata-kata tersebut, hukuman hudud kerana berzina digugurkan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Isterinya itu dihindarkan dari hukuman oleh sumpahnya empat kali atas nama Allah, sesungguhnya suaminya itu benar-benar termausk orang-orang yang dusta. Dan (sumpah) yang kelima, bahawa laknat Allah ke atasnya jika suaminya itu termasuk orang-orang yang benar". (Surah An-Nur: 8-9)*

Syarat penting bagi li'an.

Syarat sah li'an mengambil lima perkara berikut:

(i) Tuduhan berzina berlaku terlebih dahulu sebelum li'an.

(ii) Suami melakukan li'an terlebih dahulu.

(iii) Suami isteri itu hendaklah menggunakan ungkapan li'an yang dinyatakan sebelum ini. Jika seorang daripada mereka mengucapkan ayat yang lain, seperti perkataan *bersaksi* ditukar kepada *bersumpah* atau menukarkan perkataan *murka* dengan *laknat*, atau sebaliknya, maka li'an tersebut tidak sah. Oleh itu, wajib menggunakannya ketika melakukan li'an.

(iv) Kelima-lima persaksian yang diucapkan oleh suami dan isteri itu hendaklah berturutan. Tidak harus berlaku senggang di antaranya, yang dianggap tidak berturutan pada pandangan umum.

(v) Hakim wajib menasihatkan suami dan isteri, dan mengingatkan mereka akan perbuatan dusta dan akibatnya. Contohnya, hakim berkata: *"Perhitungan diri kamu berdua terserah kepada Allah".*

Nabi SAW bersabda kepada kedua-dua suami isteri tersebut yang berli'an. Rasulullah SAW bersabda:

> *"Perhitungan kamu berdua terserah kepada Allah, seorang daripada kamu berbohong, maka tiada lagi jalan engkau kembali kepadanya". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

4.11 Hadhanah

Perkataan hadhanah bermakna penjagaan anak. Dari segi **bahasa**, hadhanah bermaksud tepi atau sisi. Hal ini demikian kerana penjaga anak mengambil anak yang dijaga ke sisinya.

Manakala menurut **syarak**, ianya bermaksud menjaga seseorang yang belum berupaya mengurus diri dan mendidiknya dengan pelbagai cara yang sesuai dengan pembesarannya. Bagi kanak-kanak yang masih kecil, hadhanah berakhir sehingga umur mumayyiz. Penjagaan kanak-kanak

selepas umur mumayyiz sehingga baligh dinamakan *kafalah*, yang bermakna memelihara.

Hikmah pensyariatannya.

Hikmah pensyariatan hadhanah adalah untuk mengatur tanggungjawab berkaitan dengan penjagaan dan pendidikan kanak-kanak yang masih kecil. Hal ini kerana berkemungkinan suami isteri terpisah atau hidup tanpa persefahaman, atau berada dalam kesempitan untuk memberi perhatian dan mendidik anak kecil mereka. Jika keadaan ini dibiarkan, pertikaian mereka tidak akan selesai. Ini merupakan satu penganiayaan terhadap kanak-kanak dan mengabaikan kepentingan mereka.

Keadaan ini akan menjadi penyebab kehancuran masa depan kanak-kanak itu. Oleh itu, peraturan yang menyeluruh perlu diwujudkan bagi menentukan pihak yang bertanggungjawab untuk menjaga dan mendidik mereka. Penentuan penjagaan kanak-kanak tersebut hendaklah berdasarkan keutamaan agar kepentingan mereka tidak terjejas sekiranya berlaku pertikaian atau perselisihan di kalangan penjaga mereka.

Hak penjagaan anak.

Pasangan suami isteri yang bercerai dan mempunyai anak yang masih kecil dan belum mumayyiz, ibu lebih berhak terhadap penjagaannya.

a) Sebab ibu lebih berhak daripada bapa.

Ibu lebih berhak daripada bapa dalam menjaga anak kecil kerana:

(i) Kasih dan kesabaran ibu menanggung beban menjaga dan mendidik anak kecil.

(ii) Ibu lebih berlemah-lembut dalam menjaga dan mendidik anak-anak, di samping mampu memberikan kasih sayang dan belaian yang diperlukan oleh anak-anak kecil. Hal ini berdasarkan hadith daripada Abdullah bin ʻAmru r.a., berkata:

Rasulullah SAW ditemui oleh seorang wanita dan berkata: "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya akulah yang mengandungkan anakku ini, susukulah yang menjadi minumannya, dan akulah penjaganya. Bapanya telah menceraikan aku dan sekarang dia ingin mengambil anakku". Rasulullah SAW bersabda: "Kamu lebih berhak daripadanya, selagi kamu tidak berkahwin lain". (Riwayat Abu Daud)

b) Hak penjagaan selepas ibu.

Jika ibu tiada atau ada ibu, tetapi tidak mahu menjaga anaknya, maka hak penjagaannya terserah kepada nenek, tetapi lebih afdhal ialah nenek sebelah ibu. Ini kerana nenek dengan sifat kewanitaannya dapat memberikan penjagaan dan kasih sayang kepada anak tersebut. Dalam hal ini, hendaklah mendahulukan keluarga yang terdekat di kalangan yang dekat.

Selepas itu, nenek sebelah bapa, seterusnya ibu kepada nenek tersebut. Dalam hal ini juga, hendaklah mendahulukan keluarga yang terdekat di kalangan yang dekat.

Seterusnya, saudara perempuan seibu sebapa, saudara perempuan sebapa, saudara perempuan seibu, diikuti ibu saudara sebelah ibu, ibu saudara sebelah bapa, anak-anak perempuan saudara lelaki dan anak-anak perempuan saudara perempuan.

c) Keutamaan perempuan dalam penjagaan anak.

(i) Ibu.
(ii) Nenek sebelah ibu, dan ke atas.
(iii) Saudara perempuan seibu sebapa.
(iv) Saudara perempuan sebapa.
(v) Saudara perempuan seibu.
(vi) Ibu saudara sebelah ibu.
(vii) Ibu saudara sebelah bapa.
(viii) Anak-anak perempuan kepada saudara lelaki.
(ix) Anak-anak perempuan kepada saudara perempuan.

d) Hikmah perempuan diutamakan.

Hikmah perempuan diutamakan dalam penjagaan anak adalah kerana pada kebiasaannya, perempuan lebih berlemah-lembut dalam menjaga dan mendidik anak, lebih bersabar menghadapi karenah anak-anak dan lebih mampu mencurahkan kasih sayang yang mereka perlukan.

e) Hak penjagaan oleh pihak lelaki.

Sebagaimana dijelaskan bahawa hak perempuan terhadap penjagaan anak lebih diutamakan daripada lelaki kerana mereka lebih berkemampuan. Walaubagaimanapun, jika kanak-kanak tersebut tidak mempunyai sanak-saudara perempuan atau ada saudara perempuan, tetapi tidak mahu menjaganya, maka hak penjagaan berpindah kepada lelaki. Dalam hal ini, mahram kepada kanak-kanak mengikut waris harta pusaka diberikan keutamaan kecuali datuk kerana dia diutamakan daripada saudara lelaki, seterusnya waris yang bukan mahram.

f) Keutamaan lelaki dalam penjagaan anak.

(i) Bapa, datuk dan ke atas.
(ii) Saudara lelaki, seibu sebapa.
(iii) Saudara lelaki, sebapa.
(iv) Anak lelaki, kepada saudara lelaki, seibu sebapa.
(v) Anak lelaki, kepada saudara lelaki, sebapa.
(vi) Bapa saudara, sebelah bapa, seibu sebapa.
(vii) Bapa saudara, sebelah bapa, sebapa.
(viii) Anak lelaki, kepada bapa saudara, sebelah bapa, seibu sebapa.
(ix) Anak lelaki, kepada bapa saudara, sebelah bapa, sebapa.

Pihak yang lebih hampir dalam hubungan persaudaraan diberi keutamaan dalam hak penjagaan anak adalah kerana kebiasaannya, keluarga terdekat lebih kasih sayang daripada keluarga yang jauh. Mereka juga lebih prihatin terhadap hak penjagaan, pendidikan dan kepentingan anak-anak.

g) Terdapat keluarga lelaki dan keluarga perempuan.

Jika terdapat ahli keluarga dan ahli keluarga perempuan, dan masing-masing ingin mendapatkan hak penjagaan anak, pihak yang diberi keutamaan berdasarkan urutan berikut:

(i) Ibu (ibu lebih mengasihi dan menyayangi mereka).
(ii) Nenek sebelah ibu ke atas (kasih sayang mereka lebih hamper kepada kasih sayang seorang ibu).
(iii) Bapa (merupakan asal keturunan mereka).
(iv) Nenek sebelah bapa.
(v) Datuk sebelah bapa.
(vi) Saudara perempuan, seibu sebapa.
(vii) Saudara perempuan, sebapa.

Jika semuanya ahli keluarga lelaki dan perempuan setaraf, seperti saudara lelaki seibu sebapa dan saudara perempuan seibu sebapa, maka hendaklah mendahulukan yang perempuan daripada lelaki. Ini kerana mereka lebih layak dan afdhal. Jika kesemuanya lelaki aatu kesemuanya perempuan dan masing-masing ingin mendapatkan hak penjagaannya, maka sistem undian hendaklah dilakukan. Sesiapa yang mendapat dan memenangi undian tersebut, maka dialah yang lebih berhak menjaga kanak-kanak itu.

h) Tempoh penjagaan anak.

Tempoh penjagaan anak menurut hukum syarak ialah berterusan sehingga dia mumayyiz. **Mumayyiz** bermaksud kanak-kanak tersebut mampu menguruskan dirinya sendiri tanpa bantuan orang lain. Maksud menguruskan dirinya sendiri ialah keupayaan mengambil makanan dan minuman, membuang air kecil dan air besar, membersihkan diri daripada kotoran, boleh bersuci, seperti berwudhuk dan sebagainya. Biasanya umur mumayyiz ialah mencapai usia **tujuh tahun**. Apabila cukup umur tujuh tahun, maka tempoh hadhanah pun berakhir. Pada ketika itu, bermulalah satu peringkat penjagaan yang lain, iaitu *kafalah.*

Setelah kanak-kanak tersebut mencapai usia tujuh tahun dan telah mumayyiz, dia diberi peluang memilih sama ada ibu atau bapanya, sesiapa pun yang terpilih, maka dialah yang berhak untuk menjaganya. Hal ini berdasarkan hadith daripada Abu Hurairah r.a., berkata:

> *"Bahawa Nabi SAW memberi pilihan kepada seorang kanak-kanak, ssama ada ingin memilih ibu atau bapanya". (Riwayat At-Tirmizi)*

Jika kanak-kanak mumayyiz tersebut memilih bapanya, kemudian bapanya hilang atau tidak berkelayakan untuk menjaganya lagi, maka datuk dan ke atas berhak menggantikannya. Begitu juga dengan saudara lelaki dan bapa saudara sebelah bapa. Seterusnya, anak lelaki kepada bapa saudara sebelah bapa ketika ketiadaan mereka berdua, sebagaimana urutan yang dinyatakan sebelum ini.

Jika anak itu seorang gadis yang menawan hati atau gadis remaja yang hampir baligh, dia tidak boleh diletakkan di bawah peliharaan anak lelaki kepada bapa saudara sebelah bapa. Jika lelaki itu sahaja yang ada, anak gadis tersebut wajib dipelihara oleh seorang perempuan yang boleh dipercayai dan dibantu oleh lelaki tersebut.

i) Hikmah kanak-kanak mumayyiz diberi pilihan memilih ibu atau bapanya.

Sebab berakhir tempoh penjagaan setelah ia mumayyiz kerana sebelum tempoh tersebut, kanak-kanak amat memerlukan penjagaan ibunya, sedangkan bapa atau lelaki lain tidak mampu memenuhi syarat dan keperluan lain.

Kafalah berbeza dengan hadhanah kerana *kafalah* merupakan pemeliharaan menyeluruh. Ibu atau bapa berkemampuan memelihara anak mereka disebabkan anak tersebut telah mampu menguruskan dirinya sendiri dalam banyak perkara dan boleh berfikir secara umum.

Bersesuaian dengan keadaan ini, anak diberi pilihan untuk memilih seorang daripada ibu bapanya atau siapa juga mampu menggantikan mereka. Dia boleh dan berhak untuk memilih sesiapa yang disukainya.

Syarat hadhanah.

Untuk mendapatkan hak penjagaan hadhanah, syarat-syarat berikut hendaklah dipenuhi, iaitu:

(i) **Berakal:** Hak hadhanah tidak diberikan kepada orang gila, sama ada lelaki atau perempuan, sekalipun ia terjadi sekali-sekala.

Ini kerana hadhanah merupakan hak kekuasaan (wilayah), sedangkan orang gila bukan daripada golongan yang layak berkuasa disebabkan tidak mampu menjaga dan mengawal, bahkan dirinya sendiri memerlukan penjagaan dan pengawasan orang lain.

(ii) **Islam:** Jika kanak-kanak tersebut seorang Islam walaupun pada hukumnya sahaja, iaitu ibu atau bapanya seorang Islam, maka dia mestilah mengikut ibu atau bapanya yang beragama Islam. Oleh itu, orang kafir tidak berhak menjaga kanak-kanak Islam kerana hadhanah merupakan hak kekuasaan (wilayah), sedangkan orang kafir tidak berkuasa ke atas orang Islam. Hal ini kerana orang kafir mungkin mempengaruhi anak jagaannya dengan pelbagai cara supaya meninggalkan Islam. Walau bagaimanapun, jika kanak-kanak itu seorang kafir, maka dia boleh dipelihara sama ada oleh orang Islam atau orang kafir.

(iii) **'Iffah dan amanah:** *'Iffah* dan amanah bermaksud penjaga kanak-kanak, bukan seorang yang fasiq. Hal ini kerana orang yang fasiq tidak boleh diberi kuasa dan tidak boleh diberi kepercayaan untuk menjaga sesuatu amanah. Oleh itu, penjaga kanak-kanak seharusnya bersifat

adil, menjaga maruah diri dan kuat pegangan agamanya. Namun keadilan itu hanya berdasarkan pandangan zahir sahaja.

Ia tidak memerlukan saksi dan keterangan kecuali jika berkelayakan dan keadilannya dipertikaikan. Ketika itu, hakim hendaklah men*thabit*kan keadilan tersbeut berdasarkan bukti dan keterangan.

(iv) Bermukim: Orang yang berhak menjaga kanak-kanak hendaklah bermukim di tempat kanak-kanak tersebut menetap. Jika ibu yang menjaga anaknya keluar bermusafir kerana sesuatu keperluan, seperti menunaikan haji, berniaga, melancong dan sebagainya dan tidak mampu membawa anaknya bersama, maka orang yang tinggal di tempat anaknya menetap lebih berhak menjaga anak tersebut sehinggalah dia pulang. Oleh itu, dia hendaklah menyerahkan anak tersebut kepada neneknya semasa ketiadaannya.

Jika bermusafir bermaksud berpindah ke tempat yang lain tanpa niat untuk kembali, keadaan ini tidak menggugurkan hak penjagaan anak sekiranya jalan yang dilalui dan tempat yang dituju selamat. Begitu juga kedua-dua ibu bapa terpaksa bermusafir kerana sesuatu keperluan, hak penjagaan anak terus kekal kepada ibu dan bermusafir itu tidak menghalang hak penjagaan tersebut.

(v) Ibu tidak berkahwin lain: Hak penjagaan anak gugur jika ibunya berkahwin lain, sekalipun belum disetubuhi oleh suaminya atau suami itu redha anak tersebut tinggal bersama-samanya.

Dalil akal juga menunjukkan bahawa hak penjagaan anak gugur apabila ibunya berkahwin lain kerana kesibukannya menunaikan hak suami. Dengan ini, tiada jaminan bahawa ibu akan terus menjaga dan memberi perhatian kepada anaknya. Walaubagaimanapun, terdapat dua keadaan yang dikecualikan iaitu:

i. Bapa kepada kanak-kanak itu dan bapa tirinya bersetuju supaya anak itu tinggal bersama-sama ibuunya. Keadaan ini mengekalkan hak ibu menjaga anak tersebut dan menggugurkan hak nenek.
ii. Suami yang baru kepada ibu ialah kaum keluarga anak itu dan termasuk di kalangan mereka yang mempunyai hak penjagaan terhadapnya, sekalipun susur jalur kekeluargaannya jauh. Dalam keadaan ini, hak ibu menjaga anaknya tidak gugur jika suaminya bersetuju menjaganya. Ini kerana suami mempunyai hak penjagaan terhadap anak tersebut. Di samping itu, dia juga mempunyai perasaan kasih sayang yang mendorongnya bekerjasama dengan isteri bagi menjaga dan memberikan perhatian kepada anak tersebut.

(vi) Tidak menghidap penyakit yang berpanjangan dan menjejaskan penjagaan.

Jika seseorang ibu menghidap penyakit yang sukar sembuh seperti batuk kering, lumpuh separuh anggota badan, buta atau pekak, maka dia tidak berhak menjaga anaknya. Ini kerana keuzuran dirinya menjejaskan penjagaan terhadap anaknya.

Akibat daripada tidak memenuhi syarat penjagaan.

Seseorang yang tidak memenuhi satu daripada enam syarat tersebut, maka hak penjagaannya gugur dan berpindah kepada hak lain mengikut urutan. Seseorang yang tidak memenuhi syarat penjagaan dapat men*thabit*kan melalui satu daripada tiga cara berikut:

(i) Pengakuan penjaga: jika penjaga kanak-kanak tersebut seperti ibunya mengakui telah berkahwin lain atau menghidap penyakit yang sukar sembuh, maka hak penjagaannya gugur.

(ii) Bantahan: apabila terdapat dakwaan bahawa penjaga kanak-kanak itu tidak memenuhi syarat penjgaan dan dikemukakan bukti yang kukuh, pada ketika itu hak penjagaannya gugur.

(iii) Keputusan hakim: jika hakim meragui tentang syarat-syarat pada penjaga kanak-kanak itu dan apabila men*thabit*kan berdasarkan penyiasatan maka hak penjagaan penjaganya gugur.

Upah Hadhanah

Ibu tidak berhak menerima upah hadhanah, jika ia masih menjadi isteri. Hal ini disebabkan isteri tersebut sudah mendapat nafkah daripada suaminya kerana menyusukan anak, menjaga dan mendidik mereka serta mengurus rumahtangga dengan sempurna.

Begitu juga halnya dengan isteri dalam masa iddah. Jika isteri tersebut mengendalikan hadhanah, dia tidak berhak menerima upah hadhanah disebabkan sudah menerima nafkah dalam masa iddah.

Apabila telah tamat tempoh iddah, bekas isteri yang melaksanakan hadhanah berhak menerima upah hadhanah.

Jika hadhanah dikendalikan oleh wanita lain, bapa anak tersebut juga wajib membayar upah kepada wanita itu. Upahnya wajib dibayar sejak dia mulai bertugas mengasuh anak itu. Selain nafkah khusus untuk anak itu, seperti makanan, minuman, pakaian dan ubat-ubatan, bapa juga wajib membayar gaji pembantu rumah, jika ibu memerlukan dan bapa berkemampuan.

ACTIVITY

Talak adalah perkara halal yang dibenci oleh Allah swt. Jelaskan.

Soalan

1. Nyatakan hukum talak beserta contoh.
2. Nyatakan pembahagian talak.
3. Siapakah orang yang tidak sah menggugurkan talak.
4. Jelaskan cara berlakunya talak tiga.
5. Nyatakan TIGA (3) sebab lain yang mengharuskan fasakh.

KATA KUNCI

Talak	**Hadhanah**	**Fasakh**
Ihdad	**Ila'**	**Khuluk**
Ruju'	**Lia'n**	
Zihar	**Iddah**	

RUJUKAN

Azman Ab Rahman & Zulkifli Muhammad Al-Bakri (2012), *Al-Fiqh Al-Islami II (Modul 2: Fiqh Munakahat),* Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, hlm.104

Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral (2008), *Pendidikan Islam*, Kedah: Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, hlm. 21.

TOPIK 5

KERETAKAN RUMAH TANGGA

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar dapat:

1. Menghuraikan perihal nusyuz
2. Menghuraikan perihal syiqaq
3. Menyatakan perbezaan antara nusyuz dan syiqaq.

5.1 Nusyuz

Menurut Ibnu Manzur, *nusyuz* berasal daripada perkataan Arab iaitu *nashaza, yanshuzu nusyuzan* (نَشَزَ, يَنْشُزُ, نُشُوْزًا) bermaksud bangkit dari tempatnya atau bangun. Dari segi **istilah** pula, para ulama' memberi pelbagai definisi mengenai *nusyuz*,menurut **Imam Syirazi**, *nusyuz* ialah isteri yang menderhakai, angkuh serta ingkar terhadap apa yang telah diperintahkan oleh Allah SWT kepada mereka mengenai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan terhadap suami. **Prof. Dr. Harun Din** dalam bukunya *'Manusia dan Alam'*, *nusyuz* merupakan tindakan isteri yang menentang kehendak suami tanpa ada sebarang alasan-alasan syarak. Namun apa yang telah dinyatakan oleh para ulama' sama ada ulama' terdahulu atau terkini adalah hampir sama antara satu sama lain.

Berdasarkan nas-nas dari Al-Qur'an dan hadith, *nusyuz* tidak hanya berlaku di kalangan isteri bahkan juga berlaku di kalangan suami. Berdasarkan maklumat semasa, *nusyuz* di kalangan suami adalah lebih tinggi berbanding isteri. Maka *nusyuz* boleh dikatakan sebagai **suami atau isteri yang cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka**

terhadap pasangan sebagaimana yang telah diamanahkan oleh Allah SWT ke atas mereka tanpa ada sebarang alasan yang disyariatkan untuk dikecualikan daripada melaksanakan amanah tersebut.

Hukum perbuatan *nusyuz* oleh isteri adalah **haram.** Ia adalah satu daripada dosa besar. Ibnu Hajar Al-Haitami mengira *nusyuz* termasuk **dosa besar** yang telah diputuskan oleh para ulama'. Hal ini berdasarkan hadith daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

> *"Apabila suami mengajak isterinya ke tempat tidur, namun isterinya menolak ajakan tersebut dan tindakan tersebut membuatkan suaminya marah, maka para malaikat akan melaknatinya (isteri) sehinggalah waktu pagi". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim*)

Terdapat beberapa dalil Al-Qur'an dan As-Sunnah mengenai *nusyuz.* Firman Allah SWT:

> "Perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan penderhakaan (nusyuz), hendaklah kamu menasihati mereka, (sekiranya jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (sekiranya jika mereka tetap ingkar) pukullah mereka (dengan pukulan yang ringan dengan tujuan untuk memdidik). Jika mereka kembali taat kepada kamu, janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allh Maha Tinggi lagi Maha Besar". (Surah An-Nisa': 34)

Menurut hadith yang telah diriwayatkan oleh At-Tirmizi dan Ibnu Majah, Rasulullah SAW juga telah menegaskan mengenai *nusyuz* dan kaedah penyelesaiannya:

> *"Ingatlah pesananku ini, berbuat baiklah kepada isteri. Isteri-isteri itu diumpamakan sebagai kawanmu yang berada di sampingmu, kamu tidak mampu memiliki apa-apa daripada mereka melainkan isteri-isterimu berbuat tidak baik (tidak mentaati) maka tinggalkanlah mereka bersendirian di tempat tidur dan pukullah mereka dengan pukulan yang tidak*

mencederakan mereka. Sekiranya mereka kembali mentaatimu janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka".

Berdasarkan kepada nas-nas Al-Qur'an dan As-Sunnah, jelas menunjukkan *nusyuz* berkemungkinan berlaku kepada mana-mana pihak sama ada suami atau isteri atau kedua-duanya sekali secara sekaligus. Allah SWT telah menggariskan panduan yang perlu diikuti oleh setiap insan bagi menghadapi pasangan *nusyuz* supaya tindakan yang diambil adalah tindakan yang bijaksana dan tidak melampaui batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh syarak.

(i) Isteri keluar rumah tanpa pengetahuan dan izin suami dengan tiada tujuan mustahak.

Isteri tidak boleh keluar rumah untuk sesuatu urusan tanpa pengetahuan dan kebenaran suami, walaupun untuk menzirahi ibu bapa dan keluarga. Dalam hal ini, suami hendaklah menggunakan kuasa yakin amanah yang diberikan Allah SWT kepadanya dengan berhikmah dan bertimbang rasa. Jika isteri keluar rumah untuk perkara-perkara yang selaras dengan tuntutan agama, seperti untuk kebaikan rumahtangga, sanak saudara, masyarakat dan agama, janganlah ditahan asalkan isteri boleh menjaga maruah dan kehormatan.

(ii) Isteri tidak melayan suami tanpa uzur.

Secara **umum**: maksudnya ialah memenuhi keperluan suami yang umum seperti menyediakan makan minum, merawat ketika sakit, menghiburkannya ketika susah dan sebagainya.

Secara **khusus**: maksudnya ialah melayan atau memenuhi keperluan batin (seks) suami. Jika suami mengajak isteri untuk memenuhi keperluan batinnya, tetapi isteri enggan memenuhi tanpa sebarang keuzuran, maka isteri tersebut dianggap *nusyuz.*

(iii) Membantah atau mengingkari perintah suami yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Perbuatan isteri yang dianggap *nusyuz* jika enggan mentaati perintah suami mengenai perkara-perkara yang disuruh oleh syarak dan perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan kepadanya seperti menyuruh isteri menutup aurat tetapi isteri enggan melakukannya. Sebaliknya, jika suami menyuruh isteri melakukan maksiat seperti menyuruh bekerja di tempat maksiat untuk meningkatkan ekonomi keluarga, maka isteri tidak wajib mentaatinya. Ini sebagaimana hadith yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadith yang bermkasud:

> *"Tidak harus taat kepada seseorang pada perkara-perkara maksiat. Sesungguhnya taat itu hanya pada perkara-perkara kebajikan sahaja".*

(iv) Membantah dan mengingkari larangan suami yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Suami melarang isteri melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh Islam seperti membenarkan lelaki bukan mahramnya masuk ke rumah ketika ketiadaan suami atau isteri bergaul dengan lelaki dan wanita yang rosak akhlaknya. Dalam hal ini, isteri yang enggan mematuhi larangan suami, bahkan terus melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama dianggap sebagai *nusyuz.*

(v) Melahirkan reaksi yang tidak baik kepada suami.

Menunjukkan reaksi yang tidak baik kepada suami sama ada melalui perkataan iaitu dengan mengeluarkan kata-kata yang tidak menyenangkan suami seperti menengking, mengutuk, memukul dan sebagainya. Begitu juga melalui perbuatan seperti tidak mengendahkan permintaan suami, menunjukkan muka yang tidak manis bila suami bercakap dan sebagainya.

i) Suami wajib memberi didikan agama dan tunjuk ajar supaya isteri menjadi wanita yang solehah.
ii) Suami isteri hendaklah menjalankan tanggungjawab masing-masing terhadap rumahtangga dan keluarga dengan penuh ikhlas dan amanah.
iii) Suami isteri perlu mengetahui dan memahami tanggungjawab masing-masing dan mengelakkan perasaan kurang puas hati di antara satu sama lain kerana masing-masing ada kelemahannya.
iv) Suami perlu memberi penghargaan dan mengucapkan terima kasih atas pengorbanan isteri dalam rumahtangga.
v) Suami isteri perlu peka terhadap keperluan bersama supaya timbul rasa tidak puas hati dari mana-mana pihak.
vi) Pasangan yang ingin mendirikan rumahtangga perlu memastikan memilih jodoh daripada lelaki atau wanita yang beriman dan mempunyai akhlak yang baik.

Cara Suami Bertindak Terhadap Isteri yang Nusyuz

Menurut Al-Farra', *nusyuz* terbahagi kepada tiga kategori iaitu *nusyuz* isteri terhadap suaminya, *nusyuz* suami terhadap isterinya dan kedua-dua suami isteri *nusyuz* atau dinamakan sebagai *syiqaq.*

***Nusyuz* isteri.**

Nusyuz di pihak isteri bermaksud isteri menderhakai, angkuh, sombong, dan ingkar terhadap suami mereka serta tidak melaksanakan tanggungjawab sepertimana yang telah diperintahkan oleh Allah SWT kepada suami mereka. Seseorang isteri boleh dikategorikan sebagai *nusyuz*, apabila isteri menolak ajakan suaminya untuk melakukan persetubuhan tanpa ada sebarang keuzuran syar'ie, keluar rumah tanpa mendapat keizinan suami, tidak membenarkan suami memasuki rumah,

meminta cerai daripada suami dan seumpamanya. Sabda Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

> *"Apabila suami mengajak isterinya ke tempat tidur, namun isterinya menolak ajakan tersebut dan tindakan tersebut membuatkan suaminya marah, maka para malaikat akan melaknatinya (isteri) sehinggalah waktu pagi". (Riwayat Al-Bukharidan Muslim)*

Hadith ini menegaskan haram bagi isteri menolak ajakan suami untuk bersetubuh tanpa ada sebarang keuzuran syar'ie seperti tempoh haid dan seumpamanya. Selain itu juga, berpuasa sunat atau membenar tetamu masuk ke rumah tanpa keizinan suami lebih-lebih lagi tetamu tersebut tidak disukai suami juga dianggap sebagai *nusyuz.* Sabda Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

> *"Tidak halal bagi seseorang perempuan berpuasa sedangkan suaminya ada bersama kecuali sesudah mendapat keizinan suaminya dan tidak harus bagi isteri membenarkan orang lain masuk ke rumahnya kecuali dengan izinnya (suami)". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Sekalipun suami diberi kuasa oleh Allah SWT untuk mengajar dan mendidik isteri, namun mereka tidak boleh bertindak dengan sesuka hati. Sebaliknya, mereka hendaklah bertindak menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sekiranya suami bertindak di luar batasan yang telah ditetapkan oleh syarak sewaktu mendidk isteri yang *nusyuz* bukannya dapat meyelesaikan masalah, malah memburukkan lagi keadaan yang sedia ada. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

> *"Nasihati isteri dengan cara baik, sesungguhnya mereka dijadikan dari tulang rusuk yang bengkok dan antara tulang rusuk yang paling bengkok sekali ialah tulang rusuk yang paling atas. Jika hendak diperbetulkan dengan cara kasar nescaya ia akan patah dan sekiranya dibiarkan maka akan berterusanlah ia dalam keadaan bengkok. Maka nasihatilah isterimu dengan baik".*

Berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 34, terdapat **tiga kaedah** yang patut digunakan oleh suami bagi menangani isteri *nusyuz.*

> *"Perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan penderhakaan (nusyuz), hendaklah kamu menasihati mereka, (sekiranya jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (sekiranya jika mereka tetap ingkar) pukullah mereka (dengan pukulan yang ringan dengan tujuan untuk memdidik). Jika mereka kembali taat kepada kamu, janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar". (Surah An-Nisa': 34)*

a) Nasihat.

Nasihat merupakan **kaedah pertama** yang patut digunakan oleh suami bagi menghadapi isteri *nusyuz.* Perlulah diingatkan para suami hendaklah menggunakan kaedah pertama (nasihat) terlebih dahulu dan tidak harus sama sekali terus menggunakan kaedah kedua (pemulauan) dan ketiga (pukul). Nasihat yang dimaksudkan di sini adalah suami hendaklah menjelaskan kepada isteri yang *nusyuz* mengenai ganjaran Allah SWT terhadap isteri yang taat kepada suami dan dalam waktu yang sama menyatakan mengenai azab yang bakal diterima terhadap isteri yang derhaka. Nasihatilah mereka dengan cara yang jelas dan bijaksana dengan menyatakan ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith-hadith bagi isteri yang taat kepada suaminya.

Selain itu juga, suami patut memberi peringatan kepada isteri *nusyuz* mengenai azab dan balasan yang bakal mereka terima disebabkan perbuatan mereka itu.

Ibnu Taimiyyah ada menyatakan: *"Ugutilah isteri nusyuz dengan azab Allah SWT yang bakal diterima disebabkan penderhakaan mereka terhadap suami. Ingatlah mereka dengan kewajipan yang wajib dilaksanakan oleh isteri".*

Sekiranya isteri telah kembali mentaati suami selepas mendengar nasihat, maka janganlah pula suami mencari jalan untuk bermusuh dengan isteri dan janganlah pula menzalimi mereka. Bergaullah dengan isteri yang telah kembali mentaati suami seolah-olah mereka tidak pernah *nusyuz* sebelum ini. Firman Allah SWT:

> *"Sekiranya mereka kembali mentaatimu janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka".*

b) Pemulauan di tempat tidur.

Pemulauan di tempat tidur seperti firman Allah SWT merupakan **kaedah kedua** yang digunakan bagi menghadapi isteri *nusyuz* sekiranya kaedah nasihat tidak dapat mengubah sikap isteri tersebut. Kebiasaan seseorang wanita akan merasa tertekan sekiranya suami enggan tidur bersamanya. Mudah-mudahan keegoan dan kedegilan isteri yang *nusyuz* akan lentur dengan keengganan suami untuk tidur bersamanya dan inlah merupakan matlamat kaedah yang kedua ini.

Namun begitu, para ulama' tafsir berselisih pendapat dalm mentafsirkan ayat ini iaitu apakah yang dimaksudkan dengan 'pemulauan di tempat tidur'. Ada di kalangan ulama' menyatakan pemulauan ini bermaksud pemulauan daripada segi percakapan iaitu enggan bercakap, ada yang mengatakan pemulauan dari segi perbuatan iaitu tidur secara berasingan dan ada yang mengatakan tidur bersama tapi tidak memalingkan muka ke arah isteri yang *nusyuz* itu.

Ada sesetengah ulama' menyatakan tidur bersama tetapi tidak melakukan hubungan. Hasil dari pandangan para ulama' tafsir, pemulauan di tempat tidur memberi dua maksud iaitu pemulauan dari segi perbuatan dan pemulauan dari segi percakapan.

i. Pemulauan dari segi perbuatan.

Pemulauan dari segi perbuatan ialah dengan cara tidak melakukan persetubuhan atau memalingkan muka ke arah lain, namun pada waktu yang sama masih tidur bersama. Terdapat pandangan daripada sesetengah ulama' pemulauan di tempat tidur ialah dengan cara tidur di tempat lain sama ada di bilik atau rumah yang lain. Namun, pandangan ini adalah tidak sesuai kerana pemulauan di tempat tidur adalah bertujuan untuk mendidik dan bukan lain daripada itu. Pemulauan yang dibuat dengan cara tidur di tempat lain atau rumah yang lain bukan dapat menjernihkan keadaan tetapi mengeruhkan lagi suasana.

ii. Pemulauan dari segi percakapan.

Pemulauan dari segi percakapan dengan tidak bercakap dengan isteri *nusyuz* merupakan salah satu cara mendidiknya. Cara ini akan memberi tekanan kepada isteri yang *nusyuz* itu. Namun, para suami perlulah ingat pemulauan dari segi percakapan ada had batasannya berkaitan dengan tempoh.

Tempoh pemulauan percakapan hendaklah tidak melebihi tiga hari. Sekiranya melebihi tempoh tersebut tindakan suami itu tidak boleh diteruskan kerana ia dianggap telah terkeluar daripada kehendak syarak. Ini kerana pemulauan dari segi percakapan lebih daripada tiga hari akan memburukkan lagi keadaan dan telah terkeluar daripada matlamat sebenar pemulauan. Sekiranya pemulauan dari segi percakapan juga tidak memberi kesan dalam mendidik isteri *nusyuz*, maka masih ada cara lain yang boleh digunakan. Kenyataan ini bersandarkan kepada sebuah hadith maksudnya:

> *"Tidak halal (haram) bagi seseorang Muslim tidak bertegus sesama saudara seagama melebihi tiga hari".*

c) Pukul yang tidak mencederakan.

Memukul merupakan kaedah yang terakhir dalam proses mendidik isteri *nusyuz*. Kaedah ini telah dinyatakan dalam Al-Qur'an iaitu 'maka pukullah mereka'. Namun para suami perlu berhati-hati menggunkaan kaedah yang **ketiga** kerana kaedah ini hanya dapat digunakan sekiranya kaedah sebelumnya iaitu memberi nasihat dan pemulauan tidak memberi keinsafan kepada isteri *nusyuz.* Tindakan memukul ini merupakan tindakan tegas bagi mengejutkan isteri *nusyuz* untuk kembali mentaati suaminya. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

> *"Ingatlah pesananku ini, berbuat baiklah kepada isteri. Isteri-isteri itu diumpamakan sebagai kawanmu yang berada di sampingmu, kamu tidak mampu memiliki apa-apa daripada mereka melainkan isteri-isterimu berbuat tidak baik (tidak mentaati) maka tinggalkanlah mereka bersendirian di tempat tidur dan pukullah mereka dengan pukulan yang tidak mencederakan emreka. Sekiranya mereka kembali mentaatimu janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka"*

Islam telah menetapkan batas-batas bagi suami yang memukul isterinya untuk tujuan mendidik. Sekiranya ia melampaui batas-batas yang telah ditetapkan maka mahkamah berkuasa mengenakan terhadap suami "Ghiramah" iaitu **denda**. Kaedah memukul isteri *nusyuz* yang dibenarkan syarak adalah bertujuan mendidik dan bukannya untuk menyeksa.

***Nusyuz* suami.**

Apabila disebut perkataan *nusyuz,* maka tergambar di fikiran kita seorang perempuan yang derhaka atau tidak taat dan tidak melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai isteri. Sebenarnya *nusyuz* tidak hanya berlaku pada isteri, kadangkala ia juga berlaku pada suami. Hasil penelitian yang telah dibuat mengenai krisis rumahtangga yang berlaku hari ini, kadar suami *nusyuz* adalah lebih tinggi berbanding *nusyuz* di pihak isteri. Firman

Allah SWT dalam Surah An-Nisa' membuktikan *nusyuz* juga berlaku di pihak suami.

> *"Jika seseorang wanita khuatirkan nusyuz atau sikap acuh tidak acuh suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian itu adalah lebih baik bagi mereka walaupun manusia menurut tabiatnya yang kikir dan jika kamu bergaul dengan isterimu secara baik dan memelihara dirimua (nusyuz atau sikap acuh tidak acuh) dan sesungguhnya Allah SWT Amat Mengetahui apa yang telah kamu kerjakan". (Surah An-Nisa': 128)*

Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

> *"Barangsiapa yang mempunyai dua orang isteri dan cenderung kepada seorang tidak kepada seorang lagi, maka suami tersebut akan dibangkitkan pada Hari Kiamat dengan sebahagian daripada badannya dalam keaaan condong (senget sebelah)". (Riwayat Al-Baihaqi)*

Suami dikatakan *nusyuz* apabila tidak adil ketika melayani isteri di dalam hadith yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu Allah SWT akan membangkitkan suami yang tidak adil terhadap isteri-isterinya pada Hari Kiamat kelak dalam keadaan bahu senget sebelah. Selain itu tindakan tidak memberi nafkah kepada isteri sedangkan ia adalah seorang yang berkemampuan juga dianggap sebagai *nusyuz*. Memberi nafkah kepada isteri merupakan kewajipan bagi setiap suami, sebagaimana firman Allah SWT:

> *"Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya (nafkah suami kepada isterinya) dan orang yang sempit rezekinya hendaklah memberi nafkah daripada harta yang diberikan Allah SWT kepadanya". (Surah At-Talaq: 7)*

Pemberian nafkah kepada isteri menjadi kewajipan bagi suami melainkan isteri telah *nusyuz* kepada suaminya. Bercakap kasar dengan isteri seperti mengherdik, menghina dan memukul tanpa sebab sedangkan

isteri taat dan tidak derhaka kepada suaminya juga dianggap sebagai *nusyuz*. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

> "Janganlah sesekali kamu memukul di muka, kamu tidak boleh memperolok-olokkannya dan juga kamu tidak meninggalkannya (berasingan tempat tidur) kecuali di rumah sendiri".

Syarak telah menetapkan tindakan yang perlu diambil oleh seseorang isteri bagi menangani suami *nusyuz*. Sekiranya *nusyuz* berlaku di pihak suami, tindakan yang perlu diambil oleh isteri seperti yang dinyatakan dalam Al-Qur'an ialah dengan menasihati, kemudian diikuti dengan pemulauan dan perdamaian. Kaedah ketiga yang dibenarkan kepada suami ketika menghadapi isteri *nusyuz* iaitu 'memukul' tidak boleh digunakan sama sekali oleh isteri.

a) Nasihat dan pemulauan.

Suami isteri mempunyai hak yang sama antara satu sama lain dalam melaksanakan tugas mengajak ke arah kebaikkan dan mencegah kemungkaran. Isteri berhak **menasihati** suami tentang kelebihan bagi suami yang bertanggungjawab dan mengingatkan mereka tentang azab yang bakal diterima suami yang abai dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap isteri dan keluarganya. Isteri juga berhak **memulau** suami yang *nusyuz*. Namun syarak tidak pula menetapkan kaedah pemulauan yang perlu dilakukan oleh isteri bagi menyedarkan suami yang lalai dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Namun, berdasarkan nas-nas dari Al-Qur'an dan hadith, pemulauan hanya terbatas kepada percakapan dan bukan pada perbuatan. Pemulauan dari segi percakapan bermaksud isteri tidak bercakap dengan percakapan mesra berbanding sebelum ini atau isteri berdiam diri dalam tempoh tidak melebihi daripada tiga hari. Namun, pemulauan dari segi perbuatan seperti menolak ajakan suami untuk bersetubuh sekalipun suami *nusyuz* adalah tidak dibenarkan.

b) Perdamaian.

Perdamaian yang dimaksudkan ialah isteri mengurangkan hak yang perlu ditunaikan oleh suami seperti mengurangkan kadar mahar yang tertangguh, nafkah atau hak-hak persamaan (bagi yang berpoligami). Tindakan isteri ini bertujuan mengembalikan ketenteraman dan keamanan dalam rumahtangga mereka. Tindakan perdamaian ini juga merupakan salah satu kaedah untuk menghadapi *nusyuz* di pihak suami. Firman Allah SWT:

> *"Jika seseorang wanita khuatirkan nusyuz atau sikap acuh tidak acuh suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian itu adalah lebih baik bagi mereka walaupun manusia menurut tabiatnya yang kikir dan jika kamu bergaul dengan isterimu secara baik dan memelihara dirimu (nusyuz atau sikap acuh tidak acuh) dan sesungguhnya Allah SWT Amat Mengetahui apa yang telah kamu kerjakan". (Surah An-Nisa': 128)*

Membuat pengaduan kepada pihak qadhi.

Sekiranya kesemua kaedah yang telah disyorkan oleh syarak tidak dapat mengubah sikap suami, maka isteri hendaklah mengambil langkah alternatif termasuklah membuat aduan kepada pihak yang dapat menyelesaikan permasalahan tersebut seperti pihak qadhi. Ini kerana, jika ia dibiarkan berlarutan berkemungkinan akan memburukkan lagi keadaan yang sedia ada.

Dr. Muhammad Uqlah ada menegaskan: *"Isteri tidak seharusnya berdiam diri sekira suaminya tetap nusyuz sekalipun kesemua kaedah yang disyorkan syarak telah digunakan. Ini kerana jika dibiarkan keadaan akan menjadi bertambah buruk. Sebaliknya isteri hendaklah mengadu kepada pihak-pihak yang dapat menyelesaikan pemasalahan mereka seperti ahli keluarga dan sebagainya. Sekiranya keadaan tersebut masih tidak boleh dikawal, maka isteri hendaklah mengadukan perkara tersebut kepada pihak*

qadhi. Seterusnya pihak qadhi akan mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan nusyuz suami".

Cara memukul.

Memukul yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an bukanlah seperti memukul binatang atau seorang tuan memukul hambanya, tetapi cukup dengan sekadar memberi pengajaran terhadap perbuatan yang dilakukan oleh isteri *nusyuz* itu. Sekalipun ayat dari Surah An-Nisa' itu menyebut perkataan 'memukul' secara mutlak seolah-olah boleh memukul tanpa had dan batasan.

Said ibn Jubair ada menyatakan: *"Memukul di sini ialah pukul yang tidak sampai ke tahap mencederakan"*. Sekiranya suami memukul isteri sehingga mencederakan dan isteri telah mengadu kepada hakim, maka suami tersebut akan boleh dikenakan *gharimah* (denda), sekalipun alasan suami memukul kerana isterinya *nusyuz.* Memukul sehingga cedera telah terkeluar dari matlamat asal pensyariatannya iaitu mendidik, bahkan ia telah bertukar kepada penderaan dan kezaliman terhadap isteri tersebut.

Adakah tindakan memukul isteri *nusyuz* itu lebih baik atau sebaliknya.

Para ulama' bersepakat menyatakan pengharusan memukul isteri *nusyuz* dan ia merupakan suatu tindakan yang diwajibkan, sebaliknya meninggalkan tindakan memukul itu adalah terlebih baik. Memukul bukanlah merupakan tindakan tunggal dalam menghadapi isteri *nusyuz* dan masih terdapat kaedah lain untuk mendidik isteri yang ingkar. Oleh kerana itulah kaedah memukul isteri diletakkan di tempat ketiga selepas nasihat dan pemulauan. Sesetengah ulama' berpendapat memukul isteri *nusyuz* dianggap sebagai *'makruh tanzih'*.Contoh terbaik dalam mendidik isteri ialah Rasulullah SAW dan Baginda tidak pernah memukul isteri-isterinya:

"Rasulullah tidak pernah memukul hambanya, isteri-isterinya dan sesiapapun". (Riwayat Ibn Majah).

Alat untuk memukul dan kadarnya.

Sekalipun syarak membenarkan memukul isteri, namun ada had dan batasannya. Suami tidak dibenarkan sama sekali memukul di tempat yang berisiko tinggi seperti di kepala, muka, perut, dada dan tempat-tempat lain yang boleh mengakibatkan kecacatan dan kematian. Selain itu juga, Al-Qur'an dan As-Sunnah tidak pula menghadkan alat yang boleh digunakan untuk memukul. Alat-alat yang berbahaya dan boleh membawa kecederaan seperti objek keras, kayu, besi, rotan dan seumpamanya dielakkan daripada menggunakannya. Tetapi alat-alat yang tidak berbahaya seperti **hujung tuala yang disimpulkan** boleh digunakan. Syarak membenarkan memukul isteri *nusyuz* bukan untuk menyeksa atau menyakitinya tetapi bertujuan untuk mengejutkannya dengan tindakan tegas itu.

Kisah Nabi Ayub a.s. dapat dijadikan contoh teladan. Baginda telah bersumpah untuk memukul isteirnya sebanyak seratus sebatan apabila sembuh. Setelah Baginda sembuh daripada penyakit yang dihadapi, maka timbul perasaan tidak tergamak untuk memukul isteri yang telah menjaganya selama ini dikala orang lain tidak mahu menerima mereka disebabkan penyakit yang dialami.

Allah SWT yang bersifat Maha Pengasih lagi Maha Penyayang terhadap hamba-hambaNya telah memerintahkan Nabi Ayub a.s. memukul dengan jerami yang telah diikat sebanyak seratus helai dengan sekali pukul bagi memenuhi sumpah Baginda kerana niat Nabi Ayub a.s. ketika itu adalah untuk mendidik isterinya dan bukan untuk menyeksa. Sebagaimana firman Allah SWT:

"Ambillah dengan tanganmu seikat jerami, kemudian pukullah (isterimu) dengannya dan janganlah kamu rosakkan sumpahmu itu". (Surah Sad: 44)

Mengenai **kadar pukulan** pula, para ulama' berselisih dalam hal ini. Ada yang mengatakan kadarnya tidak melebihi sepuluh sebatan dan ada yang berpendapat diharuskan lebih daripada kadar tesebut. Maka kadar yang sepatutnya ialah **tidak melebihi sepuluh pukulan** melainkan kes-kes hudud seperti zina, qazaf dan sebagainya. Kesalahan *nusyuz* sebenarnya tidaklah sampai ke tahap kesalahan hudud, maka tidak patutlah memukul lebih daripada sepuluh pukulan. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

> *"Janganlah sekali-kali kamu memukul (pesalah termasuklah isteri nusyuz) melebihi sepuluh pukulan melainkan ketika kamu melaksanakan hukuman berkaitan dengan kes-kes hudud".*

Sekiranya kesemua kaedah yang telah dianjurkan oleh syarak sebelum ini telah digunakan oleh suami bagi mendidik isteri *nusyuz,* namun masih menemui jalan buntu, maka suami boleh menggunakan orang tengah untuk menyelesaikan permasalahan tersebut sama ada meminta bantuan keluarga, kaunseling, kadi, orang-orang yang berpengetahuan dalam bidang agama dan sebagainya. Suami tidak seharusnya mengambil sikap terburu-buru dengan menceraikan isterinya itu, kerana perceraian merupakan jalan terakhir dan ketika itu masih ada kaedah-kaedah lain yang masih boleh digunakan. Said ibn Jubair ada menyatakan:

> *"Hendaklah suami menasihati isteri nusyuz, sekiranya dia ingkar maka pulaulah isteri di tempat tidur. Namun pemulauan di tempat tidurjuga tidak mampu mengubah isterinya maka pukullah ia. Sekiranya dengan dengan memukul juga menemui jalan buntu maka lantiklah seorang pendamai atau Hakam yang mewakili pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri".*

Nusyuz terbahagi kepada dua bahagian iaitu menggugurkan nafkah dan nusyuz yang tidak mengugurkan nafkah:

(i) ***Nusyuz*** **menggugurkan nafkah dan pembahagian giliran bagi berbilang isteri.**

Iaitu keluar rumah dengan tidak meminta keizinan dari suami tanpa darurat (keperluan yang mendesak) dan keperluan syarak. Tidaklah gugur nafkah dan pembahagian giliran sekiranya isteri keluar rumah untuk menuntut ilmu yang suaminya tidak dapat mengajarnya.

(ii) ***Nusyuz*** **yang tidak mengugurkan nafkah dan pembahagian.**

Iaitu seperti isteri memaki dan menyakiti hati suami dengan lidahnya dan lainnya. Perbuatan seperti ini tidaklah menggugurkan nafkah dan pembahagian giliran tidak berdosa. Suami berkewajipan memberi nasihat kepada isterinya.

(i) Isteri akan kehilangan hak sebagai seorang isteri seperti tidak mendapat perbelanjaan harian dan pakaian.

(ii) Isteri yang terbukti nusyuz langsung tidak berhak menuntut sebarang nafkah daripada suami.

(iii) Pihak isteri mendapat kemurkaan Allah SWT ketika di dunia mahupun di akhirat nanti.

(iv) Suasana rumahtangga akan berlaku krisis yang berpanjangan yang akhirnya boleh menyebabkan berlakunya perceraian.

(v) Boleh membawa kerenggangan perhubungan antara keluarga kedua pihak suami isteri.

5.2 Syiqaq

Dari segi **bahasa** *syiqaq* bermaksud perbalahan atau permusuhan. Dari segi **istilah** *syiqaq* bermaksud suami isteri yang sentiasa berbalah dan bergaduh serta saling tuduh menuduh antara satu sama lain bahawa mereka telah dizalimi oleh pasangan mereka. Dalam keadaan ini kedua-

dua suami isteri dianggap sebagai *nusyuz* sama ada dari segi perkataan atau perbuatan.

Dalam Seksyen 48, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, menyifatkan *syiqaq* itu sebagai satu bentuk pergaduhan yang berlaku secara berterusan di antara suami isteri.

Nas-Nas Syiqaq

Terdapat dalil-dalil sama ada dari Al-Qur'an dan As-Sunnah mengenai *syiqaq* dan kaedah dalam menghadapinya. Firman Allah SWT:

> *"Sekiranya kamu (Hakim) bimbangkan perpecahan (syiqaq) antara keduanya, maka lantiklah seorang Hakam dari pihak lelaki dan seorang Hakam yang lain bagi pihak perempuan untuk mendamaikan, nescaya Allah SWT akan menjadikan kedau-dua suami isteri itu kembali bersatu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengetahui lagi amat mendalam pengetahuanNya". (Surah An-Nisa': 35)*

Rasulullah SAW amat menggalakkan umatnya berusaha untuk mendamaikan mereka yang bertelingkah termasuklah kes suami isteri. Ganjaran yang amat besar akan diberikan kepada mereka yang berusaha mendamaikan mereka yang bertelingkah. Dalam waktu yang sama peringatan telah diberikan kepada pihak-pihak tertentu yang cuba merosakkan keharmonian hubungan suami isteri. Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

> "Apakah kamu mahu aku beritahu satu perkara yang lebih baik daripada darjat solat, puasa dan sedekah? Para sahabat menjawa" "Ya". Maka Rasulullah SAW bersabda: "Mendamaikan pergaduhan suami isteri (syiqaq). Maka sesungguhnya orang yang merosakkan rumahtangga, dianggap sebagai pencukur".

Sekiranya kesemua kaedah yang telah disarankan oleh syarak untuk menyelesaikan *nusyuz* suami atau isteri tidak berkesan dan suasana menjadi semakin tegang serta tidak terkawal., maka syarak membenarkan

campur tangan pihak luar bagi menyelesaikan perbalahan ini. Campur tangan pihak luar ini bertujuan mengelakkan keadaan menjadi semakin rumit dan yang paling dibimbangi ialah berlakunya kecederaan kepada mana-mana pihak.

Menurut **Ibn Al-'Arabi**: *"Sekiranya kesemua kaedah yang disarankan oleh syarak telah dilaksanakan, namun tidak membawa apa-apa perubahan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan nusyuz maka diharuskan campur tangan pihak luar untuk membantu menyelesaikan perbalahan tersebut termasuklah dengan pelantikan Hakam".*

Menurut **Seksyen 48 (1),** Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984: *"Jika mahkamah berpuas hati bahawa perkelahian (syiqaq) sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan mahkamah boleh melantik, mengikut Hukum Syarak, dua orang penimbang tara atau Hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan masing-masing"*. Hakam dilantik bagi membantu Hakim mengenalpasti punca berlakunya pergaduhan antara suami isteri, bagi memudahkan jalan penyelesaian dibuat.

Berdasarkan dalil-dalil dari Al-Qur'an dan hadith Nabi Muhammad SAW, syarak meng**harus**kan campur tangan daripada pihak luar yang berkemampuan iaitu terdiri daripada ahli keluarga, pihak-pihak yang berpengetahuan agama atau mahkamah bagi menyelesaikan konflik antara suami isteri sekiranya kedua-duanya telah terjebak dengan *nusyuz*.

Campur tangan ini dibenarkan bertujuan mengelakkan keadaan yang lebih buruk daripada berlaku. Sememangnya terdapat sesetengah pihak beranggapan tidak campur tangan urusan rumahtangga orang lain adalah lebih baik untuk mengelakkan daripada dikatakan 'suka menjaga tepi kain orang lain'. Sebenarnya campur tangan untuk mendamaikan perbalahan antara suami isteri dan mengharmonikan suasana rumahtangga mereka adalah satu amalan yang amat digalakkan oleh agama.

5.3 Perbezaan Nusyuz dan Syiqaq

(i) ***Nusyuz*** merupakan salah seorang daripada isteri atau suami yang tidak melaksanakan kewajipan terhadap pasangan mereka.

Namun ***syiqaq***, kedua-dua suami isteri tidak melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap pasangan masing-masing. Ini menunjukkan *nusyuz* hanya melibatkan sebelah pihak sahaja, sebaliknya *syiqaq* melibatkan kecuaian daripada kedua-dua belah pihak.

(ii) ***Nusyuz*** pada kebiasaannya belum sampai ke tahap kritikal dan tidak memerlukan pihak luar untuk menyelesaikannya iaitu memadai dengan menggunakan kaedah yang telah disarankan oleh syarak iaitu dimulai dengan nasihat, pemulauan dan memukul yang tidak mencederakan.

Sebaliknya ***syiqaq*** telahpun sampai ke tahap kritikal dan terpaksa meminta campur tangan pihak luar untuk menyelesaikannya termasuklah ahli keluarga, pihak qadhi dan sebagainya.

ACTIVITY

Jelaskan alat yang dibenarkan untuk memukul isteri yang nusyuz?

Soalan pendek

1. Jelaskan definisi Nusyuz beserta dalil larangannya.
2. Berikan SATU (1) contoh perbuatan isteri yang dianggap nusyuz.
3. Berikan SATU (1) contoh perbuatan suami yang dianggap nusyuz.
4. Jelaskan TIGA (3) kaedah yang Islam anjurkan kepada suami untuk menangani isteri yang nusyuz.
5. Bagaimana kaedah penyelesaian syiqaq?

KATA KUNCI

Nusyuz	**pemulauan**
syiqaq	**Orang ketiga**
Alat memukul	**pukulan**
Hujung kain	**Nusyuz suami**
nasihat	

RUJUKAN

Azman Ab Rahman & Zulkifli Muhammad Al-Bakri (2012), *Al-Fiqh Al-Islami II (Modul 2: Fiqh Munakahat),* Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, hlm. 95.

Norzulaili Mohd Ghazali & Wan Abdul Fattah Wan Ismail (2006), *Nusyuz, Shiqaq Dan Hakam Menurut al-Qur'an, Sunnah dan Undang-Undang Keluarga Islam*, Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, hlmn. 1-2

TOPIK 6

TANGGUNGJAWAB KELUARGA

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar akan dapat :

1. mempelajari tentang nafkah seseorang kepada dirinya sendiri.
2. Mempelajari tentang nafkah bapa kepada anak.
3. Mempelajari tentang nafkah anak kepada bapa.
4. Mempelajari tentnag nafkah suami kepada isteri.

6.1 Pengenalan

Menurut **bahasa**, nafaqah bermaksud mengeluarkan atau menghabiskan sesuatu. Perkataan nafaqah digunakan kepada perkara yang baik-baik sahaja.

Sementara menurut **istilah** pula, ianya bermaksud semua keperluan asas manusia seperti makanan, minuman, pakaian dan juga tempat tinggal. Kewajipan ini berpandukan beberapa dalil Al-Qur'an dan As-Sunnah. Dalil daripada Al-Qur'an, Surah An-Nisa', ayat 34:

> *"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) ke atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafaqah) sebahagian dari harta mereka". (Surah An-Nisa': 34)*

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 233 pula:

"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu dan kewajipanbapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya". (Surah Al-Baqarah: 233)

Dari sebuah hadith yang diterangkan oleh Aisyah r.anha, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Hindun bin'Utbah berkata: "Wahai Rasulullah! Abu Sufyan ialah seorang lelaki yang bakhil dan tidak pernah memberi aku belanja yang mencukupi untukku dan anakku melainkan yang aku ambil daripadanya tanpa pengetahuannya". Rasulullah SAW bersabda: "Ambillah perbelanjaan untukmu dan anakmu secukupnya". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Terdapat empat jenis *nafaqah,* iaitu:

i) ***Nafaqah* seseorang kepada dirinya sendiri.**
ii) ***Nafaqah* bapa kepada anak.**
iii) ***Nafaqah* anak kepada bapa.**
iv) ***Nafaqah* suami kepada isteri**.

6.2 Nafkah Seseorang Kepada Dirinya Sendiri

Kewajipan memberi *nafaqah* yang paling rendah adalah memberi *nafaqah* kepada dirinya sendiri. Jika berkemampuan, hendaklah didahului daripada *nafaqah* yang lain.

Nafaqah ini meliputi semua kepeluan asasi manusia seperti makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain. *Nafaqah* terhadap diri sendiri wajib daripada hartanya sendiri, selagi dia memiliki harta yang boleh digunakan sebagai *nafaqah* dirinya.

Hal ini berdasarkan hadith daripada Jabir r.a., katanya:

"Seorang lelaki Bani 'Uzrah memerdekakan hambanya secara ta'liq, iaitu hamba tersebut merdeka selepas beliau meninggal dunia. Berita ini disampaikan kepda Nabi SAW dan baginda bertanya kepada lelaki itu: "Adakah kamu memiliki harta yang lain?" Dia menjawab: "Tidak". Nabi SAW membelinya dengan harga 800 dirham. Nabi SAW menyerahkan duit itu kepada lelaki Bani 'Uzrah tersebut dan bersabda: "Mulakan nafaqah dengan dirimu. Jika berbaki, berikanlah kepada ahli keluargamu. Jika masih berbaki, berikanlah kepada saudara-saudaramu yang terdekat dan jika masih berbaki lagi, berikanlah kepada mereka dan seterusnya". (Riwayat Al-Bukhari)

6.3 Nafkah Bapa Kepada Anak

Bapa dan datuk ke atas, wajib memberi *nafaqah* kepada anaknya, cucu dan ke bawah. Oleh itu, bapa bertanggungjawab memberi semua jenis *nafaqah* kepada anak-anaknya sama ada lelaki atau perempuan. Jika mereka tidak mempunyai bapa, maka datuk wajib mengambil alih tanggungjawab tersebut dan begitulah seterusnya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Kemudian, jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya". (Surah At-Talaq: 6)

Ayat ini menjelaskan bahawa perempuan yang menyusukan anak orang lain wajib memberi upah oleh bapa kepada anak tersebut. Ini bermakna kewajipan memberi *nafaqah* kepada anak lebih utama dilaksanakan oleh bapa. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu dan kewajipanbapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya". (Surah Al-Baqarah: 233)

Dalam ayat ini, menisbahkan anak kepada bapanya yang menggunakan huruf *lam ikhtisas* membawa makna bapa dikhususkan bertanggungjawab memberi *nafaqah* kepada anak-anaknya. Oleh itu, kewajipan memberi *nafaqah* kepada anak-anak adalah lebih utama. Hal ini berdasarkan hadith daripada Aisyah r.anha, katanya:

> *"Hindun bin'Utbah berkata: "Wahai Rasulullah! Abu Sufyan ialah seorang lelaki yang bakhil dan tidak pernah memberi aku belanja yang mencukupi untukku dan anakku melainkan yang aku ambil daripadanya tanpa pengetahuannya". Rasulullah SAW bersabda: "Ambillah perbelanjaan untukmu dan anakmu secukupnya". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)*

Cucu juga termasuk dalam hukum ini kerana nisbah keturunan dan keperluan dengan anak.

Syarat wajib *nafaqah* bapa kepada anak.

i. Bapa mempunyai makanan yang melebihi keperluan diri dan isteri untuk tempoh sehari semalam. Jika makanan yang dimiliki tidak hanya cukup digunakan dalam tempoh tersebut untuk dirinya sahaja atau untuk diri dan isterinya, bapa tidak wajib memberi *nafaqah* kepada anaknya. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW:

> *"Mulakan nafaqah dengan dirimu".*

ii. Anak hendaklah seorang fakir, di samping masih kecil, tua atau gila. Oleh itu, *nafaqah* anak yang masih kecil, anak yang fakir dan tidak mampu bekerja, serta anak yang gila adalah tanggungjawab bapa. Jika bapa tiada, ianya menjadi tanggungjawab datuk. Jika anak itu telah baligh dan mampu bekerja, bapa tidak wajib memberi *nafaqah k*epadanya, sekalipun anaknya tidak bekerja.

Jika anak itu tidak bekerja kerana masih belajar, hendaklah melihat pula kepada ilmu yang dipelajarinya. Jika ilmu itu berkaitan dengan kewajipan dirinya, seperti ilmu aqidah dan ilmu ibadat, ia dianggap tidak mampu bekerja dan bapa wajib memberi *nafaqah* kepadanya.

Jika ilmu yang dipelajari ialah ilmu fardhu kifayah yang diperlukan oleh masyarakat, seperti ilmu perubatan, perindustrian dan sebagainya, dan dia tidak bekerja, sedangkan dia mampu berbuat demikian, maka bapa mempunyai pilihan sama ada membenarkan anak tersebut terus belajar dan memberi *nafaqah*nya atau bapa tidak memberi *nafaqah*nya yang menyebabkan anak tersebut bekerja.

Kadar *nafaqah*.

Nafaqah tidak mempunyai kadar tertentu. Ia hanya ditentukan berdasarkan konsep mencukupi yang ditentukan berdasarkan pandangan umum dan kemampuan memberi *nafaqah*. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> "Hendaklah orang yang mampu memberi nafaqah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafaqah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu), Allah tidak memberatkan seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan". (Surah At-Talaq: 7)

***Nafaqah* yang tidak diberikan pada masanya.**

Nafaqah yang tidak diberikan kepada anak tidak menjadi hutang kepada pemberi *nafaqah* apabila ia tidak diberikan pada masanya. Hal ini kerana *nafaqah* merupakan pertolongan daripada bapa kepada anak.

Oleh itu, ia bukanlah pemilikan hak tertentu, tetapi diberi kepada hubungan kekeluargaan. Maksudnya, *furu'* (penerima) mendapatkan keperluannya

daripada *nafaqah.* Jika berlaku sesuatu keperluan yang anak tidak meminta *nafaqah* daripada bapanya untuk menampung perbelanjaan bagi keperluan itu kerana ingin menjaga kehormatan diri, lupa atau sebagainya, sedangkan bapa mampu untuk memberikannya, tentulah tidak munasabah. Bapa tersebut dianggap berhutang kepada anaknya disebabkan keperluan bahawa anaknya sendiri tidak meminta *nafaqah* daripada bapanya.

Hal ini merupakan hukum asal yang digunakan ketika hubungan antara anak dan bapa dalam keadaan biasa. Tetapi, jika berlaku perselisihan, maka hakim perlu menyelesaikannya dengan menetapkan *nafaqah* tertentu yang perlu diberi oleh bapa atau memberi izin kepada anak untuk berhutang dengan kadar yang tertentu, atau kadar yang diperlukan atas nama bapanya. Oleh itu, *nafaqah* tersebut membuatkan bapa berhutang sekiranya tidak dilunaskan tepat pada masanya. *Nafaqah* tersebut tidak gugur dengan berlalunya tempoh melunaskan hutang tersebut.

Hal ini kerana, ia telah menjadi hak milik anak dengan perintah hakim, sekalipun sebelum ini, ia hanya dianggap sebagai pertolongan atau bantuan.

6.4 Nafkah Anak Kepada Bapa

Bapa wajib memberi *nafaqah* kepada anak, sebagaimana dalil dan syarat-syarat yang telah dijelaskan. Begitu juga, anak wajib memberi *nafaqah* kepada bapa, ibu, datuk, nenek dan ke atas berdasarkan dalil dan syarat-syarat berikut.

Dalil anak wajib memberi *nafaqah* kepada bapa.

Dalil-dalil menunjukkan bahawa anak wajib memberi *nafaqah* kepada bapa berdasarkan Al-Qur'an, As-Sunnah dan Qias.

Al-Qur'an:

> "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa". (Surah Al-Isra': 23)

Dalam ayat ini, perintah bergaul dengan baik dan berbuat baik kepada ibu bapa oleh anak-anak tidak dapat dilaksanakan kecuali mereka mengambil tanggungjawab memberi *nafaqah* kepada mereka berdua ketika diperlukan.

As-Sunnah:

Hal ini berdasarkan hadith daripada Tariq Al-Muharibi r.a., katanya:

> *"Ketika aku sampai di Madinah, Rasulullah SAW sedang berdiri di atas minbar sambil berkhutbah kepada orang ramai. Baginda bersabda: "Tangan yang memberi ialah tangan yang di atas. Mulakan dengan tanggunganmu, iaitu ibu, bapa, saudara perempuan dan saudara lelakimu, kemudian keluarga yang terdekat dan yang paling terdekat". (Riwayat Abu Daud dan An-Nas'ie)*

Hukum wajib *nafaqah* kepada bapa.

i) **Mereka mempunyai *nafaqah* yang melebihi keperluan asasi diri dan isterinya untuk tempoh sehari semalam.**

Jika *nafaqah* yang dimiliki hanya cukup untuk keperluan asasi diri dan isterinya untuk tempoh sehari semalam, anak tidak wajib memberi *nafaqah* kepada bapa dan ibu. Hal ini kerana orang fakir tidak wajib memberi *nafaqah* kepada orang fakir sepertinya.

Jika dia mempunyai lebihan, setelah digunakan untuk keperluan asasi terhadap diri dan isterinya, mereka hendaklah memberikannya kepada ibu dan bapa. Jika lebihan tersebut hanya cukup untuk seorang, maka ibu hendaklah didahulukan. Hal ini berdasarkan kaedah sesuatu yang tidak dapat diambil semuanya dan tidak boleh ditinggalkan semuanya.

ii) Bapa hendaklah dalam kalangan orang yang fakir.

Syarat ini berbeza dengan syarat yang mewajibkan bapa memberi *nafaqah* kepada anak. Hal ini kerana di samping syarat fakir, anak mestilah memenuhi syarat tidak mampu bekerja sama ada masih kecil, tua yang tidak mampu bekerja atau gila.

Perbezaan bapa dengan anak dalam masalah ini ialah bapa tidak dipandang hina apabila menyuruh anak yang mampu supaya bekerja. Tetapi anak di pandang hina apabila menyuruh bapa bekerja disebabkan mereka telah lama bekerja dan bersungguh-sungguh demi membesarkan anak, lebih-lebih lagi mereka telah tua.

iii) Ibu: apabila tidak mendapat *nafaqah* yang secukupnya daripada suaminya sama ada dari segi kenyataannya disebabkan tidak berkemampuan atau dari segi hukum disebabkan ketiadaan suami. Justeru, anak wajib memberi *nafaqah* kepada ibunya dalam dua keadaan yang berikut:

- Bapa tidak mampu memberi nafkah kepada isterinya.
- Bapa telah meninggal dunia dan ibunya tidak bersuami lagi. Kemampuan ibu untuk berkahwin lagi tidak membatalkan kewajipan ini. Dalam hal ini, anak wajib memberikan ibunya *nafaqah,* sekalipun ada lelaki yang sekufu mahu berkahwin dengannya.

Sehubungan dengan itu, kewajipan anak memberi *nafaqah* kepada ibunya terbatal dalam dua keadaan yang berikut:

- Bapa mampu memberi *nafaqah* kepada isterinya.
- Ibu telah berkahwin dengan lelaki lain sama ada suaminya itu mampu memberi *nafaqah* kepadanya ataupun tidak.

Jika ibu meminta fasakh daripada suaminya yang tidak mampu memberi *nafaqah* dan fasakh itu diterima, ketika itu anak wajib memberikan kepada ibunya *nafaqah.*

Nafaqah anak dan bapa yang berbeza agama.

Persamaan agama bukanlah syarat wajib *nafaqah.* Oleh itu, kewajipan memberi *nafaqah* bapa kepada anak atau sebaliknya tidak terjejas dengan wujudnya perbezaan agama.

Dengan ini, seseorang anak yang beragama Islam wajib memberi *nafaqah* kepada bapanya yang bukan beragama Islam. begitu juga seorang bapa yang beragama Islam wajib memberi *nafaqah* kepada anak-anaknya yang bukan beragama Islam, berdasarkan syarat-syarat terdahulu.

Walaubagaimanapun, orang yang **murtad** tidak termasuk dalam hukum ini. *Nafaqah* tidak diberi kepadanya sama ada di kalangan bapa atau anak kepada pemberi *nafaqah. H*al ini berdasarkan hadith daripada Asma' binti Abu Bakar r.a., katanya:

> *"Ibuku menemuiku. Dia masih belum memeluk agama Islam. ketika itu, perjanjian damai antara orang Islam dan orang kafir Quraisy telah termeterai. Kemudian, aku meminta fatwa daripada rasulullah SAW dengan berkata: "Wahai Rasulullah ! Ibuku dating, sedangkan ibuku membenci Islam. adakah aku perlu menghubungkan silaturrahim dengannya?" Lantas Baginda bersabda: "lakukanlah". (Riwayat Al-Bukhari, Muslim dan yang lainnya)*

Kadar _nafaqah_ anak kepada bapa.

Kadar *nafaqah* tidak ditentukan. Ia terserah kepada kebiasaan yang berlaku pada pandangan umum. Ia juga tidak menjadi hutang jika tidak

diberikan pada waktunya. Jika berlaku perselisihan antara bapa dan anak, hakim hendaklah menetapkan kadar tertentu yang sepatutnya diberikan kepada bapa. Bayaran ini menjadi hutang yang wajib dibayar oleh anak sekiranya tidak diberi pada waktunya.

Orang yang sepatutnya memberi *nafaqah.*

Jika kedua-dua ibu bapa fakir dan mempunyai anak yang setaraf di kalangan mereka, kesemua anak itu mesti memberi *nafaqah* kepada ibu bapa mereka. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai sebab wajib *nafaqah.*

Bahagian *nafaqah* yang perlu dikeluarkan oleh perempuan adalah setengah bahagian lelaki, sebagaimana pembahagian pusaka. Jika mereka setaraf, seperti anak dan cucu, *nafaqah* wajib kepada bapa yang lebih hampir sama ada mereka waris atau sebaliknya, dan lelaki atau perempuan. Hal ini demikian kerana hubungan kerabat yang hampir adalah lebih utama untuk diambil kira. Jika anak itu fakir dan ibu bapanya orang senang, *nafaqah* wajib diberi oleh bapanya. Hal ini kerana bapalah yang bertanggungjawab memberi *nafaqah* kepada anaknya yang masih kecil.

Nafaqah bapa kepada anak yang dewasa, tetapi fakir ialah lanjutan kepada *nafaqah* semasa kecil. Sesiapa yang fakir dan mempunyai bapa serta anak yang kaya, kewajipan memberi *nafaqah* diserahkan kepada anak terlebih dahulu, sekalipun hubungan kekeluargaan antara mereka jauh. Hal ini kerana hubungan kekeluargaan anak lebih kuat daripada bapa. Oleh itu, anaklah yang lebih utama menjaga bapanya kerana mulianya kehormatan terhadap bapa.

Jika bilangan bapa, anak dan lainnya memerlukan *nafaqah* adalah ramai, sedangkan lebihan keperluan dirinya tidak mencukupi untuk diberi kepada kesmuanya, dia hendaklah memenuhi keperluan dirinya sendiri dengan memberi keutamaan berdasarkan kepada susunan berikut:

(i) **Isteri:** hal ini demikian kerana *nafaqah* kepada isteri adalah pasti. Ia tidak gugur dengan berlalunya masa. Hal ini berbeza dengan *nafaqah usul* dan *furu'* yang gugur dengan berlalunya masa, sebagaimana yang telah dijelaskan. Dalam Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah menyebut, sebab wajibnya *nafaqah* ada tiga peringkat:

- Jumhur Hanafiah dan satu pendapat dalam Mazhab Syafie' yang qadim dengan sebab suami menahan isteri dengan akad nikah yang sahih.
- Jumhur ulama' termasuk Maliki, Hanbali, dan Mazhab Syafie' berpendapat *nafaqah* kerana suami berhak terhadap isteri selepas akad nikah yang sahih.
- Qaul Qadim dalam Mazhab Syafie', *nafaqah* wajib dengan sebab akad dan mampu bersamanya.

(ii) **Anak yang masih kecil:** hal ini sama juga dengan anak yang dewasa, tetapi gila kerana mereka tidak mampu untuk bekerja.

(iii) **Ibu:** kerana ibu tidak mampu untuk bekerja dan haknya telah pasti disebabkan ibulah yang mengandung, melahir, menyusu, dan mendidik anak sehingga meningkat usia.

(iv) **Bapa:** ini kerana kelebihan bapa yang cukup besar terhadap keluarga.

(v) **Anak yang dewasa tetapi fakir:** kerana hampirnya hubungan dengan bapanya. Hubungan yang hampir dan rapat ini mempunyai kelebihan yang tersendiri.

(vi) **Datuk dan ke atas:** ini bertujuan untuk menghormati datuk dan sama juga untuk menghormati datuk. Datuk merupakan asal keturunan dan haknya wajib dijaga serta dipelihara.

6.5 Nafkah Suami Kepada Isteri

Ijma' ulama' bersepakat menyatakan bahawa suami wajib memberi *nafaqah* kepada isterinya dengan syarat-syarat tertentu.

Dalil wajib *nafaqah* suami kepada isteri.

Hal ini berdasarkan kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah:

> *"Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) ke atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafaqah) sebahagian dari harta mereka". (Surah An-Nisa': 34)*

Ayat ini menunjukkan bahawa suamilah yang bertanggungjawab untuk memberi dan menyediakan *nafaqah.* Begitu juga firman Allah SWT:

> *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu dan kewajipanbapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya". (Surah Al-Baqarah: 233)*

As-Sunnah

Hadith riwayat Rasulullah SAW daripada Jabir r.a., maksudnya:

> *Bertaqwalah kepada Allah dalam mengendalikan urusan kaum wanita. Kamu mengambil mereka dengan amanah Allah dan dihalalkan bagi kamu kemaluan mereka dengan kalimah Allah. Hak kamu yang wajib ditunaikan oleh isteri kamu ialah mereka tidak membenarkan orang yang kamu benci masuk ke tempat tidurmu. Jika mereka melakukannya, pukullah mereka dengan cara yang tidak menyakitkan. Kewajipan kamu pula ialah memberikan nafaqah dan pakaian yang sepatutnya kepada mereka. Sesungguhnya aku tinggalkan satu perkara yang kamu tidak akan sesat selama-lamanya, selagi kamu berpegang dengannya, iaitu kitab Allah". (Riwayat Muslim)*

Hikmah wajib *nafaqah* suami kepada isteri.

(i) Suami bertanggungjawab mengetuai rumahtangga dan memberi *nafaqah* kepada isteri dan anak-anak.

(ii) Isteri mengambil alih semua tanggungjawab tersebut menggantikan tanggungjawab duit.

(iii) Suami isteri bekerjasama melaksanakan tanggungjawab mencari harta dan memberi *nafaqah.*

Persoalannya, apakah yang akan berlaku jika ditinggalkan asas pertama yang merupakan hukum syariat Islam, lalu mengambil asas yang kedua dan ketiga? Beberapa perkara akan berlaku kesan daripada tindakan tersebut, iaitu;

(i) Ia melibatkan masalah mas kahwin: iaitu sama ada perempuan bertanggungjawab memberi mas kahwin semuanya kepada lelaki atau mereka bersama-sama bertanggungjawab menyediakan mas kahwin. Kesan yang pasti berlaku hasil daripada keadaan ini ialah perempuan akan keluar mencari pasangan lelaki untuk dijadikan suami, sedangkan Allah SWT telah memuliakan mereka dengan menjadikan lelaki mencari perempuan untuk dijadikan isteri.

Hal ini kerana orang yang memberi mas kahwin itulah yang sepatutnya mencari penerimanya. Sekiranya keadaan ini berlaku, perempuan akan berhadapan dengan pelbagai masalah penipuan dan pembohongan golongan lelaki demi mendapatkan suami yang boleh diharapkan dan mampu memberikan perlindungan.

(ii) Perempuan terpaksa melibatkan diri untuk bekerja dan mencari rezeki. Akibatnya mereka terpaksa bersaing dengan golongan lelaki dalam pelbagai bidang pekerjaan.

Jika ini berlaku, golongan perempuan pasti terdedah kepada perkara yang negatif serta penyelewengan. Keadaan yang berlaku

hari ini adalah bukti paling jelas terhadap kenyataan itu. Kesannya, rumahtangga yang memerlukan seseorang untuk mengurus dan menjaga hal ehwalnya serta mendidik anak-anak tidak dapat dipenuhi. Malah, rumahtangga menjadi tidak terurus.

Rumahtangga sepatutnya menjadi sumber kebahagiaan, pencetus kedamaian, tempat berehat dan berkumpul, kini bertukar menjadi punca masalah dan kacau bilau.

(iii) Jika rumahtangga dibina atas satu daripada dua rukun yang telah dinyatakan, sudah pasti hak berada di tangan isteri sama ada secara bersama atau bersendirian. Undang-undang ekonomi dan sosial menyatakan bahawa sesiapa yang mengeluarkan belanja, maka dialah yang berkuasa.

Kedudukan *nafaqah* isteri.

i) *Nafaqah* pemberian (tahkim).

Jika isteri makan, minum dan tinggal bersama-sama suaminya, sebagaimana kebiasaan pada hari ini tanpa membuat perjanjian yang menentukan kadar makanan asasi dan lauk-pauk yang wajib diberikan kepada isteri, *nafaqah* seperti ini dinamakan pemberian (tahkim).

ii) *Nafaqah* pemilikan (tamlik).

Jika isteri membuat perjanjian yang menentukan kadar *nafaqah* dengan suaminya atau hakim mewajibkan suami memberi kadar *nafaqah* yang tertentu kepada isteri, yang boleh dituntut. Ia dinamakan sebagai *nafaqah* pemilikan (tamlik). Dalam hal ini, isteri boleh menuntut sebarang gantian yang disukainya.

Kesan pandangan umum (‘uruf) dalam menetapkan kadar *nafaqah*.

Sebelum ini, telah dijelaskan kadar makanan asasi yang wajib diberi kepada isteri. Namun, pandangan umum (’uruf) sesuatu tempat pada

sesuatu masa tidak berperanan dalam menetapkan kadar tersebut. Dalam semua keadaan, kadar yang telah ditetapkan ialah dua cupak bagi golongan kaya, satu setenagh cupak bagi golongan sederhana dan secupak bagi golongan fakir.

Suami hendaklah memberi makanan asasi atau bahan makanan asasi kepada isterinya, berserta keperluan yang boleh dijadikan makanan. Hal ini kerana makanan asasi tidak boleh berubah dengan pandangan perbezaan umum (ʻuruf). Selain itu, lauk-pauk, pakaian dan seumpamanya ditetapkan berdasarkan pandangan umum (ʻuruf) dengan syarat tidak bertentangan dengan syariat Islam. Justeru, pandangan umum tidak memberi kesan dalam menetapkan kadar *nafaqah* yang keterlaluan dan membazir atau majlis-majlis keraian yang tidak bermanfaat, sebagaimana yang banyak berlaku pada hari ini.

Suami tidak mampu memberi *nafaqah.*

Apabila suami yang kaya mengalami kesempitan hidup hingga ke atah sederhana atau fakir, maka kesempitan tersebut tidak memberikan kesan kepadanya. Isteri mesti setia bersama-sama suaminya dan menerima apa jua yang berlaku dengan redha.

Jika kesempitan tersebut bertambah hingga mencapai tahap papa-kedana, isteri boleh meminta **fasakh** daripada suami.

Jika isteri meminta fasakh, hakim mesti menerima tuntutan itu dan memisahkan mereka berdua. Walaubagaimanapun, tindakan tersebut diambil selepas suami tidak mampu memberi *nafaqah* sekurang-kurangnya **tiga hari**. Hal ini dilakukan untuk memastikan ketidakmampuan suami kerana kesempitan tersebut mungkin akan hilang dalam tempoh itu. Hal ini berdasarkan hadith daripada Abu Hurairah r.a., katanya:

"Nabi SAW bersabda tentang seorang lelaki yang tidak mempunyai sesuatu untuk diberi nafaqah kepada isterinya: "Pisahkan mereka berdua". (Riwayat Ad-Daraqutni)

Apabila isteri redha untuk terus hidup bersama-sama suaminya yang tidak berkemampuan, dia masih boleh meminta fasakh selepas itu. Hal ini kerana mudarat yang disebabkan ketidakmampuan suami memberikan *nafaqah* berlaku setiap hari, sedangkan pada setiap hari itu, ada hukumnya yang tersendiri.

Walaubagaimanapun, isteri tidak seharusnya meminta fasakh jika suami mampu memberikannya makanan asasi golongan fakir tetapi tidak mampu memberikannya sebahagian daripada *nafaqah* yang lain, seperti tidak mampu memberi lauk-pauk. Hal ini kerana ia bukannya makanan asasi dan manusia boleh hidup tanpanya.Demikianlah halnya jika suami tidak mampu menyediakan perbelanjaan pembantu rumah kerana khidmatnya hanya sebagai penyempurna, sedangkan tanpanya, seseorang boleh melaksanakan tugas harian secara bersendirian. Namun, jika suami tidak mampu menyediakan kesemua *nafaqah* golongan tersebut, isteri berhak meminta fasakh.

Syarat suami wajib memberi *nafaqah* kepada isteri.

(i) Isteri merelakan dirinya bercumbu mesra (istimta'), bersetubuh dengan suami dalam keadaan yang dibenarkan oleh syarak.

Jika isteri menolak permintaan walaupun sedikit, suami tidak diwajibkan untuk memberi *nafaqah* kepada isterinya. Jika suami ingin bercumbu mesra dan bersetubuh dengan isterinya dalam keadaan yang diharamkan, seperti ketika berada dalam keadaan haid,

keengganannya memenuhi kehendak suami itu tidak menggugurkan kewajipan suami memberi *nafaqah.*

(ii) Isteri pula mengikut suami tinggal di tempat atau rumah yang dipilih oleh suaminya.

Dia wajib tinggal di situ melainkan jika ia tidak sesuai untuk di diami dari sudut syarak. Jika suami tinggal di negeri yang tidak mendatangkan mudarat menurut syarak kepada isteri atau suami tinggal di rumah yang memenuhi syarat-syarat menurut syarak, tetapi isteri enggan tinggal di negeri atau rumah tersebut, maka suami tidak wajib memberi *nafaqah* kepadanya kerana isteri dianggap *nusyuz.* Jika semua syarat tersebut dipenuhi, suami wajib memberikan semua *nafaqah* yang diperlukan oleh isteri. Dengan ini dapat difahami bahawa kewajipan suami memberi *nafaqah* bukan disebabkan akad semata-mata.

Kadar Nafkah

Nafaqah kepada isteri mepunyai kadar tertentu. Walaubagaimanapun, jumlah dan jenisnya berbeza berdasarkan kemampuan suami. Kedudukan isteri dari segi kekayaan, kemiskinan, keturunan, dan lain-lain tidak mempengaruhi kadar tersebut. Hal ini kerana faktor yang diambil kira ialah kemampuan suami. Perkara ini merujuk kepada pemberi *nafaqah* yang bukan penerimanya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Hendaklah orang yang mampu memberi nafaqah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafaqah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu), Allah tidak memberatkan seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa)*

Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan". (Surah At-Talaq: 7)

Syarak telah mengkategorikan kemampuan suami kepada tiga tahap berikut:

(i) Senang atau kaya.'
(ii) Fakir.
(iii) Sederhana.

Bagi menentukan tahap suami, pandangan umum ('*uruf*) adalah penentuannya. Suami yang **kaya** dikehendaki memberi *nafaqah* seperti berikut:

(i) Dua cupak makanan asasi penduduk tempatan setiap hari, termasuk keperluan untuk menjadikannya makanan. Suami juga boleh memberikan makanan yang sedia ada untuk dimakan.
(ii) Lauk-pauk yang menjadi kebiasaan orang kaya di tempat itu. Ulama' fiqh membincangkan perkara ini secara panjang lebar, tetapi keadaan sebenar adalah dengan merujuk kepada pandangan umum penduduk tempatan.
(iii) Pakaian yang sesuai dengan isteri orang yang kemampuan di tempat itu mengikut pandangan umum. Ia juga termasuk perabot, tempat tidur, perkakas dapur dan seumapamanya. Banyak atau sedikitnya bergantung kepada keperluan isteri tersebut.

Suami yang **sederhana** kemampuannya wajib untuk memberi *nafaqah* seperti berikut:

(i) Satu cupak setengah makanan asasi penduduk tempatan setiap hari termasuk keperluan untuk menjadikannya makanan atau memberikannya makanan yang sedia untuk dimakan.

(ii) Lauk-pauk yang menjadi kebiasaan golongan pertengahan penduduk tempatan.

(iii) Pakaian yang sesuai dengan isteri golongan sederhana di kawasan itu mengikut pandangan umum. Ia juga termasuk perabot, tempat tidur, perkakas dapur dan seumapamanya. Banyak atau sedikitnya bergantung kepada keperluan isteri tersebut.

Suami yang **fakir** wajib memberi *nafaqah* seperti berikut:

(i) Satu cupak makanan asasi menurut kebiasaan penduduk tempatan setiap hari

(ii) Lauk-pauk yang menjadi kebiasaan fakir miskin di tempat itu.

(iii) Pakaian yang layak bagi isteri-isteri yang setaraf dengannya, yang tinggal di kawasan tersebut.

***Nafaqah* tambahan.**

Sebagai tambahan kepada *nafaqah* isteri yang mengambil kira kedudukan suami yang berbeza-beza adalah seperti berikut:

(i) Rumah yang sesuai dengan kemampuan suami yang boleh didiami oleh isterinya, sekurang-kurangnya mempunyai keperluan asas yang sewajarnya.

(ii) Semua peralatan untuk tujuan kebersihan. Begitu juga alat-alat solek dan perhiasan diri jika suami meminta isteri berhias untuknya.

(iii) Pembantu rumah jika di rumah bapanya sebelum ini, isteri mempunyai pembantu rumah yang berkhidmat untuknya. Suami wajib menyediakan seorang pembantu rumah yang boleh berkhidmat sekadar yang diperlukan oleh isterinya sama ada suami di kalangan orang kaya, sederhana atau fakir. Pembantu rumah mestilah perempuan atau kanak-kanak lelaki *mumayyiz* yang belum baligh atau *mahram* isterinya. Gaji pembantu rumah adalah tanggungjawab suami

ACTIVITY

Bincangkan antara keperluan dan kehendak dalam kehidupan.

Soalan pendek

1. Nyatakan definisi nafkah mengikut bahasa dan istilah.
2. Nyatakan jenis-jenis nafkah.
3. Berikan situasi apabila wajib nafkah kepada bapa.
4. Jelaskan kadar nafkah mengikut kategori kemampuan suami.

KATA KUNCI

Nafkah	**Anak-anak**
Suami	**Ibu bapa**
Isteri	**Kematian suami**

KESIMPULAN

Topik ini membincangkan dari sudut tanggungjawab khususnya lelaki dalam pemberian nafkah di dalam keluarganya. Lelaki merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menafkahi isteri dan anak-anaknya. Sekiranya, bapanya meninggal dunia dan ibunya tidak berkahwin lagi, maka dia bertanggungjawab untuk menafkahi ibunya.

RUJUKAN

Azman Ab Rahman & Zulkifli Muhammad Al-Bakri (2012), *Al-Fiqh Al-Islami II (Modul 2: Fiqh Munakahat),* Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, hlm. 144.

Pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral (2008), *Pendidikan Islam*, Kedah: Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, hlm. 61-62.

TOPIK 7

HARTA SEPENCARIAN DAN HARTA PUSAKA ISLAM (HIBAH, WASIAT, FARAID)

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar akan dapat:

1. Mengetahui hak dan jenis-jenis harta dalam harta sepencarian.
2. Mengetahui tentang harta pusaka Islam.
3. Membincangkan pemilikan harta bagi anak angkat.

7.1 Harta Sepencarian

Pendahuluan

Harta sepencarian merupakan salah satu hak yang boleh dituntut oleh isteri mahupun suami, bukan sahaja selepas berlaku perceraian, tetapi juga selepas kematian salah seorang daripada mereka. Tuntutan harta sepencarian selepas kematian kini kian popular, namun merumitkan kerana ia melibatkan harta pusaka dan pertikaian antara waris.

Definisi

Dari sudut **bahasa**, perkataan 'sepencarian' memberi makna mencari bersama-sama atau berusaha bersama-sama. Jadi, harta sepencarian ialah harta yang dicari bersama-sama atau diusahakan bersama-sama. Secara umumnya, harta sepencarian boleh ditakrifkan sebagai **sebarang harta alih atau tidak alih yang diperoleh oleh pasangan suami isteri secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh sesuatu perkahwinan yang sah.**

Jika diperincikan, mana-mana harta yang terhasil sebelum daripada tarikh perkahwinan, dalam perkahwinan yang tidak sah mengikut undang-undang atau selepas dari tarikh penceraian adalah tidak dianggap sebagai harta sepencarian. Begitu juga harta yang diperoleh semasa tempoh perkahwinan tetapi dengan cara perwarisan, hibah atau wasiat adalah milik individu tersebut. Walaupun begitu, mana-mana harta yang diperoleh sebelum perkahwinan atau diperoleh dalam suatu tempoh perkahwinan yang sah secara warisan, hibah ataupun wasiat, tetapi harta tersebut berkembang dengan usaha mereka bersama atau usaha perseorangan pasangan yang lain, maka harta tersebut juga boleh dianggap sebagai harta sepencarian.

Nama panggilan untuk harta sepencarian berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain. Antara panggilan itu ialah carian laki bini (masyarakat Melayu Negeri Sembilan), pencarian (masyarakat Melayu Sarawak), pencurian (masyarakat Islam Melanau Sarawak), *gono gini* (masyarakat Jawa), *harecuta sihareakat* (masyarakat Acheh), harta suarang (masyarakat Minangkabau), guna kaya (masyarakat Sunda), *druwe bagro* (masyarakat Bali), dan barang-barang perpantangan (masyarakat Kalimantan) di Malaysia, selain panggilan harta sepencarian, ada juga yang menyebutnya dengan panggilan harta syarikat (dalam kes Wan Mahatan lwn Haji Abdul Samat, J.M.B.R.A.S. (1937) jil. xv, Bhg. 1,25 ; kes Hajah Lijah bt Jamal lwn Fatimah bt Mat Diah (1950) M.L.J. 63) dan harta usaha sama (sesetengah masyarakat Melayu Terengganu). Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan:

(i) Islam mengakui wujudnya persoalan harta sepencarian dan ia seharusnya diselesaikan sebaik mungkin mengikut undang-undang Islam.

(ii) Harta sepencarian ialah harta yang diusahakan bersama oleh suami dan isteri.

(iii) Harta sepencarian diperoleh sepanjang tempoh perkahwinan, bukannya sebelum perkahwinan atau selepas perceraian.

(iv) Masalah tuntutan harta sepencarian hanya timbul selepas berlaku perceraian, sama ada perceraian mati atau hidup.

Harta sepencarian hendaklah dibahagikan berdasarkan kadar sumbangan kedua-dua pihak, sama ada sumbangan secara langsung atau tidak langsung, sumbangan tersebut berbentuk wang atau daya usaha.

Jenis-jenis harta yang boleh dituntut sebagai harta sepencarian selepas kematian.

Secara umumnya, sebarang harta, sama ada harta alih atau harta tidak alih boleh dituntut sebagai harta sepencarian, seperti rumah kediaman, rumah kedai atau lain-lain jenis bangunan, tanah, wang pampasan tanah, kenderaan, peralatan dan perkakas rumah, barang kemas dan wang dalam akaun simpanan bersama. Mungkin juga dapat dimasukkan di sini ialah syarikat yang diusahakan oleh pasangan. Suatu persoalan yang mungkin boleh dibuat kajian mengenainya ialah adakah syarikat yang diusahakan oleh salah satu pihak boleh dianggap sebagai harta sepencarian.

Walaupun begitu, terdapat beberapa jenis harta yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah syariah atau fatwa negeri-negeri bukan dikira sebagai harta sepencarian, tetapi dianggap sebagai harta pusaka. Antaranya ialah:

(i) Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan lain-lain institusi. Hal ini berdasarkan Fatwa Kebangsaan 1973 yang berbunyi: "Penama-penama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insurans dan yang mengatakan bahawa wang KWSP hendaklah dibahagikan mengikut faraid dan penama adalah wasi atau pentadbir harta.

(ii) Wang pampasan insurans/takaful tanpa dilantik penama. Hal ini sebagaimana yang diputuskan dalam kes Re Man bin Minhat. Walau

bagaimanapun wang pampasan insurans/takaful yang dilantik penama hendaklah diberikan kepada penama tersebut untuk diagihkan kepada waris-waris yang layak.

(iii) Saham syarikat dan faedahnya. Hal ini merujuk kepada keputusan mahkamah kes dalam kes Re Ismail bin Rentah
Walau bagaimanapun, wang pencen dan wang gratuiti, pada amalan semasa dibayar kepada orang-orang tanggungan si mati serta anak-anak yang belum cukup umur dan tidak dianggap sebagai harta pusaka.

Kaedah pembuktian harta sepencarian selepas kematian.

Kaedah pembuktian dalam tuntutan harta sepencarian selepas kematian adalah sama dengan harta sepencarian yang lain. Tuntutan harta sepencarian merupakan tuntutan Mal yang memerlukan keterangan pada tahap *zhan al-ghalib*. Sebarang keterangan atau kaedah pembuktian antaranya keterangan pihak saksi dan juga qarinah seperti geran tanah, resit pembayaran dan lain-lain dokumen boleh dikemukakan.

Seandainya ada dakwaan harta tersebut sebagai harta sepencarian, orang yang mendakwa perlu mendatangkan bukti. Seandainya bukti keterangan pihak plaintif tidak kukuh kaedah sumpah syarie boleh digunakan, iaitu dengan memerintahkan defendan untuk bersumpah. Jika defendan bersumpah, maka tuntutan plaintif hendaklah ditolak. Walau bagaimanapun sekiranya defendan enggan atau ingkar untuk bersumpah syar'ie (nukul 'an al-yamin), ia tidak secara automatik mensabitkan tuntutan plaintif. Sebaliknya plaintif hendaklah diperintahkan untuk bersumpah syarie (rad al-yamin). Jika plaintif bersumpah, maka tuntutan hendaklah dibenarkan, tetapi jika plaintif ingkar, maka tuntutan hendaklah ditolak. Namun begitu, sumpah syarie hanya boleh dilakukan setelah tempoh rayuan tamat, dan sekiranya ada rayuan, ia hendaklah ditangguhkan sehingga selesai tempoh rayuan.

Bagi maksud pembuktian, pihak penuntut perlu mendatangkan sekuat mungkin keterangan bagi membuktikan dua perkara yang boleh

mensabitkan bahawa harta yang dituntut itu adalah harta sepencarian antara pihak penuntut dengan pasangannya (si mati), iaitu:

Pertama: Pihak penuntut perlu membuktikan bahawa harta tersebut diperoleh atau berkembang dalam tempoh perkahwinan. Perkara ini boleh dibuktikan dengan melihat kepada tarikh yang tercatat dalam dokumen berkaitan atau resit pembayaran. Harta tersebut perlu dibuktikan terhasil atau diperoleh selepas daripada tarikh perkahwinan dan sebelum tarikh kematian pasangan. Kegagalan plaintif membuktikan harta tersebut adalah harta yang dihasilkan dalam tempoh perkahwinan akan menyebabkan tuntutan ditolak.

Walaupun suatu dokumen harta seperti tanah, rumah atau kereta didaftarkan atas nama salah seorang pasangan suami atau isteri, ia tidak menghalang pasangan yang lagi satu menuntutnya sebagai harta sepencarian. Ia merupakan suatu peruntukan istimewa yang hanya diberikan kepada tuntutan harta sepencarian. Namun begitu, kejayaan membuktikan harta itu terhasil dalam tempoh perkahwinan belum cukup mensabitkan ia harta sepencarian sekiranya pihak penuntut tidak dapat membuktikan sumbangan beliau secara langsung atau tidak secara langsung terhadap penghasilan harta tersebut.

Kedua: Pihak penuntut perlu membuktikan bahawa beliau ada memberikan sumbangan sama ada secara langsung atau tidak secara langsung. Tahap sumbangan inilah yang akan menentukan berapakah bahagian yang berhak diperoleh oleh penuntut. Sumbangan secara langsung bermaksud sumbangan secara langsung dalam penghasilan harta yang dituntut seperti sumbangan wang untuk membeli dan sumbangan tenaga kerja atas tanah atau syarikat. Sumbangan secara tidak langsung pula bermaksud sebarang sumbangan yang diberikan oleh isteri dalam keluarga bagi mengurangkan beban suami. Ia meliputi sumbangan wang, harta benda, sokongan moral, tenaga dan sebagainya. Seandainya pihak

penuntut gagal membuktikan adanya sumbangan baik secara langsung atau tidak secara langsung, maka besar kemungkinan tuntutan tersebut akan ditolak. Tuntutan akan menjadi mudah sekiranya mendapat persetujuan daripada pihak yang kena tuntut (sulh). Seandainya ada persetujuan daripada pihak-pihak terhadap jumlah dan kaedah pembahagian harta sepencarian, maka harta tersebut hendaklah dibahagikan sebagaimana yang dipersetujui.

Tuntutan juga boleh menjadi mudah seandainya terdapat surat akuan atau persetujuan terhadap harta sepencarian yang mana boleh dibuat secara rasmi di hadapan mana-mana pesuruhjaya sumpah. Surat akuan ini boleh dijadikan keterangan yang kuat bagi mensabitkan harta sepencarian. Perkara inilah yang cuba dibawa oleh beberapa syarikat perancangan harta antaranya syarikat As-Salihin Trustee Berhad, Wasiyyahshoppe Sdn. Bhd., dan Warisan Mukmin Sdn. Bhd. yang merupakan agen korporat kepada Amanah Raya Berhad. Dari itu, ada kemaslahatan dan keperluannya bagi pasangan untuk membuat akuan atau deklarasi harta sepencarian ini bagi memudahkan tuntutan.

Sebagai tambahan, tiada sebarang sebab yang boleh menghalang isteri daripada mendapatkan hak harta sepencarian semasa hidup si suami atau selepas kematiannya. Walaupun, si isteri telah disabitkan *nusyuz* atau penceraian itu melalui tebus talak (khuluq) haknya terhadap harta tersebut tetap kekal.

Contoh-Contoh Kes Tuntutan Harta Sepencarian.

Kes Hasnah Juhari lwn Ramah @ Rahmah Alias (tidak dilaporkan)

Perayu merupakan bekas isteri kepada si mati yang meninggal pada tahun 1997. Si mati telah berkahwin dengan perayu pada tahun 1956 dan menceraikannya pada 1966. Pada tahun 1963, mereka telah menyertai tanah rancangan Felda LB Johnson. Pada tahun 1996, tanah rancangan tersebut telah dijual dengan nilai RM1.4 juta. Responden merupakan isteri

kedua si mati yang dikahwininya pada tahun 1996. Pada 21 Disember 1999, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan telah memutuskan bahawa tanah tersebut adalah harta sepencarian dan diperintahkan hasil jualan tanah tersebut untuk dibahagi sama rata antara si mati dan perayu.

Kes Hajjah Saudah lwn Hanafi Hj. Daud & Lain-lain

Pada prinsipnya, terdapat kecenderungan bagi pihak mahkamah seandainya pihak penuntut ada turut sama memberi deposit atau membayar ansuran pembelian sesuatu harta atau sama-sama mengusahakan suatu harta seperti tanah, maka bolehlah dianggap bahawa penuntut telah memberi sumbangan secara langsung dan berhak mendapat satu perdua. Plaintif telah bersama-sama mengusahakan tanah-tanah yang dituntut. Maka, mahkamah memutuskan bahawa plaintif berhak mendapat satu per dua daripada tanah-tanah tersebut.

K**es Bunga binti Ibrahim lwn Ila @ Zila binti Abdullah**

Sekiranya penuntut adalah seorang suri rumah yang hanya menguruskan kerja-kerja rumah atau bekerja tetapi memberi sumbangan kewangan hanya dalam membeli keperluan harian, maka dia dianggap telah memberikan sumbangan secara tidak langsung dan layak mendapat satu per tiga daripada harta sepencarian. Di samping menguruskan kerja-kerja rumah, plaintif juga ada membuat kerja di luar seperti memungut hasil tanaman tembakau, membuat kelapa kering dan bekerja di syarikat Ban Tembakau. Namun begitu, tiada keterangan yang menunjukkan plaintif ada memberikan sumbangan secara langsung terhadap harta yang dituntut yang berupa enam lot tanah. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa bahagian yang layak diterima oleh plaintif ialah satu pertiga.

Secara kesimpulannya, penentuan tahap sumbangan ditentukan oleh budi bicara dan kebijaksanaan hakim berdasarkan sejauh mana keterangan yang dapat diketengahkan oleh pihak penuntut terhadap tahap sumbangan yang mereka berikan.

Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-67 yang bersidang pada 22 Feb 2005 telah membincangkan Hukum Menjadikan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sebagai Harta Sepencarian. Muzakarah telah memutuskan bahawa Wang caruman KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian dan menetapkan wang tersebut sebagai harta pusaka yang perlu dibahagikan mengikut hukum faraid. Keterangan/Hujah:

Latar Belakang.

Isu untuk menjadikan wang caruman KWSP sebagai harta sepencarian timbul apabila terdapat beberapa pihak yang mahukan pihak isteri juga turut mempunyai hak dalam caruman KWSP suami terutama apabila berlaku perceraian atau kematian si suami.

Undang-undang Pentadbiran Mahkamah Syariah di Kelantan dan Undang-undang Keluarga Islam di seluruh negeri dan Wilayah Persekutuan ada mentafsirkan maksud harta sepencarian. Dari sudut perundangan, terdapat sedikit perbezaan dalam pentafsiran terminologi ini sungguhpun tidak terdapat perbezaan dari segi amalan pembahagian. Umumnya, harta sepencarian dapat didefinisikan sebagai harta sama ada harta alih atau harta tak alih yang diperoleh bersama oleh suami dan isteri hasil daripada usaha dan sumbangan bersama-sama dalam tempoh perkahwinan mereka dan termasuklah juga nilai harta yang diperoleh sebelum mereka berkahwin yang telah dimajukan atau ditingkatkan nilainya dalam masa perkahwinan melalui usaha bersama.

Mahkamah Syariah diberi bidang kuasa eksklusif untuk mendengar dan membicarakan tuntutan harta sepencarian daripada mana-mana pasangan Islam yang telah bercerai. Terdapat dua faktor yang diambil kira dalam menentukan sesuatu itu merupakan harta sepencarian atau tidak. Faktor pertama ialah sumbangan secara langsung. Sumbangan ini merujuk

kepada usaha bersama yang jelas oleh pasangan suami isteri untuk memperoleh sesuatu aset itu. Ia merupakan faktor utama bagi mahkamah untuk mensabitkan adanya hak harta sepencarian semasa dalam tempoh perkahwinan.

Faktor kedua merujuk kepada sumbangan secara tak langsung oleh isteri atau suami kepada pasangannya dalam mendapatkan sesuatu aset. Sebagai contoh, suami bekerja untuk mendapatkan sumber pendapatan, manakala isteri ialah seorang suri rumah yang tidak bekerja bersama-sama dalam memperoleh sumber pendapatan tersebut. Namun, kebijaksanaan isteri dalam menguruskan rumah, anak-anak dan sebagainya ditafsirkan sebagai sumbangan secara tak langsung yang menjamin seseorang suami dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada kerjanya.

Daripada huraian yang telah dibuat, caruman KWSP tidak dikategorikan sebagai harta sepencarian. Di bawah Akta KWSP 1991, Seksyen 51, Simpanan KWSP ahli yang masih hidup adalah hak mutlak pencarum untuk kebajikan mereka pada hari tua yang tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain. Akta KWSP ini pula terletak di bawah undang-undang sivil.

Hujah dan Dalil.

Tiada dalil khusus tentang harta sepencarian dan cara pembahagian dalam Al-Quran dan hadis. Namun demikian, Allah SWT telah pun menggariskan prinsip asas pemilikan iaitu ia berdasarkan kepada usaha tanpa membezakan antara lelaki dan wanita. Firman Allah SWT berikut ini menjadi asas kepada kepentingan pertimbangan sumbangan secara langsung dalam penentuan harta sepencarian:

> *"Dan bagi orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan dan orang perempuan pula ada bahagian darpada apa yang mereka usahakan".* (Al-Nisa': 32)

Mazhab Syafie menggariskan, konsep perkongsian harta boleh dilihat melalui *syarikat al-'inan* yang perkongsian dalam bentuk harta dibuat oleh dua pihak atau lebih melalui akad, dan keuntungan kembali kepada pihak tersebut menurut upah yang munasabah dengan kerja. Mazhab Hanafi mengharuskan secara mutlak *syarikat al-abdan* di mana perkongsian berlaku apabila dua orang berkongsi tenaga dan usaha tanpa harta dan modal. Maka keuntungan kembali kepada kedua-dua pihak atas kadar upah yang munasabah mengikut kerja. Mazhab Maliki dan Mazhab Hambali juga bersependapat begini dengan mensyaratkan persamaan dari segi jenis kerja.

Berdasarkan pandangan para ulama, dapat dirumuskan bahawa sumbangan kerja menjadi faktor menentukan wang simpanan KWSP sebagai harta sepencarian atau tidak. Perkongsian wang simpanan KWSP bukanlah perkongsian berakad dalam bentuk harta. Sekalipun terdapat perkongsian usaha dan tenaga, namun sumbangan isteri atau suami kepada pasangannya di dalam atau di luar rumah bukanlah dari jenis kerja yang sama yang dilakukan oleh pasangan tersebut. Oleh itu, wang simpanan KWSP bukanlah bentuk harta sepencarian tetapi harta pusaka yang wajib diagih-agihkan kepada yang berhak menerimanya melalui hukum faraid.

Kesimpulan.

Tuntutan harta sepencarian selepas kematian adalah suatu hak yang diberikan secara eksklusif kepada pasangan suami isteri. Walau bagaimanapun, ini tidak menghalang waris-waris si mati yang berhak mewarisi harta si mati, seperti anak, untuk menuntut hak harta sepencarian bagi pihaknya. Ia merupakan suatu amalan, walaupun pada awalnya hanya suatu adat, yang tidak menyalahi mana-mana hukum atau prinsip syariah. Malahan ia selari dengan konsep keadilan yang menjadi salah satu asas utama agama Islam.

Maka itu, seandainya berlaku kematian salah seorang pasangan suami isteri, isu harta sepencarian ini perlu diselesaikan terlebih sebelum pembahagian harta pusaka dilakukan. Walau bagaimanapun, ia hanya boleh dibuat sebelum melunaskan semua hutang-hutang dan wasiat si mati sekiranya ada. Bagi memudahkan urusan pembahagian harta sepencarian selepas kematian adalah disarankan agar pasangan membuat pengisytiharan harta sepencarian. Dalam menentukan pembahagian harta sepencarian mahkamah hendaklah menimbangkannya secara adil dan bijaksana.

7.2 Hibah

Definisi.

Hibah dari **segi bahasa** bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk ain atau selainnya. Ia merangkumi hadiah dan sedekah. Ketiga-tiga istilah ini mempunyai pengertian yang hampir sama. Perbezaannya dari aspek tujuan pemberian itu, di mana sedekah ialah suatu pemberian yang bertujuan untuk mendapat pahala di akhirat dan ia biasanya dari yang kaya kepada yang miskin. Manakala hadiah pula ialah pemberian untuk memuliakan seseorang dan biasanya ia ada hubungkait dengan sesuatu perkara. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa setiap sedekah dan hadiah adalah hibah, tetapi bukan semua hibah adalah sedekah dan hadiah.

Hibah pada **istilah syarak** ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (iwad). Secara lebih khusus lagi, hibah ialah suatu akad pemberian milik ain harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan (*iwad*) semasa hidup secara sukarela, bukan mengharapkan pahala di akhirat dan memuliakan seseorang, dengan menggunakan lafaz ijab dan qabul atau seumpamanya.

Hukum dan Pensyariatan Hibah.

Dari segi hukum, hibah adalah suatu amalan yang **sunat** dan digalakkan dalam Islam terutama sekali kepada kaum keluarga terdekat. Amalan ini adalah berdasarkan kepada al-Quran, al-Sunnah dan ijmak. Antara ayat al-Qur'an yang menggalakkan amalan hibah ialah sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

> *"Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwin itu dengan senang hati, makanlah (ambillah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya"* (Surah al-Nisa' ayat 4).

> *"... dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orangorang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang memintaminta dan (memerdekakan) hamba sahaya" (Surah al-Baqarah ayat 177).*

Ciri-Ciri Hibah.

(i) Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak.

(ii) Harta yang boleh dihibah ialah ain harta, bukannya hutang atau manfaat.

(iii) Akad hibah dibuat tanpa mengenakan sebarang balasan (iwad).

(iv) Akad hibah berkuat kuasa semasa hidup pemberi hibah.

(v) Ia dibuat secara sukarela tanpa paksaan.

(vi) Akad dibuat bukan bertujuan untuk mendapat pahala atau memuliakan seseorang tertentu.

Rukun Hibah Dan Syarat-Syaratnya.

Sesuatu akad hibah tidak akan terbentuk melainkan setelah memenuhi rukun dan syarat seperti berikut:

(i) Pemberi hibah (al-Wahib).

Pemberi hibah hendaklah seorang yang berkeahlian seperti sempurna akal, baligh dan rushd. Pemberi hibah mestilah tuan punya barang yang dihibahkan. Oleh kerana pemilik harta mempunyai kuasa penuh ke atas hartanya, hibah boleh dibuat tanpa had kadar serta kepada sesiapa yang disukainya termasuk kepada orang bukan Islam, asalkan maksudnya tidak melanggar hukum syarak.

(ii) Penerima hibah (al-Mawhub lahu).

Penerima hibah boleh terdiri daripada sesiapa sahaja asalkan dia mempunyai keupayaan memiliki harta sama ada mukallaf atau bukan mukallaf. Sekiranya penerima hibah bukan mukallaf seperti masih belum akil baligh atau kurang upaya, hibah boleh diberikan kepada walinya atau pemegang amanah bagi pihaknya. Penerima hibah mestilah menerima harta yang dihibahkan dan berkuasa memegangnya. Dengan kata lain, penguasaan dan kawalan terhadap harta mestilah diberikan kepada penerima hibah.

(iii) Barang atau harta yang dihibahkan (al-Mawhub).

Barang atau harta yang hendak dihibahkan itu perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

☐ Ia hendaklah barang atau harta yang halal.

☐ Ia hendaklah sejenis barang atau harta mempunyai nilai di sisi syarak.

☐ Barang atau harta itu milik pemberi hibah.

☐ Ia boleh diserah milikkan.

☐ Ia benar-benar wujud semasa dihibahkan. Contohnya, tidak sah hibah barang yang belum ada seperti menghibahkan anak lembu yang masih dalam kandungan atau hibah hasil padi tahun hadapan sedangkan masih belum berbuah dan sebagainya.

☐ Harta itu tidak bersambung dengan harta pemberi hibah yang tidak boleh dipisahkan seperti pokok-pokok, tanaman dan bangunan yang tidak termasuk tanah. Mengikut mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali, hibah terhadap harta yang berkongsi yang tidak boleh dibahagikan adalah sah hukumnya. Dalam Islam, barang yang masih bercagar (seperti rumah) boleh dihibahkan jika mendapat keizinan dari penggadai atau peminjam.

(iv) Sighah iaitu ijab dan Kabul.

Sighah hibah merupakan lafaz atau perbuatan yang membawa makna pemberian dan penerimaan hibah. Ia tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

☐ Ada persambungan dan persamaan di antara ijab dan qabul.

☐ Tidak dikenakan syarat-syarat tertentu.

☐ Tidak disyaratkan dengan tempoh masa tertentu. Hibah yang disyaratkan dengan tempoh tertentu seperti yang berlaku dalam al-ʻumra dan al-ruqba adalah sah hukumnya tetapi syarat tersebut adalah terbatal.

Di antara contoh lafaz ijab secara terang (sarih) ialah seperti kata pemberi *"Aku berikan barang ini kepadamu"* atau secara kinayah seperti kata pemberi *"Aku telah menyerahkan hak milik kepadamu"* atau *"Aku jadikan barang ini untukmu".* Sementara contoh lafaz qabul (penerimaan) pula ialah seperti *"aku terima", "aku redha"* dan sebagainya.

Dalam undang-undang Islam, sesuatu hibah itu sudah sah dengan adanya ijab dan qabul dengan perkataan atau apa-apa cara yang membawa erti memberi milik harta tanpa balasan (*ʻiwad*). Mengikut mazhab Maliki dan Syafie, penerimaan (*qabul*) itu hendaklah diambilkira

dalam menentukan sah atau tidaknya sesuatu hibah. Sebaliknya, golongan Hanafi menganggap bahawa ijab sahaja sudah memadai untuk menentukan sahnya sesuatu hibah itu.

Hukum Penarikan Balik atau Pembatalan Hibah.

Apabila sempurna sesuatu akad hibah dengan memenuhi rukun dan syaratnya serta berlaku penyerahan dan penerimaan barang (*al-qabd*), maka harta itu menjadi milik penerima hibah sekalipun tanpa balasan (*'iwad*). Namun demikian, adakah hibah berkenaan boleh ditarik balik selepas itu menjadi perselisihan di kalangan fuqaha' seperti berikut:

i. **Mazhab Hanafi :** pemberi hibah boleh tetapi makruh menarik balik hibah yang telah diberikan dan dia boleh memfasakhkan hibah tersebut walaupun telah berlaku penyerahan (*qabd*), kecuali jika hibah itu dibuat dengan balasan (*'iwad*).

ii. **Mazhab Syafie, Hanbali dan sebahagian fuqaha' Mazhab Maliki :** penarikan balik hibah boleh berlaku dengan semata-mata ijab dan qabul. Tetapi apabila disertakan dengan peyerahan dan penerimaan barang (*al-qabd*) maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik kecuali hibah yang dibuat oleh bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan usul yang lain) kepada anak-anaknya selama mana harta itu tidak ada kaitan dengan orang lain.

iii. **Imam Ahmad dan Mazhab Zahiri :** pemberi hibah tidak boleh (haram) menarik balik hibah yang telah dibuat kecuali hibah bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan usul yang lain) kepada anak-anaknya. Ini adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

> *"Orang yang menarik balik hibahnya sama seperti anjing yang memakan balik muntahnya..." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

Secara umumnya, para fuqaha' bersetuju mengenai keharusan pembatalan hibah sekiranya ia dilakukan secara redha meredhai antara pemberi dan penerima hibah atau melalui keputusan hakim. Sungguhpun Islam membenarkan penarikan balik hibah yang dibuat oleh bapa (termasuk juga ibu, datuk, nenek dan usul yang lain) kepada anak-anaknya, tetapi ia terikat dengan syarat bahawa harta tersebut masih lagi di dalam pemilikan anaknya (cucunya). Sekiranya harta itu terkeluar dari kekuasaan dan pemilikan anaknya (cucunya) seperti telah dijual, diwakaf atau dihibah kepada orang lain dan harta itu telah diterima oleh penerima hibah (orang lain), maka hibah berkenaan tidak boleh ditarik balik lagi.

Kadar Harta yang Boleh Dihibah.

Islam tidak menetapkan kadar atau had tertentu bagi harta yang hendak dihibahkan. Ini kerana harta yang hendak dihibahkan itu merupakan milik pemberi hibah, maka terpulanglah kepada pemberi hibah membuat pertimbangan terhadap kadar harta yang ingin dihibahkan. Walaupun begitu, Islam menggalakkan hibah diberikan secara adil, lebihlebih lagi jika diberikan kepada anak-anak.

Jumhur ulamak (Hanafi, Maliki dan Syafie) berpendapat bahawa **sunat** menyamakan pemberian di antara anak-anak dan pemberian yang lebih kepada salah seorang daripada mereka adalah makruh hukumnya, walaupun pemberian itu sah. Bagi Abu Yusuf, melebihkan pemberian kepada sebahagian daripada anak-anak adalah **diharuskan** jika ibu bapa tidak berniat menimbulkan bahaya kepada anak-anak yang lain. Sekiranya ibu bapa berniat sedemikian, maka menjadi kewajipan mereka menyamakan pemberian tersebut.

Menurut Mazhab Hanbali, keadilan dalam pemberian hibah kepada anak-anak merupakan perkara yang wajib. Manakala menurut Imam Malik, tidak boleh memberi hibah semua harta kepada sesetengah anaknya dan tidak kepada yang lain.

Menurut pendapat Hanafi, Syafie, Maliki dan Abu Yusuf, cara pemberian harta yang adil kepada anak-anak semasa hayat ialah dengan cara menyamakan pemberian tersebut tanpa membezakan di antara anak lelaki dan anak perempuan. Sebaliknya, golongan Hanbali dan Muhammad bin Hassan al-Shaybani berpendapat bahawa keadilan yang dikehendaki dalam pemberian adalah mengikut kadar mereka dalam pembahagian harta pusaka, iaitu bahagian anak lelaki menyamai dua bahagian anak perempuan.

Aplikasi Hibah Di Malaysia.

Di Malaysia, tiada peruntukan khusus mengenai undang-undang hibah yang dikanunkan. Ini bermakna Dewan Perundangan Negeri dan Parlimen (bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan) tidak pernah meluluskan statut khusus mengenai hibah orang Islam untuk dilaksanakan di Mahkamah-mahkamah Syariah. Setakat yang ada hanyalah peruntukan yang menjelaskan tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah mengenainya termasuk dalam Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa:

> *"Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkhawinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau*

hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, mengadakan dan menghukum kesalahankesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu".

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa hibah adalah sebahagian daripada perkara negeri yang diletakkan di bawah pentadbiran agama Islam di setiap negeri dan secara langsung ia terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Sehubungan itu, Seksyen 46(2)(b)(v) dan (vi), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) memperuntukkan:

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-
(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan-

(v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut seseorang si mati Islam;

(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilaian wang, oleh seseorang Islam;

Penggunaan perkataan "alang" sama ada semasa *marad-al-maut* atau semasa hidup dan "penyelesaian yang dibuat tanpa balasan" adalah merujuk kepada hibah atau pemberian. Penggunaan perkataan yang sama dapat dilihat di negeri-negeri lain seperti Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Johor, Perak, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Sementara itu, Negeri Sembilan menggunakan perkataan "hibah", Pahang dan Perlis menggunakan perkataan "pemberian" dan Kelantan menggunakan perkataan "alang hayat".

Daripada peruntukan di atas, didapati pelaksanaan hibah bukan sahaja diperuntukkan di dalam undang-undang di Malaysia semasa hidup pemberi hibah, malah hibah semasa *marad al-mawt* juga ada diperuntukkan. Kes-kes hibah di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia, selalunya melibatkan pengesahan hibah, pertikaian takat atau kadar hibah dan penarikan balik hibah.

7.3 Wasiat

Definisi.

Dari **segi bahasa**, wasiat berasal daripada perkataan *'wassa'* yang bererti memerintahkan, menasihatkan, menjanjikan atau pemberian harta selepas mati. Ahli-ahli fiqh mazhab Syafie berpendapat bahasa ia berasal daripada kata sifat *'wassa'* yang bererti menghubungkan atau menyampaikan. Ia bermaksud menghubungkan atau menyampaikan kebaikan yang dilakukan oleh seseorang semasa hidupnya dengan ganjaran pahala selepas dia meninggal dunia.

Manakala wasiat dari **segi istilah** pula ialah pemberian atau sumbangan oleh seseorang kepada orang atau pihak lain setelah dia meninggal dunia sama ada perkataan wasiat itu diucapkan atau tidak. Menurut mazhab Syafie, wasiat ialah pemberian suatu hak yang boleh

dilaksanakan selepas berlakunya kematian pewasiat sama ada dengan menggunakan lafaz atau tidak. Manakala menurut Abdul Karim Zaydan, wasiat ialah memberi milik kepada seseorang secara sukarela yang dilaksanakan selepas kematian pewasiat sama ada benda atau manfaat. Ada juga fuqaha' yang mentakrifkan wasiat sebagai suatu pemberian oleh seseorang kepada pihak yang lain sama ada benda, hutang atau manfaat untuk dimilik oleh penerima wasiat akan pemberian tersebut selepas kematian pewasiat.

Dalil pensyariatan.

Wasiat disyariatkan melalui nas al-Quran, hadis, amalan sahabat dan ijmak. Pada peringkat permulaan Islam, seseorang itu diperintahkan berwasiat kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat yang terdekat sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

> *"Diwajibkan atas kamu, apabila seseorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, (hendaklah ia) berwasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabatnya dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa".* (Surah al-Baqarah : 180)

Firman Allah S.W.T lagi yang bermaksud:

> *"Hai orang-orang yang beriman, apabila salah seorang kamu menghadapi kamatian, sedang dia akan berwasiat, maka hendaklah (wasiat itu) disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu atau dua orang yang berlainan agama dengan kamu, jika kamu dalam perjalanan di muka bumi lalu kamu ditimpa bahaya kematian".* (Surah al-Ma'idah : 106)

Terdapat juga hadis-hadis yang menggalakkan seseorang itu membuat wasiat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

> *"Tiada hak (patut) bagi seorang muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan dibiarkan hingga dua malam melainkan wasiatnya itu tertulis di sisinya"* (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Hadis ini jelas bahawa langkah berhati-hati perlu dilakukan iaitu dengan menulis wasiat kerana seseorang itu tidak tahu bila ajalnya kan tiba. Kemungkinan kelalaiannya boleh mengakibatkan segala hajatnya tidaka akan tercapai.

Hukum berwasiat.

(i) **Wajib :** jika terdapat tanggungjawab syarie yang perlu dilaksanakan seperti zakat dan haji dan dia bimbang harta berkenaan habis jika tidak diwasiatkan. Begitu juga, jika berkaitan dengan hutang dan wadiah sekiranya pemilik sebenar tidak dikenali oleh orang lain.

(ii) **Sunat :** jika berwasiat untuk kaum kerabat yang memerlukan sedangkan mereka tidak berhak mendapat harta pusaka. Begitu juga berwasiat kepada orang miskin dan untuk tujuan kebajikan pada jalan Allah.

(iii) **Harus :** jika berwasiat kepada sahabat handai atau orang kaya yang mana mereka bukan dari golongan yang berilmu dan beramal soleh.

(iv) **Makruh :** jika pewasiat seorang yang kurang berada dan mempunyai waris-waris yang ramai serta memerlukan harta.

(v) **Haram :** jika berwasiat kepada perkara yang haram.

Kadar harta yang boleh diwasiatkan.

Kadar harta yang boleh diwasiatkan oleh pewasiat menurut ketentuan syarak adalah setakat **1/3 sahaja** daripada harta bersih peninggalannya yang masih ada pada waktu kematiannya setelah digunakan untuk belanja pengebumiannya dan penunaian hutang-hutangnya jika ada yang menjadi tanggungan pewasiat. Oleh itu, wasiat yang melebihi kadar 1/3 harta pewasiat adalah tidak sah kecuali waris-waris bersetuju dengan kadar yang lebih itu. Jika waris-waris bersetuju, maka wasiat lebih daripada 1/3 adalah sah, dan jika mereka tidak bersetuju maka wasiat hanya sah setakat 1/3 sahaja dalan lebihan daripada itu menjadi harta pusaka. Jika pewasiat tidak mempunyai waris, maka menurut pendapat Mazhab Hanafi wasiat yang melebihi 1/3 harta adalah sah. Tetapi menurut pendapat jumhur, wasiat yang melebihi kadar 1/3 adalah tidak harus secara mutlak kerana ia melibatkan hak orang Islam.

Mengenai masalah kadar sebenar harta yang ada pada pewasiat sama ada diketahui atau sebaliknya atau termasuk harta pertambahan yang diperolehi yang tidak diketahui oleh pewasiat, terdapat perselisihan di kalangan fuqaha' iaitu menurut jumhur fuqaha' termasuk Mazhab Syafie dan Hanafi, pewasiat tidak disyaratkan mengetahui kadar sebenar harta yang ada pada masa ia melakukan wasiat kerana harta sebenar yang diambil kira adalah harta yang ada pada waktu kematiannya.

Kesan positif daripada sekatan berwasiat hanya sekadar 1/3 sahaja daripada harta peninggalan pewasiat adalah untuk memelihara kebajikan waris-waris pewasiat yang berhak ke atas harta peninggalan tersebut. Ini ialah kerana berkemungkinan sama ada secara sedar atau tidak pewasiat akan menafikan harta peninggalannya kepada waris-waris yang berhak dengan melepaskan kesemua hartanya atau mengurangkan bahagian mereka hingga menjejaskan kadar bahagian mereka.

Wasiat yang tidak dijelaskan kadar sebenar yang sepatutnya diterima oleh penerima wasiat dan gagal mendapatkan penjelasan yang sebenar daripada kenyataan pewasiat maka menurut Mazhab Syafie, Hanafi dan

Hanbali terpulanglah kepada waris-waris pewasiat untuk menentukan kadar yang sebenar.

Walaupun telah ditetapkan kadar maksima harta yang boleh diwasiatkan adalah 1/3 tetapi para sahabat dan para fuqaha' bersetuju bahawa kadar sebaik-baiknya untuk berwasiat adalah tidak melebihi kadar maksimum tersebut. Ini adalah bersandarkan kepada beberapa hadis berkaitan wasiat yang menekankan bahawa berwasiat dengan kadar 1/3 adalah banyak dan menurut hadis yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Waqqas dan Sa'ad bin Malik bahawa Rasulullah s.a.w menyatakan bahawa kadar 1/3 itu adalah banyak.

Para sahabat sendiri umpamanya Saidina Abu Bakar dan Saidina Ali tidak berwasiat dengan kadar 1/3 di mana masing-masing berwasiat hanya sekadar 1/5 daripada harta mereka dan begitu juga dengan Saidina Umar yang berwasiat dengan kadar 1/4 bahagian daripada hartanya. Menurut Qatadah, sebaik-baik berwasiat adalah dengan kadar 1/5 bahagian harta dan demikian juga pendapat ahli-ahli fiqh Basrah. Menurut al-Sha'bi, kebanyakan ulama' cenderung dengan kadar 1/4 dan 1/5 daripada bahagian harta sahaja.

Rukun Dan Syarat-Syarat Wasiat.

(i) Pewasiat (Musi).

Pewasiat hendaklah seorang yang mukallaf (baligh dan berakal), merdeka dan dengan pilihan sendiri serta pemilik kepada harta yang diwasiatkan.

(ii) Penerima wasiat (Musa lahu).

Penerima wasiat hendaklah diketahui (kecuali untuk perkara kebajikan), wujud pada masa kematian pewasiat, berkeahlian memiliki harta dan bukan waris mengikut pendapat jumhur ulama' (Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali). Penerima wasiat juga boleh terdiri daripada golongan fakir miskin, ulamak, masjid, sekolah dan sebagainya yang berbentuk umum dan tidak dikhususkan, tetapi wasiat tersebut bukanlan bertujuan maksiat.

(iii)Harta yang diwasiatkan (Musa bihi).

Harta yang diwasiatkan sama ada harta alih atau tak alih atau manfaat yang bernilai di sisi syarak, boleh dipindah milik selepas kematian pewasiat dan wujud dalam milikan pewasiat (jika ditentukan) atau wujud semasa kematian pewasiat (jika tidak ditentukan).

(iv) Sighah (Ijab dan Qabul).

Sighah wasiat boleh berlaku sama ada secara sarih atau kinayah dan sama ada melalui lisan, tulisan atau isyarat. Antara syarat sighah adalah seperti berikut:

☐ Qabul atau penerimaan dianggap sah jika dibuat selepas kematian pemberi wasiat. Penerimaan atau penolakan yang dibuat pada masa hidup pemberi wasiat tidak dikira.

☐ Penerimaan oleh penerima wasiat tidak disyaratkan dengan segera apabila telah berlaku kematian pemberi wasiat.

☐ Sesuatu wasiat itu tidak memerlukan penerimaan sekiranya ia untuk pihak yang umum yang tidak ditentukan seperti wasiat untuk fakir miskin dan ulamak.

☐ Jika wasiat itu untuk seseorang yang khusus atau orang-orang yang tertentu yang terhad bilangannya maka disyaratkan penerimaan atau persetujuan penerima wasiat sebagai bukti penerimaan kerana ada kemungkinan penerima wasiat menolak wasiat tersebut. Jika berlaku penolakan daripada penerima wasiat maka dikatakan wasiat itu batal.

☐ Pewasiat boleh meletakkan syarat dalam wasiatnya tetapi hendaklah tidak menyalahi syarak. Pemberi wasiat boleh berwasiat kepada bayi yang masih dalam kandungan dengan syarat bayi tersebut wujud pada masa wasiat itu dibuat dan bayi itu hendaklah dilahirkan hidup.

☐ Sekiranya penerima wasiat meninggal dunia selepas pewasiat tetapi belum sempat menyatakan sama ada menerima atau menolak wasiat tersebut, maka waris penerima wasiat boleh sama ada menerima atau menolak wasiat tersebut.

Jenis Wasiat.

(i) Wasiat Mutlak.

Wasiat mutlak ialah wasiat yang dilakukan dengan bebas atau tidak terikat dengan syarat-syarat tertentu yang dikenakan ke atas harta diwasiatkan yang mungkin diletakkan oleh pemberi wasiat. Oleh itu, mengikut Mazhab Syafie dan Hanbali, kesan dari wasiat mutlak ini ialah ia akan berkuatkuasa selama-lamanya.

(ii) Wasiat Bersyarat.

Wasiat bersyarat ialah wasiat yang mengandungi syarat-syarat tertentu yang dikenakan oleh pewasiat. Para fuqaha' bersependapat bahawa sah syarat-syarat diletakkan dalam wasiat asalkan ia tidak menyalahi syarak sama ada dari sudut harta, tujuan atau cara mengerjakan syarat-syarat yang dikenakan dan hendaklah wasiat itu membawa kebaikan kepada penerima, pewasiat atau selainnya.

Oleh itu, wasiat yang mempunyai syarat-syarat yang sah akan mengikat penerima dan terpulang kepada penerima wasiat sama ada menerima wasiat yang berserta syarat-syaratnya atau menolak wasiat tersebut. Sekiranya syarat-syarat yang terkandung di dalam wasiat bersyarat ini adalah sah di sisi syarak tetapi tidak dipenuhi oleh penerima wasiat maka kesannya ialah wasiat itu menjadi batal.

(iii) Wasiat Am.

Wasiat am adalah wasiat yang dibuat berbentuk umum seperti kepada penduduk sesebuah kampung atau bandar. Wasiat yang berbentuk

sedemikian adalah merangkumi kesemua ahli penduduk tempat tersebut sama ada Islam ataupun kafir. Adapun bilangan yang paling minimum penerima sesuatu wasiat yang umum yang ditujukan kepada kumpulan yang ramai seperti penduduk sesuatu tempat maka memadai dengan tiga orang mewakili kumpulan yang ramai tersebut menurut pendapat Imam Syafie. Namun terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha' Mazhab Hanafi, Abu Yusuf mengatakan adalah memadai sekiranya wasiat itu diberikan kepada seorang daripada kumpulan yang ramai itu, sedangkan Muhammad Hassan al-Shaybani pula menyatakan hendaklah sekurangkurangnya diberikan kepada dua orang daripada mereka.

Jika pewasiat menyatakan golongan penerima wasiat tidak jelas iaitu hanya secara umum sahaja seperti mewasiatkan kepada fakir miskin maka menurut pendapat Imam Syafie harta yang diwasiatkan itu hendaklah digunakan untuk kepentingan fakir miskin di tempat harta itu berada. Harta yang diwasiatkan itu boleh diberikan kepada daerah atau negeri lain yang berdekatan sekiranya harta itu terlalu banyak dan penduduk di kawasan tersebut menerima bahagian yang memadai dan mencukupi untuk keperluan hidup mereka.

(iv) Wasiat Khas.

Wasiat khas adalah wasiat yang dikhususkan untuk pihak tertentu. Terdapat kemungkinan pewasiat dalam berwasiat kepada seseorang yang tertentu membuat perbandingan kadar yang hendak diwasiatkan dengan kadar yang sepatutnya diterima oleh salah seorang waris pewasiat. Sebagai contoh, pewasiat mewasiatkan supaya memberikan hartanya kepada seseorang tertentu dengan kadar yang sama banyak dengan kadar anak lelakinya. Dalam kes ini, maka perlu dipastikan pewasiat ada meninggalkan anak atau tidak, jantina anak dan jumlah anaknya. Menurut pendapat Imam Syafie, Imam Hanafi, al-Sha'bi, al-Nakha'i dan al-Thawri, sekiranya pewasiat mewasiatkan bahagian anak lelakinya sedangkan ia mempunyai seorang sahaja anak maka kadar pemberian wasiat yang dibenarkan ialah

1/2 bahagian harta tetapi jika anaknya tidak bersetuju dengan lebihan kadar wasiat yang dibenarkan itu maka wasiat itu hanya sah setakat 1/3 bahagian sahaja. Seterusnya, jika diwasiatkan dengan kadar bahagian anak-anaknya dan pewasiat hanya ada dua orang anak sahaja maka penerima wasiat berhak mendapat 1/3 bahagian harta sahaja.

Namun begitu, sekiranya pewasiat mempunyai seorang anak lelaki dan seorang perempuan dan pewasiat berwasiat menyatakan supaya diberikan kepada penerima wasiat sebagaimana bahagian salah seorang anaknya maka di sini penerima wasiat berhak menerima kadar bahagian harta yang diterima oleh anak perempuan kerana itu adalah kadar yang terendah yang boleh diberikan kepadanya.

Dan sekiranya pewasiat mewasiatkan dengan kadar bahagian anaknya sedangkan anaknya kafir, pembunuh atau sebagainya yang terdinding secara langsung (hirman) daripada menerima harta wasiat maka wasiat yang sedemikian adalah batal kerana harta itu diwasiatkan seperti bahagian mereka yang tidak berhak mendapat bahagian daripada harta pusaka**.**

Pembatalan Wasiat.

(i) Pewasiat hilang keahlian seperti gila yang berterusan.

Mazhab Hanafi berpendapat bahawa wasiat terbatal disebabkan pewasiat gila, sama ada gila itu berterusan sehingga pewasiat meninggal dunia atau tidak. Manakala, menurut pendapat jumhur, wasiat tidak terbatal disebabkan pewasiat gila, sama ada gila itu berterusan sehingga pewasiat meninggal dunia atau tidak. Ini kerana, pewasiat mempunyai keahlian semasa melakukan wasiat dan hilangnya keahlian selepas itu seperti gila tidak menyebabkan wasiat yang dilakukannya semasa dia waras terbatal.

(ii) Pewasiat murtad.

Mazhab Syafie dan Hanafi berpendapat bahawa wasiat terbatal disebabkan pewasiat murtad dan dia meninggal dunia dalam keadaan murtad. Begitu

juga, penerima wasiat murtad boleh menyebabkan wasiat terbatal menurut pendapat mazhab Maliki. Walau bagaimanapun, menurut pendapat mazhab Hanbali wasiat yang dilakukan itu masih lagi sah walaupun pewasiat murtad.

(iii)Menggantungkan wasiat dengan sesuatu syarat yang tidak berlaku.

Contohnya, seseorang berkata: *"Jika aku meninggal dunia disebabkan sakitku ini atau jika aku meninggal dunia dalam pengembaraanku ini maka aku berikan kepada pulan sekian banyak hartaku".* Kemudian selepas itu pewasiat tersebut tidak meninggal dunia, maka wasiat yang dilakukannya itu terbatal kerana syarat tersebut tidak berlaku.

(iv) Penarikan balik wasiat.

Penarikan balik wasiat yang telah dilakukan oleh pewasiat adalah hak dan keistimewaannya yang boleh dibuat pada bila-bila masa yang dikehendakinya, sama ada ke atas semua atau sebahagian dari harta yang diwasiatkan. Ini kerana wasiat yang dilakukan itu merupakan suatu akad yang tidak lazim dan dianggap belum sepenuhnya berkuatkuasa selama pewasiat masih hidup serta pemberian wasiat juga merupakan perbuatan sukarela.

Penarikan balik wasiat boleh dilakukan secara terang-terangan seperti pewasiat mengatakan *"aku batalkan wasiatku itu"*, *"aku hapuskan wasiatku itu"*, *"harta ini untuk warisku atau sebagai harta pusaka"* atau seumpamanya. Selain itu, penarikan balik juga boleh berlaku secara diam-diam yang akan membawa kesan yang sama seperti penarikan secara terangterangan. Contohnya, pewasiat menjual atau memberikan harta itu kepada orang lain atau pewasiat mengubah sifat harta yang diwasiatkan seperti kain yang diwasiatkan itu dijadikan baju atau sebagainya lagi sehingga hilang nama asal benda yang diwasiatkan itu. Sebaliknya, jika

hanya berlaku perubahan kepada harta berkenaan seperti pertambahan maka ia tidak dianggap pewasiat telah menarik balik wasiatnya.

(v) Penolakan wasiat.

Wasiat juga terbatal jika sekiranya penerima wasiat menolak atau tidak mahu menerimanya selepas kematian pewasiat.

(vi) Penerima wasiat meninggal dunia sebelum pewasiat.

Keempat-empat Mazhab Sunni bersependapat bahawa wasiat terbatal disebabkan kematian penerima wasiat sebelum pewasiat meninggal dunia. Ini kerana wasiat hanya boleh berlaku selepas kematian pewasiat dan penerima wasiat menerima wasiat tersebut. Begitu juga, wasiat terbatal jika penerima wasiat meninggal dunia selepas kematian pewasiat, sedangkan penerima wasiat belum sempat menerimanya menurut pendapat jumhur kecuali Mazhab Hanafi.

(vii) Penerima wasiat membunuh pewasiat.

Menurut pendapat mazhab Hanafi dan Hambali wasiat kepada pembunuh adalah terbatal, sama ada pembunuhan itu berlaku sebelum berlaku wasiat seperti seseorang mencederakan seseorang lain dengan tujuan membunuhnya, kemudian sebelum dia meninggal dunia, dia sempat mewasiatkan hartanya kepada orang yang mencederakannya itu, atau selepas berlakunya wasiat, walaupun diizinkan oleh waris-waris tetapi wasiat tersebut tetap juga terbatal. Ini kerana mereka menyamakan halangan pewarisan dengan wasiat. Oleh itu, bentuk pembunuhan yang menyebabkan terbatalnya wasiat menurut kedua-dua mazhab ini adalah sama seperti halangan pewarisan.

Walau bagaimanapun, Mazhab Syafie, Maliki dan Shiah Imamiyyah berpendapat bahawa wasiat tersebut tidak terbatal walaupun pembunuhan itu secara sengaja atau bertujuan untuk mempercepatkan kematian pewasiat supaya dia mendapat harta yang diwasiatkan itu dengan segera.

Ini kerana wasiat merupakan suatu akad pemilikan sama seperti hibah dan ia berlainan dengan pewarisan.

(viii) Berlaku kerosakan terhadap harta yang diwasiatkan.
Wasiat terbatal jika harta yang dinyatakan di dalam wasiat itu rosak sebelum berlaku penerimaan.

7.5 Faraid

Faraid ialah kadar harta yang telah ditentukan oleh syarak untuk diberikan kepada waris si mati. Terdapat lima perkara yang perlu disempurnakan sebelum harta peninggalan si mati dibahagi-bahagikan kepada waris-warisnya, iaitu:

(i) Kewajipan yang belum ditunaikan oleh si mati, iaitu zakat, haji, fidyh dan sebagainya.

(ii) Perbelanjaan untuk pengurusan jenazah si mati.

(iii) Melangsaikan segala hutang si mati dengan harta peninggalannya itu.

(iv) Menyelesaikan tuntutan harta sepencarian pasangan.

(v) Wasiat-wasiat si mati yang tidak melebihi 1/3 daripada harta peninggalannya.

Baki daripada harta tersebut akan menjadi harta pusaka setelah lima perkara di atas disempurnakan dan ia boleh dibahagi-bahagikan kepada waris si mati mengikut kaedah pembahagian yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT maksudnya:

"(Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayarkan hutangnya…" (Surah An-Nisa' : 11)

Definisi waris.

Waris ialah orang yang berhak mendapat harta peninggalan si mati yang mempunyai hubungan seperti keturunan, pernikahan, atau si mati itu bekas hambanya. Firman Allah SWT maksudnya :

"Orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang perempuan pula ada bahagian pesaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak daripada yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)". (Surah An-Nisa': 7)

Syarat-syarat menerima harta pusaka.

Terdapat tiga syarat bagi membolehkan menerima harta pusaka iaitu:

(i) Si mati telah disahkan kematiannya.

(ii) Waris yang bakal menerima pusaka itu masih hidup. Anak yang masih dalam kandungan juga turut berhak menerima pusaka tersebut. Sabda Rasulullah SAW maksudnya:

"Apabila menangis anak yang baru lahir, dia mendapat pusaka". (Riwayat Abu Daud)

Mempunyai kelayakan menerima pusaka atas sebab keturunan, pernikahan atau si mati tersebut ialah bekas hambanya. Sabda Nabi Muhammad SAW maksudnya:

"Hubungan orang yang memerdekakan hamba dengan hamba itu, seperti hubungan turunan dengan turunan tidak dijual dan tidak dibelikan". (Riwayat Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibban dan Hakim)

Halangan menerima pusaka.

Seseorang waris itu terhalang daripada menerima pusaka si mati disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

(i) Membunuh si mati yang meninggalkan pusaka tersebut. Sabda Nabi Muhammad SAW maksudnya:

> *"Yang membunuh tidak mewarisi daripada yang dibunuhnya".* *(Riwayat An-Nasa'i)*

(ii) Berlainan agama. Sabda Nabi Muhammad SAW maksudnya:

> *"Orang Islam tidak mewarisi orang yang bukan Islam, demikian pula yang bukan Islam tidak mewarisi orang Islam".* (*Riwayat Jamaah)*

(iii) Perhambaan. Firman Allah SWT maksudnya:

> *"……seorang hamba abdi yang menjadi milik orang, yang tidak berkuasa melakukan dengan bebasnya sesuatupun…" (Surah An-Nahl: 75)*

Golongan yang layak menerima pusaka.

Orang yang layak menerima pusaka (waris) ialah 25 orang, iaitu 15 lelaki dan 10 perempuan.

a) Waris lelaki:

i. Anak lelaki.

ii. Cucu lelaki dan ke bawah.

iii. Bapa.

iv. Datuk sebelah bapa dan ke atas (moyang).

v. Abang dan adik sekandung.

vi. Abang dan adik sebapa.

vii. Abang dan adik seibu.

viii. Anak daripada saudara lelaki seibu sebapa.

ix. Anak daripada saudara lelaki sebapa.

x. Bapa saudara seibu sebapa.

xi. Bapa saudara sebapa.

xii. Sepupu lelaki seibu sebapa.

xiii. Sepupu lelaki sebapa.

xiv. Suami.

xv. Lelaki yang memerdekakan hamba.

Antara 15 orang yang dinyatakan ini, jika terkumpul semuanya, **hanya 3 orang sahaja yang mewarisi pusaka** tersebut iaitu:

i. Suami.

ii. Anak lelaki.

iii. Bapa.

b) Waris perempuan:

i. Anak perempuan.

ii. Cucu perempuan dan ke bawah (daripada anak lelaki).

iii. Ibu.

iv. Nenek sebelah ibu dan ke atas (moyang,buyut).

v. Nenek sebelah bapa dan ke atas (moyang,buyut).

vi. Kaka dan adik seibu sebapa.

vii. Kakak dan adik sebapa.

viii. Kakak dan seibu.

ix. Isteri.

x. Perempuan yang memerdekakan hamba.

Antara 10 orang yang dinyatakan ini, jika terkumpul semuanya **hanya 5 orang sahaja yang mewarisi pusaka** tersebut iaitu:

i. Isteri.

ii. Anak perempuan.

iii. Ibu.

iv. Kakak dan adik perempuan sekandung.

v. Cucu perempuan dari anak lelaki.

Antara 25 orang yang disenaraikan di atas, jika terkumpul semuanya **hanya 5 orang sahaja yang mewarisi pusaka** tersebut iaitu:

i. Suami atau isteri.

ii. Bapa.

iii. Ibu.

iv. Anak lelaki.

v. Anak perempuan.

Penentuan Ahli-ahli Waris Dan Kadarnya9.

Ashab Al-Furud ialah ahli-ahli waris yang telah ditetapkan bahagian atau saham mereka dalam pembahagian pusaka menurut al-Qur'an, as-Sunnah dan ijmak. *Ashab Al-Furud* terdiri daripada 12 golongan iaitu suami, isteri, ibu, bapa, datuk (bapa kepada bapa), nenek (ibu kepada ibu dan ibu kepada bapa), anak perempuan, anak perempuan kepada anak lelaki (cucu perempuan), saudara perempuan seibu sebapa, saudara perempuan sebapa, saudara perempuan seibu dan dan saudara lelaki seibu. Golongan *Ashab Al-Furud* merupakan ahli waris yang paling utama dan didahulukan dalam pembahagian dan penerimaan harta pusaka berbanding ahli waris asabah dan *dhawi al-arham*. Ahli-ahli waris *Ashab Al-Furud* terbahagi kepada tiga golongan, iaitu:

i. **Ahli waris utama** yang terdiri daripada suami, isteri, ibu, bapa dan anak perempuan. Mereka tidak digugurkan dari menerima pusaka secara mutlak.

ii. **Ahli waris gantian** yang terdiri daripada datuk, nenek dan anak perempuan kepada anak lelaki. Ahli-ahli waris ini akan menggantikan tempat ahli waris utama dalam menerima pusaka seperti datuk menggantikan tempat bapa, nenek menggantikan tempat ibu dan anak perempuan kepada anak lelaki menggantikan tempat anak perempuan.

iii. **Ahli waris sisian (*hawasyi*)** yang terdiri daripada saudara perempuan seibu sebapa, saudara perempuan sebapa dan saudara lelaki dan perempuan seibu.

Ahli waris *ashab al-furud* akan menerima salah satu bahagian atau fardu berikut, iaitu 1/2, 1/4, 1/8, 1/6, 1/3, 2/3 atau 1/3 baki.

a) Suami : Mendapat 1/2 jika isteri (si mati) tidak mempunyai anak(lelaki atau perempuan)atau cucu ke bawah, atau 1/4 jika si mati mempunyai anak (lelaki atau perempuan) atau cucu ke bawah.

b) Isteri : Mendapat 1/4 jika si mati (suami) tidak mempunyai anak (lelaki atau perempuan) atau cucu ke bawah, atau 1/8 jika si mati mempunyai anak (lelaki atau perempuan) atau cucu ke bawah.

c) Bapa : Mendapat 1/6 jika si mati mempunyai anak lelaki atau anak lelaki kepada anak lelaki atau ke bawah, atau 1/6 dan asabah jika si mati mempunyai anak perempuan, atau asabah jika si mati tidak mempunyai anak(lelaki atau perempuan), anak perempuan kepada anak lelaki atau ke bawah.

d) Datuk (bapa kepada bapa) : Kedudukan datuk sama seperti bapa, tetapi datuk tidak akan mewarisi harta pusaka selagi ada bapa kerana datuk didinding oleh bapa. Datuk akan mendapat 1/6 atau 1/6 dan asabah atau asabah iaitu sama seperti bapa.

e) Ibu : Mendapat 1/6 jika si mati mempunyai anak, atau anak perempuan kepada anak lelaki atau ke bawah, atau mempunyai beberapa orang saudara(lelaki atau perempuan); atau 1/3 daripada keseluruhan harta pusaka jika si mati tidak mempunyai ahli-ahli waris tersebut di atas; atau 1/3 baki jika si mati meninggal salah seorang suami atau isteri dan bapa tanpa ahli waris yang lain (iaitu dalam kes Umariyyatain sahaja).

f) Nenek : Nenek tidak akan mewarisi harta selagi mempunyai ibu. Nenek hanya mendapat 1/6 sama ada seorang atau lebih.

g) Anak perempuan : Mendapat 1/2 jika seorang, 2/3 jika dua orang atau lebih atau mendapat asabah bi al-ghayr ketika bersama-sama dengan anak lelaki. Anak lelaki mendapat dua bahagian anak perempuan.

h) Anak perempuan kepada anak lelaki : Mendapat 1/2 jika seorang; 2/3 jika dua orang atau lebih, 1/6 jika bersama-sama seorang anak perempuan; mendapat asabah bi al-ghayr ketika bersama-sama dengan anak lelaki kepada anak lelaki atau terdinding oleh anak lelaki atau oleh dua orang anak perempuan, kecuali jika terdapat anak lelaki kepada anak lelaki yang sama-sama menerima asabah bi al-ghayr.

i) Saudara perempuan seibu sebapa : Mendapat 1/2 jika seorang; 2/3 jika dua orang atau lebih; asabah bi al-ghayr ketika bersama saudara lelaki seibu sebapa; asabah ma'a al-ghayr ketika bersama-sama anak perempuan atau anak perempuan kepada anak lelaki atau bersama kedua-duanya; atau terdinding oleh anak lelaki atau cucu lelaki atau ke bawah.

j) Saudara perempuan sebapa : Mendapat 1/2 jika seorang; 2/3 jika dua atau lebih; 1/6 jika bersama dengan seorang saudara perempuan seibu sebapa; asabah bi alghayr jika bersama saudara lelaki sebapa; asabah ma'a al-ghayr ketika bersama dengan anak perempuan atau anak perempuan kepada anak lelaki atau bersama kedua-duanya; atau terdinding oleh anak lelaki, cucu lelaki, bapa, saudara lelaki seibu sebapa, dua orang saudara perempuan seibu sebapa (kecuali jika ada saudara lelaki sebapa) dan oleh seorang saudara perempuan seibu sebapa ketika dia menerima *asabah ma'a alghayr.*

k) Saudara perempuan seibu : Mendapat 1/6 jika seorang atau 1/3 jika dua orang atau lebih; atau didinding oleh anak keturunan sama ada lelaki atau perempuan, bapa atau datuk.

l) Saudara lelaki seibu : Mendapat 1/6 jika seorang atau 1/3 jika dua orang atau lebih; atau didinding oleh anak keturunan lelaki atau perempuan, bapa atau datuk.

ACTIVITY

Bincangkan tentang harta alih dan harta tidak alih.

Soalan Pendek

1. Berikan definisi harta sepencarian.
2. Berikan contoh harta alih dan harta tidak alih?
3. Nyatakan ciri-ciri hibah.
4. Apakah hukum penarikan atau pembatalan hibah?
5. Berikan definisi wasiat beserta dalil pensyariatan.
6. Jelaskan hukum-hukum berwasiat beserta contoh.
7. Apakah syarat-syarat dalam penerimaan harta pusaka?
8. Nyatakan halangan-halangan menerima pusaka.

KESIMPULAN

- Harta sepencarian melibatkan harta yang dimiliki oleh suami dan isteri sepanjang perkahwinan mereka.
- Hibah merupakan satu bentuk hadiah atau cenderahati yang diberikan oleh si pemberi hibah Ketika dia masih hdup.
- Wasiat adalah satu bentukmpemberian yang akan terlaksana apabila si pemberi wasiat itu meninggal dunia.
- Faraid adalah kadar harta yang telah ditetapkan oleh syara' untuk diberikan kepada waris-waris si mati.

KATA KUNCI

hibah	**faraid**
Harta sepencarian	**Harta alih**
wasiat	**Harta tidak alih**

RUJUKAN

Mohamad Som Sujiman & Abdul Basir Mohamad (2007), Fikah Kekeluargaan, Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hlm. 191.

Yazid Haji Maarof & Mohamad Kamil Ab Majid (2015), Pembelajaran Islam Amali: Panduan Fiqh Munakahat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlmn. 201-202 .

TOPIK 8

RADHA'AH (SUSUAN), ANAK ANGKAT DAN ANAK TAK SAH TARAF.

OBEJKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar akan dapat:

1. Mengetahui tentang definisi dalil pensyariatan dan kesan radha'ah terhadap hubungan kekeluargaan.
2. Mengetahui tentang definisi anak angkat dan hak anak angkat.
3. Mengetahui tentang anak tak sah taraf dan implikasinya.

8.1 Radha'ah

Penyusuan atau *al-Ridha'* dan *al-Radha'* dari segi **bahasa** bermaksud bayi menghisap payudara ibu dan minum susunya. Sementara penyusuan dari segi **istilah syarak** pula ialah susu perempuan yang mengalir masuk ke dalam perut bayi.

Dalil pensyariatannya.

Dari segi syarak, hukum bagi seorang perempuan menyusukan bayi bukan anaknya adalah **harus** dan telah dimaklumi sebelum kedatangan Islam lagi. Islam memperakui dan tidak mengharamkannya. Ini kerana dalam sesetengah keadaan, penyusuan mempunyai kepentingan dan memenuhi keperluan tertentu. **Contohnya,** ibu kepada bayi tersebut meninggal dunia atau menghidap penyakit yang menghalang penyusuan. Dalam keadaan

ini, perempuan yang lain perlu menyusukannya demi kelangsungan hidup anak tersebut. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya". (Surah At-Talaq: 6)*

Penyusuan bayi hak ibu, bukan wajib.

Penyusuan bayi **sebagai hak** kepada ibu bermaksud seseorang ibu boleh menentukan pilihannya sendiri sama ada menyusukannya atau tidak. Jika dia memilih untuk menyusukannya, suami dan orang lain tidak berhak untuk menghalangnya. Sebaliknya, sekiranya dia tidak mahu menyusukannya, suami hendaklah mencari ibu susuan untuk menyusukan anak tersebut.

Sementara penyusuan bayi, **wajib kepada ibu** bermaksud seseorang ibu wajib menyusukan bayinya sama ada bersetuju atau tidak, selagi dia mampu menyusukannya tanpa keuzuran syar'ie. Fatwa dalam Mazhab As-Syafie' menyatakan bahawa, penyusuan merupakan hak ibu dan dia boleh menuntut hak menyusukan anaknya jika dia mahu. Ibu tidak wajib menyusukan anaknya melainkan jika tiada orang lain yang boleh menggantikannya. Pada ketika itu, ibu wajib menyusukan anaknya disebabkan kerana keadaan yang memaksa. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap. Iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu".* (Surah Al-Baqarah: 233)

Ayat ini telah menjelaskan bahawa penyusuan adalah hak ibu, dan bukan diwajibkan ke atasnya.

Kesimpulannya, penyusuan adalah hak ibu yang perlu diberikan jika dia menuntutnya. Ia bukannya wajib dan tidak boleh dipaksa jika dia

menolaknya kecuali sekiranya dia sahaja yang boleh menyusukannya. Ketika itu, penyusuan adalah wajib disebabkan tidak mempunyai pilihan yang lain.

Kesan penyusuan sebagai hak, bukan wajib.

(i) Suami tidak harus memaksa isterinya menyusukan anakanya dan isteri tidak wajib mematuhi paksaan suaminya. Dia tidak dianggap menderhaka dan nusyuz kecuali jika tiada perempuan yang sesuai untuk menyusukan anaknya. Jika keadaan ini berlaku, isteri wajib menyusukan anaknya demi memelihara kelangsungan hidup anak itu.

(ii) Jika isteri meminta upah penyusuan anaknya, maka suami wajib memberikannya dengan kadar yang berdasarkan kepada pandangan umum (ʻuruf). Andainya isteri meminta upah seperti hari ini, suami tidak wajib memberinya. Hak isteri menuntut upah gugur jika dia dengan rela hati menyusukan anaknya serta tidak menampakkan keinginan untuk mendapatkan upah.

Kesan penyusuan terhadap hubungan kekeluargaan.

Jika seorang perempuan menyusukan bayi yang bukan anaknya, bayi itu menjadi anak susuannya dan suaminya pula menjadi bapa susuan anak tersebut. Kesan penyusuan ini kepada hubungan kekeluargaan adalah sebagaimana berikut:

(i) Anak susuan haram berkahwin dengan ibu susuan dan keturunannya, seperti keturunan ibu sendiri. Keturunan ibu susuan yang haram dikahwini ialah:

- Saudara perempuan kepada ibu susuan kerana mereka ialah ibu saudara sebelah ibu susuan.
- Anak perempuan kepada ibu susuan kerana mereka adalah saudara susuan.

- Cucu perempuan kepada ibu susuan kerana mereka adalah anak perempuan saudara susuan.
- Ibu kepada susuan kerana dia adalah nenek susuan.

Seperti keturunan bapa sendiri, keturunan bapa susuan yang haram dikahwini adalah seperti berikut:

- Saudara perempuan kepada bapa susuan kerana mereka ialah ibu saudara sebelah bapa susuan.
- Anak perempuan kepada bapa susuan, sekalipun dengan isteri yang lain kerana mereka adalah saudara susuan.
- Cucu perempuan kepada bapa susuan kerana mereka adalah anak perempuan saudara susuan.
- Ibu kepada bapa susuan kerana dia adalah nenek susuan.

(ii) Ibu susuan dan keturunannya haram berkahwin dengan anak susuan dan keturunannya. Hal ini kerana susuan diandaikan sebagai ibu sendiri kepada anak susuan, sudah tentu mereka semua merupakan keturunan yang haram dikahwini. Sebagaimana anak susuan tidak boleh berkahwin dengan anak perempuan ibu susuan kerana dia merupakan saudara susuan. Begitu juga cucu lelaki susuan daripada anak perempuan ibu susuan bapanya kerana dia merupaka ibu saudara susuan sebelah bapa dan begitulah seterusnya.

(iii) Ibu susuan dan keturunannya harus berkahwin dengan ahli keluarga anak susuannya, seperti saudara lelaki, bapa dan bapa saudara sebelah bapa kerana mereka ialah orang asing daripada ibu susuan dan keturunannya.

Penyusuan yang menyebabkan anak susuan menjadi mahram berdasarkan Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Al-Qur'an:

> *"Dan (diharamkan juga kamu mengahwini) ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu dan saudara-saudara susuan kamu".* (Surah An-Nisa': 23)

As-Sunnah:

> *"Penyusuan menyebabkan anak susuan haram dikahwini, sebagaimana anak yang dilahirkan".* (Riwayar Al-Bukhari dan Muslim)

Ayat **Al-Qur'an** tersebut menunjukkan bahawa dengan sebab penyusuan, ibu susuan menjadi ibu kepada anak yang disusukan dan anak-anak perempuannya menjadi saudara perempuan anak susuannya. Sementara **hadith** pula menjelaskan kesan yang timbul disebabkan penyusuan, iaitu ibu susuan sama keududukannya dengan ibu sebenar.

Oleh itu, mereka termasuk dalam senarai keturunan ibu susuan atau saudara perempuan susuan yang haram dikahwini oleh anak susuan sama seperti mereka yang termasuk dalam senarai keturunan ibu kandung atau saudara perempuannya sendiri.

Syarat penyusuan yang menyebabkan anak susuan menjadi haram (tidak boleh dikahwini).

Penyusuan menyebabkan anak susuan menjadi ahli keluarga dan mahram haram dikahwini apabila memenuhi dua syarat yang berikut:

(i) Anak yang menyusu itu belum mencapai usia dua tahun.

Jika usianya melebihi dua tahun, penyusuan itu tidak menjadikannya mahram dan tidak menjadikannya ahli keluarga bagi ibu yang menyusukannya. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap. Iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu".* (Surah Al-Baqarah: 233)

Begitu juga hadith, Ad-Daraqutni meriwayatkan:

> *"Penyusuan dalam dalam lingkungan umur dua tahun"* (Riwayat Ad-Daraqutni)

Maksud bercerai dari menyusu adalah sebelum anak itu mencapai usia dua tahun, sebagaimana firman Allah SWT yang telah dinyatakan sebelum ini. Seterusnya hadith daripada A'isyah r.anha:

> *"Nabi SAW masuk menemuinya ketika dia bersama-sama seorang lelaki. Wajah Baginda berubah seolah-olah membenci keadaan ini. Lalu A'isyah berkata: "Dia ialah saudara susuanku". Baginda pun bersabda: "Pastikan siapa saudara kamu, penyusuan hanya semasa kecil berasa lapar".* (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Hadith ini menyatakan bahawa anak susuan menjadi mahram apabila penyusuan dilakukan ketika kanak-kanak itu berasa lapar kerana tidak menyusu dan berasa kenyang apabila menyusu. Hal ini tidak berlaku melainkan semasa kanak-kanak itu masih kecil.

(ii) Kanak-kanak itu disusu kenyang sebanyak lima kali.

Sesuatu penyusuan dianggap berasingan atau tidak berdasarkan pandangan umum. Jika anak tersebut berhenti menyusu kerana kenyang, ia dianggap sebagai sekali susu.

Tetapi, jika anak itu berhenti menyusu kerana bermain-main seketika kemudian menyusu semula atau bertukar tetek, maka ia juga dianggap sekali susu sahaja.

Ini berdasarkan kepada hadith daripada A'isyah r.anha:

> *"Ayat Al-Qur'an yang turun adalah 10 kali susuan yang tertentu, yang menyebabkan anak susuan mahram, kemudian dimansuhkan dengan lima kali susuan yang tertentu. Ketika Rasulullah SAW wafat, ayat yang dimansuhkan ini masih dibaca sebagai ayat Al-Qur'an".* (Riwayat Muslim)

Hadith ini menyatakan bahawa pemansuhan itu berlaku kemudian sehingga ketika Baginda SAW wafat, sebahagian orang ramai masih membacanya sebagai ayat Al-Qur'an kerana berita pemansuhan itu belum sampai kepada mereka. Di dalam hadith lain pula, daripada Ummu al-Fadhl, katanya:

> *"Tidak menjadi mahram dengan sekali atau dua kali susu, atau sekali atau dua kali nyunyut".* (Riwayat Muslim)

Syarat penyusuan yang menyebabkan anak susuan menjadi haram (tidak boleh dikahwini).

Terdapat dua hukum kepada hubungan kekeluargaan yang terjadi dengan sebab penyusuan iaitu:

(i) Perkara yang haram kerana penyusuan.

Penyusuan menjalinkan hubungan kekeluargaan disebabkan penyusuan, maka golongan yang sama daripada susur galur ibu susuan juga haram dikahwini. Sebagaimana yang diketahui, hubungan keturunan menyebabkan haram persemendaan, iaitu:

- Suami haram berkahwin dengan ibu mertua dan anak tirinya.
- Seorang lelaki haram berkahwin dengan ibu tirinya dan juga menantunya.

Justeru, jika hubungan kekeluargaan adalah dengan sebab susuan, maka hukumnya **haram persemendaan**, sama dengan hubungan keturunan. Oleh itu, suami haram berkahwin dengan ibu susuan kepada isteirnya dan anak susuan kepada isterinya.

Seorang lelaki juga haram berkahwin dengan isteri kepada bapa susuannya dan isteri kepada anak susuannya, iaitu menantu susuan. Pengharaman perkahwinan tersebut adalah disebabkan persemendaan. Hal ini berdasarkan hadith daripada Ibn Abbas r.a., sabda Rasulullah SAW:

> *Mereka yang haram dikahwini kerana keturunan, haram juga dikahwini dengan susuan".* (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

(ii) Perkara yang halal kerana penyusuan.

Semua perkara yang halal di kalangan keluarga kerana keturunan halal juga kepada keluarga kerana susuan. Antara perkara yang halal bagi lelaki kerana penyusuan ialah:

- Melihat saudara perempuan susuannya, sebagaimana saudaranya sendiri.
- Tinggal bersendirian dengannya atau khalwat yang haram antara lelaki dan perempuan yang tidak mempunyai hubungan keturunan.
- Bermusafir dengannya melebihi tiga hari.

Meskipun begitu, hukum ini tidaklah bermakna seseorang lelaki harus melihat saudara perempuan susuannya dengan berahi. Begitu juga sebaliknya kepada perempuan. Hal ini demikian kerana pandangan dengan berahi adalah haram walaupun ahli keluarga sendiri. Oleh itu, ulama' fiqh kebelakangan ini menytakan bahawa

seorang perempuan makruh meyusukan kanak-kanak yang bukan anaknya sendiri tanpa sebarang keperluan yang mendesak.

Begitu juga, makruh bagi seorang lelaki dan perempuan susuan bergaul bebas sesama mereka. Keadaan ini kerana ia berkemungkinan boleh mendorong seseorang kepada pelbagai keburukan dan perkara haram akibat lemah pegangan agama dan tidak wujud rasa kasih sayang secara semulajadi di kalangan keluarga susuan tersebut.

ISU-ISU YANG BERKAITAN SUSUAN

Isu 1: Hukum Penubuhan Bank Susu.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Penubuhan Bank Susu. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

a. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan pakar serta meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa menjaga keturunan adalah termasuk dalam lima perkara yang wajib dipelihara dalam syariat Islam. Oleh itu, apa-apa tindakan atau perbuatan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada nasab atau keturunan perlulah dielakkan.

b. Muzakarah juga berpandangan bahawa hukum penubuhan bank susu amat berkaitrapat dengan syarat-syarat pengharaman atas sebab susuan di mana bayi-bayi yang menyusu dengan seorang wanita atau lebih daripada seorang wanita akan menjadi adik beradik susuan dan perkahwinan antara mereka adalah haram apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

c. Pandangan ini adalah selaras dengan pandangan Jumhur Fuqaha' bahawa seseorang bayi itu sah sebagai anak susuan samada melalui penyusuan secara langsung dari payudara atau penyusuan secara tidak langsung. Juga berdasarkan hadith riwayat Abu Daud:

> Maksudnya:*Daripada Ibn Mas`ud berkata, tidak berlaku hukum penyusuan melainkan dengan apa yang menguatkan tulang dan menumbuhkan daging.*

d. Sehubungan itu, memandangkan penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram, dan keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam maslahah awam, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan.

e. Muzakarah juga memutuskan bahawa bagi memenuhi keperluan bayi pra-matang yang memerlukan rawatan, juga ibu yang mempunyai kekurangan susu atau mempunyai penyakit kronik/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi, adalah harus bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta perderma perlu mengenali antara satu sama lain.

<u>Isu 2</u>: Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa Islam menggalakkan setiap ibu yang melahirkan anak untuk menyusukan sendiri bayi mereka dengan susu ibu sehingga mencapai usia dua tahun, sekiranya mereka mampu berbuat demikian. Namun begitu, Islam juga membenarkan wanita yang tidak melahirkan anak tetapi mengambil anak angkat, untuk menyusukan sendiri anak tersebut dengan bantuan rawatan perubatan.

Penegasan ini adalah berdasarkan pandangan Jumhur fuqaha' yang tidak mensyaratkan seseorang wanita itu mesti hamil terlebih dahulu untuk menyusukan anak sepertimana pandangan Mazhab Hanbali, Syafie dan Hanafi yang menyatakan bahawa seorang perempuan yang hendak menyusukan seorang anak, tidak disyaratkan mempunyai suami yang menyetubuhinya.

Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa menggunakan **ubat atau suntikan** untuk merangsang pengeluaran susu badan adalah harus dengan syarat ianya seorang wanita yang telah mencapai umur baligh sama ada telah berkahwin ataupun sebaliknya dan ubat atau hormon yang digunakan tersebut tidak mengandungi sebarang unsur-unsur najis atau mudharat. Keharusan ini tidak tertakluk bagi seorang lelaki yang berubah menjadi wanita melalui pertukaran jantina.

Jumhur fuqaha' juga bersepakat bahawa terdapat dua kaedah penyusuan bagi menjadikan bayi tersebut mahram dengan sebab susuan, iaitu penyusuan secara langsung dari payudara dan penyusuan secara tidak langsung seperti menggunakan tiub, botol susu dan sebagainya. Sehubungan itu, bagi wanita yang menggunakan alat sokongan atau alat bantuan sebagai kaedah menyusukan bayi, Muzakarah memutuskan bahawa bayi tersebut sah sebagai anak susuan apabila cukup syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh Syarak seperti berikut:

- Bilangan susuan hendaklah dengan lima kali penyusuan;
- susu yang dihisap mestilah sampai ke perut bayi;
- umur bayi tidak melebihi dua tahun mengikut perkiraan bulan qamariah.

Hujah *thabitan* ini ialah kerana susu ibu tersebut telah menjadi makanan asasi kepada bayi yang menumbuhkan daging dan memanjangkan tulang, sama seperti bayi yang menyusu secara terus daripada payudara. Walau bagaimanapun, sekiranya kaedah yang dilakukan adalah dengan cara menyuntik susu melalui qubul atau dubur, menitik susu ke dalam mata, telinga atau di tempat luka tubuh badan, maka bayi tersebut tidak sah sebagai anak susuan.

Muzakarah juga memutuskan bahawa seorang wanita beragama Islam tidak dilarang untuk menyusukan bayi bukan Islam dan begitu juga seorang bayi beragama Islam boleh menyusu kepada wanita bukan Islam kerana tidak ada nas syarak yang melarangnya. Penyusuan tersebut tidak memberi kesan kepada aqidah dan agama bayi yang disusukan tersebut.

Muzakarah juga memutuskan bahawa susu ibu yang bercampur dengan bahan-bahan lain adalah sama seperti susu ibu yang tidak bercampur dengan makanan, minuman atau lainnya sepertimana pendapat yang rajih daripada ulama' mazhab Shafie dan Hanbali, kerana untuk thabit menjadi anak susuan ialah perlu memenuhi syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh Syarak.

Bagi seorang lelaki yang mengahwini wanita yang menyusukan bayi angkat dan bayi tersebut telah thabit menjadi anak susuan, maka muzakarah memutuskan bahawa lelaki yang menjadi suami kepada wanita berkenaan adalah menjadi mahram kepada anak susuan tersebut.

8.2 Anak Angkat

Pengangkatan anak sering disebut dengan istilah *adopsi*, yang berasal daripada perkataan *adoptie* dalam Bahasa Belanda atau *adoption* dalam Bahasa Inggeris. Perkataan *adopsi* bererti pengangkatan seorang anak dijadikan seperti anak kandung atau anak sendiri. Dalam **Bahasa Arab** pengangkatan anak disebut dengan istilah *tabanni*, yang bermaksud **mengambil anak angkat atau menjadikannya seseorang sebagai anak.**

1. Status agama anak angkat.

Untuk menerangkan kedudukan agama anak angkat, terlebih dahulu dijelaskan secara ringkas bagaimana dasar hukum syarak mengenai perkara ini. Ulama Mazhab Syafi'e berpendapat bahawa kanak-kanak bukan Islam yang belum baligh dihukumkan sebagai Islam secara zahir dan batin kerana dua sebab, sama ada kerana:

(i) Anak itu mengikut salah satu keturunannya daripada pihak bapa atau ibunya yang Islam. Oleh yang demikian, jika salah seorang daripada ibu bapa kanak-kanak bukan Islam itu memeluk agama Islam, maka anak yang belum baligh akan menjadi Islam dengan sendirinya.

(ii) Anak itu ditawan oleh orang Islam secara bersendirian tanpa ibu bapanya. Imam An-Nawawi *Rahimahullah* mengatakan:

> *"Apabila orang Islam menawan anak kecil, maka anak itu mengikut orang yang menawannya dalam Islam (yakni dihukumkan sebagai seorang Islam) jika tidak ada bersama anak kecil itu salah seorang daripada kedua ibu bapanya."*

Apabila anak kecil bukan Islam ditawan oleh orang Islam dan tidak ada bersamanya salah seorang daripada kedua ibu bapanya, maka penguasaan terhadap anak kecil itu berpindah sepenuhnya kepada orang

Islam yang menawannya dan kanak-kanak berkenaan bagaikan anak yang baru lahir daripada ibu bapa yang beragama Islam ketika dia ditawan itu.

Oleh yang demikian, jika berlaku pengangkatan kanak-kanak bukan Islam kepada orang Islam, maka berdasarkan penguasaaan atau *istila',* kanak-kanak itu menjadi orang Islam. Ini disebabkan orang yang mengangkatnya itu ialah orang Islam. Bapa angkat telah mengambil alih penguasaan terhadap anak angkat.

Adapun senario masa kini, penyerahan anak damit yang bukan Islam kepada keluarga Islam itu seringkali terjadi menerusi penyerahan bulat-bulat atau penyerahan sepenuhnya anak berkenaan kepada bapa atau ibu angkat dan selepas penyerahan itu tidak ada kaitannya lagi dengan bapa atau ibu kandungnya dari segi asuhan, jagaan atau pembelaan. Bahkan, ia diperkuatkan lagi oleh peraturan atau undang-undang pengesahan daripada mahkamah, dengan pengeluaran sijil atau surat penyerahan anak angkat itu.

Dengan adanya unsur dan tanda kerelaan ibu bapa bukan Islam mengasuhkan atau menyerahkan anaknya kepada keluarga Islam itu, maka dengan sendirinya bolehlah dianggap mereka (ibu bapa kandung bukan Islam itu) adalah merelai anak mereka menjadi orang Islam.

Tambahan daripada itu, menurut sebahagian ulama, asuhan atau belaan orang-orang Islam terhadap anak orang kafir boleh memberi kesan hukum, iaitu menjadikannya sebagai seorang Islam. Jika anak angkat itu adalah anak pungut (*laqith*), apabila dia dipungut dalam negeri Islam atau perkampungan orang Islam, maka anak itu juga diakui oleh syara' sebagai seorang Islam.

2. Nasab anak angkat.

Dari segi nasab keturunan, anak angkat bukanlah anak kandung sendiri. Hukum syara' telah menetapkan bahawa setiap orang wajib dibinkan atau dibintikan kepada bapa kandungnya sendiri, jika nama bapanya itu diketahui. Sebaliknya, adalah **haram** hukumnya orang Islam sengaja

membinkan atau membintikan kepada dirinya kanak-kanak yang bukan anaknya sendiri, sama ada anak itu anak angkat, anak pungut atau anak tawanan perang. Ini berdasarkan perintah Allah SWT:

> *"Panggillah mereka (anak2 angkat itu) dengan membinkan kepada bapa-bapa mereka."* (Surah Al-Ahzab:5)

Oleh yang demikian, anak angkat berkenaan hendaklah tetap dibinkan kepada bapa kandungnya. Anak-anak angkat yang asalnya bukan Islam boleh dinasabkan kepada Abdullah. Erti Abdullah itu ialah hamba Allah, yakni anak seorang hamba Allah SWT, seperti Ahmad (anak angkat) bin Abdullah. Walaubagaimanapun, ada juga sebahagian orang yang meletakkan nama bapa angkat selepas nama Abdullah. Dalam perkara ini, perlu diingat bahawa meletakkan nama bapa angkat sesudah nama bapanya yang benar atau yang asal juga adalah **haram** kerana boleh membawa kepada kesamaran.

Contoh, seorang kanak-kanak bukan Islam telah diangkat oleh orang Islam dan diberikan nama Islam sebagai **Ahmad**. **Bapa kandung** Ahmad bernama **Satu**. Manakala **bapa angkat** Ahmad bernama **Abdul Rahim**. Maka, mengikut hukum syarak, Ahmad itu hendaklah tetap dibinkan kepada bapa sebenar (kandung), iaitu Ahmad bin Satu, ataupun dibinkan kepada Abdullah, iaitu Ahmad bin Abdullah atau Ahmad bin Abdullah Satu, ataupun kepada Asma' ul-Husna yang bukan serupa dengan nama bapa angkat seperti Ahmad bin Abdul Rahman. Perkara yang dilarang dilakukan ialah seumpama membinkan:

(i) Ahmad bin Satu @ Abdul Rahim.
(ii) Ahmad bin Abdul Rahim.
(iii) Ahmad bin Abdullah Abdul Rahim (Asma' ul-Husna kerana membawa kepada kesamaran).

ISU-ISU YANG BERKAITAN ANAK ANGKAT

<u>Isu 1</u>: Apakah hukum anak angkat yang di'bin'kan kepada bapa angkat?

Menurut Islam, mengambil anak angkat dan memeliharanya adalah **harus**, tetapi mengakuinya sebagai anak sendiri dengan di'bin'kan atau di'binti'kan anak itu kepada bapa angkat adalah **haram**. Firman Allah SWT, yang bermaksud:

> *"Panggillah anak-anak angkat itu dengan ber'bin'kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahu bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara kamu yang seagama dan sebagai maula kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, (tetapi yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani".* (Surah Al-Ahzab, 5)

Begitu juga dengan sabda Rasulullah SAW, yang bermaksud:

> *"Orang-orang yang berbin/binti kepada orang yang bukan bapanya yang sebenar maka ia dilaknati oleh Allah".* (Riwayat Muslim)

Oleh yang demikian, mereka yang mengambil anak angkat dinasihatkan supaya mem'bin' atau mem'binti'kan anak angkatnya itu dengan nama bapanya yang sebenar jika bapanya yang sebenar itu beragama Islam atau mem'bin' atau mem'binti'kan dengan Abdullah sekiranya anak angkatnya itu bukan berasal dari agama Islam.

Banyak kesan mengapa anak angkat ini tidak boleh dinisbahkan kepada bapa angkat. Antaranya, satu-satu keturunan itu ada keistimewaannya yang tertentu. Kalau dia di'bin'kan kepada orang yang tidak baik, maka ia membawa kesan kepada masa depannya. Sekiranya anak angkat dibinkan dengan nama bapa angkat, maka hubungan atau

aurat mereka dengan adik-beradik daripada keluarga angkat yang pada hakikatnya boleh berkahwin, akan menimbulkan masalah.

Sejarah menceritakan bahawa Nabi Muhammad SAW tidak pernah membezakan antara cucu angkatnya, Usamah bin Zaid dengan cucunya sendiri, Hassan bin Ali. Rasulullah SAW melayan kedua-dua orang cucunya dengan adil. Baginda SAW meletakkan kedua-duanya di atas pangkuannya. Ini membayangkan betapa kasih dan sayangnya Baginda SAW kepada kedua-dua cucunya ini. Maknanya dari segi kasih sayang, kena diberi sama rata, tidak kiralah sama ada ia anak angkat atau anak sendiri.

<u>Isu 2</u>: Apa langkah yang wajib dibuat apabila anak angkat yang di'bin'kan bapa angkat mengetahui perkara sebenar?

Suka untuk menasihati pasangan yang mengambil anak angkat supaya status anak tersebut perlu diberitahu seawal mungkin, agar tidak menjejaskan keharmonian hubungan antara mereka. Seelok-eloknya selepas mereka berada dalam alam persekolahan rendah, kebenaran ini wajar diberitahu secara berperingkat-peringkat dengan cara penuh diplomasi serta menggunakan pendekatan yang bijak lagi berhemah. Ini supaya anak angkat tersebut akan dapat menilai kasih sayang yang dicurahkan oleh keluarga angkat kepada dirinya.

Di samping itu juga, mungkin dia dapat mengetahui kedudukan sebenar mengapa dia diberikan kepada orang lain. Ini juga membantu memperbaiki hubungan dengan keluarga kandung. Malah bagi anak angkat, tidak kira perempuan atau lelaki, kebaikan di pihak mereka ialah dapat membataskan pergaulan atau aurat mereka dengan ahli keluarga yang lain.

Selain itu, memudahkan urusan perkahwinan (bagi anak angkat perempuan) untuk mencari wali yang sebenar dalam menyelesaikan urusan pernikahan. Naluri untuk mengenali keluarga kandung itu tidak boleh lari dalam diri setiap anak yang bergelar anak angkat. Pun begitu, ibu bapa

angkat tidak perlu bimbang dan kenalah bersikap terbuka, kerana selagi kita berlaku baik dan melayan adil kepada anak-anak ini, insya-Allah mereka akan mengingati insan yang membesarkan, memberi didikan dan kasih sayang sehingga mereka dewasa.

Tidak mustahil sesuatu yang buruk boleh berlaku, sekiranya mereka mengetahui tentang kebenaran tersebut apabila dewasa atau apabila hendak berkahwin (bagi yang perempuan). Kesannya akan lebih buruk kerana banyak tanggapan yang negatif lahir pada diri anak tersebut. Akhirnya, si anak bukan sahaja membenci keluarga kandung tetapi turut melibatkan keluarga angkat, yang selama ini membesarkannya dengan penuh kasih sayang dan sama rata. Perbuatan keluarga angkat yang sanggup merahsiakan status anak angkat kerana takut anak tersebut kembali kepada keluarga asal, adalah satu perbuatan yang tidak berapa elok, kerana ia umpama memisahkan kasih sayang dengan ibu, bapa atau keluarganya yang sebenar. Kalau begitulah tindakan ibu bapa kandung tersebut, tidak mustahil anak tersebut akan lari daripadanya juga akhirnya.

Isu 3: Bagaimana hak ke atas harta pusaka?

Namun begitu, walau bagaimana sayang sekalipun ibu bapa angkat tersebut terhadap anak angkat mereka, terdapat beberapa peraturan di dalam Islam yang mesti dipatuhi. Di antaranya, hukum-hakam berkaitan masalah nasab atau keturunan, aurat dan pewarisan harta pusaka. Anak angkat tidak boleh menerima pusaka dari bapa angkatnya; begitu juga sebaliknya.

Walaubagaimanapun, mereka boleh diberikan harta melalui cara lain. Contohnya **hibah**, iaitu pemberian ketika hidup dengan melakukan pemindahan milik dari bapa atau ibu angkat kepada anak angkatnya, begitu juga sebaliknya sekiranya anak angkat itu telah dewasa dan ingin berbakti kepada ibu bapa angkatnya. Selain itu, ia masih lagi boleh memberikan sebahagian daripada hartanya kepada anak angkatnya

melalui kaedah wasiat, yang memperuntukkan **tidak lebih dari 1/3** (sepertiga) bahagian harta peninggalannya bagi anak angkatnya itu.

<u>Isu</u> 4: Apa yang harus dilakukan untuk membersih dosa arwah bapa angkatnya?

Walaupun ia seorang anak angkat, ia masih lagi boleh berbakti kepada kedua ibu bapa angkatnya apabila keduanya telah meninggal dunia sebagai mengenang jasa mereka yang telah mengasuh, mendidik dan berkorban untuk dirinya sewaktu ketika dahulu.

Terdapat beberapa amalan kebajikan yang boleh disumbangkan oleh seseorang anak kepada kedua ibu bapanya setelah meninggal dunia, antaranya:

i. **Menjelaskan hutang**: sekiranya ia meninggal dunia sebelum sempat menyelesaikan hutangnya, maka tanggungjawab untuk membayarkan hutang adalah ke atas warisnya. Semua hutang sama ada melibatkan orang perseorangan, pihak bank dan sebagainya hendaklah dibayar tanpa mengira jumlahnya yang sedikit ataupun banyak.

ii. **Membayarkan zakat:** Seseorang yang meninggal dunia dan belum sempat membayar zakat, maka wajib bagi warisnya menjelaskan zakat tersebut kerana zakat yang belum dibayar itu adalah merupakan hutang seseorang hamba kepada Allah s.w.t. Kewajipan membayarnya pula didahulukan sebelum menjelaskan hutang yang lain, memenuhi wasiat dan pembahagian harta pusaka.

iii. **Membayarkan fidyah puasa:** Fidyah puasa itu ialah memberi sedekah dalam kadar satu cupak makanan asasi penduduk sesebuah negara samada daripada beras, gandum atau seumpamanya. Mereka yang diwajibkan membayar fidyah puasa ialah :

- Orang sakit yang tidak ada harapan akan sembuh penyakitnya.
- Orang tua yang tidak upaya berpuasa atau menemui kesukaran untuk berpuasa dengan sebab tuanya.

iv. **Mendoakan ibu bapa:** Abu Hurairah r.a. meriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *"Apabila seseorang anak Adam meninggal dunia, maka putuslah segala amalannya melainkan tiga perkara; sedekah jariah atau ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh dan berdoa untuknya".*

v. **Menghubungkan tali silaturrahim:** Mengeratkan hubungan silaturrahim dan berbuat baik dengan kaum kerabat dan sahabat ibu bapa adalah sebahagian daripada cara berbuat amal untuk keduanya yang telah meninggal dunia.

vi. **Menziarahi kubur:** Menziarahi kubur ibu bapa hukumnya adalah sunat. Kelebihan mengenang ibu bapa dengan berdoa dan menziarahi kuburnya membawa kebajikan yang bukan sahaja kepada anak-anak yang soleh tetapi juga kepada anak yang derhaka.

vii. **Memohon keampunan bagi dosanya:** Perkara yang paling mudah dan dapat dikerjakan oleh semua orang pada bila-bila masa ialah berdoa serta mohon keampunan bagi dosa kedua ibu bapanya sama ada yang masih hidup lebih-lebih lagi yang telah meninggal dunia.

viii. **Membuatkan haji untuknya:** Anak-anak digalakkan untuk membuatkan haji bagi kedua ibu bapanya yang telah meninggal dunia yang belum sempat menunaikan haji. Ia boleh dilakukan dengan membuat sendiri (bagi yang telah menunaikan haji untuk diri sendiri) atau dengan cara mengupahkannya kepada orang lain. Walaubagaimanapun sekiranya kedua ibu bapa telah bernazar untuk

menunaikan haji tetapi tidak berkesempatan kerana telah meninggal dunia, maka wajib bagi waris atau anak melakukan haji untuknya dengan segala perbelanjaan adalah daripada harta peninggalan si mati.

8.3 Anak Tak Sah Taraf

Sebelum ini, mereka disebut sebagai "*Anak Zina*". Kemudian sebutan itu dilunakkan sedikit menjadi "*Anak Luar Nikah*". Kemudian terus dilunakkan lagi sampai disebut sebagai "*Anak Tak Sah Taraf*". Apa pun juga mereka adalah golongan yang sama. Cuma dilihat dari perspektif atau persekitaran yang berbeza sahaja.

Secara biologinya, C adalah anak kepada A yang menyebabkan dia lahir ke dunia melalui ibunya B. Tetapi hakikat biologi ini tidak diiktiraf oleh masyarakat umum. Bagi seorang doktor, bila ditanya C anak siapa? Dia akan menjawab, pastinya ia anak A. Sebaliknya, bagi masyarakat umum, ia bukan anak A tetapi anak tanpa bapa. Kerana ia lahir di luar tradisi masyarakat, iaitu pernikahan. Bagi mereka, antara anak dan bapa perlu ada suatu jenis hubungan sosial yang khusus iaitu perkahwinan antara ibu dan ayah. Soal biologi tidak berbangkit. Kerana itulah dalam konsep mereka, anak berkenaan bukanlah anak kepada bapa biologi itu tetapi sebaliknya anak tanpa bapa.

Dalam masyarakat beragama, seperti di Malaysia khususnya agama Islam hubungan antara lelaki dan wanita berkenaan perlu dimeterai dengan ikatan keagamaan. Tanpa ikatan seperti itu anak yang dilahirkan dianggap anak zina yang tidak mempunyai apa-apa kaitan yang boleh dihormati dengan bapa biologinya.

Definisi.

Anak tak sah taraf dalam istilah bahasa **Arab** disebut *walad al-zina* yang bermaksud anak zina atau anak luar nikah. **Para Fuqaha'** bersepakat bahawa anak zina ialah merujuk kepada anak yang dilahirkan hasil perzinaan dan bukan daripada perkahwinan yang sah atau *persetubuhan syubhah* (persetubuhan oleh lelaki dan perempuan yang menyangka mereka adalah suami isteri yang sah). Oleh itu kesahtarafan seseorang anak adalah merujuk kepada perkahwinan yang sah daripada kedua ibu bapanya. Rasulullah SAW bersabda, bermaksud:

> *(Kesahtarafan) seorang kanak-kanak berpunca daripada tempat tidur (kedua ibu bapanya yang sah) dan seorang penzina adalah layak ditahan.* (Riwayat Al-Bukhari)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MKI) kali ke-64 pada 27 Julai 2004 menyatakan bahawa Anak tak sah taraf ialah:

(i) Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada *persetubuhan syubhah* atau bukan daripada anak perhambaan;

(ii) Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 *lahzah* (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh *tamkin* (setubuh);

(iii) Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 *lahzah* (saat) mengikut takwim Qamariah daripada waktu *tamkin* (setubuh) selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui *iqrar* (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut Hukum Syarak.

Implikasi anak tak sah taraf.

(i) Penamaan dan Nasab.

Jika seseorang anak lahir tanpa ada ikatan perkahwinan yang sah di antara ibunya dengan lelaki yang mensetubuhinya dan bukan *persetubuhan*

syubhah, maka anak tersebut **tidak boleh** dibin atau dibintikan kepada bapa zina. Sebaliknya hendaklah dibinkan atau dibintikan Abdullah atau lain-lain nama ”Asma’ ul-Husna” yang berpangkalkan Abdul. Kedudukan ini berbeza dengan anak yang bukan beragama Islam. Kesahtarafan anak akan dikira dari tarikh ibu dan bapa anak tersebut memeluk Islam.

(ii) Pergaulan dan Hubungan.

Dalam Islam anak tak sah taraf bebas menjalin apa-apa hubungan atau aktiviti sepertimana yang dilakukan oleh kanak-kanak Islam yang sah tarafnya. Hukum pergaulan Anak Tak Sah Taraf dengan lelaki yang melakukan persetubuhan dengan ibunya adalah sama dengan lelaki asing yang tiada kaitan dengannya (*bukan mahram*) kecuali lelaki tersebut menjadi suami ibunya maka hubungannya adalah sebagai **ayah tiri**. Perhubungan antara anak tak sah taraf dengan anak-anak di sebelah ibunya yang sah taraf dan ahli keluarga sebelah ibunya yang lain adalah hubungan kekeluargaan yang sah. Namun, perhubungan ini tidak boleh diperluaskan kepada keluarga sebelah bapanya yang tidak sah kerana keluarga bapa bukan termasuk ahli keluarganya.

(iii) Nafkah.

Tanggungjawab nafkah dan saraan hidup anak tak sah taraf terletak kepada ibunya. Ini adalah kerana anak tak sah taraf dinasabkan kepada ibunya dan tidak kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya. Peruntukan mengenai tanggungjawab nafkah ini juga terdapat dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 (Akta 303) seksyen 80 (1) iaitu :

> *Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat rogol, Mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan*

sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberi apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah.

(iv) Penjagaan.

Hubungan *nasab* (keturunan) anak tak sah taraf dengan ibu serta ahli keluarganya tidak terputus. Oleh itu tanggungjawab menjaga anak tak sah taraf menjadi tanggungjawab ibu dan ahli keluarga di sebelah ibunya. Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 (Akta 303) seksyen 85 memperuntukkan bahawa : *Penjagaan kanak-kanak tak sahtaraf adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu.* Peruntukan ini selaras dengan kehendak Hukum Syarak yang menetapkan hubungan *nasabnya* (keturunan) hanya dengan ibunya sahaja. Kedudukan ini sudah tentu memberikan hak penjagaan kepada ibunya atau ahli keluarga ibunya.

(v) Harta Pusaka.

Anak tak sah taraf tidak terputus hubungan kekeluargaan dengan ibunya. Begitu juga ibu tidak terputus hubungan kekeluargaan dengan anak tersebut. Oleh itu, kedua-duanya boleh mewarisi pusaka antara satu sama lain. Seseorang anak tak sah taraf tidak boleh mempusakai harta bapanya yang tidak sah. Begitu juga bapa tidak boleh mewarisi harta anak tersebut kerana kedua-duanya telah terputus hubungan kekeluargaan.

(vi) Perwalian.

Hak perwalian diri Anak Tak Sah Taraf terletak kepada ibunya. Walaubagaimanapun, wali perkahwinan bagi seseorang anak tak sah taraf perempuan dipegang oleh *Wali Hakim* (iaitu Yang DiPertuan Agong/Sultan/Raja atau individu yang diberi tauliah). Ini adalah kerana seseorang perempuan tidak sah menjadi wali di dalam apa jua perkahwinan.

Sabda Rasulullah S.A.W :

> *Sultan adalah wali kepada sesiapa yang tidak mempunyai wali.*
> (Riwayat Abu Daud dan At-Tirmizi)

Begitu juga lelaki yang menyetubuhi ibunya tanpa akad nikah yang sah, sama ada dia berkahwin atau tidak dengan ibunya selepas itu juga tidak sah menjadi walinya.

(vii) Perkahwinan.

Keraguan berhubung kesahan perkahwinan seorang Anak Tak Sah Taraf perlu dikikis kerana agama tidak pernah membezakannya dengan kanak-kanak lain. Mereka juga seperti insan-insan yang lain. Kesalahan yang berlaku sehingga mereka dilahirkan bukanlah dosanya tetapi hasil perbuatan ibu dan lelaki yang menyetubuhi ibunya. Oleh itu perkahwinan Anak Tak Sah Taraf perempuan adalah **sah**, walaupun ada pendapat yang mengatakan bahawa lelaki yang baik nasabnya tidak digalakkan mengahwininya.

(viii) Kematian.

Kematian seorang anak tak sah taraf yang belum baligh adalah menurut hukum agama ibunya. Jika ibunya beragama Islam, maka dia dihukum sebagai seorang Islam. Oleh itu mayatnya hendaklah diurus secara pengurusan jenazah Islam. Jika ibunya bukan seorang yang beragama Islam, maka di dihukum sebagai bukan seorang beragama Islam sekalipun lelaki yang menyetubuhi ibunya adalah seorang Islam.

(ix) Pertukaran Status Anak Tak Sah Taraf.

Seseorang anak tak sah taraf boleh bertukar sifatnya apabila dia dibuang oleh ibunya dan dijumpai oleh orang lain. Pada ketika itu statusnya akan bertukar menjadi *anak laqit* (iaitu anak pungut). Dia akan menjadi anak

angkat kepada sesiapa yang memungut dan diberi tanggungjawab memeliharanya berdasarkan peruntukan yang diberikan kepada seorang anak angkat.

(x) Amal Kebajikan.

Amal kebajikan anak tak sah taraf sama ada untuk diri sendiri atau untuk masyarakat adalah sama seperti anak-anak tak sah taraf yang lain. Anak Tak Sah Taraf adalah seorang yang suci dan bersih dari sebarang dosa ibu dan bapanya. Firman Allah S.W.T :

> *" ... dan tiadalah (kejahatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya; dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja);...*(Surah al-An'am : 164)

Amal kebajikan mereka tetap akan mendapat ganjaran di sisi Allah S.W.T sama seperti amal kebajikan orang Islam yang lain.

ISU ANAK TAK SAH TARAF

<u>Isu 1:</u> Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28 - 29 Jan 1981 telah membincangkan Penamaan Anak Tak Sah Taraf (Anak Luar Nikah). Muzakarah telah memutuskan bahawa anak zina atau anak di luar nikah (anak tak sah taraf) sama ada diikuti dengan perkahwinan kedua pasangan ibu bapanya atau tidak hendaklah dibin atau dibintikan kepada Abdullah.

<u>Isu 2:</u> Mengahwini Perempuan Yang Sedang Mengandung Anak Luar Nikah

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-3 yang bersidang pada 21-22 Jan 1971

telah membincangkan Mengahwini Perempuan Yang Sedang Mengandung Anak Luar Nikah. Persidangan telah memutuskan bahawa perempuan yang sedang mengandung anak luar nikah **harus** dinikahkan tetapi anaknya tidak boleh dinasabkan kepada lelaki itu, tidak dapat pesaka daripadanya, tidak menjadi mahram kepadanya dan lelaki itu tidak boleh menjadi walinya.

ACTIVITY

Bincangkan implikasi anak tak sah taraf.

Soalan pendek

1. Berikan syarat penyusuan yang menyebabkan anak susuan menjadi mahram.
2. Jelaskan cara atau kaedah untuk menjadikan anak angkat sebagai mahram.
3. Nyatakan status bagi agama anak angkat.
4. Apakah hukum anak angkat dibinkan dengan ayah angkat?
5. Berikan amalan kebajikan yang boleh disumbangkan oleh anak-anak apabila kedua ibu bapa meninggal dunia?

KATA KUNCI

Radha'ah	**mahram**
Anak angkat	**Syarat penyusuan**
Anak Tak Sah Taraf	**nasab**

KESIMPULAN

Penyusuan boleh menjadikan anak susuan tersebut mahram kepada keluarga ibu susuan tersebut. Dalam perkara yang melibatkan anak angkat juga, ramai pihak membuat keputusan untuk menjadikan anak angkat sebagai mahram mereka.

RUJUKAN

Azman Ab Rahman & Zulkifli Muhammad Al-Bakri (2012), *Al-Fiqh Al-Islami II (Modul 2: Fiqh Munakahat)*, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, hlm. 163.

TOPIK 9

ISU-ISU DAN CABARAN SEMASA DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN ISLAM

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran ini, pelajar dapat:

1. Membincangkan isu-isu dan cabaran semasa dalam institusi kekeluargaan Islam.
2. Membincangkan kaedah penyelesaian bagi isu-isu dan cabaran-cabaran dalm institusi kekeluargaan Islam.

9.1 GEJALA KERUNTUHAN AKHLAK

Pengutusan Nabi Muhammad SAW adalah untuk memperbaiki, memperelok dan memperindah akhlak tingkah laku manusia. Kejayaan Rasulullah SAW di dalam mendidik akhlak di kalangan para sahabat adalah bukti yang tidak boleh disangkalkan lagi. Didikan akhlak Rasulullah SAW ini telah melahirkan generasi manusia yang memiliki keperibadian cukup tinggi.

Seringkali juga masyarakat Arab Jahiliyyah dijadikan contoh sebagai masyarakat yang begitu sinonim dengan pelbagai salahlaku dan kebejatan akhlak. Namun hari ini manusia kembali hidup di dalam kepincangan akhlak, bahkan lebih jauh *terkehadapan* daripada masyarakat Arab Jahiliyyah.

Apa yang lebih menyedihkan lagi ialah gejala keruntuhan akhlak yang berlaku di negara maju kian menular di negara kita. Kini, acap kali kita disajikan dengan berita yang memalukan bangsa dan agama seperti kisah gadis bohsia, mat rempit, sumbang mahram, zina, rogol, bunuh, pembuangan bayi, pengguguran bayi, sindiket penjualan bayi, samun, ragut, rompak, menghina agama, mengaku menjadi Tuhan, mengaku

menjadi Rasul Melayu, pelacuran gay, homoseksual, lesbian, bersekedudukan, penyalahgunaan kuasa, dan rasuah.

9.2 SUMBANG MAHRAM

Sumbang mahram bermaksud bersetubuh dengan seseorang yang ditegah atau diketahui atau ada sebab-sebab yang boleh dipercayai bahawa ia ditegah nikah dengan orang itu oleh hukum syarak kerana keturunan, sesusuan atau perkahwinan.

Pengertian yang kedua pula ialah seseorang yang bersetubuh dengan seseorang yang tidak dibenarkan berkahwin oleh hukum syarak kerana keturunan, sesusuan atau perkahwinan.

Sumbang mahram merujuk kepada hubungan sejenis yang dilakukan antara mereka yang mempunyai tali persaudaraan dan perkahwinan iaitu tidak sah di sisi undang-undang atau dilarang oleh adat resam sesebuah masyarakat. Ada pihak yang mentakrifkan sumbang mahram sebagai perbuatan zina yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai pertalian darah atau nasab keturunan dengan mangsa. Contohnya:

i. Hubungan jenis antara mangsa dengan bapa.
ii. Hubungan jenis antara mangsa dengan bapa saudara.
iii. Hubungan jenis antara mangsa dengan bapa tiri.
iv. Hubungan jenis antara mangsa dengan abang.
v. Hubungan jenis antara mangsa dengan datuk dan sebagainya.

Kadar kejadian sumbang mahram di Malaysia didapati masih tinggi dan membimbangkan kehidupan masyarakat. Kini, sumbang mahram telah dikenal pasti sebagai sejenis penganiayaan seksual yang menjejaskan kesihatan fizikal, mental mahupun sosial seseorang.

Punca-punca sumbang mahram

i) **Kadar perceraian yang kian meningkat di kalangan masyarakat tertentu**.

Kanak-kanak dari keluarga yang kurang bahagia atau bermasalah didapati lebih terdedah atau berisiko mengalami sumbang mahram. Jika seseorang ibu berkahwin semula, anak perempuannya berisiko lebih tinggi mendapat penganiayaan seksual oleh bapa tirinya berbanding bapa saudaranya. Kasih sayang daripada bapa, bapa saudara, bapa tiri, datuk dan sebagainya didapati kian longgar sehingga mereka hilang tanggungjawab sosial terhadap anak-anak ini.

ii) **Kurangnya pegangan agama dan moral di kalangan masyarakat.**

Lazimnya, pesalah yang terlibat dalam kegiatan sumbang mahram ini didapati tidak mengamalkan prinsip agama atau nilai moral dalam kehidupan mereka. Akibatnya, tanggungjawab sosial untuk menjaga dan melindungi mangsa sumbang mahram menjadi terabai, sebaliknya mereka telah melakukan jenayah sosial ini.

iii) **Gangguan emosi dalam kehidupan mereka.**

Hubungan institusi keluarga yang kurang bahagian akibat perceraian mengakibatkan tekanan hidup dan hubungan ahli keluarga yang renggang. Gangguan emosi sedemikian cenderung kepada penyakit mental sehingga mereka ini hilang pertimbangan nilai-nilai agama atau moral.

Penyelesaian dan pencegahan seks yang menyimpang menurut Islam.

Antara saranan Islam dalam menangani isu ini seperti berikut:

(i) Perkahwinan: Tuntutan naluri seks hanya boleh disempurnakan melalui perkahwinan. Perkahwinan akan memastikan keturunan suci

manusia kekal terpelihara. Ikatan perkahwinan pula disulami dengan penuaian hak dan tanggungjawab terhadap ahli keluarga. Tidak sebagaimana ajaran dalam agama Kristian yang menghalang penganutnya daripada berkahwin sekiranya ingin mendekati diri dengan Tuhan. Mana mungkin manusia dapat menentang fitrah yang sedia ada di dalam diri sendiri.

Konsep ini hanya akan menyebabkan timbulnya pelbagai masalah lain seperti penyakit yang berkaitan dengan kejiwaan akibat sekatan terhadap fitrah seks. Oleh itu tidak hairan jika terpampang di dada akhbar Paderi melakukan kesalahan rogol dan sebagainya. Manusia tidak boleh menafikan kewujudan naluri seks. Berdasarkan firman Allah SWT bermaksud:

> *"Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak, harta benda yang banyak berpikul-pikul, dari emas dan perak, kuda yang bertanda lagi berlatih, dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga)". (Surah Ali 'Imran: 14)*

Merujuk kepada ayat di atas jelaslah bahawa manusia mempunyai kecintaan dan kecenderungan terhadap nafsu syahwat (wanita), keturunan (beranak-pinak) dan untuk memiliki harta benda yang banyak.

- **Larangan menghampiri zina:** segala bentuk perbuatan dan perkataan yang boleh menjurus ke arah zina juga dilarang seperti bedua-duan, menonton filem lucah, gambar-gambar porno atau merangsangkan minda ke arah seks.
- **Perkara yang menghampiri zina:** Berdasarkan firman Allah SWT bermaksud: "Dan janganlah kamu menghampiri

zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat". (Usrah Al-Israa': 32)

(ii) Menundukkan pandangan mata: Berdasarkan firman Allah SWT bermaksud:

> *"Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka, dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui tentang apa yang mereka kerjakan". (Surah An-Nur: 30)*

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa pandangan mata perlu ditundukkan atau dijaga. Ia secara tidak langsung akan membantu manusia daripada terjebak ke arah kancah kemaksiatan yang seterusnya. Arahan Allah SWT ini boleh diperhalusi, iaitu kita dilarang untuk menonton atau melihat bahan-bahan lucah sama ada yang diperoleh melalui kemajuan teknologi canggih masa kini seperti internet dan telekomunikasi ataupun mengintai orang. Tidak terkecuali juga pandangan mata patut dijaga seperti membaca dan melihat bahan-bahan yang boleh memberi rangsangan seksual.

Sebagai umat Islam sama ada golongan tua, remaja ataupun belia, gambar dan bahan porno perlu dijauhi bagi menghindarkan berlakunya rangsangan seksual. Jika rangsangan seks ini gagal dikawal sebaik mungkin, sudah pasti mereka akan terjebak kepada jenayah rogol, cabul, sumbang mahram dan onani.

(iii) Memberi didikan seks: Masih terdapat ibu bapa yang menutup ruang perbincangan hal-hal yang berkaitan seks dengan anak-anak. Mungkin sedikit sebanyak ibu bapa berasa cukup janggal dan malu untuk membincangkan hal berkenaan. Sebenarnya, seks itu bukanlah hanya merujuk kepada perhubungan seks semata-mata tetapi dalam konteks

yang lebih luas. Islam telah mengaturkan peraturan asas berkenaan pendidikan seks kepada anak-anak sejak kecil.

(iv) **Mengasingkan tempat/bilik tidur:** Syariat telah menegaskan supaya apabila anak-anak telah mencapai usia 10 tahun diasingkan tempat tidur mereka. Jika diteliti, anak perempuan yang berusia 10 tahun itu sudah akil baligh menurut ulama' feqah dan sedang mengalami perubahan sudut biologi. Manakala, kanak-kanak lelaki pula sedang menghampiri peringkat tersebut. Maka sudah tentulah bilik anak-anak lelaki dan perempuan perlu diasingkan. Ibu bapa mesti peka terhadap perkara ini. Sebolehnya, sediakanlah rumah yang mempunyai bilik yang cukup untuk diasingkan anak lelaki dan anak perempuan.Maksud hadith Rasulullah SAW maksudnya:

> *"....Ketika mereka berusia 10 tahun maka pisahkanlah tempat tidur mereka".*
> *(Riwayat Al-Halim dan Abu Daud)*

(v) **Menutup aurat dengan sempurna:** Ada sebahagian umat Islam yang akan melenting jika ada berpendapat bahawa cara pakaian wanita itu sebagai salah satu punca peningkatan jenayah rogol. Bagi mereka, lelakilah yang seharusnya menjaga pandangan. Kedua-dua pendapat ini betul. Namun begitu, jika diperhatikan hukum menutup aurat dan juga hukum menundukkan pandangan (mata) adalah perintah Allah SWT. Jadi, jika mengaku dirinya sebagai muslimat sejati, maka wajarlah berpakaian sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Kesan-kesan sumbang mahram terhadap mangsa.

Sebilangan besar mangsa sumbang mahram akan mengalami kesan-kesan negatif yang serius sehingga memerlukan rawatan terapi apabila mereka meningkat dewasa. Antara kesan-kesan negatif adalah seperti berikut:

i. Takutkan hubungan intim.
ii. Hilang kepercayaan kepada orang lain.
iii. Murung.
iv. Rasa ingin bunuh diri.
v. Tingkah laku yang merosakkan diri sendiri.
vi. Keyakinan diri yang rendah.
vii. Rasa bersalah dan marah.
viii. Rasa terasing daripada masyarakat dan keluarga.
ix. Penyalahgunaan dadah.

9.3 KEGANASAN DOMESTIK

Keganasan domestik adalah merujuk kepada pelbagai bentuk penderaan atau kekejaman yang berlaku dalam rumahtangga. Menurut *Akta Keganasan Rumahtangga 1994*, keganasan domestik meliputi perbuatan seperti yang berikut:

(i) Penderaan kanak-kanak yang mengakibatkan kecederaan fizikal.
(ii) Penderaan terhadap isteri yang mengakibatkan kecederaan fizikal.
(iii) Perbuatan berbentuk seksual atau selainnya.
(iv) Perbuatan khianat atau keseronokan harta dengan niat untuk menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa.

Keganasan domestik ini biasanya melibatkan bentuk serangan hentaman, ancaman, gangguan, kezaliman fizikal atau mental.

Punca-punca keganasan domestik.

(i) **Faktor ibu bapa:** harapan ibu bapa yang terlalu tinggi, tidak munasabah atau realistik dalam kehidupan yang moden ini mengakibatkan terdapatnya anak-anak yang sering didera oleh ibu bapa. Apabila anak-anak mereka tidak mampu melakukan sesuatu mengikut kehendak ibu bapa, ibu bapa mereka akan mudah naik marah dan kecewa, lalu mendera anak-anak mereka. Kurang faham tentang psikologi pembesaran dan perkembangan anak-anak juga menyebabkan anak menjadi mangsa penderaan.

(ii) **Faktor kemiskinan dan tekanan hidup:** ibu bapa menghadapi kesulitan kewangan dan tekanan hidup khususnya dalam dunia yang materialistik ini. Dalam keadaan sedemikian, mereka berpendapat bahawa anak-anak hanya akan menambahkan beban hidup mereka. Tekanan sedemikian membawa kepada tindakan memukul dan menganiayai anak-anak.

(iii) **Faktor kurang penghayatan agama atau moral:** jati diri ibu bapa atau orang dewasa yang tidak kuat turut menyebabkan peningkatan kadar kejadian keganasan domestik. Kegagalan ibu bapa, ayah tiri, datuk, bapa saudara dan sebagainya dalam mengamalkan nilai-nilai yang murni (seperti kasih sayang, perlakuan positif) dan berakhlak mungkin akan mengakibatkan penderaan seksual ke atas kanak-kanak dalam keluarga sendiri.

(iv) **Faktor pengaruh media massa:** media massa yang sering memaparkan pelbagai kejadian keganasan domestik secara sensasi turut mempengaruhi pihak-pihak tertentu untuk melakukan pelbagai bentuk penderaan dalam kehidupan masyarakat khususnya bagi mereka yang terlibat dengan penagihan dadah, alkohol atau menghidap penyakit mental.

Langkah-langkah untuk menangani masalah keganasan domestik.

(i) **Mengamalkan prinsip murni dalam agama atau moral:** setiap ahli keluarga harus sentiasa berpegang teguh kepada prinsip hidup yang murni dalam ajaran agama dan moral untuk menghindarkan diri daripada perbuatan yang ganas dan tidak bertanggungjawab itu. Sifat kasih sayang, hormat-menghormati, disiplin dan sebagainya amat diperlukan untuk menangani keganasan domestik.

(ii) **Mengadakan pelbagai kempen:** media massa dan badan-badan bukan kerjaan (NGO) harus mempergiatkan kempen dari semasa ke semasa untuk menyedarkan masyarakat tentang impak negatif keganasan domestik di samping strategi-strategi untuk menangani jenayah sosial ini. Kesedaran tentang perluan untuk mewujudkan peraturan atau undang-undang seperti *Akta Keganasan Domestik* di samping mengadakan perkhidmatan komprehensif iaitu *One-Stop Crisis Centers* (OSCCs) juga dapat melindungi mangsa keganasan domestik.

(iii) **Mengadakan perkhidmatan nasihat-menasihati:** kaunselor terlatih mahupun sukarelawan harus diperbanyakkan untuk memberi khidmat nasihat kepada mangsa keganasan domestik. Dalam hal ini, usaha yang dilakukan oleh *'The National Council of Women's Organizations'* didapati berjaya memberikan bantuan kepada mangsa keganasan domestik. Penjenayah dalam keganasan domestik tetap memerlukan sesi nasihat-menasihati untuk menghindarkan mereka daripada perbuatan yang keji itu.

(iv) **Tindakan undang-undang:** kerajaan perlu menggubal undang-undang yang lebih tegas terhadap pesalah keganasan domestik. Hukuman yang setimpal haruslah dikenakan terhadap ibu bapa yang cuai untuk menjaga keselamatan anak-anak mereka. Pihak polis harus

melaksanakan siasatan atau tangkapan dan pendakwaan segera terhadap pesalah berkenaan jika menerima laporan daripada komuniti atau masyarakat. Sememangnya, kejadian keganasan domestik di negara kita didapati kian meningkat. Kerjasama setiap pihak seperti individu, masyarakat, badan-badan buka kerajaan (NGO), dan pihak penguatkuasa amat diperlukan untuk menangani jenayah sosial ini.

9.4 BERSEKEDUDUKAN

Bersekedudukan atau dalam Bahasa Inggeris *cohabitation* boleh didefinisikan kepada suatu keadaan di mana pasangan yang berlainan jantina tinggal bersama seperti suami isteri tanpa sebarang ikatan perkahwinan secara sah. Ada juga sesetengah daripada mereka ini mempunyai anak di luar nikah. Menurut **Prof. Dr. Fatimah Hamid Don,** bersekedudukan adalah soal moral individu yang melakukannya. Antara alasan yang diberikan adalah mereka ialah:

i) **Belum bersedia untuk berkahwin yang akan melibatkan keluarga kedua-dua belah pihak:** dengan tinggal bersama, dapat memberi peluang kepada mereka untuk kenal-mengenali lebih dekat pasangan masing-masing sebelum berkahwin. Ia juga secara tidak langsung dapat mengukur tahap keserasian pasangan agar tidak mendatangkan masalah selepas berkahwin nanti. Informasi mengenai seks yang berleluasa dan mudah didapati terutamanya melalu media cetak atau elektronik seperti internet menyebabkan orang sekarang terutamanya golongan muda bijak untuk merancang kehamilan. Oleh itu, mereka boleh menunggu masa dan keadaan yang sesuai untuk berkahwin secara sah.

ii) **Faktor ekonomi** juga dikatakan memainkan peranan dalam memungkinkan keadaan ini berlaku. Kos perkahwinan yang semakin tinggi kini memberi alasan kepada pasangan untuk mengambil keputusan untuk tinggal bersama terlebih dahulu sehingga wang simpanan mencukupi. Bagi mereka, tinggal bersama dapat menjimatkan kos hidup terutamanya kepada pasangan yang tinggal di bandar.

iii) **Tidak mahu terikat dengan ikatan perkahwinan:** dengan adanya ikatan tersebut maka pergerakan mereka tidak lagi bebas. Setiap tindakan yang dilakukan harus ada persetujuan bersama dan mereka tidak boleh mengambil keputusan sendiri. Oleh itu, akan timbul masalah sekiranya persefahaman dan tolak ansur tidak dapat dicapai atau apabila masing-masing mementingkan ego sendiri. Kurangnya persefahaman mengenai institusi perkahwinan menyebabkan mereka mengambil sifat tidak endah akan ikatan perkahwinan yang dianggap suci oleh agama.

Kita juga boleh menyatakan bahawa nilai masyarakat kini sudah berubah terutamanya nilai masyarakat Timur. Pada suatu ketika dahulu, masyarakat terlalu mengambil berat dan mengutamakan perempuan yang belum pernah berkahwin perlulah suci, tidak luas pengetahuan seksnya, belum disentuh, jadi barulah ada harga dirinya. Golongan tua takut kalau anak sudah 'dipakai' orang, justeru tidak akan ada orang untuk masuk melamar.

Keadaan ini berlaku bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi juga dalam masyarakat Cina dan India. Sebaliknya, keadaan generasi muda kini adalah berlainan. Bagi mereka, sekiranya lelaki hendak memperisterikan seorang wanita, dia mestilah menerima diri wanita itu seadanya. Inilah akibatnya apabila kebebasan dan hak seseorang individu itu dinikmati tanpa batasan dan tanpa rasa tanggungjawab. Orang

perempuan harus sedar bahawa akhirnya yang rugi adalah diri mereka sendiri.

Terdapat lima faktor yang mempengaruhi masalah bersekedudukan ini dalam konteks Malaysia. Lima faktor tersebut ialah:

(i) Kurangnya didikan agama, baik orang Islam mahupun orang bukan Islam.

(ii) Ketidakprihatinan pihak keluarga. Kini golongan muda banyak bekerja dan tinggal di Bandar, maka ada keluarga yang tidak mempersoalkan tentang teman serumah anaknya.

(iii) Sikap ketidakprihatinan masyarakat setempat. Kebanyakkan jiran tidak mengambil kisah akan jirannya kerana takut untuk menegur atau takut dicop sebagai 'menjaga tepi kain orang'.

(iv) Kelonggaran undang-undang sivil yang ditiru dari Barat. Tiada undang-undang yang tegas mengenai tindakan bersekedudukan adalah hak peribadi individu yang tidak boleh diganggu oleh sesiapapun.

Jenis-jenis bersekedudukan.

Menurut Scott (1994), terdapat empat jenis bersekedudukan, iaitu:

(i) *Emancipation* atau kebebasan.

Berdasarkan contoh di atas dapat dijelaskan bahawa jenis ini biasa berlaku di kalangan gadis yang **inginkan kebebasan** untuk membuat pilihan sendiri yang bertentangan dengan kehendak ibu bapa atau agama. Bersekedudukan jenis ini biasanya gagal kerana lama-kelamaan gadis tersebut akan berasa bersalah kerana 'dosanya' yang melanggar peraturan agama dan ibu bapanya. Hasil didikan keluarga dan agama akhirnya akan menerjah kembali ke ingatan gadis berkenaan.

(ii) ***Convenience.***

Berdasarkan contoh di atas, jenis ini lebih kepada **mendapatkan kemudahan asas** sahaja. Pasangan tersebut sanggup tinggal bersama semata-mata untuk mendapatkan apayang diingini tanpa sebarang ikatan. Keadaan ini juga berlaku kepada lelaki atau perempuan yang sudah berkahwin namun masih mempunyai hubungan sulit dengan orang lain tetapi tidak mahu bercerai atau berpoligami.

(iii) ***Linus blanket.***

Bersekedudukan jenis ini adalah untuk **memperolehi perasaan selamat** daripada perlindungan yang diperolehi kesan daripada perlakuan ini. Individu ini selalunya tahap keyakinan diri yang rendah dan sering berasa tidak selamat untuk tinggal bersendirian.

(iv) ***Testing.***

Jenis testing atau juga dikenali dengan **perkahwinan percubaan** ini merupakan jenis bersekedudukan yang paling popular di kalangan masyarakat masa kini. Menurut kajian yang dilakukan oleh Richard (1996), keadaan ini berlaku kerana terdapat golongan masyarakat yang tidak lagi percaya kepada institusi perkahwinan. Keadaan ini berlaku akibat peningkatan kadar perceraian yang tinggi. Selain daripada itu kebanyakkan generasi muda memilih untuk tinggal bersama bagi 'mencuba' satu sama lain dan memastikan wujud kerasian di antara mereka. Ini adalah kerana sekiranya berlaku perpisahan dalam hubungan tersebut, pasangan tersebut tidak perlu melalui proses mahkamah bagi menyelesaikan masalah seperti tuntutan penjagaan anak dan harta benda. Mereka dapat keluar daripada hubungan tersebut tanpa sebarang rasa bersalah.

Kesan bersekedudukan.

i) **Keruntuhan moral yang tidak dapat dikawal lagi:** Moral masyarakat sudah tidak ada lagi kerana tidak lagi mengikut peraturan hidup yang sihat.

ii) **Keruntuhan institusi keluarga:** Apabila institusi keluarga tidak lagi dihormati maka akan mengakibatkan masalah-masalah lain timbul seperti pembuangan bayi akibat perzinaan, anak tidak mempunyai bapa yang sah dan lain-lain lagi.

iii) **Kemungkinan wanita terpaksa menanggung sendiri anak-anaknya setelah terpisah dengan pasangannya:** Ini kerana tiada ikatan yang sah dan wanita tersebut tidak dapat menuntut haknya ke atas lelaki tersebut.

iv) **Kesukaran peninggalan harta kepada pasangan**: Sekiranya berlaku perpisahan terutamanya melibatkan kematian pasangan yang bersekedudukan dalam jangka masa yang lama, maka bebas pasangan tersebut tidak dapat menuntut harta peninggalan pasangannya kerana mengikut undang-undang, harta tersebut jatuh kepada anggota keluarga yang sah atau waris si mati.

Pandangan agama terhadap bersekedudukan.

Pada umumnya, setiap agama di dunia ini menentang tindakan bersekedudukan. Secara umumnya tiada agama yang menyokong perbuatan bersekedudukan. Perbuatan ini melibatkan tinggal bersama, melakukan hubungan seks tanpa hubungan perkahwinan yang sah adalah dianggap sebagai melakukan penzinaan dan ia melanggar perintah Tuhan.

Sebagai contoh, dalam **ajaran Islam**, tidak ada peruntukan yang membolehkan lelaki dan wanita untuk bersekedudukan sebelum bernikah. Perbuatan bersekedudukan dalam Islam boleh dikategorikan di bawah perbuataan **zina** yang merupakan satu **dosa yang besar** kerana ia melibatkan tinggal serumah dan melakukan seks secara berulang-ulang. Malah, anak yang dilahirkan itu juga adalah anak zina. Perkahwinan

menurut Islam adalah satu akad. Akad ini merupakan satu ikatan yang kuat dan tidak boleh dirungkai sewenang-wenangnya melainkan melalui peraturan-peraturan bertulis. Oleh itu, tidak ada konsep '*cuba duhulu kemudian nikah'* dalam Islam.

9.5 HOMOSEKSUAL

Nama lain bagi homoseksual ialah liwat atau sodomi yang bermaksud hubungan seks di antara lelaki dengan lelaki. Perbuatan ini bertentangan dengan fitrah manusia, merosakkan peranan lelaki dan perempuan. Salah laku seks ini telah diceritakan oleh Allah SWT di dalam Al-Qur'an. Berdasarkan firman Allah SWT:

.

> *"Dan Nabi Luth ketika ia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun di dunia ini? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsumu bukan kepada wanita, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas". (Surah Al-A'raaf: 80-81)*

Ahli psikologi dan psikiatri lazimnya mendefinisikan homoseksual sebagai suatu keadaan di mana seseorang itu cenderung, tertarik, terangsang secara seksual atau melakukan aktiviti seks dengan seseorang yang sama jantina dengan dirinya. Secara umunya, homoseksual atau hubungan sejenis ini diertikan sebagai keinginan untuk melakukan hubungan seks dengan kaum sejenis iaitu lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan.

Orientasi seks boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu **homoseksual, biseksual** dan **heteroseksual** dan ia merupakan sebahagian daripada kesinambungan heteroseksual-homoseksual iaitu suatu hubungan yang bersambungan dari keadaan heteroseksual kepada homoseksual.

Perbezaan orientasi seks juga boleh dilihat daripada beberapa aspek seksual termasuk biologi seks (berkenaan dengan anatomi, fisiologi, dan ciri-ciri genetik yang dikaitkan dengan lelaki dan perempuan), identiti gender (dari sudut psikologi berkaitan perasaan sebagai lelaki, perempuan dan lain-lain) dan peranan gender dalam masyarakat (menurut perspektif budaya).

Istilah **'gay'** biasanya digunakan untuk merujuk kepada **homoseks lelaki**. Manakala, **'lesbian'** merujuk kepada **homoseks perempuan**. Namun begitu, istilah 'gay' juga diterima pakai untuk merujuk kepada keadaan homoseks sama ada lelaki atau perempuan.

Dari segi fizikal, individu 'gay' dan 'lesbian' ini sukar dikenali kecuali jika mereka mengalami kekeliruan identiti jantina sebagaimana individu transeksual. Dalam erti kata lain, seseorang 'gay' tidak semestinya 'bapok', 'lembut' dan memaparkan ciri-ciri kewanitaannya seperti golongan Mak Nyah di Malaysia. Tambahan lagi, seseorang lelaki yang *effeminate* tidak semestinya 'gay'. Begitu juga dengan 'lesbian'. Ciri-ciri 'tomboy' dan paras rupa seperti lelaki tidak dapat dijadikan sebagai kriteria pengenalan seseorang 'lesbian'.

Di kalangan masyarakat umum mahupun ahli akademik, homoseksual adalah satu contoh perlakuan abnormal yang menimbulkan kontoversi. Pada suatu ketika dahulu, hampir semua masyarakat dunia tidak menerima amalan homoseksual. Malahan sebelum tanggal 14 Disember 1973, Persatuan Psikiatri Amerika Syarikat menyenaraikan keadaan homoseksual sebagai penyakit mental yang memerlukan rawatan.

Pada dekad ke-80an, homophobia, iaitu ketakutan kepada amalan dan golongan homoseksual bertambah apabila penyakit AIDS menjelma di seluruh dunia. Sebaliknya, kini terdapat sebahagian masyarakat yang tidak lagi beranggapan bahawa amalan ini sebagai sesuatu yang pincang dan melanggar tabie sifat manusia. Tambahan pula, terdapat di beberapa tempat di dunia terutamanya di Amerika Syarikat dan Eropah, golongan homoseksualnya menubuhkan persatuan berpengaruh seperti **'lesbian',**

'gay', 'bisexsual' and 'transexsual group' (LGBT) sehinggakan muncul undang-undang untuk melindungi mereka. Sebagai contoh, perkahwinan antara 'gay' dan 'lesbian' yang dibenarkan, golongan 'gay' dan 'lesbian' tidak boleh didiskriminasikan dalam pekerjaan, pemimpin 'gay' atau 'lesbian' diterima, paderi 'gay' juga diterima dan lain-lain lagi. Dalam erti kata lain, golongan 'gay' kini telah mendapat pengiktirafan sebagai kaum minoriti yang perlu dilindungi.

Penerimaan ini mula menular dalam masyarakat kita, secara 'halus' dan 'senyap'. Terdapat laporan yang mengatakan bahawa telah wujud sekurang-kurangnya dua buah 'gay bars' dan pusat kaunseling untuk kaum 'gay' di sekitar Kuala Lumpur. Selain daripada itu, terdapat juga kaum 'gay' yang 'memasang iklan' dalam ruangan majalah dan laman-laman web.

Gejala homoseksual ini biasanya bermula di peringkat remaja. Kajian di Barat pula menunjukkan bahawa homoseksual dewasa amat sukar dipulihkan. Pengkaji Barat menyarankan agar fenomena ini ditangani sebelum seseorang remaja itu menjadi dewasa dan telah sebati dengan orientasi seks pilihannya.

Kisah Nabi Luth a.s..

Permasalahan homoseksual ini mula berlaku di zaman Nabi Luth a.s.. Kaum lelaki umatnya sudah hilang kecenderungan terhadap isteri-isteri atau perempuan tetapi mereka mempunyai 'selera' yang cukup tinggi terhadap kaum sejenis. Ini dibuktikan apabila Allah SWT telah mengutuskan para Malaikat menyerupai lelaki tampan berjumpa dengan Nabi Luth a.s.. Kaumnya berjumpa dan memohon kepada Nabi Luth a.s. supaya menyerahkan tetamunya kepada mereka untuk 'dinikmati'. Maka sudah tentu Nabi Luth a.s. tidak melayan permintaan karut dan jelik kaumnya itu. Sebagai gantinya Nabi Luth a.s. ,menawarkan anak- anak perempuannya supaya dikahwini tetapi seks songsang umatnya telah mendominasikan akal dan nafsu. Mereka menolak mentah-mentah tawaran Nabi Luth a.s.

dan cuba bertindak dengan lebih agresif. Kisah ini tercatat di dalam Surah Hud, ayat 77-81.

Akhir sekali, Allah SWT telah menurunkan azab tang pedih terhadap kaum Nabi Luth a.s. Negara mereka dihujani batu-bata tanah yang terbakar, gempa bumi dan Allah SWT menterbalikkan negeri mereka menjadi laut. Itulah kisah kaum Nabi Luth a.s. yang hancur binasa bersama kemurkaan Allah SWT. Peristiwa tersebut sewajarnya dijadikan iktibar oleh semua serta tidak mengulangi kesilapan yang serupa. Tetapi hari ini kita dapat lihat golongan homoseksual masih wujud contohnya Kepulauan Capri kini menjadi pusat bagi kegiatan homoseksual dan berbogel. Kepulauan Capri diiklankan sebagai 'syurga homoseksual'.

Faktor berlakunya homoseksual.

(i) Faktor persekitaran.

Dari pandangan ahli sains, mengatakan bahawa homoseksual boleh disebabkan genetik dan di pihak yang lain menyebut dipengaruhi faktor-faktor persekitaran. Genetik sahaja tidak dapat melahirkan individu homoseksual tanpa sokongan faktor-faktor persekitaran seperti hubungan kekeluargaan yang lemah, trauma seks di alam kanak-kanak, minat awal terhadap seks, tekanan rakan sebaya dan sebagainya.

(ii) Keluarga yang mengalami konflik dan perceraian ibu bapa.

Di Malaysia, menurut Dr. Maznah (1995) berdasarkan kepada kajian-kajian kes yang telah dilakukan mendapati bahawa individu homoseksual remaja datang daripada pelbagai latar belakang keluarga, status sosio-ekonomi dan tahap pendidikan. Bagaimanapun, lebih ramai golongan ini datang daripada keluarga yang mengalami konflik dan perceraian ibu bapa. ibu bapa yang berkonflik akan memberi contoh yang negatif mengenai alam perkahwinan dan hubungan heteroseks dan ini memberi tekanan dan mengelirukan

perasaan mereka. Akibatnya, anak-anak akan menjadi takut dan benci kepada salah seorang atau kedua-dua ibu bapa dan bertekad tidak mahu hidup seperti mereka.

Sebagai contoh, kes remaja 'lesbian' yang kelihatan seperti lelaki, keadaan takut dan benci mungkin menjadi penyebab anak remaja menolak identiti jantina mereka. Penolakan ini boleh dilihat melalui perlakuan *cross-dressing* iaitu penolakan secara terang. Keadaan yang sama boleh didapati pada golongan 'gay'.

(iii) Kurang pengawasan ibu bapa.

Kurang pengawasan ibu bapa merupakan salah satu faktor penting. Apabila ahli keluarga kurang berperanan membentuk nilai anak serta memberi kasih sayang, maka remaja 'mencari' orang luar untuk mengisi kekosongan ini. Di peringkat ini, remaja yang sememangnya suka berkawan dan suka mencuba akan mudah terpengaruh dengan ajakan rakan sebaya. Oleh itu, keadaan kesepian, tidak puas hati dengan imej fizikal sendiri dan kurang keyakinan diri merupakan antara ciri-ciri remaja 'gay' atau 'lesbian' bagi faktor ini.

(iv) Faktor masyarakat.

Selain faktor keluarga dan personaliti individu berkenaan, mastarakat dan media massa juga memainkan peranan yang penting. Masyarakat seharusnya mengambil peduli akan perkara ini dan bukannya menutup mata. Bagaimanakah seorang kanak-kanak berumur 9 atau 10 tahun mendapat bahan lucah? Mengapakah bahan lucah dan berunsur seks bebas jual di pasaran? Masyarakat seharusnya memainkan peranan dalam membasmi gejala ini daripada berleluasa. Undang-undang dan tindakan yang setimpal perlu dilaksanakan dan ini merupakan tanggungjawab ahli masyarakat sama ada kerajaan, penggubal undang-undang, pihak sekolah, persatuan penduduk atau organisasi-organisasi yang lain.

(v) Faktor media massa.

Media massa harus memainkan peranan yang positif dalam menyebarkan dan menyiarkan informasi dan hiburan. Media massa sering dilihat memainkan peranan dalam menyemarakkan perasaan berahi serta menunjukkan *role model* yang negatif. Untuk melepaskan keghairahan yang mula meningkat akibat daripada bahan yang diterima, mereka mula terdorong untuk melakukan onani dan akhirnya seks sejenis. Walaupun perlakuan seks sebegini tidak meninggalkan 'bukti' seperti kehamilan luar nikah dan pembuangan bayi, namun ia akan membuatkan individu itu 'ketagih' dan mengulangi perbuatan yang terkutuk ini. Oleh yang demikian, pihak media massa, sama ada media cetak atau media elektronik, perlu mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat agar penyebaran budaya negatif dapat dikurangkan terutamanya di kalangan kanak-kanak atau remaja.

Kesan homoseksual.

(i) Ia melemahkan dan merosakkan rangka masyarakat terutamanya kanak-kanak: Penerimaan masyarakat terhadap perbuatan hubungan sejenis akan memberikan suatu pandangan kepada kanak-kanak bahawa ianya merupakan suatu perbuatan yang baik, bermoral dan sihat.

(ii) Anti kelahiran: Zuriat hanya akan lahir melalui satu hubungan yang suci antara lelaki dan wanita. Hubungan heteroseksual menjaminkan kelangsungan hayat manusia, manakala hubungan homoseksual ini akan menyebabkan manusia pupus.

(iii) Kestabilan keluarga tidak terjamin: Kanak-kanak memerlukan sebuah keluarga yang stabil dan sempurna untuk tumbesarannya. Mereka memerlukan ibu dan bapa yang sebenar bagi memastikan

mereka membesar dalam suasana yang sihat. Secara logik, kanak-kanak memerlukan pengaruh lelaki dan perempuan dalam hidupnya.

Terdapat kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak membesar tanpa pengaruh seorang bapa yang sebenar lebih cenderung untuk terlibat dalam kegiatan yang merosakkan diri dan berakhir di penjara. Ada juga kajian yang menunjukkan bahawa kebarangkalian kanak-kanak yang membesar dalam keluarag homoseksual akan terikut dan terjebak dalam hubungan homoseksual. Ini secara tidak langsung menolak dakwaan bahawa keinginan melakukan homoseksual itu adalah semula jadi.

9.6 PENGGUGURAN

Pengguguran adalah sama seperti keguguran atau pembuangan embrio atau dari rahim yang disebabkan oleh kematiannya atau menyebabkan kematiannya.menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Kamus Dewan,2005), pengguguran ialah lahir sebelum cukup bulan (sebelum cukup atau sampai masanya). Manakala mengikut pandangan perubatan, 'cukup bulan' ialah tempoh masa kandungan berusia 24 minggu. Kandungan yang dikeluarkan sebelum tempoh masa berkenaan dikatakan pengguguran.

Pengguguran akan mengakibatkan kematian janin dan mungkin berlaku semulajadi atau disengajakan. Pengguguran semulajadi biasanya berlaku disebabkan janin tidak sihat atau mati dalam kandungan atau mungkin faktor kesihatan ibu terganggu sama ada dari segi mental atau fizikal. Menurut pendapat Ziauddin (1991) mengatakan bahawa hampir 70 peratus janin adalah gugur secara semula jadi. Pengguguran sengaja boleh dilakukan sama ada secara tradisional atau moden (klinikal).

Jenis-jenis pengguguran.

(i) **Pengguguran spontan:** adalah disebabkan oleh faktor semula jadi. Antara faktor semulajadi tersebut ialah replika kromosom yang tidak normal, faktor alam sekitar, dan trauma pada kandungan yang tidak dapat dielakkan.

(ii) **Pengguguran perubatan (terapeutik):** keguguran yang dilakukan oleh sebab perubatan. Antaranya adalah untuk menyelamatkan nyawa ibu, mengekalkan tahap kesihatan fizikal dan mental ibu, dan bagi menghalang kelahiran janin yang dikesan mempunyai kecacatan yang teruk.

(iii) **Pengguguran secara paksaan:** keguguran yang sengaja dilakukan. Lazimnya, keguguran ini dilakukan atas kehendak individu itu sendiri. Antara faktor yang menyebabkan keguguran secara paksa dilakukan ialah melewatkan kehamilan atau tidak mahu mengandung lagi, tidak mahu mengganggu kerja atau pelajaran, mengelakkan masalah kewangan dan hubungan, dan kehamilan tidak dirancang atau diingini kerana tidak menggunakan kontraseptif.

Isu berkaitan dengan pengguguran secara paksaan.

Pengguguran secara paksaan telah menimbulkan banyak perbahasan dan perhatian dalam kandungan masyarakat yang melibatkan aspek etika, akhlak, falsafah, biologi, agama dan undang-undang.

Kumpulan Memilih Pengguguran	**Kumpulan Menentang Pengguguran**
• Menyokong pengguguran kerana ia memberi kebebasan kepada wanita membuat keputusan mereka sendiri mengenai hal-hal reproduktif. • Kebanyakkan wanita menolak kenyataan bahawa keengganan	▪ Menentang pengguguran dan menganggap pengguguran adlaah zalim kerana membunuh janin yang berhak untuk hidup. ▪ Pengguguran tidak sepatutnya dihalalkan tetapi hendaklah dihentikan malah diharamkan

untuk hamil sebagai satu kesalahan yang mutlak dan mereka percaya bahawa pengguguran ialah pilihan yang bermoral dalam keadaan tertentu. • Memaksa wanita melahirkan dan membesarkan anak hasil daripada rogol ialah penderaan yang dasyat. Ibu tidak seharusnya dihukum kerana melakukans seks. Sebaliknya, bayi yang dilahirkan secara paksa juga merupakan penderaan kepada bayi berkenaan. • Peningkatan jumlah remaja dalam kegiatan seks dalam masyarakat yang kompleks sekarang turut melibatkan faktor seperti televisyen dan filem. Adalah lebih baik mereka dibantu supaya tidak menjadi ibu dalam usia yang sangat muda. • Ahli perubatan mengatakan bahawa gangguan mental di kalangan wanita tiada kaitan dengan pengguguran. • Walaubagaiamanapun, sesetengah wanita didapati berasa tertekan dan bersalah apabila menjadi ibu, terutama dari kalangan ibu muda.	sama sekali. Hal ini disebabkan hak untuk seseorang untuk hidup perlu dipertahankan. ▪ Pengguguran ialah suatu perbuatan yang tidak bermoral. ▪ Hak pengguguran tidak sepatutnya diberikan kepada mangsa rogol kerana tidak adil apabila bayi tersebut dihukum atas perbuatan seorang lelaki yang kejam. ▪ Sabaliknya, perkara yang perlu dilakukan ialah memberi rawatan perubatan segera kepada mangsa rogol supaya dapat menyelamatkan kandungannya. ▪ Wanita yang sudah berseronok-seronok dengan seks perlu membayar harga yang setimpal dan perlu bersedia menerima bebanan untuk mengandung anak berkenaan. ▪ Pengguguran akan menyebabkan masalah gangguan psikologi kepada wanita. Mereka akan menderita dengan perasaan bersalah sepanjang hayat.

Di Malaysia, pengguguran adalah salah di sisi undang-undang. Seksyen 312 (menyebabkan keguguran), Seksyen 313 (menyebabkan keguguran dengan tiada kerelaan perempuan), dan Seksyen 314 (kematian disebabkan oleh perbuatan yang dilakukan dengan niat hendak

menyebabkan keguguran) dalam Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa pengguguran ialah satu kesalahan yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun. Bagaimanapun, dalam kes yang melibatkan keselamatan nyawa ibu, pengguguran dengan nasihat doktor boleh dikecualikan daripada hukuman undang-undang.

Dari sudut agama, ada agama yang melarang tindakan pengguguran ini. Dari hukum **agama Islam** pula, pengguguran adalah salah dan haram setelah janin bernyawa, kecuali dalam keadaan darurat untuk menyelamatkan nyawa ibu. Oleh yang demikian, orang Islam tidak boleh melakukan pengguguran sewenang-wenangnya kerana perbuatan ini ialah satu jenayah terhadap makhluk bernyawa dan sempurna.

Agama Kristian, misalnya melarang pengikutnya melakukan pengguguran. Bagi agama ini, anak dalam kandungan mempunyai nilai yang sama untuk hidup seperti anak yang sudah dilahirkan. Oleh yang demikian, pengguguran dianggap sebagai pembunuhan.

9.7 PENYALAHGUNAAN DADAH

Dadah adalah bahan kimia yang dapat mengubah perasaan, daya persepsi, fikiran dan tindakan yang waras. Ia merupakan bahan sama ada dalam bentuk asli atau tiruan yang boleh mengubah struktur fungsi badan manusia.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mentakrifkan dadah sebagai bahan kimia, asli atau tiruan yang diperoleh daripada daun, getah atau pokok, apabila dimasukkan ke dalam tubuh secara dimakan, dihisap atau disuntik, boleh mngubah struktur fungsi badan manusia.

Dadah juga ditakrifkan sebagai bahan atau bahan kimia yang digunakan pada tubuh badan manusia atau haiwan untuk menyiasat, merawat, mencegah penyakit atau memperbaiki keadaan kesihatan.

Apabila ia disalahgunakan ia akan mengakibatkan ketagihan, menjejaskan kesihatan atau keruntuhan akhlak penggunanya.

Manakala, mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952, dadah berbahaya bermaksud sebarang dadah atau bahan yang termasuk dalam Jadual Pertama Akta tersebut. Berdasarkan artikel yang ditulis oleh Prof. Madya Dzulkifli Abdul Razak yang berjudul "Dadah: Senario sejagat yang membimbangkan". Dadah merupakan satu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani (fizikal), rohani (mental dan emosi), serta tingkahlaku pengguna apabila digunakan. Akibat daripada kesan ini seseorang yang menggunakan dadah akan terus bergantung hidup kepada dadah tersebut dan menyebabkan ketagihan.

Walaupun dadah dikenali umum terdiri daripada heroin, morfin dan ganja, pada hakikatnya ia merangkumi juga semua bahan yang boleh memberi kesan seperti yang dinyatakan di atas. Ini termasuk tembakau dan arak. Malah, sesetengah ubat-ubatan jika tidak digunakan mengikut peraturan dan sukatan yang betul boleh memberi kesan negatif yang sama seperti dadah.

Manakala, takrif penyalahgunaan dadah ialah penggunaan dadah yang bertujuan salah, khasnya menyebabkan gangguan kepada sistem urat saraf sehingga ke tahap bergantung kepada dadah untuk menikmati erti 'ketenangan'.

Penyalahgunaan dadah menurut pandangan Islam.

Jika diteliti, ayat-ayat Al-Qur'an atau hadith tidak ada secara khusus menyebut tentang pengharaman dadah. Walaubagaimanapun, terdapat perintah Allah SWT kepada manusia supaya tidak merosakkan dirinya. Berdasarkan firman Allah SWT:

> *"…dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan…" (Surah Al-Baqarah: 195)*

Bahkan, Islam sentiasa menggalakkan manusia mengamalkan cara hidup sihat dan makan makanan yang baik. Berdasarkan firman Allah SWT:

> *"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik". (Surah Al-Baqarah: 168)*

Ulama' bersepakat mengatakan dadah itu **haram** kerana implikasinya sama dengan arak. Ini berdasarkan firman Allah SWT, maksudnya:

> *"Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi, dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah perbuatan keji dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu berkehendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti?" (Surah Al-Maidah: 90-91)*

Merujuk ayat di atas, Allah SWT telah menjelaskan bahawa arak, judi, menyembah berhala, bertilik nasib merupakan perbuatan yang keji dan haram hukumnya. Allah SWT juga menerangkan bahawa perbuatan-perbuatan keji tersebut adalah daripada tipu daya syaitan supaya manusia akan bergaduh, berpecahbelah, dan tidak mengingati Allah SWT. Sekiranya perbuatan tersebut ditinggalkan maka orang itu akan memperolehi kejayaan.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pula, telah menetapkan bahawa sebarang penyalahgunaan dadah di sisi syarak adalah haram dan ditegah sama sekali dan dadah hanya boleh digunakan untuk tujuan perubatan yang sah mengikut syarak.

Faktor-faktor penyalahgunaan dadah.

Mengikut kajian oleh pakar-pakar perubatan yang membuat penyelidikan serta profil penagihan di Malaysia menunjukkan bahawa sebahagian besar

daripada penagih dadah adalah di dalam lingkungan umur antara 15-25 tahun yang masih bersekolah sama ada di sekolah kerajaan, swasta ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi. Antara faktor-faktor yang mendorong mereka menyalahgunakan dadah adalah kerana:

i) Ingin mengetahui dan ingin mencuba-cuba.
ii) Tidak mengetahui dengan sebenarnya bahaya setiap jenis dadah tersebut.
iii) Dipengaruhi oleh kawan-kawannya dan hendak menyesuaikan diri dengan sesuatu kumpulan yang sebaya dengannya.
iv) Mencari ketenangan jiwa kerana terlibat dengan sesuatu masalah khidupan.
v) Menghilangkan sesuatu kesusahan yang dideritai.
vi) Untuk menghilangkan kerunsingan yang berpunca daripada desakan ibu dan bapanya.
vii) Tidak menggunakan masa lapangnya dengan melakukan perkaraperkara yang memberi manfaat dan berfaedah.
viii) Terlalu mengikut darah muda.
ix) Kerana rumahtangga yang porak peranda dan tidak bahagia.
x) Tiada kemesraan yang baik di antara ibu bapa dan anak-anak.
xi) Kerana ingin berlagak dengan cara hidup yang lebih tinggi daripada yang termampu olehnya dengan cara menjadi pengedar.
xii) Kurangnya pengetahuan agama dan penghayatan nilai-nilai agama.

Kesan penyalahgunaan dadah.

(i) Kesan kepada penagih dadah.

- Menjadi hamba kepada dadah walaupun cuba bersungguh-sungguh untuk berhenti.
- Tingkahlakunya menjadi semakin buruk.
- Ketagihan iaitu penyebab kepada kesakitan dan penderitaan yang dasyat terutama jika tidak mendapat bekalan.
- Penyakit otak.

- Kekurangan zat makanan.
- Anti sosial.
- Melakukan jenayah.

(ii) **Kesan kepada keselamatan Negara:** Dadah tidak boleh dianggap sebagai satu masalah sosial sahaja kerana ianya memberi ancaman terhadap keselamatan negara. Terdapat lapan alasan konkrit yang telah dibentangkan oleh Pasukan Petugas Anti Dadah Majlis Keselamatan Malaysia pada 21 Oktober 1985. Antaranya ialah peningkatan cukup mendadak di kalangan penagih dadah dan majoritinya terdiri daripada kaum belia yang bakal mewarisi negara satu hari nanti. Selain itu juga, penyeludupan dadah merupakan salah satu daripada jenis jenayah yang terancang.

(iii) **Kesan kepada ekonomi:** Sejumlah besar wang telah dihabiskan untuk membeli dadah (penagih). Apabila jumlah penagih bertambah secara tidak langsung semua pihak iaitu masyarakat dan kerajaan terpaksa menanggung kos bebanan yang turut meningkat melalui perbelanjaan perubatan, penguatkuasaan undang-undang RM145juta setahun untuk memberi jarum, kondom, dan dadah gentian 'methadone' secara percuma kepada 1,200 orang penagih dadah untuk mengelak jangkitan baru HIV.

(iv) **Kesan ke atas keluarga.**

- Rumahtangga menjadi porak peranda.
- Kehilangan harta benda.
- Menjatuhkan serta mencemarkan nama baik.
- Menghancurkan harapan.
- Menyebabkan kematian.

(v) Kesan kepada masyarakat: Apabila sesuatu masalah menimpa sesebuah keluarga ianya juga akan menjadi masalah masyarakat dan negara. Ini kerana pembentukan negara bermula dengan keluarga. Antara kesan yang ditanggung oleh masyarakat:

- Peningkatan kes-kes jenayah seperti rompak dan bunuh.
- Perselisihan faham di kalangan anggota masyarakat.
- Melemahkan pembangunan masyarakat.

Cara mengatasi gejala dadah.

Antara pesanan yang diberikan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) kepada golongan ibu bapa sebagai membantu membanteras penyalahgunaan dadah adalah seperti berikut:

i) Memberi kasih sayang dan perhatian yang secukupnya.
ii) Meluangkan masa bersama anak-anak untuk lebih memahami masalah, kecenderungan dan minat anak-anak serta memberitahu harapan ibu bapa terhadap anak.
iii) Bimbingan dan galakan yang berterusan. Pendidikan agama perlu dititikberatkan.
iv) Tunjukkan rasa bertanggungjawab dan prihatin terhadap apa jua permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak.
v) Memberi pujian atas pencapaiannya.
vi) Memberi keyakinan kepada anak-anak bahawa ibu bapa tempat paling baik di dalam merujuk sesuatu perkara.
vii) Bersedia untuk mendengar dan memberi pendapat.
viii) Berbincang dengan cara yang terbaik, anak berhak memberi pendapatnya juga. Guna budi bicara dan bertolak ansur.
ix) Bersabar menghadapi karenah anak-anak. Setiap anak-anak mempunyai personaliti yang cukup berbeza.

Mereka yang terlibat secara langsung dalam gejala ini ialah penagih dan juga pengedar dadah. Kerajaan telah mengambil strategi untuk mengatasi gejala ini dan satu daripada langkah yang diambil ialah mengenakan hukuman berat melalui Akta Dadah Berbahaya 1952 yang telah dipinda pada tahun 1998. Malaysia adalah antara beberapa buah negara yang mengenakan hukuman berat iaitu hukuman mati mandatori ke atas individu yang bersabit dengan kesalahan dadah. Banyak juga negara lain yang mengkritik hukuman ini.

9.8 FAKTOR-FAKTOR KERUNTUHAN AKHLAK

(i) Kurangnya didikan agama dan pemantau ibu bapa.

Kurangnya asuhan dan didikan agama oleh keluarga merupakan faktor utama menyebabkan terjadinya fenomena tersebut. Ibu bapa adalah role model kepada anak-anak dalam apa jua aspek kehidupan tetapi dalam soal keagamaan dan hukum-hukum Islam, ianya seolah-olah diabaikan. Justeru, akan lahirlah generasi baru yang bertindak liar dan bersikap materialistik dan ala kebaratan.

(ii) Kerenggangan dalam keluarga.

Tugas seorang isteri di dalam urusan rumahtangga merupakan satu pekerjaan yang tidak akan tamat. Manakala, tugas seorang suami mencari rezeki juga tidak akan bernoktah. Di samping itu, diselangi pula aktiviti-aktiviti persatuan menyebabkan ibu bapa mempunyai batas ruang waktu yang begitu terhad untuk diluangkan bersama anak-anak. Masalah ini menjadi lebih buruk apabila terdapat sebahagian ibu bapa yang bersikap tidak mahu diganggu atau malas melayan karenah anak-anak apabila pulang daripada tempat kerja.

Tanpa disedari rutin harian sebegini akan menjadikan ikatan perhubungan antara suami isteri dan anak-anak menjadi semakin renggang. Hubungan kekeluargaan akan terjejas apabila jarang melakukan sesuatu aktiviti bersama-sama ahli keluarga contohnya makan bersama.

Namun begitu, faktor masa bukannya punca kepada permasalahan ini, sebaliknya apa yang perlu dititikberatkan ialah bagaimana golongan ibu bapa mengisi masa yang terluang bersama-sama itu untuk anak-anak. Sepatutnya, dengan masa yang terhad itu digunakan oleh ibu bapa sebaik mungkin untuk lebih mendekati, memahami, merangsang mental, membetulkan kesilapan, memberi tunjuk ajar, meraikan kejayaan, membantu menyelesaikan masalah, memberi nasihat, dorongan serta galakan dan tidak kurang pentingnya bergurau senda bersama isteri dan juga anak-anak. Kualiti penggunaan masa itu lebih penting daripada kuantiti masa bersama keluarga.

Selain itu, komunikasi antara individu dalam keluarga sangat penting bagi mewujudkan suasana keluarga bahagia. Komunikasi yang berkesan akan melahirkan sebuah keluarga yang di dalamnya penuh dengan kasih sayang, keharmonian dan kemesraan. Secara tidak langsung dapat mengelak dari berlakunya konflik dan kerenggangan. Aspek komunikasi ini tidak boleh dipandang remeh kerana implikasinya begitu besar sekali dalam kehidupan.

(iii) Pergaulan dan persekitaran.

Di samping itu, pengaruh suasana dan persekitaran yang begitu mendesak banyak mempengaruhi golongan remaja untuk menikmati keseronokan hidup setanding dengan remaja lain. Apa yang dapat dilihat, kebanyakkan remaja yang tinggal di bandar mempunyai kehidupan yanh individualistik dan materialistik. Oleh itu, dalam mengejar kemewahan, mereka sanggup berbuat apa sahaja tanpa

menghiraukan nama baik buruknya sesuatu perkara. Akibatnya, terjadilah kejadian mencuri, melacur, menyamun dan peras ugut untuk mendapatkan wang yang tidak akan mereka perolehi daripada ibu bapa mereka.

(iv) Individualistik.

Islam sebuah agama yang meletakkan kepentingan masyarakat mengatasi kepentingan individu. Sebagai seorang manusia sudah pastinya kita tidak boleh lari daripada memerlukan pertolongan orang lain dan juga menghulurkan pertolongan. Manusia tidak mampu untuk hidup bersendirian hatta saat kematian.

Namun begitu, sifat individualistik telah menjadi gaya hidup masa kini iaitu meletakkan kepentingan diri sendiri lebih utama berbending kepentingan masyarakat. Nilai-nilai murni seperti menghormati orang tua atau jiran, menolong mereka yang berada di dalam kesusahan, semangat gotong-royong semakin malap ditelan arus kemodenan. Kemudahan awam yang disediakan untuk kegunaan, keselesaan dan kemudahan orang ramai dirosakkan.

Ada juga yang menyalahgunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Contohnya taman-taman rekreasi, tempat ini disediakan untuk kegiatan riadah ataupun bersantai bersama ahli keluarga tetapi segelintir pasangan yang mabuk bercinta menjadikan ia sebagai tempat bermadu asmara, bercengkerama dan pelbagai lagi aksi yang pelik dan jelik. Di mana terkuburnya nilai-nilai murni yang menjadi tonggak kemegahan orang Melayu dulu yang kaya dengan budi bahasa dan adab sopan? Secara sedar atau tidak sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab bersama menjaga dan menghormati hak orang lain untuk hidup tenteram dan aman damai.

(v) Materialistik.

Materialistik ialah sikap mementingkan kebendaan. Pada masa kini, ramai manusia yang menjadi hamba kepada dunia. Wang, harta kekayaan dan kuasa menjadi matlamat utama di dalam membina kehidupan yang sempurna. Pendek kata, manusia yang 'bertuhankan' harta benda. Cara mendapatkan dan membelanjakan harta kekayaan tersebut pula tidak dipedulikan lagi sama ada halal atau haram, melanggar hak orang lain, zalim atau sebagainya.

Kesempurnaan hidup hanya diukur dari aspek berapa banyak aset yang telah diperolehi. Tiada erti kepuasan di dalam mengejar kebendaan. Orang kaya akan berusaha untuk menjadi lebih kaya dan kaya. Orang miskin pula berangan-angan untuk menjadi kaya.

Islam telah menetapkan bahawa setiap kegiatan seperti ekonomi, politik, dan sosial yang dilakukan perlu bermatlamatkan mencari keredhaan Allah SWT. Matlamat ini akan menghalang manusia daripada memperoleh harta dengan jalan yang salah dan sekaligus membawa kejayaan bukan sahaja di dunia malah hingga ke akhirat.

Di samping itu, umat Islam perlu bijak mengatur kehidupan supaya wujud keseimbangan di dalam aspek dunia dan akhirat. Islam tidak pernah menghalang umatnya berusaha keras untuk mendapatkan kehidupan yang selesa di muka bumi ini.

Berdasarkan firman Allah SWT, maksudnya:

> *"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu (ke masjid) untuk mengingati Allah dan tinggalkanlah jual-beli; yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui. Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi, dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam*

segala keadaan), supaya kamu berjaya di dunia dan di akhirat". (Surah Al-Jumu'ah: 9-10)

Ayat di atas menerangkan bahawa, apabila diseru untuk menunaikan sembahyang maka sebaiknya ialah ditinggalkan segala urusan keduaniaan kerana keuntungan pada hari akhirat adalah jauh lebih baik daripada keuntungan di dunia. Selepas daripada menunaikan hak Allah SWT itu disuruh pula orang beriman meneruskan kegiatan mencari rezeki di serata pelusuk bumi. Bukanlah satu kesalahan menjadi orang yang kaya di dalam Islam asalkan orang itu bertaqwa iaitu tahu bagaimana cara mendapatkan harta dengan jalan yang halal bahkan membelanjakan harta yang diperolehinya ke jalan yang diredhai Allah SWT. Setiap umat Islam perlu menjana kekuatan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan negara supaya dihormati oleh bangsa-bangsa lain. Islam juga melarang keras umatnya menjadi manusia yang malas berusaha dan hidup di dalam kemiskinan. Ini kerana kemiskinan akan menjerumuskan manusia ke arah kekufuran.

(vi) Media massa.

Media massa juga memainkan peranan dalam membentuk perlakuan seseorang remaja. Remaja merupakan golongan yang mudah dipengaruhi, contohnya melalui filem-filem yang ditayangkan mempunyai pengaruh yang cukup besar terhadap remaja. Filem dan drama tempatan yang dihasilkan mengikut filem Barat menggambarkan seolah-olah kehidupan rakyat negara ini dengan masyarakat Barat mempunyai banyak persamaan. Ini menyebabkan remaja mudah terpengaruh kerana beranggapan bahawa gaya hidup remaja barat yang lebih menjurus kepada perlakuan liar dan tidak menghormati orang tua itu tidak salah dari segi agama dan budaya Malaysia.

(vii) Penyalahgunaan teknologi.

Perkembangan teknologi moden seperti komputer dan video juga memudahkan remaja mudah mendapat hiburan yang tidak sesuai dengan jiwa mereka. Mereka boleh memperoleh maklumat berhubung bahan-bahan lucah melalui internet, cakera padat dan video yang tidak ditapis di pasaran gelap atau rakan-rakan.

(viii) Pembukaan pusat-pusat hiburan.

Pembukaan pusat-pusat hiburan juga memainkan faktor penting dalam menjerumuskan remaja ke lembah maksiat seperti menjadi GRO, penagih dadah dan pil ecstacy. Mereka berbuat demikian hanyalah untuk bersuka ria bersama rakan-rakan mereka.

9.9 KAEDAH MENGATASI MASALAH KERUNTUHAN AKHLAK

Di dalam menangani permasalahan remaja ini, adalah tidak wajar untuk kita meyalahkan mana-mana pihak secara 'total'. Oleh yang demikian, seluruh masyarakat tidak kira sesiapa pun haruslah memainkan peranan dalam memastikan remaja masa kini memiliki nilai akhlak dan moral yang terpuji, bertanggungjawab dan berdedikasi.

(i) Peranan ibu bapa.

Zaman remaja adalah zaman yang penuh dengan pancaroba. Maka, ibu bapalah seharusnya memahami keadaan ini dan menyesuaikan diri dengan pengaruh emosi dalam diri anak mereka. Dengan memahami anak remaja, ibu bapa dapat mewujudkan hubungan mesra dengan anak. Hubungan mesra inilah berperanan dalam mewujudkan sebuah keluarga bahagia seterusnya mewujudkan masyarakat penyayang seperti yang dihasratkan oleh Wawasan 2020.

Dalam mendidik anak-anak, pendidikan agama tidak seharusnya diabaikan kerana majoriti daripada keruntuhan akhlak dan moral yang berlaku ini adalah disebabkan kurangnya didikan agama yang diberikan oleh ibu bapa. Ibu bapa hendaklah menjadi contoh kepada anak-anak dengan menampilkan perlakuan yang terpuji.

Didikan agama dan duniawi yang seimbang boleh menjadi pedoman dalam hidup mereka agar mereka dapat menilai baik buruk sesuatu perkara yang akan mereka lakukan. Ibu bapa juga perlu tegas tetapi jangan terlalu mengongkong kerana anak-anak remaja secara mutlaknya bersifat memberontak.

(ii) Peranan guru.

Guru hendaklah menekankan nilai-nilai murni dalam pengajaran supaya pelajar-pelajar dapat diasuh dan dibimbing ke arah keperibadian tinggi dan mempunyai sifat-sifat mulia. Malahan di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ditekankan perkara ini di mana nilai-nilai murni hendaklah diserapkan dalam setiap matapelajaran dalam sesi pengajaran. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab guru untuk mempraktikkannya, supaya dengan cara ini pelajar-pelajar di sekolah bukan sahaja mendapat ilmu pengetahuan tetapi juga menjadi seorang yang tinggi moralnya.

(iii) Peranan masyarakat.

Masyarakat yang bertindak sebagai pemerhati harus peka dalam memberikan nasihat yang sepatutnya kepada remaja kita yang bertindak liar. Malah, Islam telah menegaskan bahawa umat Islam adalah bersaudara dan kita patut menegur saudara seagama kita demi menjaga kebajikan dan memelihara martabat Islam di kaca mata masyarakat lain di negara ini. Sikap individualistik yang ada pada diri kita perlulah dihapuskan, dan sikap penyayang perlu ditanamkan dalam diri setiap anggota masyarakat Melayu.

(iv) Peranan media massa.

Pihak media haruslah memainkan peranannya, baik media cetak atau elektronik hendaklah bekerjasama membanteras masalah ini. Akhbar dan majalah hendaklah memperbanyakkan bahan-bahan yang lebih bercorak ilmiah. Begitu juga dengan televisyen hendaklah lebih banyak menayangkan filem-filem yang boleh merangsang pembinaan insan yang baik. Ini penting kerana televisyen mempunyai pengaruh yang kuat dalam diri remaja. Sifat remaja yang mudah meniru sesuatu akan dapat dibentuk dengan baik sekiranya ada kerjasama daripada pihak media massa.

(v) Peranan remaja sendiri.

Mereka perlulah mengubah pandangan dan sikap mereka sendiri, supaya lebih prihatin dan dapat menyesuaikan diri dengan nilai dan norma yang ditetapkan oleh Islam. kebebasan tetap ada tetapi mereka harus pandai menyesuaikannya dengan situasi.

Islam tidak melarang umatnya berseronok tetapi biarlah atas landasan tertentu serta tidak memudaratkan diri dan nama baik Islam itu sendiri. Mereka hendaklah mempunyai rasa keinsafan yang tinggi dan membuat pertimbangan yang rasional kerana mereka bukan lagi anak kecil yang segalanya perlu ditunjuk ajar. Remaja hendaklah sedar tanggungjawab mereka, terutamanya sebagai seorang pelajar yang seharusnya menggunakan masa mereka untuk mentelaah pelajaran dan bukannya terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang boleh merosakkan masa depan mereka.

9.10 IMPLIKASI KERUNTUHAN AKHLAK

(i) Diri sendiri.

Pergaulan bebas anak-anak remaja juga memberi kesan yang buruk ke atas diri mereka sendiri. Apabila terlampau bebas, mereka sudah tidak segan silu lagi untuk melakukan perhubungan rambang dan penzinaan, yang akhirnya membawa musibah kepada diri sendiri, terutama kepada si gadis, apalagi sekiranya si pemuda tidak mahu bertanggungjawab. Si gadis yang hamil atau melahirkan anak luar nikah akan hilang punca dan tanpa berfikir panjang, mungkin akan mengambil tindakan mudah dengan menggugur anak atau membuang serta membunuh bayi mereka sendiri.

Mungkin juga disebabkan rasa malu, mereka akan membunuh diri mereka sendiri dan hilanglah sifat-sifat kemanusiaan dalam diri mereka. Senario ini banyak berlaku di negara kita dan ini amat menyedihkan kerana golongan muda inilah yang diharapkan agar memajukan masyarakat. Sekiranya keadaan ini berterusan, maka masyarakat kita akan mundur, dan negara luar tidak lagi menghormati negara kita. Negara yang membangun tetapi mempunyai penduduk yang rosak akhlak tidak akan dipandang tinggi oleh sesiapa pun, malah akan dihina dan tidak dihormati.

(ii) Sosial.

Remaja merupakan generasi yang menjadi harapan untuk membangun dan mengharmonikan masyarakat pada masa akan dating. Tetapi malangnya apa yang telah kita lihat kini, kebanyakkan remaja sudah tidak boleh mengawal diri mereka sendiri lagi, dan ini menjadi ancaman kepada masyarakat itu sendiri. Sekiranya masalah remaja ini tidak dibendung, maka lambat laun ia akan menyebabkan masyarakat

menjadi huru hara. Banyak kes dan fenomena yang tidak diingini akan terjadi seperti berleluasanya kegiatan mencuri, menagih dan mengedar dadah, pembunuhan, samun, rogol dan seumpamanya lagi. Sekiranya ini berlaku, bagaimana masyarakat akan dapat hidup aman dan damai, sudah tentu masyarakat akan sentiasa berada dalam ketakutan memandangkan remaja kini semakin agresif dan sudah hilang nilai-nilai etika dan moralnya. Ibu bapa sendiri sudah tidak mampu mengawal anak mereka lalu membiarkan sahaja anak mereka, dan ini memberi kebebasan kepada si anak untuk melakukan apa yang mereka suka mengikut kehendaknya sendiri.

(iii) Politik dan negara.

Ia juga memberi implikasi yang negatif kepada politik seterusnya negara kita sendiri. Remaja adalah aset negara yang penting, tetapi di kala muda ini, mereka telah menunjukkan perlakuan yang tidak menyenangkan. Oleh itu, bagaimana sesebuah negara itu akan mencapai kemajuan? Kemajuan sesebuah negara hendaklah terdiri daripada orang yang boleh dipercayai serta disanjungi rakyat. Tetapi, jika dilihat pada keadaan sekarang, golongan remaja begitu mudah dipengaruhi oleh gejala-gejala yang tidak sihat, ini sedikit sebanyak boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara. Justeru, politik negara juga berada dalam ancaman tambahan pula apabila memandangkan kejadian jenayah yang melibatkan golongan remaja begitu berleluasa. Sekiranya masalah ini tidak dibendung dari awal, ia akan menggugat kestabilan politik dan negara itu sendiri.

(iv) Ekonomi.

Gejala sosial juga memberi kesan yang agak besar kepada kestabilan ekonomi negara. ini Memandangkan apabila masalah sosial berleluasa berlaku, para pelabur dari luar merasa tidak selamat untuk melabur di Malaysia. Ianya berkait rapat dengan keadaan sosial dan politik negara,

apabila negara mempunyai imej yang buruk di mata negara lain, maka ia memberi kesan juga kepada penduduknya. Pelabur yang ingin mendapatkan keuntungan tidak akan mengambil risiko untuk melabur di negara yang bermasalah, malah mereka akan menghentikan pelaburan mereka serta berpaling kepada negara yang lebih stabil keadaan sosial dan politiknya.

ACTIVITY

Bincangkan implikasi penagihan dadah dalam masyarakat.

KATA KUNCI

akhlak	**implikasi**
dadah	**Keganasan domestik**
bersekedudukan	**pengguguran**
Sumbang mahram	**Pergaulan bebas**
homoseksual	**zina**

KESIMPULAN

Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada kita untuk dijadikan satu contoh yang terbaik dalam kehidupan. Akhlak baginda adalah bukti bagi melahirkan generasi manusia yang beradab, berakhlak mulia dan memiliki keperibadian yang tinggi.

RUJUKAN

Mohd. Marzuki Ali & Maliki Mustafa (2011), *Pengantar Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Koperasi Kolej Poly-Tech MARA KL Bhd.,hlm. 229.